

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KEDUA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 42**

**Selasa**

**4 November 2014**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2015 (Halaman 25)

**USUL-USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada  
Peraturan Mesyuarat (Halaman 25)

Usul Anggaran Pembangunan 2015 (Halaman 25)

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KEDUA**  
**MESYUARAT KETIGA**

**Selasa, 4 November 2014**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)*  
*mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]** minta Perdana Menteri menyatakan perbezaan antara Jabatan Bantuan Guaman Kebangsaan dan Yayasan Bantuan dan adakah kedua-dua institusi ini boleh digantikan oleh satu institusi yang boleh memainkan peranan kedua-dua institusi ini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Masjid Tanah atas soalan ini. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Bantuan Guaman ataupun JBG atau dahulunya dikenali sebagai Biro Bantuan Guaman, merupakan suatu jabatan di bawah Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri. JBG telah ditubuhkan pada September tahun 1970 melalui Ordinan No.39 (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat 1970. Objektif penubuhan JBG pada waktu itu adalah untuk memberi nasihat dan bantuan guaman kepada golongan yang kurang berkemampuan dalam kes kekeluargaan. Ordinan tersebut telah dimansuhkan oleh Akta Bantuan Guaman 1971 iaitu Akta 26 pada 30 April 1971.

Tuan Yang di-Pertua, pada amnya, peranan JGB di bawah Akta 26 ialah memberi khidmat nasihat bantuan guaman dalam kes jenayah dan tindakan sivil serta menyediakan khidmat pengantaraan kepada golongan yang kurang berkemampuan. Selain itu, jabatan ini juga memberi penerangan serta kesedaran undang-undang kepada masyarakat tentang hak mereka di sisi undang-undang.

Manakala Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan ataupun kita sebut sebagai YBGK, merupakan syarikat berhad menurut jaminan yang telah diperbadankan atau dengan izin, *company limited by guarantee* di bawah Akta Syarikat 1965 pada 25 Januari 2011 dengan tujuan untuk memberi khidmat nasihat dan bantuan guaman secara percuma dalam perkara jenayah sahaja.

Pada amnya Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara jenayah, JBG dan YBGK memberi perkhidmatan yang hampir sama iaitu khidmat nasihat dan bantuan guaman kepada golongan

yang kurang berkemampuan. Walau bagaimanapun, terdapat sedikit perbezaan daripada segi bidang kuasa dan kumpulan sasaran kedua-dua entiti ini.

Bagi bidang kuasa Jenayah JBG, ianya meliputi pengendalian prosiding yang melibatkan tertuduh yang tidak diwakili oleh peguam yang mengaku salah kepada pertuduhan dan ingin membuat rayuan untuk meringankan hukuman berkenaan dengannya atau dengan izin, *premitigation*, prosiding jenayah di bawah Akta Kanak-kanak 2001 dan di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Kecil 1955.

JBG menawarkan khidmat bantuan guaman dengan bayaran fi pendaftaran berdasarkan sumber kewangan pemohon. Bagi pemohon yang memiliki sumber kewangan yang tidak melebihi RM25,000 setahun, pemohon itu dikenakan bayaran *fee* pendaftaran RM2 sahaja. Pemohon yang memiliki sumber kewangan yang melebihi RM25,000 tetapi tidak melebihi RM30,000 setahun dikenakan bayaran fi pendaftaran RM2 dan bayaran sumbangan sebanyak RM300.

Sementara itu, YBGK pula menyediakan khidmat nasihat dan bantuan guaman secara percuma dalam perkara jenayah termasuk jenayah syariah kepada warganegara Malaysia yang bermula daripada peringkat tangkapan, reman, pertuduhan dan permohonan ikat jamin. Ujian kemampuan hanya akan dijalankan untuk menentukan kelayakan orang yang akan menerima bantuan guaman di peringkat perbicaraan dan rayuan di mahkamah iaitu bagi mereka yang berpendapatan tidak melebihi RM36,000 setahun. YBGK tidak menyediakan bantuan guaman bagi kesalahan yang membawa hukuman mati kerana Mahkamah Tinggi akan menyediakan perkhidmatan guaman yang dilantiknya ataupun dengan izin, *assigned counsel* kepada tertuduh dalam kes sedemikian.

Bagi menjawab bahagian kedua pertanyaan Yang Berhormat Masjid Tanah ini, persoalan mengenai kewujudan sebuah institusi baru untuk menggantikan kedua-dua institusi ini tidak timbul memandangkan penubuhan Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan merupakan pelengkap kepada perkhidmatan bantuan guaman yang diberikan oleh Jabatan Bantuan Guaman. YBGK bukanlah sebuah agensi kerajaan, sebaliknya ia merupakan suatu entiti berbentuk syarikat khairat yang bebas dan berkecuali dalam melaksanakan tugas dan fungsi memberi khidmat nasihat dan bantuan guaman berhubung dengan prosiding jenayah kepada golongan yang tidak berkemampuan.

Terima kasih.

**Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan itu tadi. Soalan tambahan saya, apakah cara untuk peguam-peguam di luar sana untuk memberi perkhidmatan mereka kepada YBGK dan juga Jabatan Bantuan Guaman kerana kita melihat ini adalah merupakan platform yang terbaik untuk kita melatih peguam-peguam muda yang baru, dengan izin, *a call to the bar*, untuk mereka melatih skil mereka di kedua-dua tempat ini.

**■1010**

Soalan saya yang kedua, apakah kes-kes biasa yang boleh dikendalikan oleh kedua-dua agensi ini kerana kita melihat contohnya kes tanah pusaka yang mana terdapat rungutan yang kita terima daripada orang kampung apabila melibatkan tanah pusaka mereka telah dimanipulasikan oleh peguam sehingga mengenakan caj yang tinggi kepada mereka dan ini amat sukar buat orang kampung kerana mereka tidak ada tunai. Yang mereka ada hanyalah tanah dan apabila hendak melangsaikan hutang mereka, mereka terpaksa menjual tanah mereka. Ini sikap tanggungjawablah, itu berlandaskan sikap tanggungjawab dan juga amalan sebagai seorang peguam.

Saya ingin mengucapkan syabas dan terima kasih juga kepada mana-mana pihak yang telah pun banyak mengendalikan contohnya di Fakulti Undang-undang, UKM, adanya klinik guaman. Begitu juga dengan Pembela Negeri Melaka yang ada menyediakan barisan peguam-peguam untuk membantu rakyat dan juga masyarakat di negeri Melaka dan sesungguhnya usaha ini adalah amat baik. Cuma kita berharap dan saya juga mendapat harapan, menerima pesanan daripada sahabat-sahabat peguam saya di luar sana yang menyatakan sama ada YBGK, Jabatan Guaman, klinik guaman dan sebagainya, apa pun hendaklah dilakukan yang terbaik untuk rakyat kerana apa pun mereka datang kepada YBGK, Jabatan Guaman adalah untuk mendapat bantuan. Nama pun bantuan, jadi kita berilah bantuan yang sebaiknya. Terima kasih.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Masjid Tanah di atas semangat yang begitu jitu sekali untuk membantu masyarakat. Dalam hal ini kalau hendak tahu bagaimana seseorang peguam itu boleh menawarkan khidmat mereka kepada YBGK. Pertama, syaratnya perlu ada berkhidmat dengan sebuah firma guaman, ianya swasta iaitu *attach with legal firm*, dengan izin. Perlu juga menghadiri kursus yang diadakan oleh YBGK bersama dengan Majlis Peguam serta Persatuan Peguam Syarie Malaysia. Mereka semuanya perlu dilatih dahulu. Sekiranya perlu maklumat lanjut, bolehlah layari laman web [www.ybgk.org.my](http://www.ybgk.org.my)

Untuk memberi khidmat kepada JBG pula, seseorang peguam itu untuk menjadi panelnya perlu sedang berkhidmat juga dengan sebuah firma guaman seperti mana juga dengan YBGK tadi dan perlu memiliki Sijil Amalan Guaman ataupun *practicing certificate* yang terkini. Bagi peguam syarie pula, perlu mempunyai watakah pelantikan mengikut negeri. Jadi permohonan untuk menjadi peguam panel JBG boleh dibuat secara *online* melalui laman web [www.jbg.gov.my](http://www.jbg.gov.my)

Dari segi bidang kuasa JBG pula, bidang kuasa Jabatan Bantuan Guaman adalah seperti berikut; dari segi kes kekeluargaan sivil ada tuntutan nafkah, perubahan perintah nafkah, menguatkuasakan perintah nafkah, tuntutan cerai, hak penjagaan, hak harta perkahwinan. Dari segi kes sivil pula, permohonan anak angkat, harta pusaka kecil, tadi saya rasa Yang Berhormat menyentuh mengenai tanah. Jadi permohonan kaveat dan surat mentadbir pusaka, penanaman

padi, penanaman padi ini khusus kepada kawasan-kawasan tertentu terutama sekali di Kedah kalau saya tidak silap ada kes-kes yang berkenaan dengan penanaman padi.

Juga melibatkan tuntutan kemalangan jalan raya, pinjaman wang, sewaan-sewaan sewa beli, tuntutan pengguna. Kita juga ada mengenai tuntutan dari segi kes syariah, kita ada ganti rugi pertunangan, tuntutan nafkah, perubahan perintah nafkah, menguatkuasakan perintah nafkah, tuntutan cerai, hak penjagaan, harga sepencarian, mutaah, hutang perkahwinan, hibah, wasiat dan juga yang kes-kes faraid termasuklah kes-kes tuntutan dari segi tanah. Itu melibatkan keluarga juga. Terima kasih.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Menteri, apakah rasional kerajaan mengadakan badan-badan selari ini, *parallel bodies* dalam hal Bantuan Guaman Kebangsaan. Ini kerana saya dapati bukan sahaja sebagai seorang Ahli Kabinet mungkin boleh memberitahu rakyat bukan sahaja dari badan selari yayasan bantuan ini, saya juga dapati kerajaan dalam banyak isu lain ada badan-badan ataupun kementerian yang selari. Katakan Jabatan Perdana Menteri sekarang kalau kita kira Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri, kita ada sepuluh orang Menteri.

Dalam jawapan semalam oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, saya mohon supaya dinaikkan peruntukan untuk Jabatan Kebajikan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat diberitahu bahawa Jabatan Perdana Menteri juga ada memberikan bantuan kebajikan kepada rakyat.

Jadi rakyat keliru. Begitu juga kita ada Menteri Pengangkutan tetapi SPAD di bawah Jabatan Perdana Menteri lah yang ada kuasa mengendalikan semua pengangkutan awam darat. Jadi rakyat terkeliru mana satu badan yang patut melaksanakan semua tugas ini. Bagi saya, *duplication* kebiasaannya akan juga menambah kos pentadbiran. Kalau boleh beritahu rasional adanya dua badan ini.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat yang bertanya. Sebenarnya soalan ini agak lari daripada soalan yang saya kendalikan pada pagi ini. Namun begitu apa yang saya boleh bantu jawab, saya jawab. Mengenai JBG dan YBGK ini sudah khususnya memang kita telah nyatakan tadi bidang kuasa jenayah JBG tidak ada orang lain yang buat. Cuma kita bekerjasama dengan pihak *Bar Council* dan juga Persatuan Peguam Syarie Malaysia, begitu juga dengan YBGK.

Ini khas kepada membantu mereka dalam memerlukan khidmat undang-undang atau khidmat guaman untuk membantu mereka dan kita beri kriteria juga. Berapa banyak dari segi perolehan setahun, kalau RM25,000 ke bawah, dia bayar fi RM2 dan antara RM25,000 ke RM30,000 iaitu untuk JBG kita telah tetapkan RM2 fi dan juga RM300 bayaran sumbangannya. YBGK pula khusus sebagai pelengkap kepada JBG kerana YBGK hanya khusus kepada kes-kes jenayah.

Dalam hal lain Yang Berhormat tanya tadi fasal kebajikan, itu bukan dalam bidang saya. Namun kalau kes kebajikan, kalau mereka tidak mempunyai peguam untuk membantu mereka sekiranya memerlukan khidmat guaman, maka di situlah JBG akan memainkan peranan. Yang

satu tadi saya rasa itu pun bukan dalam bidang saya untuk menjawab Yang Berhormat ya. Terima kasih.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Soalan saya ialah kenapa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Saya hendak penjelasan. Kenapa kes-kes jenayah ini tidak ditadbir di bawah Jabatan Bantuan Guaman Kebangsaan. Soalan saya ialah, dia lari, dia tidak jawab. Soalan saya ialah kenapa kes-kes bantuan jenayah tidak ditadbir di bawah Jabatan Bantuan Guaman Kebangsaan, lebih jelas dan rakyat tidak keliru, itu soalan saya. Kenapa?

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Sudah dijawab Yang Berhormat.

2. **Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah dana yang telah digunakan bagi membiayai bantuan kematian ahli KWSP semenjak KWSP ditubuhkan; dan
- (b) jumlah ahli yang telah mendapat faedah daripadanya berbanding jumlah kematian keseluruhan ahli KWSP yang berumur di bawah 55 tahun.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jumlah bantuan kematian yang telah dibayar kepada waris ahli atau penama bagi tempoh 1984 hingga 2013 yang memenuhi syarat-syarat permohonan adalah sebanyak RM1.18 bilion. Bagi tempoh dari tahun 2007 sehingga kini, Oktober 2014 seramai 125,277 orang ahli telah meninggal dunia. Daripada jumlah tersebut, seramai 119,065 orang ahli telah menerima bantuan kematian manakala seramai 6,212 orang ahli tidak menerima bantuan kematian. Antara sebab-sebab bantuan kematian tidak dapat disalurkan adalah kerana:

- (i) permohonan pengeluaran bantuan melebihi enam bulan dari tarikh kematian;

■1020

- (ii) baki simpanan ahli adalah sifar semasa permohonan kematian dibuat; dan
- (iii) kelayakan waris sebagai penama yang tidak memenuhi syarat.

Terima kasih.

**Dato' Kamarul Baharin Abbas [Telok Kemang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan jawapan ini. Bantuan pengeluaran kematian ini bukan boleh dirancang dan kalau ikut syarat-syaratnya sama seperti mana pengeluaran-pengeluaran kemudahan yang lain. Saya menghadapi masalah dalam hal apabila ada kematian yang pewaris tidak dapat mengeluarkan bantuan kematian ini oleh kerana syarat-syarat yang telah ditentukan dan juga untuk mendapatkan bantuan ini dalam masa jangka yang diperlukan.

Dalam syarat KWSP ini boleh dibuat dalam masa dua bulan tapi dalam masa dua bulan itu masalah waris-waris ini sudah tidak ada lagi. Maka perlulah kita mengkaji semula kaedah syarat-syarat berkenaan dengan kematian khususnya kepada mereka yang di bawah 55 tahun kerana mungkin si mati ialah punca pendapatan keluarga dan sesudah dia mati keluarga tidak mempunyai pendapatan yang lain dan untuk menguruskan kematian sekarang ini bukanlah satu perkara mudah yang memerlukan perbelanjaan seperti mana yang kita hadapi sekarang.

Jadi saya harap persoalan apakah KWSP mempertimbangkan syarat-syarat bantuan kematian ini sebagai satu usaha untuk supaya pewaris si mati ini tidak menghadapi masalah apabila penama atau si mati ini ialah punca pendapatan keluarga itu. Terima kasih.

**Datuk Chua Tee Yong [Labis]:** Terima kasih Ahli Parlimen dari Telok Kemang atas soalan tambahan. Sebenarnya bantuan kematian ini merupakan bayaran sagu hati dari KWSP sebagai tanda simpati untuk membantu menguruskan pengebumian ahli dan mengurangkan beban kewangan orang tanggungan ahli yang ditimpa musibah ini.

Di sini saya ingin memperjelaskan syarat-syarat dari segi permohonan untuk bantuan kewangan. Walaupun maklumat ini sebenarnya ditera atau tertera di dalam laman web KWSP dan juga terdapat di dalam risalah KWSP di cawangan-cawangan KWSP.

- (i) sebenarnya dari segi syarat-syarat ini adalah untuk ahli yang meninggal dunia mestilah seorang warganegara Malaysia. Itu pertama. Atau bertaraf penduduk tetap;
- (ii) ahli yang meninggal dunia dia mesti sebelum mencapai umur 55 tahun. Bukan 55 tahun ke atas. Dia kena sebelum 55 tahun;
- (iii) permohonan diterima dalam tempoh enam bulan, bukan dua bulan dari tarikh kematian ahli; dan
- (iv) bantuan adalah sebanyak RM2,500 akan dibayar sekali sahaja mengikut budi bicara KWSP kepada mana-mana orang tanggungan ahli.

Dari segi KPI mereka, mereka mempunyai KPI sebenarnya untuk dari segi kalau semua dokumen lengkap dia mempunyai KPI ditambah 21 hari tetapi saya difahamkan daripada pegawai-pegawai memang mereka mengusahakan supaya wang itu dapat disampaikan secepat mungkin dalam 17 hari. Akan tetapi yang saya dengar daripada Ahli Parlimen Telok Kemang terdapat isu-isu yang dihadapi. Kalau mungkin terdapat isu-isu spesifik kita boleh melihat sama ada mungkin dari segi permohonan terdapat masalah dan yang penting juga dalam kriteria ahli mesti masih mempunyai simpanan semasa permohonan pengeluaran dibuat. Kalau dalam akaunnya adalah sifar maka dia tidak layak untuk memohon bantuan kematian. Terima kasih.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya kita berterima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional melalui KWSP ada memberi bantuan kematian ini tetapi saya ada beberapa kemusykilan yang saya rasa perlu diperjelaskan kepada mereka yang menyimpan di dalam KWSP ini yang kita tahu melibatkan pekerja-pekerja daripada swasta.

Apakah jenis usaha yang telah dilakukan oleh pihak KWSP untuk memastikan bahawa ahli-ahli KWSP yang masih mempunyai simpanan ini terdedah atau maklum kepada bantuan yang diberikan oleh KWSP ini kepada mereka kerana saya sendiri mendapat banyak kes aduan mereka tidak maklum tentang perkara ini. Jadi kebetulan saya tahu saya beritahu mereka. Jadi kita mintalah ini melalui penyata yang dikeluarkan mungkin boleh ditulis di bawah penyata itu. Secara tidak langsung itu ialah satu cara yang saya kira efektif kepada ahli-ahli yang masih mempunyai simpanan untuk mereka tahu tentang faedah ini. Terima kasih.

**Datuk Chua Tee Yong [Labis]:** Terima kasih Yang Berhormat dari Pasir Gudang atas soalan tambahan itu. Sebenarnya dari segi pemberitahuan maklumat mengenai faedah-faedah yang ada di bawah KWSP mereka menggunakan pelbagai cara. Nombor satu, dari segi cawangan kita melihat memang dia mempunyai risalah-risalah yang boleh diambil secara percuma. Itu nombor satu.

Nombor dua di laman web pun tertera mengenai faedah-faedah tersebut tetapi yang kita juga melihat walaupun kita memberi maklumat melalui risalah, laman web dan sebagainya satu isu pokok utama yang masih tidak dapat kita melihat terdapat boleh dikatakan keputusan yang lebih memuaskan adalah dari segi membuat penamaan atas ahli-ahli KWSP. Sehingga sekarang 70% daripada ahli KWSP tidak mempunyai penama atau surat kuasa dari segi apabila jika mereka meninggal dunia.

Maka dari segi inisiatif untuk bantuan kematian ini baru-baru ini KWSP juga telah mengeluarkan keputusan untuk memastikan pegawai-pegawai yang ada di setiap cawangan itu harus memberitahu mereka yang mengeluarkan dana daripada KWSP untuk mereka yang telah meninggal dunia memberitahu bahawa terdapat bantuan kematian ini dan jikalau mereka adalah mengikut syarat tersebut mereka b;h memohon dengan bantuan daripada pegawai KWSP. Sekian, terima kasih.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. soalan tambahan saya ialah berkaitan dengan umur. Sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi maknanya yang kematian mesti berumur bawah daripada 55 tahun. Jadi selaras dengan kenaikan umur persaraan pekerja-pekerja kita sehingga 60 tahun saya kira adalah baik untuk kerajaan mempertimbangkan umur kematian itu di bawah 60 tahun bukan 55 tahun. Jadi minta penjelasan.

**Datuk Chua Tee Yong [Labis]:** Terima kasih atas soalan tambahan. Nombor satu dari segi umur untuk persaraan memang ditingkatkan hingga 60 tahun tetapi kalau kita lihat dari segi pengeluaran dana KWSP dia masih kekal pada tahun 55 dan diberi opsyen untuk 55 atau 60. Maka dari segi cadangan Yang Berhormat tersebut sebenarnya tujuan kita mengadakan KWSP adalah untuk menyediakan faedah persaraan kepada ahlinya dan bantuan kematian ini sebenarnya adalah sebagai sagu hati atau tanda simpati. Maka dari segi peningkatan umur ini kita perlu mengkaji lagi kerana kita perlu konsisten kerana pada masa sekarang dana pun masih kekal pada 55 tahun. Sekian, terima kasih.



3. **Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]** minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah tindakan dan jenis tindakan yang telah diambil ke atas kakitangan kerajaan yang telah melakukan kesalahan-kesalahan seperti dilaporkan oleh Ketua Audit Negara.

■1030

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kepada Yang Berhormat Pendang yang bertanyakan soalan ini, untuk makluman Yang Berhormat, bagi Laporan Ketua Audit Negara 2012 dan 2013, siri 1 dan siri 2, sehingga 3 Oktober 2014, seramai 225 orang pegawai telah dikenal pasti di bawah tindakan punitif yang melibatkan urusan tatatertib dan atau surcaj. Dari jumlah tersebut, Lembaga Tatatertib berkenaan telah memutuskan 81 orang pegawai didapati bersalah dan 20 orang pegawai didapati tidak bersalah. Hukuman yang dijatuhkan terhadap pegawai yang didapati bersalah adalah seperti berikut:

- (i) seorang pegawai telah dibuang pekerja;
- (ii) 29 orang pegawai dikenakan surcaj;
- (iii) 12 orang pegawai dikenakan surcaj dan amaran dengan nilai keseluruhan berjumlah RM86,767.85;
- (iv) surcaj dikutip secara terus dari pegawai melalui pemotongan emolumen. Hukuman amaran menyebabkan pegawai berkenaan tidak akan ditimbang kenaikan pangkat bagi tempoh 12 bulan;
- (v) seorang pegawai dijatuhkan dua hukuman serentak iaitu hukuman amaran dan tangguhkan pergerakan gaji. Penangguhan pergerakan gaji sehingga maksimum 12 bulan dan tidak dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 30 bulan;
- (vi) dua orang pegawai dijatuhkan hukuman tangguh pergerakan gaji yang membawa kepada penangguhan maksimum 12 bulan di samping tidak dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 30 bulan;
- (vii) dua orang pegawai dijatuhkan hukuman denda iaitu pemotongan maksimum tujuh hari emolumen di samping tidak dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 18 bulan;
- (viii) 34 orang pegawai dijatuhkan hukuman amaran menyebabkan pegawai berkenaan tidak dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 12 bulan; dan
- (ix) 124 orang pegawai sedang dalam prosiding tatatertib dan ataupun surcaj.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Kita amat menghargai tugas dan tanggungjawab pegawai-pegawai kerajaan kita yang penuh dedikasi untuk membantu pembangunan negara. Itu kita tegaskan. Soalannya ialah mengikut ucapan Ketua Setiausaha Negara pada 17 Jun 2014 di Institut Integriti Malaysia, sebelum dibentangkan dalam Dewan Rakyat, Laporan Ketua Audit Negara ini, satu jawatankuasa

untuk mengkaji telah dibentuk. Saya hendak sebutkan pertamanya, mengapa kerajaan tidak menyerahkan laporan salah laku ini kepada SPRM? Mengapa jawatankuasa yang dilantik?

Kalau jawatankuasa itu terdiri dari pegawai-pegawai kerajaan yang akan menyelidik dan mengkaji rakan mereka yang lain, sudah pasti ada berat sebelahnya. Umpamanya, di antara teguran-teguran Jabatan Audit itu, terdapat 41 teguran didapati tidak ada asas mengikut kertas jawatankuasa ini, sedangkan itu ialah Laporan Ketua Audit Negara yang jelas, pertama.

Kedua, bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan dari jabatan mana, kementerian mana dan jumlah pegawai yang telah pun dikenakan tindakan disiplin oleh jabatan masing-masing?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan yang kedua saya akan jawab secara bertulis sebab saya boleh menjawab bak kata Yang Berhormat terdapat dalam buku Laporan Ketua Audit Negara. Akan tetapi oleh kerana dia sebut secara umum, jadi saya akan beri secara bertulis. Sebenarnya maklumat ini ada, agak panjang sedikit tetapi nanti dianggap soalan bocor. Jadi pertamanya iaitu kenapa tidak dihantarkan terus kepada SPRM? Yang Berhormat, SPRM ini dia ada banyak cara dan tindakan yang diambil termasuk tindakan terus dari SPRM berdasarkan maklumat dan ia tidak perlu beritahu kepada mana-mana pihak. Kemudian setelah tangkapan dibuat, baru dimaklumkan.

Berhubung dengan jawatankuasa, Yang Berhormat sedia maklum bahawa dunia sudah berubah sekarang. Semua anggota kerajaan memahami bahawa tanggungjawab penting untuk dilaksanakan dan setengah dari mereka ini kalau sekiranya mereka tidak betul-betul layak untuk pergi ke jawatan tersebut, mereka sudah tidak berani pegang lagi. Macam dahulu, di zaman saya itu lain. Pegawai-pegawai mampu ditempatkan di mana-mana jabatan sama ada dari bukan kewangan kepada kewangan. Sekarang ini kalau dari orang yang tidak ada latar belakang kewangan hendak pergi kepada kewangan, ini sesuatu yang mereka sudah tidak berani lagi. Ini kerana kalau tidak ada pengalaman dan sebagainya, mereka tidak akan berbuat demikian.

Akan tetapi jawatankuasa ini ia terpaksa menyiasat dan kita kena beri kepercayaan bahawa mereka menyiasat dengan sepenuh hati dan seikhlas hati. Kalau sekiranya kita - ia timbul syak wasangka di peringkat jawatankuasa, kita ada masalah. Ini kerana jawatankuasa ini bukan terdiri dari jawatankuasa yang terlibat dengan pegawai yang berkenaan. Ia sudah pasti kita kena beri kepercayaan kepada jawatankuasa ini untuk menyiasat. Setiap jawatankuasa bukan ia bebas begitu sahaja. Mereka juga ada jawatankuasa lain yang lebih tinggi sampai ke peringkat KSN. Ia sudah pasti bila kita hendak buat laporan kepada SPRM dan sebagainya, ia mestilah ada asas dan bukan kita dalam bentuk lambakan begitu sahaja.

Jadi Yang Berhormat, pada pandangan kerajaan, jawatankuasa yang dibentuk itu ialah terdiri dari mereka yang mesti bertanggungjawab di atas apa yang telah diamanahkan kepada mereka. Saya tahu banyak pihak menganggap bahawa kalau sekiranya kita lantik jawatankuasa di kalangan anggota kerajaan sudah pasti dia memaklumkan kepada orang yang hendak diambil tindakan. Akan tetapi semua jawatankuasa yang kita bentuk ialah anggota kerajaan termasuk SPRM sendiri itu ialah anggota kerajaan. Jadi pada pandangan saya, oleh kerana mereka telah

diberi tanggungjawab itu, kita beri bukan sedikit tetapi kita kena beri kepercayaan bahawa apa yang mereka laporkan itu kita akan ambil tindakan.

Kita tahu bahawa badan bebas audit sudah pasti juga memerhatikannya dari semasa ke semasa. Kita ada beberapa jawatankuasa lain dan juga jabatan yang sentiasa memerhati apa yang dilaksanakan oleh mana-mana jawatankuasa dan juga lain-lain tanggungjawab yang diberi kepada mana-mana pihak. Jadi pada pandangan saya, jawatankuasa ini berintegriti dan boleh diberi kepercayaan. Keduanya, pegawai-pegawai jabatan yang terlibat dan dari jabatan mana, *insya-Allah* saya akan beri sebelum persidangan Parlimen berakhir pada malam ini.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya amat setuju dengan pertanyaan dari Yang Berhormat Pendang iaitu bagaimana kita hendak yakinkan rakyat. Yang Berhormat Menteri, anggapan rakyat bahawa selepas meneliti tentang Laporan Ketua Audit Negara, mereka anggap bahawa tiada tindakan yang seterusnya atau pandangan yang serius oleh pihak kerajaan. Oleh sebab itu ingin saya tanya Yang Berhormat Menteri iaitu untuk meyakinkan rakyat dan untuk memberikan lebih telus tentang siasatan dan tindakan yang diambil, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak kerajaan? Bolehkah - seperti siasatan '*silent walk*' di Selangor untuk kita tahu tentang tindakan dan begitu seriusnya oleh pihak kerajaan supaya dapat mengelakkan kelemahan-kelemahan dalam jabatan-jabatan kementerian? Bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Setelah Laporan Ketua Audit Negara dibuat- ini di antara tindakan, jawatankuasa ini ialah tindakan di antara tindakan. Walaupun tindakan telah dibuat, kita kenakan surcaj, amaran dan sebagainya tetapi kita masih lagi terbuka termasuk di Parlimen ini kita boleh memperincikan semula, kita sebutkan bahawa Laporan Ketua Audit Negara ini didapati tindakan yang diambil kepada pegawai yang berkenaan sama ada kita berpuas hati ataupun tidak.

■1040

Ini Parlimen, tempat kita boleh bersoal jawab. Akan tetapi kalau kita tidak ada jawatankuasa langsung ataupun kita ambil contohnya jawatankuasa itu kita ambil daripada orang bebas dari luar yang juga tidak mengetahui tentang peraturan kewangan kerajaan dan juga lain-lain perkara yang berhubung kait dengan kerajaan, juga kita timbul masalah. Kita sebenarnya, masalah di peringkat ini ialah kepercayaan kita kepada jawatankuasa.

Kepercayaan itulah yang kita hendak beritahu di sini bahawa kita boleh percaya kepada jawatankuasa ini sebab berdasarkan kepada tindakan yang telah diambil itu, menunjukkan bahawa jawatankuasa ini menjalankan tugasnya dengan penuh tanggungjawab dan tulus ikhlas. Sebab ini ialah tiap-tiap anggota kerajaan dia kena angkat sumpah untuk dia menjalankan kerja dengan penuh tanggungjawab dan juga penuh keikhlasan. Akan tetapi kalau sekiranya kita tidak percaya kepada jawatankuasa, kita hendak ambil jawatankuasa daripada mana? Kalau hendak ambil daripada katakan campur DAPkah semua, kami pula tidak percaya. Jadi, kita ambil pada

pegawai kerajaan yang bebas daripada unsur-unsur politik dan mereka ambil tindakan kepada mana-mana anggota kerajaan yang didapati melakukan kesalahan.

Kalau berdasarkan kepada angka-angka yang saya baca tadi, kita berpuas hati bahawa tindakan tegas telah pun diambil kepada pegawai-pegawai yang ditegur dalam Laporan Audit. Saya rasa kita cukup berpuas hati tentang apa yang telah dilakukan. Ini ialah tindakan berdasarkan laporan audit. Keduanya, pegawai kerajaan juga akan menghadapi suasana lain iaitu tindakan tatatertib. Kalau sekiranya dia melakukan kesalahan biasa, tatatertib yang tidak terlibat dengan Laporan Audit, mereka juga ada jawatankuasa tatatertib jabatan yang mereka boleh diambil tindakan.

Kalau dilihat di sini, pegawai kerajaan sekarang ini ada dua jawatankuasa. Jawatankuasa tatatertib jabatan ini tetap memang sudah ada. Dia ada peringkatnya. Kalau kerani, ini dia peringkatnya yang akan ambil tindakan. Ini biasa yang melibatkan kerja harian dan sebagainya. Akan tetapi yang ini khusus, khas yang telah ditegur oleh audit. Yang Berhormat bayangkan kalau jawatankuasa ini jawatankuasa khas, beranikah mana-mana orang dalam jawatankuasa khas itu hendak buat kerja tidak khas macam kita bentuk suruhanjaya. Jadi, dia khusus. Demikian juga ini jawatankuasa khusus kerana memperincikan Laporan Audit. Ini bukan jawatankuasa biasa.

Jawatankuasa biasa di jabatan ada iaitu jawatankuasa tatatertib yang mengambil tindakan kepada mana-mana pegawai yang membuat salah laku. Ini jawatankuasa khas yang dibentuk dan diperhatikan oleh orang ramai. Saya percaya manusia yang berada dalam jawatankuasa tersebut akan menjalankan kerja-kerja mereka dengan penuh tanggungjawab, ikhlas dan juga amanah. Kalau mereka orang Islam, sudah pasti mereka akan menjawab di akhirat.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Ada soalan. Boleh pencilahan sedikit?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Pencilahan tidak boleh Yang Berhormat, tetapi saya minta Yang Berhormat Parit Sulong.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang pada pagi ini. Saya hendak merujuk kepada laporan dan juga teguran oleh Ketua Audit Negara yang bersifat *corrective* kepada jabatan dan juga kementerian. Jadi, ini soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Menteri adalah bolehkah Yang Berhormat Menteri menyatakan di dalam Dewan yang mulia ini berapa banyakkah tindakan *corrective* yang telah diambil oleh pihak kementerian dalam usaha untuk penambahbaikan kepada segala teguran yang telah dibuat oleh Ketua Audit Negara? Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Soalan pada pagi ini kira hebat-hebat dan menyentuh kekuatan keilmuan seseorang. Tuan Yang di-Pertua, bila laporan dari tahun 2012 sehingga 2013, kita dapati sebanyak 945 tindakan *corrective* dan 191 tindakan *punitive* yang disyorkan oleh Jabatan Audit Negara. Sehubungan dengan itu, yang *punitive* ini saya telah baca tadi. Sementara yang *corrective* 945 orang ini, kita ambil tindakan dalam bentuk untuk membetulkan

mereka sama ada melalui kursus jangka pendek ataupun jangka panjang supaya mereka dapat betulkan keadaan. Sebab apa, *corrective* ini dia lebih kepada ilmu seseorang pegawai berhubung dengan kerja yang hendak dijalankan, tetapi *punitive* ini dia melakukan kesalahan dan dia dihukum mengikut apa yang telah ditentukan.

Jadi, kita berharap usaha-usaha kita untuk tujuan *corrective* ini akan membantu pihak kerajaan ataupun agensi kerajaan untuk menjadi lebih cekap dan amanah. Pada masa sekarang pun kita dapati bahawa kemakmuran Malaysia ini sebenarnya '*diketuluikan*'. '*Ketului*' ini adalah bahasa utara, bahasa Pendang dan bahasa Arau. '*Diketuluikan*' oleh anggota kerajaan. Jadi sekali lagi walaupun ada beberapa tindakan kecil dibandingkan 1.5 juta manusia anggota kerajaan, saya masih mengucapkan terima kasih dan tahniah kerana kejayaan mereka membangunkan negara mewujudkan *billionaires* seperti Ananda Krishnan, Lim Goh Tong dan juga lain-lain lagi. Terima kasih.

**4. Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan adakan Proton akan bekerjasama dengan Syarikat Honda sebagai rakan kongsi dalam mengeluarkan kereta model baru memandangkan Proton Perdana adalah 100% dari Honda Accord.

**Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Sri Mustapa Mohamed]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat pagi, salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, sebagai latar belakang, Proton telah memulakan pengeluaran model Proton Perdana pada tahun 1995. Itu model pertama Proton Perdana dan ia telah dihentikan pengeluarannya pada tahun 2010 iaitu empat, lima tahun lalu. Ia dihentikan kerana:

- (i) teknologi yang digunakan dalam mengeluarkan Proton Perdana lama ini sudah melebihi 30 tahun;
- (ii) ia tidak memenuhi ciri-ciri keselamatan terkini; dan
- (iii) sukar untuk mendapat alat ganti.

Maka dihentikan pada tahun 2010.

Proton untuk memenuhi pasaran segmen 'D' telah memperkenalkan model Proton Perdana baru bagi fasa pertama iaitu bermula Disember 2013 hingga 2015. Model Proton Perdana ini diperkenalkan untuk kegunaan kerajaan sahaja. Model Perdana bagi pasaran awam akan diperkenalkan pada tahun 2016.

Untuk menjayakan strategi Proton terlibat dalam apa yang dipanggil segmen 'D' ini, maka Proton telah menjalin kerjasama dengan Syarikat Honda dari Jepun. Satu perjanjian telah ditandatangani pada 29 Oktober 2012 dan disusuli dengan perjanjian khusus berkaitan model gantian Proton Perdana. Berdasarkan perjanjian tersebut, aktiviti pembangunan Proton Perdana adalah berasaskan kepada model Honda Accord. Jadi, betullah Proton Perdana hari ini berasaskan kepada Honda Accord.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Proton dan Honda sedang mengadakan beberapa siri perbincangan dalam merangka program masa depan dengan hasrat untuk melibatkan lebih

ramai jurutera Proton dan pembekal automotif tempatan serta merangkumi kerjasama teknikal yang lebih menyeluruh bermatlamatkan kepuasan pelanggan. Pada masa ini Tuan Yang di-Pertua, Proton telah mengeluarkan 1,700 unit Proton Perdana berasaskan Honda Accord iaitu 1,000 unit varian 2000 cc dan 700 unit untuk varian 2400 cc. Varian 2400 cc ini adalah untuk kegunaan Menteri dan JUSA ke atas termasuk Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertualah iaitu model 2400 cc. Model yang lain-lain adalah untuk JUSA C ke atas iaitu 2000 cc.

Model Proton ataupun Proton Perdana yang ada hari ini sebenarnya tidak banyak berubah daripada Honda Accord dalam pasaran. Cuma 19 item sahaja telah digantikan. Ini item-item kecil sahajalah iaitu *bumper*, *front grill* dengan izin, *rear-sunshade* dengan izin, *airbags* dan logo. Itu sahajalah 19 item yang lain, yang lain adalah berasaskan kepada Honda Accord.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, Proton berhasrat untuk menghasilkan model-model baru yang berkualiti tinggi dan berteknologi terkini. Maka perbincangan masih lagi berjalan antara Proton dengan Honda untuk berkongsi model, juga berkongsi platform ataupun *platform sharing*.

#### ■1050

Ini merupakan satu kaedah baru dalam dunia automatif di mana satu platform dikongsi dengan beberapa model. Kalau sebelum ini dalam industri kereta ini satu platform, satu model. Masa depan ini, konsep perkongsian platform ini sedang dibincangkan antara Proton dengan Honda. Ini dijangka dapat membantu Proton untuk menjimatkan pelaburan dan tempoh pembangunan bagi sesebuah model baru. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Hulu Langat.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya gembira mendengar ada kerjasama dan perbincangan di antara Proton dengan Honda. Ini satu bentuk perkongsian *business* yang barulah. Jadi saya menyokong penuh usaha ini kerana Honda telah pun mengeluarkan kereta mungkin lebih lama daripada Proton dan saya berpengalaman bekerja dengan vendor Honda di Bangkok. Syarat penting yang diberi oleh Honda iaitu memastikan kualiti atau kawalan kualitinya terjamin sepanjang pemasangan kereta. Dengan itu diletakkan syarat bahawa vendor ini berada berhampiran dengan kilang Honda di *Air Tyre*.

Jadi saya berharap Proton juga akan mendapat kemudahan yang sama untuk memastikan satu reka bentuk mungkin yang lebih menarik. Yang kedua dari segi kualiti kereta yang akan dikeluarkan nanti dan yang ketiga mungkin saya difahamkan juga mungkin Proton juga akan mengeluarkan kereta *hybrid* yang Honda juga mempunyai yang luas dalam mengeluarkan kereta *hybrid*. Soalan tambahan saya, dengan perkongsian ini adakah Proton masih boleh mengekalkan harga yang berpatutanlah, harga yang rendah berbanding dengan Honda sekarang. Umpamanya katalah Proton Perdana mungkin kita boleh jual kurang daripada RM100,000 tapi Honda Accord mungkin lebih iaitu lebih daripada RM120,000.

Jadi adakah Proton walaupun berkongsi dengan Honda tapi masih boleh mengawal harganya. Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat. Isunya sama ada Proton dapat mengekalkan harga atau pun sama ada Proton dapat menjual kereta ini dengan harga lebih murah daripada Honda Accord sekarang. Jadi Proton ini sebuah syarikat swasta. Dimiliki 100% oleh DRB Hicom dan kerajaan tidak campur tanganlah dalam urusan perniagaan cuma selaku Yang Berhormat Menteri MITI saya bertanggungjawab juga kepada industri automotif. Maka kita memantau perkembangan industri kereta dan kita mahu semua syarikat termasuk Proton, kita mahu syarikat-syarikat ini meningkatkan prestasi. Itu menjadi hasrat kita kerana Proton mempunyai lebih 10,000 pekerja ya.

Sekarang Proton ada di Shah Alam. *Insyah-Allah* akan berpindah ke Tanjung Malim. Untuk makluman model Proton Perdana baru ini kemungkinan akan dipasang di Tanjung Malim ya. Jadi sama ada harga dapat diturunkan ataupun tidak, ini adalah bergantung kepada pasaran. Yang Proton Perdana sekarang ini harganya sekitar RM120,000, sekitar lah ya dengan izin, *plus or minus*. Jadi yang penting kita mahu Proton akan tingkatkan prestasinya dari segi kualiti dan juga dari segi harga yang kompetitif. Sebenarnya kereta-kereta yang dijual oleh Proton secara umumnya adalah amat kompetitif dari segi harganya malah beberapa segmen umpamanya 1.3, kita dapati bahawa harga yang ditawarkan oleh syarikat Proton adalah yang paling rendah. Malah paling rendah 1.3 dan kategori 1.3 adalah paling rendah dalam pasaran ya.

Jadi itu model lain tapi soalan Yang Berhormat berkaitan dengan Honda Accord. Jadi jawapan saya ialah ia bergantung kepada pasaran dan kita tidak campur tangan, cuma kita pantau dan sudah pasti dengan adanya saingan. Sebenarnya dalam pasaran banyak saingan dan ini antara sebab kenapa harga kereta hari ini telah berlaku penurunanlah. Tahun lepas dan tahun ini seperti yang dinyatakan dalam manifesto Barisan Nasional kerana apa, terdapatnya saingan dalam pasaran. Ini yang menyebabkan harga kereta munasabah. Terima kasih banyak.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narasshid [Kota Tinggi]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, saya nampak ramai bangun pasal Proton.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narasshid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Kota Tinggi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Pohon rayu untuk soalan tambahan.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narasshid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Kota Tinggi.

**Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** Yang Berhormat Kepala Batas.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Yang Berhormat Sekijang, Yang Berhormat Sekijang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kepala Batas.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Boleh nanti bagi soalan tambahan satu lagi ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya akan fikir nanti.

**Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** Terima kasih pada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih pada Yang Berhormat Menteri. Sememangnya apa Yang Berhormat Menteri sebut tadi memang benar kerana industri automotif sekarang saingannya semakin sengit dan sememangnya dunia pun telah *adopt model merger* dan juga *acquisition* ini bagi memungkinkan mereka berada di *leading row*. Ini berlaku di seluruh dunia dan kita lihat berlaku juga penggabungan Renault dan Nissan umpamanya, *Daimler Benz* dengan *Chrysler* membabitkan dua negara.

Mengambil soalan asal Yang Berhormat Hulu Langat tadi saya hendak tanya apakah pihak kerajaan ada mewujudkan insentif khusus bagi memungkinkan berlakunya teknikal *collaboration* ataupun *technical corporation* ini dalam erti kata memungkinkan *merger-merger* yang memberi keuntungan dari segi *return on equity*, bagi memungkinkan total sentiasa berada pada kata kedudukan yang dapat bersaing terutamanya di rantau Asia Tenggara. Ini kerana pada waktu saat saya bercakap ini, Thailand dilihat lebih berada di depan dengan mengeluarkan 2.3 juta kereta pada tahun 2013, manakala Indonesia pun sudah hampir mengatasi kita 1.3 juta dan mereka melalui proses-proses yang pernah dilakukan penggabungan dan juga *merger* yang saya sebut tadi dari segi *technical collaboration* dan *collaboration*.

Jadi apakah ada insentif khas daripada pihak kerajaan terutamanya daripada MITI untuk memungkinkan benda yang sama berlaku agar Proton dapat kekal daya saingnya di peringkat terutamanya di rantau Asia Tenggara. Terima kasih.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kepala Batas. Kita tidak ada insentif yang khusus dari segi auto untuk menggalakkan mereka bergabung. Benar kata Yang Berhormat Kepala Batas saingan semakin sengit dan dengan izin *its all about scale*. Kalau *scalanya* besar sudah pasti kosnya akan lebih rendah. Lazim begitulah. Itu sebabnya Toyota nombor satu dalam dunia kerana apa, kerana *scale* nya. Jadi Proton telah beberapa kali berbincang dengan beberapa syarikat antarabangsa untuk bergabung tetapi setakat ini belum lagi berjaya. Jadi kita tidak ada insentif dalam beberapa industri, kerajaan ada insentif umpamanya bidang perbankan.

Kita juga ada insentif untuk menggalakkan beberapa industri dalam bidang perkhidmatan untuk bergabung. Itu insentif yang telah ada tapi dalam bidang auto belum ada. Mungkin cadangan Yang Berhormat boleh kita pertimbangkan. Ia satu kaedah yang mungkin memaksa mereka untuk bergabung kerana kalau syarikat-syarikat ini beroperasi pada skala kecil sudah pasti ini meningkatkan kos.

Mengenai Indonesia disentuh sedikit oleh Yang Berhormat Kepala Batas, ini benar. Indonesia sekarang ini *market sizenya* semakin meningkat kerana Indonesia jumlah penduduknya 250 juta, kira-kira 7-8 kali ganda lebih besar daripada penduduk Malaysia. Maka kalau kita pergi Indonesia, semua jalan-jalan trafik jemlah, sesak dengan kenderaan ya. Jadi di sana oleh kerana Indonesia bermula pada asas yang lebih rendah ataupun *low base*, maka kadar



pertumbuhannya lebih tinggi dan di sana industri automotif berkembang dengan pesat ya. Kembali kepada soalan asal tadi Yang Berhormat. Mungkin kita dapat bagi pertimbangan tetapi setakat ini tidak ada insentif khusus yang kita berikan.

Cumanya kita cuma ada perbincangan empat tahun dahulu antara Proton dengan Perodua. Ada usaha-usaha untuk kita, bukan bergabung tetapi meningkatkan kerjasama dan sekarang ini ada kerjasama antara Proton dengan Perodua dalam vendor *development*, pembangunan vendor.

■1100

Maknanya, Proton dan Perodua berkongsi vendor yang sama dan itu dapat meningkatkan skala pembuat-pembuat ataupun komponen *manufacturers*. Itu di peringkat Proton dengan Perodua. Kerjasama yang tidak rasmi tetapi bukan penggabungan antara Proton dan Perodua. Memang perkara ini pernah dicadangkan dan beberapa perbincangan telah diadakan. Saya juga terlibat tetapi malangnya gagal. Itu empat tahun yang lalu.

Terima kasih.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Tuan Yang di-Pertua, pohon lagi satu soalan tambahan. Jasa baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, tetapi saya bagi Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, hampir 30 tahun Proton beroperasi. Dahulu kita ciplak enjin Mitsubishi. Sekarang ini kita ciplak pula Honda Accord. Apakah kita tak ada perancangan untuk mewujudkan kereta Malaysia sendiri, teknologi Malaysia? Sudah 30 tahun, rakyat malu, saya malu. Saya cadangkan kerajaan guna terus Honda Accord, jangan lagi Proton ini.

Dahulu mantan Perdana Menteri kata Proton ini hebat. Kita tolong dengan bercukai, pengecualian cukai tetapi sampai hari ini, soalan tambahan saya, sampai hari ini kenapa Proton tidak boleh mengeluarkan kereta asli Malaysia? Kenapa mahu guna Honda? Kenapa mahu guna Mitsubishi? Apakah kita ini ketandusan idea teknologi untuk membangun industri kereta Malaysia sendiri yang dibanggakan anak Malaysia? Jangan lagi Honda, jangan lagi Mitsubishi. Tak ada masa depan nampak saya. Akan tetapi kita buang berjuta-juta dulu, kita bela kerana mahu kereta Malaysia. Sebagai seorang Menteri, rasa saya Yang Berhormat pun rasa malu menggunakan kereta yang sekarang ini kerajaan tetapi tak bermutu tinggi, tak ada nama Malaysia langsung. Cuma kita ubah 19 item, mendengar.

Soalannya kenapa kita tidak boleh mewujudkan enjin dan badan kereta sendiri? Jangan badan Malaysia, roh dari Jepun. Terima kasih.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Proton Perdana ini benarlah sebahagian besarnya komponen dari Jepun. *Diassemble* di Pegoh di Melaka. Sebenarnya 33% komponen Proton Perdana hari ini merupakan komponen tempatan, buatan tempatan. *Local content* 33%, dipasang di Pegoh di Melaka.

Jadi yang pertama, kita ada kereta asli Malaysia Iriz umpamanya, model terkini Proton yang terkini ini. Enjin semuanya banyak, lebih 90% komponennya dari Malaysia. Jadi kalau kita hendak kata kereta Malaysia, ada, bukan tak ada. Enjin pun dicipta dan dibikin oleh rakyat Malaysia. Jadi kalau kata tidak ada kereta Malaysia, tidak benar. Ada kereta Malaysia, ada kereta import CBU, ada juga kereta-kereta yang dibuat oleh rakyat Malaysia dan Proton telah menghasilkan kereta buatan Malaysia.

Jadi berkaitan dengan kenapa Proton mengambil pendekatan ini, iaitu mengadaptasi kereta Honda untuk menjadi Proton Perdana ini, ia satu kaedah perniagaan yang lebih murah. Sekiranya Proton hendak bangunkan sendiri, dia kena reka bentuk, kena macam-macam. Jadi yang ini kereta sudah ada dah. Biasanya tak kurang daripada USD500 juta untuk membangunkan satu model baru. Biasanya USD1 bilion ada, USD2 bilion dan tak kurang USD500 juta.

Jadi kalau Proton hendak bangunkan satu model baru dengan penyelidikan oleh *engineer* Proton dan semuanya sekali, satu, memakan masa yang lama, dan yang keduanya, kosnya tinggi. Jadi adalah lebih murah dari segi kaedah perniagaannya lebih murah. Kalau Yang Berhormat kata ciplak, lebih murah untuk mengadaptasikan apa yang sudah ada kerana kalau dibuat guna skala yang kecil, keperluannya 3,000 atau 4,000 unit sahaja oleh kerajaan. Jadi kalau dengan 3,000 atau 4,000 unit hendak *design* apa semua sekali, kalau kosnya USD500 juta, awal-awal lagi rugi. Jadi ini kaedah perniagaan pada masa ini di mana kadang-kadang lebih baik diadaptasi daripada model-model sedia ada daripada kita bangun daripada *A to Z*, dengan izin.

Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan.

**5. Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) Pelan Tindakan Tebatan Banjir yang telah dirancang oleh pihak Kementerian bagi mengatasi masalah banjir di negeri Sabah; dan
- (b) sama ada pihak kementerian menyediakan sebarang dana pampasan bagi mangsa-mangsa banjir di negeri Sabah.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]:**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) mempunyai beberapa pelan tindakan tebatan banjir.

Antaranya, JPS telah menyiapkan kerja reka bentuk terperinci untuk Pelan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Moyog pada tahun 2013 dan telah mengemukakan cadangan kerja fizikal untuk kawasan keutamaan di kawasan Kibabaig dengan kos RM69 juta. Cadangan di kawasan Kibabaig ini ataupun skim satu akan memberi penyelesaian khusus di kawasan Kampung Kibabaig dan Pekan Donggongon. Ada juga nama Pekan Donggongon. Saya belum sampai situ, Yang Berhormat.

Kedua, pihak JPS juga telah menyiapkan kajian Pelan Induk Tebatan Banjir Lembangan Sungai Padas di mana hasil kajian ini mencadangkan langkah-langkah penyelesaian secara

struktur dan bukan struktur ataupun *non structural* untuk mengatasi masalah banjir di Lembangan Sungai Padas. Kajian ini merangkumi lima buah daerah iaitu Beaufort, Tenom, Tambunan, Keningau dan Sipitang.

Selain itu, ini yang ketiga, reka bentuk terperinci Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Tawau dan RTB Lembangan Sungai Anib, Sandakan juga sedang disediakan. Kajian ini akan menggariskan langkah-langkah tebatan banjir di kawasan Bandar Tawau, Sandakan dan kawasan sekitarnya.

Untuk pertanyaan bahagian kedua, kementerian tidak memperuntukkan sebarang pampasan atau bantuan kewangan kepada mangsa-mangsa banjir. Perkara ini adalah di luar bidang kuasa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Terima kasih.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri kerana memberi jawapan begitu baik dan tidak tahu kalau boleh diterima oleh rakyat di akar umbi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat dalam TV sekarang Yang Berhormat, TV1.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Oh, rakyat mendengar.

#### ■1110

Soal keluhan, rintihan rakyat di Sabah ini disebabkan kali-kali banjir. Ini bahasa Sabah. Air kali-kali Yang Berhormat Seputeh, kali-kali banjir. Jadi saya mendengar jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri RM69 juta telah pun disediakan untuk mengatasi masalah-masalah banjir, langkah-langkah mengatasi banjir di seluruh negeri Sabah.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, dahulu pernah kawasan-kawasan yang sering dilanda banjir ini di kawasan Kota Kinabalu dilawati oleh bekas Menteri Alam Sekitar iaitu Yang Berhormat dari Betong dan pada ketika itu juga melawat kawasan yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu iaitu Kampung Kibabaig, Pekan Donggongon, Sungai Moyog termasuklah Putatan dan Menteri telah pun memberi peruntukan untuk memulihara anak-anak sungai yang tidak pernah dipelihara dan juga Kampung...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, boleh *landing*lah. Bagi cepat *landing*.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ya, *landing* helikopter dia *landing*. Jadi soal Yang Berhormat sebelum PRU Ke-13 Menteri telah pun menyatakan bahawa peruntukan berjumlah lebih daripada RM40 juta. Oleh kerana itu janji kita sebelum pilihan raya supaya masalah banjir itu dapat dikurangkan ataupun dapat diselesaikan tetapi sekarang rakyat tertanya-tanya di mana sudah peruntukan yang dijanjikan itu, Menteri dan kalau tahun 2013 baru merangka reka bentuk ini masalah besar. Kalau Yang Berhormat Kalabakan ada saya susah hati, sebab Yang Berhormat Tawau pun sudah sebut, Yang Berhormat Tuaran, Yang Berhormat Sipitang, Yang Berhormat Padas, Yang Berhormat Beaufort. Saya rasa Yang Berhormat Kota

Marudu tidak tahulah ada banjir di sana. Kalau ada silalah Menteri turun padang sedikit. Kalau tidak Menteri, saya bagi pantun sekali lagi ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah cukup Yang Berhormat dalam TV Yang Berhormat, cukuplah.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Rakyat sengsara begitu lama.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Ini publisiti murahanlah Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Sokongan rakyat kita terima jangan nanti sampai rakyat merana. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Melana kah, merana?  
[Ketawa]

**Seorang Ahli:** Itu bahasa Sabah.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Sudahkah pantunnya? Terima kasih Yang Berhormat *brother* dari Putatan. Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah pun dijanjikan oleh Mantan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar dahulu sedang dilaksanakan. Pertamanya, RTB Sungai Darau, Kampung Pulitan daripada tahun ini hingga tahun 2016 ianya dilaksanakan tahun ini, RM19 juta. RTB Lembangan Sungai Padas, Pekan Beaufort juga dilaksanakan 2014 hingga 2016, RM11 juta. RTB Sungai Petagas, Kampung Tebongon, Putatan RM9 juta sedang dilaksanakan. Jadi jumlah keseluruhan untuk tahun 2014 hingga 2016 ialah RM56.6 juta.

Yang Berhormat Putatan, kalaulah banjir kerap berlaku, kejadian banjir sering berlaku maka Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sentiasa membuat pelan dan cadangan untuk mendapatkan peruntukan yang lebih banyak. Saya memang prihatin terhadap kita semua di sini, Ahli-ahli Yang Berhormat. Bukan hanya Yang Berhormat Putatan sahaja kawasan dia menghadapi banjir sedangkan kawasan saya sendiri pun menghadapi banjir juga tetapi tidak ada peruntukan untuk Rancangan Tebatan Banjir. Jadi ini adalah permasalahan peruntukan yang kita pohon daripada EPU. Kalau dia mahu lulus, sentiasa ada. Kalau dia tidak melulus memang tidak ada, kerana negara kita, kejadian banjir di negara kita meningkat setiap tahun.

Yang Berhormat Putatan, tahun 2011 - 224 kejadian banjir, tahun 2012 – 245, tahun 2013 – 323 kejadian banjir di negara kita.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Menteri bangga dengan banjirkah?

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Sekian, terima kasih.

[Beberapa Ahli Yang Berhormat berdiri]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ini soalan spesifik untuk Sabah, Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Banjir, banjir, banjir.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak, dia spesifik untuk Sabah walaupun banjir. Saya bagi Yang Berhormat Tuaran, Yang Berhormat.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soal banjir ini bukan sahaja dari segi tebatan tetapi juga satu bagaimana kita mengelakkan banjir ini berlaku sebab banjir ini berlaku kerana aktiviti-aktiviti pembangunan. Sebagai contoh banjir yang berlaku

baru-baru ini di Penampang begitu teruk. Antara lain faktor yang dinyatakan adalah aktiviti-aktiviti pembangunan. Persoalan saya di sini adakah kementerian Yang Berhormat melihat perkara ini sebagai suatu yang serius supaya pembangunan yang dibuat itu ialah pembangunan yang diselaraskan supaya dapat elakkan banjir, pertamanya.

Kedua, tempat-tempat yang berlakunya banjir ini ialah tempat yang berulang kali dan kita juga mengetahui dia punya *cycle*. Ada 25 tahun, ada 50 tahun dan sebagainya tetapi dari segi perancangan bagaimanakah kerajaan memastikan supaya tidak ada kerosakan harta benda apabila ia berlaku. Apa perancangan-perancangan untuk memastikan supaya peruntukan-peruntukan itu dapat disediakan pada masa yang tepat. Kalau *cycle*nya 25 tahun kita telah siapkan projek itu sebagai contoh lima tahun lebih awal dan sebagainya. Apakah perancangan seperti ini dibuat oleh pihak kementerian dan juga pihak EPU yang, Yang Berhormat persoalkan tadi. Terima kasih.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan. Itu memang betul saya setuju dengan Yang Berhormat bahawa disebabkan pembangunan maka banjir berlaku. Macam mana ianya berlaku? Kita sebut pembangunan di peringkat antarabangsa kita sebut dan kita selalu berbincang tentang pembangunan lestari. Akan tetapi kita lihatlah bilangan manusia bertambah, populasi di satu-satu tempat pun bertambah oleh itu memerlukan pembangunan. Jika pembangunan tidak dilakukan, dibuat di satu-satu tempat maka apa yang berlaku tidak ada infrastruktur, tidak ada bangunan dan sebagainya.

Jadi pembangunan semestinya dibuat tetapi pelan pembangunan oleh pihak yang tertentu seharusnya strategik. Kalau tidak strategik pelan itu tidak ada guna sebab nanti kalau kawasan itu sudah pun dibangunkan maka permukaan tanah di situ semuanya diturap dengan konkrit. Kalau hari hujan *surface runoff*, air mengalir begitu cepat ke dalam longkang, ke dalam parit dan parit yang tidak direka bentuk dengan saiz yang secukupnya akan mengakibatkan banjir kilat. Selepas itu lambat juga air mengalir ke sungai. Itulah pembangunan yang seharusnya *diplan* dengan strategi yang betul-betul.

Selain daripada itu tanah sudah diratakan *surface runoff* membawa tanah ini ke dalam sungai dan membuat kecekatan landasan sungai.

#### ■1120

Ini juga menyebabkan pengaliran air terlambat ke laut, maka banjir berlaku. Yang kedua yang disebutkan oleh Yang Berhormat tentang banjir-banjir ini, ianya sememangnya akan terus berlaku seperti mana yang saya sebut. Apa sahaja yang kita buat yang kerajaan buat sama ada struktur ataupun bukan struktur ataupun *none structured*, ianya memang kali ini hanya mengurangkan sahaja ketinggian banjir itu ataupun mengurangkan banjir. Akan tetapi pada tahun-tahun yang akan datang apa boleh jadi?

Sebagai contoh ada tidak Yang Berhormat Kuantan di sini? Pada tahun lepas Kuantan banjir teruk. Walhal Kuantan sudah ada ban di hampir tebing sungai itu, enam kilometer panjang, tetapi banjir berlaku di Kuantan disebabkan ketinggian ban itu ialah 3.5 meter. Akan tetapi banjir pada masa itu hujan cukup lebat dan ketinggian air pasang besar ataupun *king tide* ialah 3.6

meter. Jadi 0.1 meter ini kelebihan dan limpahan mestilah berlaku. Jadi inilah yang perlu kita meneliti dan fahami.

Saya memang bangga dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang membawa isu banjir sebab saya sendiri dengan sedaya upaya, memang saya dah turun padang dan melihat apa yang berlaku di lapangan itu dan membuat sasaran apa perlu kita buat bagi mengurangkan berlakunya banjir yang besar.

**6. Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]** minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan memperuntukkan bajet untuk Kajian *Environmental and Social Impact Assessment* dalam pelan pembangunan empangan-empangan besar di Sabah dan Sarawak. Apakah hasil kajian tersebut dan terdapat alternatif yang lebih mesra alam kepada empangan-empangan besar untuk penjanaan tenaga elektrik.

**Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan tidak menyediakan sebarang peruntukan khas bagi membolehkan pihak utiliti sama ada negeri Sabah dan Sarawak untuk melaksanakan kajian *Environmental and Social Impact Assessment* bagi pembangunan empangan-empangan besar untuk penjanaan tenaga elektrik. Sungguhpun demikian, setiap pembangunan empangan yang menjana kuasa hidro termasuk pembinaan empangan-empangan besar di negeri Sabah dan Sarawak adalah tertakluk kepada keperluan Kajian Penilaian Kesan Alam Sekitar atau *Environmental and Social Impact Assessment* seperti yang diperuntukkan di bawah Ordinan Sumber Asli dan Alam Sekitar 1993, Sarawak dan Enakmen Perlindungan Alam Sekitar 2002, Sabah.

Di negeri Sabah pihak SSB umpamanya telah menyediakan *Special Environmental and Social Impact Assessment* (SEIA) bagi pembangunan Empangan Hidro Tenom Pangi di sungai Padas Tenom dan menggunakan dana syarikat. Kapasiti penjanaan projek ialah sebanyak 180 megawatt dan keluasan takungan adalah hanya sekadar 1,000 hektar atau 10 kilometer persegi. Projek ini akan dilaksanakan sebagai infrastruktur dwifungsi iaitu sebagai stesen jana kuasa elektrik dan juga sebagai infrastruktur integrasi banjir khususnya bagi kawasan Tenom dan Beaufort. Selaku infrastruktur mitigasi banjir projek ini dijangka akan mendapat atau memberikan penjimatan kepada negara dan rakyat di kawasan tersebut dari segi kos pembinaan tambatan banjir dan kemusnahan harta benda setiap tahun.

Kajian SEIA yang telah dijalankan mendapati bahawa projek tersebut tidak menjejaskan masyarakat setempat dan tidak melibatkan penempatan semula atau *resettlement* dengan izin, dari segi komuniti di situ. Projek juga tidak menjejaskan alam sekitar di mana nilai pemuliharaan tinggi yang penting di kawasan musnah adalah tidak *significant*.

Untuk makluman Yang Berhormat semua hal berkaitan dengan bekalan elektrik dan pembangunan infrastruktur bagi pembekalan elektrik di seluruh negara adalah tertakluk di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990. Walau bagaimanapun, melalui kuasa-kuasa yang diberi di bawah seksyen 1(2) Akta Bekalan Elektrik, Menteri telah membuat perintah yang dinamakan Perintah

Penggantungan Kuat Kuasa Akta (Sarawak) 1990 iaitu pada 30 Ogos 1990 di negeri Sabah adalah dikecualikan daripada penguatkuasaan keseluruhan Akta Bekalan Elektrik 1990. Dengan itu semua aspek berkaitan dengan bekalan elektrik termasuk perancangan tenaga jangka panjang dan perihal hidro adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sarawak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Disebabkan soalan 5, saya bagi dua soalan tambahan di pihak Barisan Nasional saya putuskan untuk bagi soalan tambahan untuk soalan 6 pada sebelah ini kecuali tiada yang bangun.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Seorang sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Bukankah *Environment Quality Act* di mana juga berkuat kuasa di Sarawak dan Sabah di mana di bawah akta itu diwajibkan bahawa *Environmental and Social Impact Assessment* perlu diumumkan kepada masyarakat awam. Adakah itu praktis ini dilakukan di Sarawak atas pembangunan pembinaan Bakun *dam*, Murum *dam* dan Baram *dam*.

Saya juga hendak bertanya tentang apakah hasil siasatan daripada SEIA terhadap Bakun di mana 10,000 penduduk telah *disettle* ke Sungai Asap dan selepas 13 tahun mereka ditempatkan semula di Sungai Asap barulah kerajaan mengakui bahawa penempatan semula ini tidaklah memadai dan pohon sekali peruntukan daripada Kerajaan Pusat untuk memperbaiki tempat hidup mereka.

Saya juga ingin tahu adakah kementerian terima ada apa-apa *Social Environmental Impact Study Assessment* terhadap Murum *dam* dan Baram *dam* di mana telah berlaku banyak *blockage* bantahan daripada penduduk tempatan terhadap cadangan pembinaan empangan-empangan begitu dan kenapa laporan *assessment* itu disulitkan sehingga ia dibongkar dalam *website* Sarawak Report. Sila jawab.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Yang Berhormat Bandar Kuching, terima kasih atas perkara-perkara yang dibangkitkan. Walaupun saya sudah katakan tadi bahawa di bawah kuasa-kuasa menteri berkaitan dengan penjanaan tenaga di Sarawak adalah di bawah akta yang telah diperuntukkan bagi negeri Sarawak. Maka soalan-soalan tu lebih sesuai Ahli Yang Berhormat juga ADUN di Dewan Undangan Negeri Sarawak bolehlah harus bangkitkan perkara-perkara di situ.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Jangan lari dari tanggungjawab. Bakun *dam* itu sebelum Ordinan Sarawak diluluskan, Bakun *dam* itu di bawah Kerajaan Pusat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Menteri tiada kuasa langsung.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Di mana yang relevan saya akan bekalkan maklumat. Sememangnya seperti mana yang saya katakan tadi Ordinan Sumber Asli dan Alam Sekitar 1993 itu adalah berkuasa di Sarawak dan sememangnya EQA, *Environmental Quality Act* juga dan itulah dalam mana-mana cadangan untuk penjanaan tenaga mahupun dia hidro, mahupun dia *coal base* kah, dengan izin mahupun dia gas memerlukan supaya

*Environmental and Social Impact Assessment* itu dibuat bahkan *even transmission* sekarang ini kalau di Semenanjung memerlukan *impact assessment* yang sama.

■1130

Kalau mengikut akta yang sedia ada, pameran itu diadakan melalui akta tersebut yang mana bantahan itu boleh dibangkitkan. Biasanya kalau di pihak Ulu Padas ini, ia dibuka untuk dua bulan misalnya untuk pihak awam. Pada waktu itulah para NGO dan profesional seperti Yang Berhormat Bandar Kuching bolehlah bawa kepada badan yang berkenaan pada masa ia dibuka.

Mengenai dengan Bakun, saya sedia maklum bahawa kajian-kajian terperinci telah dilaksanakan melalui impak-impaknya. Perihal Kuala Asap, saya rasa perihal peringkat negeri Sarawak tetapi *sometime communities*, dengan izin, *go to dynamic transformation, okay and maybe there are gaps* dari segi *planning* dan *you have to resolve it later, you know, but we never* biarkan kes itu begitu sahaja, okey.

*Federal Government* sentiasa siap sedia membantu dan *to top up* apa yang *state maybe missing now* ataupun tidak terdapat. Jadi, dari segi mohon saya rasa ini bolehlah ditujukan soalan terus kepada pihak negeri Sarawak dalam perkara- *but*, dari segi kami, walaupun akta itu dikecualikan negeri Sarawak dalam kuasa akta tersebut, pihak Suruhanjaya Tenaga sentiasa memantau supaya akta ibu yang di peringkat Persekutuan itu sentiasa relevan dan juga mencukupi untuk digunakan di peringkat negeri itu. Pihak kita sentiasa...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Jadi, saya hendak penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak boleh, tidak boleh Yang Berhormat.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** *[Bangun]*

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Soalan tambahan kedua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak boleh Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Dia kata jika soal ini - Bandar Kuching...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Malaysia Boleh! Malaysia kata, Malaysia Boleh! Malaysia Boleh *bha*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bandar Kuching, tidak boleh macam ini Yang Berhormat.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Sebentar Yang Berhormat Sibu.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Itu *contradiction*.

**Seorang Ahli:** Cukuplah, cukup!

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Menteri *self contradiction*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sibu.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Soalan.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tuan Yang di-Pertua, Menteri itu...



**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah, masa Ahli Yang Berhormat sudah habis.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** ...*Self-contradiction*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, tidak boleh. Yang Berhormat, tidak elok masuk televisyen macam ini Yang Berhormat. Salah peraturan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Sibü.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibü]:** Saya... [*Disampuk*][*Ketawa*] Saya amat tidak bersetuju dengan apa yang dicakap oleh Menteri kerana bila saya pergi melawat di *Murun Dam* tahun lalu, saya tidak dibenarkan untuk memasuki kawasan *Murun Dam* oleh Polis Diraja Malaysia. Polis Diraja Malaysia adalah di bawah kawalan Kerajaan Pusat, bukan kerajaan negeri. [*Dewan riuh*] Jadi walaupun penjana kuasa melalui kuasa kerajaan negeri tetapi banyak dari segi pembangunan, empangan-empangan ini sudah melibatkan hal ehwal Kerajaan Pusat. Jadi, Kerajaan Pusat tidak menjalankan tanggungjawab ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Saya pun telah sentuh tadi, setiap perkara yang berkaitan dengan pembangunan tenaga di negeri Sarawak adalah telah didelegasikan kepada negeri Sarawak. Jadi, perihal seperti begitu haruslah ditunjukkan kepada peringkat negeri. Barangkali pengurusan di situ - kerana *Murun Dam* ini saya difahamkan hujung tahun baru sempurna. Belum lagi boleh terbuka kepada sesiapa yang masuk ke situ, dari segi keselamatan. Barangkali Yang Berhormat Sibü tidak dikenali di situ pada hari itu. So saya pun tidak tahu tetapi ada hal-hal tertentu mengapa pihak awam tidak boleh masuk. Ia dalam keadaan persiapan dan *they expected date of delivery* adalah pada penghujung tahun ini. So, elok rujuk kepada pihak kerajaan negeri.

Daripada segi - tidak ada konflik. Malah, akta adalah *Federal*. Ia delegasi kepada negeri Sarawak dan kita akan meneliti...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Memesongkan Dewan, memesongkan Dewan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, tidak boleh.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Peraturan mesyuarat, memesongkan Dewan. Beliau kata, laporan EIA ada mengumumkan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak boleh Yang Berhormat. [*Dewan riuh*]

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Peraturan mesyuarat memesongkan Dewan. Beliau kata, dia kata laporan EIA.. tetapi tidak. Tidak diumumkan. Laporan- *EIA report* telah disulitkan. *Why is so secret?* Kenapa? Kenapa hendak sembunyi? Sembunyi fakta-fakta dalam laporan itu?

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

**USUL****WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN  
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****11.34 pg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 10.00 malam dan selepas itu Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi, hari Rabu, 5 November 2014. Terima kasih.”

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2015****Bacaan Kali Yang Kedua****Dan****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2015**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2015 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [*Akta 406*], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari lima puluh bilion, empat ratus sembilan puluh sembilan juta, sembilan ratus sembilan puluh empat ribu ringgit (RM50,499,994,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2015, dan bagi tujuan dan butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2015, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 42 Tahun 2014, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersementaraan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.” **[3 November 2014]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dijemput Kementerian Pengangkutan.

**11.36 pg.**

**Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Liow Tiong Lai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan 2015 yang menyentuh bidang tugas Kementerian Pengangkutan di Dewan yang mulia ini.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Yang Berhormat Kota Kinabalu dan Yang Berhormat Sepanggar telah mencadangkan agar kerajaan mengambil pertimbangan dengan membenarkan liberalisasi pengangkutan laut di Sabah dan memansuhkan Dasar Kabotaj. Yang Berhormat Sandakan dalam pada itu juga telah membangkitkan mengenai status cadangan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang telah berjanji untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Khas Kabinet untuk meneliti dan mengkaji semula Dasar Kabotaj pada tahun 2015.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Dasar Kabotaj yang diamalkan di Malaysia ialah satu dasar yang liberal berbanding dengan kebanyakan negara lain. Di Malaysia, kapal-kapal asing turut dibenarkan beroperasi dalam sektor perkapalan domestik dengan syarat kapal-kapal Malaysia tidak dapat menampung perkhidmatan perkapalan yang ditawarkan. Kerajaan amat mengambil berat mengenai kebajikan rakyat di Sabah, Sarawak dan Labuan.

Hal ini dibuktikan dengan penubuhan Jawatankuasa Kabinet mengenai logistik dan kos sara hidup di Sabah, Sarawak dan Labuan pada tahun 2015 dan dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Mesyuarat pertamanya telah diadakan pada 14 Jun 2012. Lanjutan dari mesyuarat tersebut, dua sesi makmal mengenai kos sara hidup di Sabah, Sarawak dan Labuan telah diadakan iaitu pada 1 Oktober 2012 sehingga 12 Oktober 2012 di Kota Kinabalu, Sabah dan 15 Oktober 2012 sehingga 25 Oktober 2012 bertempat di Kuching, Sarawak.

Selain Kementerian Pengangkutan, Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak, pihak industri berkepentingan telah hadir di kedua-dua makmal berkenaan. Makmal berkenaan mendapati bahawa Dasar Kabotaj bukanlah faktor penyumbang utama kepada kos sara hidup yang tinggi di Sabah, Sarawak dan Labuan memandangkan kos pengangkutan laut hanya menyumbang kepada 6% hingga 8% dari kos keseluruhan sesuatu produk. Kos perkapalan yang melibatkan Dasar Kabotaj hanya merupakan salah satu elemen di dalam rangkaian pengangkutan barangan.

Elemen lain yang terlibat ialah kos pengangkutan darat, kos pengendalian kargo, caj-caj pelabuhan serta kos perkhidmatan *freight forwarding* yang langsung tidak melibatkan Dasar Kabotaj.

Kementerian Pengangkutan telah dan akan terus mengadakan perjumpaan serta sesi dialog bagi mendapatkan maklum balas dari pihak-pihak berkepentingan bagi menambah baik

pelaksanaan dasar ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, satu sesi dialog bersama wakil Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak serta komuniti peniagaan Sabah, Sarawak, dan Labuan yang dipengerusikan oleh saya sendiri telah diadakan pada 16 Oktober 2014, di Putrajaya. Sebanyak 39 buah organisasi yang berkepentingan telah pun hadir.

Dialog ini juga turut dihadiri oleh Yang Berhormat Tan Sri Datuk Sri Panglima Joseph Pairin Kitingan dan Yang Berhormat Dato Sri Michael Manyin Jawong. Hasil perbincangan di sesi dialog berkenaan, dapat dirumuskan bahawa para perwakilan memahami betapa pentingnya pelaksanaan Dasar Kabotaj untuk kepentingan negara dan menyeru Kementerian Pengangkutan terus mengkaji dengan lebih terperinci kawalan caj-caj pelabuhan.

■1140

Dalam pada itu, langkah-langkah akan diambil untuk mempertingkatkan kecekapan pelabuhan di Sabah dan Sarawak serta perkhidmatan sokongan yang berkaitan termasuklah rantaian bekalan, isu *connectivity* dan sebagainya. Kementerian Pengangkutan bersama-sama dengan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak bukan sahaja akan mengkaji kadar caj pelabuhan yang dikenakan, bahkan akan juga berusaha untuk meningkatkan penggunaan pelabuhan Sabah dan Sarawak sebagai satu hab yang lebih penting bagi laluan-laluan kapal pada masa akan datang.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Boleh buat pertanyaan Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Silakan Yang Berhormat Madius.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, silakan Yang Berhormat Tuaran.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri telah menyatakan tentang salah satu daripada faktor kos barangan tadi yang menyebabkan ialah dari segi keberkesanan atau *efficiency* operasi pelabuhan. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan tentang perbezaan ataupun pencapaian *efficiency* Pelabuhan Sepanggar di Kota Kinabalu berbanding dengan pelabuhan di Bintulu dan *benchmarkkan* dengan pelabuhan yang lebih efisien seperti di Port Klangkah ataupun di Tanjung Pelepas dan sebagainya. Kalau keberkesanan itu begitu rendah, apa langkah-langkah kementerian Yang Berhormat akan buat untuk pastikan supaya keberkesanan itu, *efficiency* itu setaraf dengan pelabuhan di Port Klang ataupun di Tanjung Pelepas ini? Terima kasih.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Keberkesanan pelabuhan di Sabah dan Sarawak memang agak rendah berbanding dengan pelabuhan di semenanjung contohnya Port Klang dengan pelabuhan Sepanggar. *Movement per container per hour* daripada Pelabuhan Klang lebih kurang *25 movements container per hour*. For Sepanggar, lebih kurang 11 ataupun *even less than that*. *Nearly half* dari segi *efficiency movement container per hour*.

Ini kerana dari segi kelengkapan, dari segi kemudahan yang ada di kedua-dua pelabuhan adalah berlainan. Kita juga sedar bahawa banyak perlu dipertingkatkan dari segi kelengkapan dan juga kemudahan di pelabuhan-pelabuhan di Sabah Sarawak. Perlu diingatkan

bahawa kebanyakan pelabuhan di Sabah dan Sarawak ialah pelabuhan di bawah kuat kuasa kerajaan negeri, ia bukan di bawah Kerajaan Pusat. Oleh itu, kerajaan negeri perlu bekerjasama dengan Kerajaan Pusat dan Kementerian Pengangkutan sedia membantu untuk membangunkan lagi pelabuhan-pelabuhan yang sedia ada di peringkat negeri.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya bersetuju bahawa Pelabuhan Sepanggar ini adalah di bawah kelolaan kerajaan negeri dan ia diurus tadbir oleh Sabah Port Sdn Bhd di bawah Syarikat Suria Capital Berhad. Maknanya ia adalah diurus secara GLC, bukan agensi kerajaan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa kemudahan yang ada sekarang ini telah dibina hasil daripada pinjaman yang telah dibuat oleh syarikat ini daripada Kerajaan Persekutuan sebanyak RM193 juta. Dengan lain perkataan, jika sekiranya Kerajaan Persekutuan mahu menambah *efficiency* pelabuhan ini, adakah kementerian Yang Berhormat bersedia untuk membantu kerajaan negeri jika sekiranya keperluan untuk mendapatkan pinjaman yang lebih untuk mempertingkatkan lagi *efficiency* pelabuhan tersebut.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang Kerajaan Pusat bersedia untuk bekerjasama dan meningkatkan peruntukan tambahan dari segi bagaimana untuk meningkatkan lagi pembangunan pelabuhan di Sabah dan Sarawak. Sebenarnya kerajaan juga memberi banyak peruntukan dari segi pengerukan kedalaman laut untuk membolehkan kapal-kapal lebih besar untuk memasuki ke kawasan pelabuhan-pelabuhan di negeri Sabah dan Sarawak. Kita akan terus bekerjasama dalam bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Seremban telah membangkitkan mengenai sama ada Penang Port Commission telah menyerahkan operasi Swettenham Pier ini kepada Seaport Terminal. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) belum menyerahkan operasi Swettenham Pier ini kepada Seaport Terminal. Belum lagi ya. SPPP telah melantik Port Penang Sdn Bhd (PPSB) sejak tahun 1994 untuk menguruskan operasi Swettenham Pier atas *management agreement*. Apabila SPPP membina semula Swettenham Pier sebagai Swettenham Pier Cruise Terminal (SPCT), pelantikan PPSB telah diteruskan melalui *management agreement* buat sementara waktu untuk menguruskan SPCT.

Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang memang mempunyai perancangan dan pelan pembangunan bagi memaju dan membangunkan Swettenham Pier Cruise Terminal dan kawasan sekitarnya. Namun begitu, segala perancangan dan pelan pembangunan tidak dapat dilaksanakan buat masa ini berikutan isu pertikaian tanah SPCT antara SPPP dengan pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2010 lagi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah gagal mengeluarkan *land title* kepada SPPP walaupun permohonan bagi mendapatkan *land title* berkenaan telah dibuat sejak Oktober tahun 2010. Pertikaian ini masih dalam proses perundangan di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Sekijang yang mencadangkan supaya kerajaan menaik taraf pelabuhan darat di Segamat kepada terminal – Yang Berhormat nak tanya? Yang Berhormat Seremban.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya rasa isu Swettenham Pier ini telah saya bangkitkan dalam perbahasan saya dan cadangan saya ialah supaya pihak Kerajaan Pusat melihat pelabuhan ini dengan strategi dan memberikan perhatian yang serius. Saya rasa tidak adil kalau pihak Kerajaan Pusat hanya menyalahkan pihak kerajaan negeri tidak bekerjasama dari segi tanah.

Saya telah berbincang dengan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang. Saya rasa Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersedia untuk berbincang dengan pihak Kerajaan Pusat untuk membangunkan Swettenham Pier ini. Akan tetapi, saya rasa ada banyak pertikaian dan seolah-olah walaupun tadi jawapan Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa belum lagi diserahkan kepada Seaport untuk menguruskan pelabuhan ini, tetapi mereka seolah-olah syarikat ataupun pengendali. Mereka telah memberikan *interview* dalam surat khabar menyatakan mereka ada perancangan dan sebagainya. Akan tetapi, itu belum muktamad lagi seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri.

Saya ada mendapat maklumat bahawa ada banyak pihak yang ingin memajukan Swettenham Pier melihat kepada potensi Swettenham Pier sebagai satu *cruise* terminal. Saya harap ini dapat diberikan perhatian serius oleh pihak kementerian Yang Berhormat bersama-sama dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Hal ini kerana kita perlu melihat sebagai satu strategik pelan untuk memajukan industri pelancongan dan pengangkutan di Pulau Pinang dan di utara Malaysia.

Satu perkara lagi ialah saya berharap juga Yang Berhormat Menteri kerana saya tahu bahawa Penang Port Commission ini Pengerusi sekarang ialah masih ialah mantan Presiden MCA iaitu Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek, yang umum diketahui bahawa hubungan mantan Presiden MCA dengan Yang Berhormat Menteri kurang mesralah, kurang intim sedikit. Saya harap ini jangan ada pertimbangan politik. Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat memberikan satu jaminan dalam Dewan yang mulia ini, apa-apa pertimbangan politik dalam MCA itu tidak akan menjejaskan pembangunan Swettenham Pier ini. [*Tepuk*] Ini kerana kita harap dapat kita mengambil satu pertimbangan secara profesional untuk pembangunan negara. Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat memberikan jaminan ini dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Yang Berhormat Seremban ini ada sangkaan jahatlah saya dengan Yang Berhormat. Saya rasa tali silaturahim saya dengan mantan Presiden memang baik, tak ada masalah. Kita bertanding di parti, tetapi selepas itu kita sekarang parti bersatu padu balik untuk pastikan kita bahawa kita menang balik Kerajaan Negeri Pulau Pinang kemudian.

Saya juga berterima kasihlah kepada Yang Berhormat Seremban yang telah pun bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang nak beri kerjasama kepada Kerajaan Pusat untuk membangunkan Swettenham Pier ini. Sebenarnya Swettenham Pier ini adalah satu *port* yang penting. Swettenham Pier Cruise Terminal telah pun membawa ramai pelancong ke negeri Pulau

Pinang. *In a year 2004 alone* melalui *Star Cruise and other cruises* telah membawa pelancong sebanyak 122,000 melalui Swettenham Pier Cruise Terminal.

■1150

Kita memang hendak membangunkan kerana banyak lagi kawasan di sekitar Swettenham Pier Terminal ini boleh dibangunkan tetapi kerana masalah mahkamah maka *even the royal cruise* dunia yang lain hendak singgah belum lagi kita dapat mencapai kata putus kerana peluang pembangunan ini terencat akibat daripada kes mahkamah ini. Walau bagaimanapun kita berharap dengan kerjasama kerajaan negeri, kita boleh berbincang untuk kita mempercepatkan proses pembangunan di kawasan Swettenham Pier Port ini. Yang Berhormat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Seremban bangun lagi.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Pertamanya adakah pihak kementerian ada cadangan untuk berbincang terus dengan kerajaan negeri. Sebab saya rasa ini kalau cakap tertanggung di mahkamah, saya rasa ia bukan satu cara proaktif daripada pihak Kerajaan Pusat kerana seperti yang telah diputuskan oleh Kerajaan Pusat, *cruise tourism* ini merupakan satu EPP *project*, satu *entry point project* yang telah diberikan keutamaan dalam perancangan pembangunan ekonomi negara.

Kedua yang saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, sebab seperti yang dikatakan tadi Swettenham Pier ini ada potensi untuk membawa banyak pelancong tetapi angka-angka yang diberikan itu, saya rasa ia tidak memberikan satu gambaran yang benar kerana walaupun dikatakan *star cruise* ini amat aktif tetapi kita tahu bahawa *star cruise* ini, mereka fokus kepada *cruise to nowhere*. *Cruise to nowhere* ini hanya membawa pelancong-pelancong ataupun orang-orang tempatan untuk naik kapal keluar ke laut antarabangsa dan balik dan bukannya membawa daripada kapal-kapal daripada luar untuk membawa pelancong asing.

Saya mendapat maklum balas bahawa banyak kapal pelayaran antarabangsa yang hendak singgah di Pulau Pinang tidak dapat kerana kekurangan *booth* di Pulau Pinang ini. Ini satu masalah. Keduanya ialah model yang telah digunakan oleh *Royal Caribbean* di Melaka Gateways, adakah mereka menggunakan ataupun memohon lesen *private jetty* di Melaka Gateways. Kalau model yang telah diluluskan di Melaka Gateways dikendalikan oleh *Royal Caribbean*. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah model yang sama dapat dipraktikkan di Pulau Pinang dan di tempat-tempat lain dan diberikan lesen *private jetty*. Kalau ada pihak-pihak yang ingin membangunkan *private jetty* di tempat-tempat lain selain daripada Swettenham Pier, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cuma Yang Berhormat Menteri, kalau ada perkara baru yang ditimbulkan, Yang Berhormat Menteri tidak perlu jawab dan jawab secara bertulis, ya.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Okey terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak terangkan kepada Yang Berhormat Seremban tadi bahawa apa yang saya nyatakan mengenai bilangan *tourist* yang masuk ke Pulau Pinang 122,886 orang itu pada tahun 2013. Ini bukan

*cruise to nowhere*, ini adalah *international cruise*. Memang dia daripada *international tourist*. *Cruise to nowhere* itu dia ada lagi, 826,000 orang, *is more than that - 800 over thousand is another cruise, another tour program*.

Saya juga hendak menjelaskan bahawa bukan Kerajaan Pusat yang tidak mahu membangunkannya. Kita hendak membangunkan Swettenham Pier terminal ini tetapi kerana tanah tersebut yang tempohnya telah habis pada tahun 2013, kita memohon kepada kerajaan negeri, kerajaan negeri sudah luluskan dan kita sudah bayar – *Form 5A* sudah keluar dan kita sudah bayar RM15 juta kepada kerajaan negeri. Kemudian kerajaan negeri pada akhirnya menarik balik keputusan ini dan ini memaksa *port authority* untuk merujuk kes ini ke mahkamah. Ini yang menyebabkan kes ini tidak selesai sehingga sekarang. Tidak apalah kalau memang kita ikhlas, kita boleh bincang terus. Kalau kerajaan negeri boleh berbincang dengan Kerajaan Pusat, kita bersedia berbincang untuk menyelesaikan isu ini dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Sekijang yang mencadangkan supaya kerajaan menaiktarafkan pelabuhan darat di Segamat kepada Terminal Bersepadu...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Ada lagi?

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** *Private jetty* itu boleh?

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Oh! *Private jetty* boleh. Memang sekiranya ada tetapi perlu mendapat kelulusan daripada jabatan laut dan perlu membuat permohonan. Ini kerana semua *private jetty* perlu dikaji daripada segi EIA dan sebagainya sebelum boleh membuat kelulusan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Sekijang berhubung Terminal Bersepadu Pelabuhan Segamat bagi meningkatkan sistem pengangkutan di kawasan Segamat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelabuhan darat di Segamat akan dinaiktarafkan sebagai Terminal Bersepadu Pelabuhan Segamat atas usaha sama syarikat swasta. Terminal Bersepadu Pelabuhan Segamat dijangka akan berperanan sebagai *inland port* dan *one stop centre* bagi aktiviti pemunggaan, pengendalian, penyimpanan dan pengedaran kargo. Terminal ini akan dijangka akan memantapkan lagi perkhidmatan pengangkutan di rangkaian logistik di negeri Johor. Saya yakin Yang Berhormat Sekijang bawa balik berita baik ini untuk – kita akan tahu pembangunan di kawasan Segamat ini akan terus dimantapkan.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Sekijang.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Yang Berhormat Sekijang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sekijang, sila.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan Terminal Bersepadu ini, saya mencadangkan oleh sebab sudah 16 tahun pelabuhan darat di Segamat ini hanya beroperasi sehingga tahun 2006 dan selepas tahun 2006 sehingga sekarang sudah ada dua buah syarikat yang cuba hendak mengambil alih untuk mengusahakan



pelabuhan darat ini bagi menjalankan perniagaan di kawasan pelabuhan darat ini. Jadi apabila melihat kepada usaha yang nampaknya masih belum memperlihatkan bagaimana pelabuhan darat ini boleh dimaksimumkan penggunaannya, kami di Sekijang merasa khuatir.

Oleh itu kita mencadangkan oleh sebab berdekatan dengan pelabuhan darat ini ialah laluan kereta api berkembar yang kami rasakan kalau hendak di naik taraf stesen kereta api yang lama itu memang memakan kos yang tinggi, kenapa tidak diselaraskan, dijadikan terminal bersama. Kalau katalah bersepadu tadi itu kita jadikan terminal bas, terminal teksi dan kenderaan dan kalau boleh kita jadikan juga terminal itu untuk kegunaan pelabuhan darat seperti Yang Berhormat Menteri sudah cadangkan tadi. Itu salah satu cadangan saya supaya ia dapat memaksimumkan penggunaan pelabuhan darat yang ada di Daerah Segamat itu. Terima kasih.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Okey terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Memang pelabuhan *inland port* ini dipantau oleh Pelabuhan Klang dan telah pun wujud sebuah syarikat iaitu Segamat Inland Port Sdn. Bhd. yang akan menguruskan semua urusan tadbir di *inland port* ini dan cadangan ini akan kita sampaikan kepada pihak pengurusan. Untuk makluman Yang Berhormat Serdang yang telah memohon supaya...

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Membentangkan laporan kewangan tahun 2012, Port Klang Authority supaya butir-butir kewangan boleh diketahui dengan lebih mendalam. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Sedang, laporan ini memang telah dibentangkan setiap tahun di Parlimen dan Lembaga Pelabuhan Klang 2012, laporan tahunannya telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 28 November 2013 dan di Dewan Negara pada 17 Disember 2013. ...*Were last year, I hope we get a copy.*

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri kenapa tidak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya belum jemput lagi.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri boleh beri penerangan?

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri kenapa laporan tahunan itu tidak dimuat naik di *website* PKA dan saya juga hendak tanya satu soalan yang saya telah tanyakan pada waktu perbahasan iaitu adakah benar bahawa PKA sekarang

tidak lagi membayar *interest* kepada Kerajaan Pusat atas pinjaman *soft loan* yang diberikan oleh sebab projek PKFZ. *Short interest, interest payment* untuk 2012 dan seterusnya. Terima kasih.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Okey Yang Berhormat Serdang, saya rasa memang kita ada laporan *hard copy* dan ada juga *softcopy*. Saya yakin *softcopy* juga ada di *website* dan kita akan pastikan bahawa semua *softcopy* ada di *website* dan sila rujuk kepada *website* untuk mendapatkan *softcopy* berkenaan. Saya rasa Port Klang Authority akan terus bertanggungjawab – kalau ada apa-apa *soft loans interest* memang perlu dibayar. Kerajaan tidak akan, orang kata memberikan pengecualian dan akan dipastikan mengikut tata kewangan yang ada dalam negara kita.

Berhubung dengan...

■1200

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Yang Berhormat Menteri, hendak minta sedikit penjelasan sahaja. Sedikit penjelasan sahaja.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Saya rasa kalau secara butiran yang lanjut, saya boleh bagi secara bertulis.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Bukan, kerana saya ada tanya pada waktu perbahasan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Serdang, Menteri kata kalau untuk butiran itu, dia akan bagi secara bertulis.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Ya, secara bertulis.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Bukan. Pada masa perbahasan, saya ada bangkitkan satu isu spesifik yang ditulis dalam Laporan Ketua Audit Negara tentang PKA yang Menteri belum jawab lagi. Boleh beri sedikit jalan sahaja? Sedikit jalan sahaja.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Boleh, silakan.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Tuan Yang di-Pertua, kerana ini memang satu isu yang penting kerana mengikut Laporan Ketua Audit Negara 2012, telah dinyatakan bahawa PKFZ, as a *going concern*, mungkin terjejas oleh sebab ketidakupayaan PKA untuk membayar balik hutang *soft loan* yang dipinjam daripada Kerajaan Pusat. Saya rasa ini memerlukan penjelasan yang lebih lanjut lagi daripada pihak kementerian, sama ada PKA ini ada apa-apa rancangan untuk *restructure the soft loan from the Finance Ministry. So that, it can be a going concern.* Saya rasa ini perlu dijawab oleh Menteri.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Okey, saya hendak jelaskan di sini dan hendak menjawab soalan ini bahawa PKA membayar semua hutang dengan teratur. Tiap-tiap tahun, tiap-tiap bulan ada bayaran dibuat. Selain daripada itu, *that additional loan* yang disediakan awal oleh kerajaan juga tidak diambil oleh PKA sekarang kerana PKFZ sekarang memang mampu. PKFZ sekarang memang mampu untuk membayar balik. Kerajaan telah bersetuju menstrukturkan semula pinjaman dan Lembaga Pelabuhan Klang memang akan memulangkan semua pinjaman yang telah dibuat dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soalan Yang Berhormat Seremban mengenai projek menaik taraf landasan kereta api sektor Pantai Timur, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, kerja-kerja pra pembinaan seperti kerja ukur tanah (*land survey*), siasatan tanah (*soil investigation*) serta penyediaan reka bentuk dan dokumen tender sedang dilaksanakan. Proses perolehan tender bagi projek tersebut akan dilaksanakan berdasarkan kepada tatacara kewangan kerajaan yang sedang berkuat kuasa. Oleh itu, kita akan siapkan *all the document* agar projek ini boleh ditender dalam masa yang terdekat ini.

Untuk makluman Yang Berhormat...

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kluang.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Isu landasan kereta api. Satu ialah, siapa akan bertanggungjawab terhadap masalah di landasan Pantai Timur kerana ini berlaku dan SPAD masuk untuk memberi arahan. Saya tidak pasti apa hubungan di antara Kementerian Pengangkutan dengan SPAD. Saya dapati bahawa tidak ada wakil Kementerian Pengangkutan dalam Lembaga SPAD. Adakah ini luar biasa dan apa hubungan komunikasi di antara dua-dua bahagian dan kenapa ini berlaku? Siapa akan memikul tanggungjawab masalah di landasan Pantai Timur? Terima kasih.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** SPAD saya rasa dari segi penguatkuasaan, dari segi perancangan *railway* di sekitar Pantai Timur ini mereka sedang memantau. Akan tetapi bagi pelaksanaan ataupun pembinaan ataupun *repair*, pembangunan *railway* di bawah Kementerian Pengangkutan.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Mengapa tidak ada wakil Kementerian Pengangkutan dalam Lembaga SPAD?

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Dia satu suruhanjaya yang memang diadakan untuk memantau dan juga merancang pembangunan. Oleh itu, Kementerian Pengangkutan sebagai *regulatory enforcement*, kita juga boleh memberi pandangan-pandangan pada peringkat yang lain.

Untuk makluman Yang Berhormat Sekijang dan Yang Berhormat Tebrau yang telah meminta kerajaan mempertimbangkan untuk mempercepatkan pembinaan projek landasan berkembar antara Gemas dan Johor Bahru...

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Minta penjelasan Yang Berhormat, berkaitan dengan *railway* pantai...

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Oh, Pantai Timur.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Pantai Timur, ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila, sila.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin penjelasan tentang pembaikan landasan ke Pantai Timur sebagaimana yang diperuntukkan dalam bajet, di mana kita dapati perjalanan dari Tumpat ke Kuala Lumpur

memang memakan masa yang terlalu lama. Saya kira adalah satu perkara yang patut diberi pertimbangan macam mana untuk mempercepatkan perjalanan, sebab perjalanan memakan masa hampir 11 jam. Saya pernah naik kereta api, memang kalau hendak hadir *meeting* pukul 10.00 pagi memang tidak sesuai. Naik kereta api dengan perjalanan yang terlalu lambat, kadang-kadang terlalu lama.

Jadi apa yang saya hendak penjelasan di sini ialah apakah tindakan kerajaan untuk jangka panjang khususnya dari segi pengangkutan *railway* ke Pantai Timur, apakah cadangan untuk pembinaan landasan laju sebagaimana yang dibina di Pantai Barat?

Begitu juga tentang saya dimaklumkan dalam Dewan ialah jambatan yang menghubungkan antara sungai-sungai di laluan kereta api ini kurang selamat. Ini jawapan yang saya terima dalam sesi lepas. Jadi macam mana perkara ini boleh dibiarkan, sekiranya ia tidak selamat, untuk penggunaan pengangkutan awam? Sepatutnya ini menjadi keutamaan. Ini kerana berapa banyak jambatan yang perlu dilepasi oleh kereta api untuk ke Pantai Timur. Jadi sejauh mana perkara ini diberi perhatian oleh pihak kementerian? Minta penjelasan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Menteri, sikit sahaja. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalannya ringkas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Apakah negara Malaysia ini mampu untuk memiliki kereta api laju? Apakah tidak mustahil, *not impossible* untuk kita memiliki kereta api laju seperti di Eropah, Amerika, Hong Kong, Korea dan China yang mana kita selesa naik kereta api. Perjalanan 380 kilometer, 45 minit, adakah boleh? Kalau boleh, bila kita boleh laksanakan? Terima kasih.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang boleh, kita boleh adakan. *High speed train* kita memang hendak bina sekarang ini dari *Singapore* ke Kuala Lumpur. Memang itu satu projek yang baru, yang kita akan buat. *High speed rail* ini akan pastikan dia dalam 90 minit kita akan sampai.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** [Bangun]

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau boleh bukan Kuala Lumpur sahaja, sambunglah pergi Ipohkah, pergi mana-mana, Alor Setar.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Berbalik kepada soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat...

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Menteri, Menteri. Isu *high speed rail*.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** *Later, I come to you.*

Berhubung dengan pandangan bagaimana kita hendak memberikan perkhidmatan yang lebih selesa kepada penduduk di Pantai Timur kerana perjalanannya begitu lama, memang kita perlu tingkatkan lagi *rail* sekarang yang ada. Sekarang dari Mentakab ke Tumpat ini adalah orang kata laluan kereta api yang lama, semasa penjajah lagi menggunakan ini untuk membawa keluar bahan-bahan mentah getah dan sebagainya. Laluan itu bukan laluan yang komersial atau laluan

melalui pekan-pekan besar. Memang satu perancangan lebih meluas perlu dilakukan oleh Kementerian Pengangkutan dan saya telah arahkan Bahagian Perancang, Kementerian Pengangkutan untuk merancang keseluruhan perancangan laluan kereta api. Contohnya, kalau di Pantai Timur, dia boleh melalui dari Kuala Lumpur terus ke Kuantan, Kuantan ke Kuala Terengganu dan Kuala Terengganu ke Kota Bharu. Itu ialah laluan bandar-bandar yang dapat membawa penumpang dengan lebih ramai. Itu memang satu perancangan yang lebih menyeluruh.

Juga, kita akan pastikan juga keselamatan yang ada sekarang, yang laluan sekarang, dari Gemas ke Mentakab, Mentakab ke Tumpat, memang dia mempunyai banyak masalah terutamanya jambatan-jambatan yang lama. Oleh itu, kita tahu oleh sebab laluannya tidak begitu selesa, maka kereta api itu tidak boleh laju. Kita kena pastikan bahawa kereta api ini boleh kita tingkatkan kelajuannya. Apabila kita dapat memperbaiki traknya, traknya yang lebih selamat, maka kereta api ini boleh dilajukan lagi.

■1210

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Tuan Yang di-Pertua saya minta maaf bagi pihak rakyat. Walaupun laju, walaupun perlahan, kalau tidak selamat, tidak selamat, tidak selamat walau perlahan pun tidak selamat. Adakah hendak jatuh dalam sungai baru hendak baiki? Jadi kalau Yang Berhormat Menteri jawab ataupun kereta api tidak boleh laju kerana tidak selamat, perlahan pun tidak selamat. Jadi saya minta perkara ini diberi perhatian. Ini kepentingan rakyat, keselamatan rakyat.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Okey, terima kasih sebab itu kerajaan dengan segera telah memperuntukkan RM400 juta untuk kita membaiki kawasan-kawasan tersebut agar ia dapat ditingkatkan dari segi keselamatan dan juga keselesaan pengguna kereta api ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri panjang lagi isu kereta api ini?

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Panjang lagi. *Last one, last one.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Banyak lagi?

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Kereta api penting juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Selepas Yang Berhormat Kluang Yang Berhormat Menteri beralih pada tajuk yang lain ya.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Saya rasa kereta api ini penting dan saya sudah minta dalam ucapan saya mengenai adakah kementerian bersetuju adakan satu pelan untuk menggabungkan pelbagai program kereta api *high speed rail* dan program-program kereta api yang lain. Ini kerana rasanya *high speed rail* ini dipandu oleh SPAD, kereta api KTM hendak kurangkan perkhidmatan di Pantai Timur, kereta api KTM hendak kurangkan pelbagai perkhidmatan kerana ia kata perjalanan ini semua tidak menguntungkan.

Saya minta Yang Berhormat Menteri lah kalau boleh maklumkan di dalam Dewan ini adakah *high speed rail* di bawah Kementerian Pengangkutan atau di bawah SPAD, adakah

kementerian ataupun Yang Berhormat Menteri sendiri bersedia untuk memandu subjek ataupun pelan ini. Okey, terima kasih.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Okey, Terima kasih Yang Berhormat Kluang yang begitu prihatin dengan Kementerian Pengangkutan. Untuk makluman Yang Berhormat, *high speed rail* ini *it is a cross ministry* bukan di bawah satu kementerian atau di bawah SPAD saja, ia melibatkan pelbagai kementerian termasuk EPU sekali dan juga Kementerian Pengangkutan. Memang terlibat dengan pembangunan *high speed rail*. Untuk makluman Yang Berhormat...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Menteri, berhubung dengan *high speed train* ini juga sikit.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Ia tidak ada dalam perdebatan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak mengapa fasal bila dah bincang ini ada timbul persoalan.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Tadi Tuan Yang di-Pertua sudah kata *last one*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya pun sudah tegur sudah tadi.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *Last, last*, ringkas saja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya sudah maklumkan kalau perkara baru ini tidak perlu ditimbulkan. Kita ada peluang di peringkat jawatankuasa nanti.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Nanti kita bincang balik ya.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tapi saya punya komen ini atas dasar Tuan Yang di-Pertua, ringkas saja, seminit saja boleh selesai. Saya hendak komen sikit mengenai pendekatan kementerian ini tentang soal pengangkutan *rail* ini. Saya lihat *high speed train* ini adalah untuk memenuhi keperluan komersial, *business, direct* Singapura ke Kuala Lumpur, *fullstop*. Ini lah masalah kita, kita tidak lihat asas pengangkutan yang baik sebagai keperluan rakyat yang perlu disediakan.

Tadi Yang Berhormat Menteri sendiri sebut yang pergi daripada Mentakab pergi ke Kota Bharu atau ke manakah semenjak zaman penjajah tidak *upgrade*, tidak ada apa-apa. Jadi ini masalah falsafah kita. Falsafah kita ini kita tidak lihat ia sebagai satu produk asas. Dekat Jepun yang *Shinkansen* yang dulu itu, dia bukan tengok daripada bandar tertentu ke bandar tertentu sahaja, itu dengan izin *requirement for the whole country*. Kita ini tidak mempunyai semangat yang seperti itu. Hendak sediakan keperluan pengangkutan yang baik untuk rakyat kerana ia merupakan hak rakyat. Akan tetapi kita buat *high speed train* oleh kerana Singapura hendak pergi ke Kuala Lumpur, Kuala Lumpur hendak pergi ke Singapura dengan mudah, *fullstop*. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Okey terima kasih, saya tidak setuju dengan pandangan Yang Berhormat Shah Alam, ya tidak betul.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Boleh cakap tidak setuju tapi hakikatnya begitu.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Tidak betul. Saya rasa...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *Why do you bypass* Johor Bahru, Seremban,

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kemudian pergi ke Ipoh, pergi ke Kedah, Alor Setar, kenapa Singapura - Kuala Lumpur saja?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kenapa Kuala Lumpur saja?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Shah Alam sudah minum teh kah? Elok pergi minum teh dulu.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukuplah, cukuplah isu ini cukup, cukup.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** *High speed rail* ini ia meliputi semua di bandar-bandar yang dilalui daripada Nusajaya sampai ke Batu Pahat, sampai ke Ayer Keroh, Melaka, sampai ke Seremban juga. Ia bukan untuk Singapura ke Kuala Lumpur saja. Jangan putar belitkan isu ini.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Yang Berhormat Menteri hanya saya hendak minta...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukup, cukup, saya sudah kata tadi Yang Berhormat Kluang.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** *Feasibilities* tadi.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Dia memang pakar keliru Yang Berhormat Bentong.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tiada niat hendak putar belit, saya mengatakan hakikat. Singapura dan Kuala Lumpur. *That's it.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Shah Alam, saya hendak tanya Yang Berhormat Shah Alam ini sejak bila Yang Berhormat Shah Alam hendak ikut peraturannya?

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** *[Bangun]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Lenggong dengan Yang Berhormat Kluang duduk. Yang Berhormat Menteri baca isu lain.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Untuk makluman Yang Berhormat Tebrau yang tanya mengenai...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri kalau kita layan semua kawan-kawan kita ahli yang lain, kita sekarang ini bersidang sehingga pukul 10.00 malam. Mungkin akan bersidang sampai 12.00 malam.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Okey saya cepatkan ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Bagi projek landasan berkembar elektrik Gemas - Johor Bahru, Kementerian Pengangkutan telah pun memuktamadkan jajaran landasan berkembar sejauh 197 kilometer dari Gemas hingga ke Johor Bahru dan dokumen tender bagi projek ini telah disediakan. Pada masa sekarang pihak kementerian masih melaksanakan proses pengambilan balik tanah dan dijangka akan selesai pada penghujung tahun ini, projek ini akan dilaksanakan pada bila-bila masa sahaja sebaik sahaja perolehan tender dimuktamadkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Batu Sapi dan juga Yang Berhormat Kota Kinabalu mencadangkan supaya menaik taraf dan mewujudkan rangkaian landasan kereta api untuk menghubungkan bandar-bandar utama di Sabah.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukup Yang Berhormat Sekijang, cukup. Saya gunakan kuasa saya.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Perkhidmatan kereta api negeri Sabah merupakan satu perkhidmatan pengangkutan di bawah bidang kuasa kementerian pembangunan infrastruktur Sabah. Rangkaian kereta api sedia ada di negeri Sabah meliputi jajaran yang menghubungkan bandar dan pekan di Pantai Barat Sabah antaranya Beaufort, Tanjung Aru, Kimanis, Papar dan Membakut. Landasan kereta api sedia ada telah dinaik taraf secara berperingkat melibatkan kos sebanyak RM357 juta.

Buat masa ini Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai sebarang perancangan untuk membangunkan rangkaian baru perkhidmatan kereta api di negeri Sabah. Sebarang cadangan bagi membangunkan sesebuah rangkaian kereta api baru ataupun naik taraf landasan sedia ada sewajarnya di kemukakan oleh Kementerian Pembangunan Infrastruktur Sabah selaku perancang pembangunan infrastruktur negeri Sabah termasuk perkhidmatan kereta api di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ipoh Timur telah mencadangkan koc-koc kereta api *electric train set*...

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Tuan Yang di-Pertua minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, saya sudah buat *rulling* isu kereta api tiada lagi pencelahan.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Yang Berhormat Ipoh Timur telah mencadangkan koc-koc kereta api *electric train set* untuk..bagi memenuhi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kota Kinabalu, hendak rehat dulu sekejap kah?

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Saya tambahan sahaja saja saya tanya Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Isu lain, isu lain. Panjang lagi.



**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Kereta api saja. Saya fikir dia pun rasa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masih ada peluang, di peringkat Jawatankuasa masih ada peluang. Kita bersidang banyak hari bukannya hari ini kita hendak...

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Sabah banyak ketinggalan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kota Kinabalu apabila Speaker bercakap duduk diam-diam.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Okey lah minta maaf saja lah Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Telah mencadangkan...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Bagi minum kopi lah.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Pada masa ini KTMB menyediakan perkhidmatan ETS dari sektor Kuala Lumpur ke Ipoh pada hari Selasa hingga Khamis sebanyak 16 perkhidmatan sehari dan sebanyak 20 perkhidmatan sehari pada Jumaat sehingga Isnin. KTMB merancang untuk menambah kekerapan perkhidmatan di sektor ini apabila 10 set ETS baru diterima sepenuhnya pada suku pertama tahun 2016.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Serdang juga telah memohon penjelasan mengenai rancangan untuk memulihkan Perbadanan Aset Keretapi (PAK) bagi mengurangkan tunggakan hutang PAK sebanyak RM1.07 bilion. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hutang PAK merupakan hutang yang diwarisi oleh agensi tersebut dengan berkuat kuasanya Akta Kereta Api 1991. Di dalam Perkara 92(2), akta tersebut yang menyatakan bahawa segala harta, hak dan liabiliti pentadbiran Keretapi Tanah Melayu hendaklah terletak hak kepada PAK. Dalam hal ini perlu dijelaskan bahawa hutang PAK sebanyak RM1.07 bilion ini bukanlah diwujudkan semasa ataupun selepas penubuhan PAK, sebaliknya dipertanggungjawabkan kepada PAK sebagai mana diperuntukkan di bawah Akta Keretapi 1991.

PAK juga telah melaksanakan inisiatif dengan mengemukakan permohonan kepada Bahagian Pelaburan Strategik, Kementerian Kewangan bagi menstrukturkan semula pembayaran tunggakan hutang PAK. Seterusnya Bahagian Pelaburan Strategik memohon PAK untuk mengemukakan cadangan pelan penstrukturan semula hutang PAK untuk pertimbangan pihaknya.

Dalam masa yang sama, selaras dengan Perkara 89(8) yang membenarkan PAK mengurus, mentadbir, dan menyenggara segala harta yang diletak hak kepadanya, PAK dari semasa ke semasa menjalankan urus niaga bagi menjana pendapatan bagi membolehkan PAK mentadbir aset dan infrastruktur 'pengkeretapian' yang dipertanggungjawabkan kepadanya serta membayar balik pinjaman tersebut kepada kerajaan. Tanah-tanah rizab KTMB yang tidak digunakan akan dibangunkan untuk menjana pendapatan dan memberi pulangan kepada kerajaan.

## ■1220

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu PUSPAKOM...

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Yang Berhormat Menteri, *Railway Assets Corporation* ini kereta api atau tidak, saya hendak tanya. Kalau boleh hendak tanya satu soalan.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** *It is not...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Saya sudah jelaskan. PAK ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri tidak benarkan. Sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Ya, saya...

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Ini juga dibentangkan dalam Laporan Ketua Audit Negara. *[Disampuk]* Hutang dia memang banyak dan saya hendak tanya tentang rancangan untuk *restructure* semula sahaja.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Memang saya sudah jelas tadi. Saya sudah jawab, tidak dengar? Saya sudah jawab bahawa kita akan memastikan penstrukturan semula...

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Ada apa-apa laporan yang akan dikeluarkan untuk menjelaskan *plan restructuring* ini? Ini kerana memang, RAC ini memang banyak aset tanah dan saya rasa kita semua hendak tahu bagaimana tanah ini akan diuruskan atau *diupgrade* atau dijual. Apa-apa pun saya rasa ini memerlukan satu penjelasan kepada semua oranglah.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Serdang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sebelum Yang Berhormat Menteri menjawab, Yang Berhormat Serdang sila rujuk Peraturan Mesyuarat 37(2), 37(1)(b). *[Disampuk]* Sila.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Saya sudah katakan kepada Yang Berhormat Serdang, bahawa PAK dipertanggungjawabkan untuk membayar semua pinjaman tersebut. PAK mengurus, mentadbir dan menyelenggarakan segala harta yang tertakluk hak kepadanya. Mereka akan menggunakan tanah-tanah rizab KTMB yang boleh dibangunkan untuk memastikan pembangunan lestari kereta api negara kita dan juga untuk memastikan bahawa pembayaran dapat dilangsungkan dalam masa yang terdekat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Machang telah mencadangkan supaya kerajaan mempertimbangkan supaya PUSPAKOM difrancaiskan bagi mengatasi masalah kekurangan stesen pemeriksaan PUSPAKOM. Saya amat setuju dengan cadangan Yang Berhormat Machang bahawa PUSPAKOM boleh menggunakan *franchise system*.

Berhubung dengan pelaksanaan...

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** ...Kaedah francais...

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** ...Bagi...

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** PUSPAKOM, PUSPAKOM.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Kluang bangun lagi, Yang Berhormat Kluang.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** PUSPAKOM? Saya belum jawab habis lagi.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Isu PUSPAKOM ini saya pernah tanya dalam kenyataan media bahawa PUSPAKOM...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kluang.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Bolehkah PUSPAKOM...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kluang.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, 37(1)(b). Baca dulu.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Ya, soalan PUSPAKOM...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kalau bangun Yang Berhormat Menteri bagi peluang, dia duduk dan saya panggil baru berucap. Sila.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. PUSPAKOM ini saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri. Adakah kementerian bersedia untuk mengakhiri monopoli PUSPAKOM? Saya rasa sudah sampai masa sejak tahun 1994, sudah 20 tahun. Sudah sampai masa kita akhiri monopoli PUSPAKOM. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana kita semua sedia maklum, PUSPAKOM telah diberi konsesi sampai tahun 2024. Saya rasa sekarang adalah bagaimana untuk mempertingkatkan perkhidmatan PUSPAKOM agar kaedah yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat Machang tadi untuk kita francais. Saya hendak sebut tadi bahawa perkhidmatan PUSPAKOM ini, perkara francais ini perlu dikaji dengan cepat. Saya berharap pihak PUSPAKOM boleh melaksanakan perancangan ini dan mewujudkan kaedah francais bagi memperluaskan kesediaan perkhidmatan pemeriksaan berkala kenderaan persendirian serta dapat melahirkan usahawan-usahawan baru di dalam industri pemeriksaan kenderaan. Walau bagaimanapun, konsep francais yang sesuai diguna pakai di negara ini perlu dikenal pasti dan diperhalusi sebelum pelaksanaannya kelak bagi memastikan keberkesanan kualiti dan pemantauan, pematuhan piawai dan keseragaman boleh dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ketereh dan Yang Berhormat Kubang Kerian telah mencadangkan supaya lapangan terbang...

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Machang bangun. Mengenai PUSPAKOM?

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** PUSPAKOM.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini ketinggalan kereta api sudah. Tajuk lain...

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Tidak, tadi bagi Yang Berhormat Menteri jawab dulu tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya berterima kasihlah kerana Yang Berhormat Menteri telah bersetuju dengan pandangan saya dalam ucapan baru-baru ini. Sebagaimana yang kita maklum, dalam negara kita sekarang ini mengikut perangkaan 2013 kenderaan yang berdaftar ialah 23 juta. Berbanding dari tahun 2008 ada peningkatan 10 juta. Mungkin dalam tahun-tahun kebelakangan ini 3 ataupun 4 juta kenderaan yang akan didaftarkan lagi. Tahun 2013, 500,000 lebih kenderaan yang berdaftar dan saya sebut soal kenderaan ini kerana ia akan sebilangan besarnya akan melibatkan pemeriksaan dengan pusat pemeriksaan kenderaan ataupun PUSPAKOM. Sebagaimana data yang ada dengan saya, 55 pusat PUSPAKOM dalam negara ini dan kalau di Wilayah Timur hanya terdapat 10 pusat pemeriksaan kenderaan PUSPAKOM.

Saya mencadangkan minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri kalau boleh—bukan kalau boleh, ini kena boleh. Pasal dengan jumlah kenderaan yang sebegini banyak, mana boleh ada 10 pusat pemeriksaan di Pantai Timur. Saya sebut, Pekan ada, Temerloh, Raub, Kuantan, Kuala Terengganu, Kota Bharu ada satu sahaja, ada *mobile unit* yang bergerak. Kalaulah pemeriksa-pemeriksa kenderaan ini datang dari kawasan pedalaman, walaupun ada *mobile unit* tetapi kita hendak satu pusat yang tetap cawangan PUSPAKOM di kawasan-kawasan luar bandar dan PUSPAKOM sendiri mesti melihat daripada sudut CSR, tanggungjawab sosial. Saya yakin pusat PUSPAKOM ini tidak rugi, untung. Monopoli sudah satu hal, kemudian konsesi pun lambat lagi hendak habis. Akan tetapi kena wujudkan pusat-pusat pemeriksaan di kawasan luar bandar untuk kesenangan dan juga kemudahan rakyat, terima kasih. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Terima kasih Yang Berhormat Machang. Saya sudah katakan tadi walaupun PUSPAKOM ada mempunyai 55 buah pusat pemeriksaan di seluruh negara, tetapi kalau berbanding dengan 11 buah pusat sahaja sewaktu awal penubuhan PUSPAKOM pada tahun 1994. Kita akan memastikan PUSPAKOM terus meningkatkan bilangan pusat pemeriksaan ini untuk memudahkan orang awam.

Dari segi pusat pemeriksaan bergerak telah pun ditingkatkan. Keseluruhannya sekarang meliputi pusat pemeriksaan tetap ada 84 buah pusat pemeriksaan bagi PUSPAKOM dan saya setuju bahawa di luar bandar juga perlu diberi penekanan. Pastikan bahawa lokasi perkhidmatan bergerak secara lawatan berjadual, *visiting inspection* perlu ditingkatkan dan *mobile inspection unit* yang menjalankan pemeriksaan mengikut keperluan dan kemudahan pelanggan di lokasi pilihan pelanggan sendiri.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, berhubung isu Lapangan Terbang Ismail Petra...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Minta penjelasan tentang pusat PUSPAKOM.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Bandar Kuching. Sila, sila.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Terima kasih. Sedarkah Yang Berhormat Menteri minggu lalu ada sekumpulan samseng yang pergi ke pusat PUSPAKOM di Kuching untuk mengutip *protection money* daripada mereka yang pohon hendak periksa kereta itu dan pegawai-pegawai di pusat PUSPAKOM itu tidak boleh buat apa-apa. Mereka terpaksa – orang awam terpaksa bayar RM50 kepada itu samseng-samseng. Mereka jaga di depan *gate* itu pintu PUSPAKOM. Selepas itu lebih ramai orang datang dan hendak tendang dengan itu samseng, baru samseng itu pergi. Saya ingin tahu apakah tindakan yang akan diambil oleh Yang Berhormat Menteri supaya perkara ini boleh dielakkan dalam masa depan. Apa sebabnya pegawai-pegawai di PUSPAKOM tidak buat apa-apa semasa perkara itu berlaku?

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Sepatutnya perkara ini tidak sepatutnya berlaku. Ini kerana kita tidak boleh membiarkan samseng bermaharajalela di kawasan-kawasan PUSPAKOM mahupun di kawasan pejabat mana-mana pihak. Oleh itu saya rasa pihak polis, perlu lapor pada polis, *this is criminal case. I think* ini di bawah bidang kuasa...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Akan tetapi Yang Berhormat Menteri mereka lapor kepada polis, polis datang pun tidak boleh buat apa-apa. Ini benar-benar berlaku sehinggakan ramai daripada orang awam itu datang hendak *fight with the gangster*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bandar Kuching.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Jangan risau Yang Berhormat. Kes ini pihak PUSPAKOM...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat memang susah hendak *control* Ahli-ahli Parlimen ini kalau dia sebagai *lawyer*.

■1230

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Dia *lawyer*, dia pandai cakap. Tidak apalah tetapi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Peraturan pun dia tidak ikut.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** ...Saya hendak terangkan kepada beliau bahawa pihak PUSPAKOM Kuching telah pun lapor kepada pihak polis dan pihak polis dalam tindakan sekarang. Ahli Yang Berhormat, berhubung dengan Yang Berhormat Ketereh dan Yang Berhormat Kubang Kerian telah mencadangkan supaya Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra dinaiktarafkan menjadi lapangan terbang antarabangsa.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Duduk dahulu Yang Berhormat Stampin, duduk dahulu.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Berhubung cadangan tersebut, kerajaan tidak mempunyai perancangan untuk menjadikan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sudah beralih ke isu lain, duduklah dahulu.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Nanti, saya habiskan ini. Sebagai lapangan terbang berstatus antarabangsa. Pada masa sekarang, Malaysia telah pun mempunyai enam buah lapangan terbang antarabangsa iaitu KLIA, Kota Kinabalu, Kuching, Pulau Pinang, Langkawi, dan Johor Bahru. Lapangan-lapangan terbang ini termasuk Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra adalah berperanan sebagai *feeder airport* kepada lapangan terbang-lapangan terbang antarabangsa ini. Walaupun Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra tidak dikategorikan sebagai lapangan terbang antarabangsa, lapangan terbang ini mampu mengendalikan operasi penerbangan antarabangsa berjadual dan tidak berjadual sekiranya terdapat permintaan. Kita tidak menghalang *international flight* yang turun ke lapangan terbang domestik. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Batu Sapi telah mencadangkan...

**Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada dua orang Yang Berhormat bangun. Yang Berhormat Bagan Serai dengan Yang Berhormat Kubang Kerian.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Termasuklah Stampin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Saya ingin bertanya tentang permohonan untuk membina lapangan terbang antarabangsa di Lembah Beriah, Perak. Permohonan ini telah dibuat pada tahun 2010 dan saya kira telah disenyapkan pada seketika. Ini mengambil kira tentang Lapangan Terbang Pulau Pinang yang sudah padat dengan penumpang ramai dan untuk masa depan. Ia juga mengambil kira tentang kedudukan Lembah Beriah yang strategik. Dengan adanya Jambatan Pulau Pinang yang kedua, dengan adanya *electrify double tracking* tidak lama lagi, dengan adanya *interchange* dekat Alor Pongsu, perjalanan hanya 30 minit. Saya percaya dengan adanya lapangan terbang antarabangsa ini di Lembah Beriah, sudah pasti akan meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan kehidupan rakyat di Parlimen Bagan Serai juga memberi banyak manfaat kepada rakyat di Semenanjung utara Malaysia, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kubang Kerian.

**Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam perkara yang berkaitan dengan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu, walaupun jawapan yang telah diberikan pihak kerajaan tidak berhasrat untuk menaik tarafkan sebagai lapangan terbang antarabangsa. Saya cuma ingin minta penjelasan adakah kerajaan juga tidak bercadang untuk sekadar memanjangkan landasan yang sedia ada kepada tahap yang lebih baik? Ini kerana landasan yang ada sekarang ini sangat pendek dan menyukarkan pendaratan kapal-kapal terbang yang lebih besar misalnya dalam kes yang berkaitan dengan pesawat MH370 yang lepas, ada difahamkan ketika kapal terbang itu membuat pusingan semula untuk pendaratan kecemasan, dia tidak memilih Lapangan Terbang Kota Bharu kerana kapal terbang itu besar dan landasannya sangat pendek dan perlu

dipanjangkan. Saya rasa perkara ini perlu disegerakan dan kalau pun tidak mahu untuk menjadikan sebagai lapangan terbang antarabangsa yang tetap, kalau boleh hanya untuk penerbangan haji boleh difikirkan untuk dipilih Lapangan Terbang Kota Bharu. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Stampin.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Menteri, boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Menteri. Memandangkan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bandar Kuching itu serius, saya harap Menteri boleh mengambil tindakan yang serius. Satu lagi kes yang kena mengena dengan PUSPAKOM Kuching.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Stampin, ini isu lapangan terbang. PUSPAKOM sudah habis, ya.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Akan tetapi ini isu penting, boleh atau tidak Menteri?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Peringkat Jawatankuasa nanti.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Boleh atau tidak Menteri? Sekejap sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Stampin.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Sekejap, satu minit. Menteri beri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Stampin, Yang Berhormat yang lain...

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Menteri beri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Menteri beri, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, duduk. Kita...

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Menteri, boleh atau tidak Menteri?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat! Yang Berhormat, kita ada empat hari. Hari ini hari kedua, kita ada 26 buah kementerian. Baru tiga buah kementerian...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bandar Kuching...

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Tuan Yang di-Pertua, tetapi ini penting.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan cadangan dari Yang Berhormat Bagan Serai itu...

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Ini Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu punya hal.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini Yang Berhormat Menteri, ada tiga soalan - Yang Berhormat.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Ini penting, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Kalau macam ini, bila masa Yang Berhormat Menteri hendak jawab tiga soalan Ahli Yang Berhormat yang lain? Belum lagi dia jawab...

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Ya, tetapi perkara ini - laporan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat! Saya menguruskan Dewan untuk tertib. Yang Berhormat kena faham. Sila duduk. Beri Menteri jawab dahulu tiga soalan Ahli Yang Berhormat yang lain bertanya, lepas itu Yang Berhormat bangunlah. Selepas ini kita beri Yang Berhormat Kota Kinabalu, jangan bimbang. Ya, sila.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan persoalan dari Yang Berhormat Bagan Serai, saya rasa permohonan itu kita Kementerian Pengangkutan belum lagi menerima. Walau bagaimanapun, kita boleh mengkaji kerana sekarang Kerajaan Negeri Kedah telah pun memohon untuk mengadakan sebuah lagi lapangan terbang antarabangsa di Kedah dan...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *[Bangun]* Menteri...

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** ...Memang kita dalam kajian. Kita akan memastikan sekiranya ada keperluan, kita akan memberikan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Duduk dahulu Yang Berhormat Bagan Serai, duduk. Yang Berhormat Menteri tengah menjawab Bagan Serai ini.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Ya, tidak apa. Kita beri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sudah habis yang tiga soalan tadi?

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Keduanya, berhubung dengan memanjangkan landasan dari Yang Berhormat Kubang Kerian tadi. Memang dari segi - kalau kita hendak wujudkan lapangan terbang antarabangsa, bukan kerajaan tidak mengadakan lebih banyak lagi lapangan terbang antarabangsa kerana ia memerlukan kos yang tinggi dan perlu mencapai pelbagai aspek keselamatan yang lebih tinggi. Kita rasa buat masa ini kita perlu lebih banyak *feeder airport* untuk lapangan terbang dalam negara kita ini. Berhubung dengan landasan yang perlu dipanjangkan, ini memang dalam tinjauan dan kajian Kementerian Pengangkutan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kota Kinabalu, sila.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.



**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya jemput tetapi kena sabar.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Ini penting Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Saya mahu tanya Menteri Pengangkutan kerana Air Asia diberi arahan pindah dari KK kepada KKIA dengan masa yang singkat, ada tinggal dua bulan lagi. Jadi kena arah *by 1st of January* pasti mahu pindah pergi KKIA. Jadi saya rasa bila saya sudah baca laporan dari PAC, jadi Kota Kinabalu Airport itu *taxiway*, teksi yang datang dan teksi yang dicari pun belum diselesaikan. Ini *one of the term and condition* untuk pindaan tetapi apa yang penting, ia tidak dapat melaporkan dalam PAC kerana trafik di luar sangat jem. Sekarang belum pindah lagi pun jem, jadi TPKK pun ambil tindakan.

Pagi dia beri tiga laluan dari Putatan turun, petang habis kerja beri tiga laluan untuk balik *traffic* pun *havoc*. Jadi sekarang, saya mahu tanya Menteri ambil tindakan. Betulkah dan bolehkah kalau pindah AirAsia ke KKIA, ini akan *create havoc in the traffic*? Jadi saya mahu Menteri beritahu apakah, betulkah, dan bolehkah pemindahan ini? Jadi saya minta ambil kajian serius kerana kalau betul-betul pindah, nanti *havoc* sekali. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sama-sama kasih.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Minta laluan Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan *airport*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Rantau Panjang.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin penjelasan dari pihak Menteri, apakah kriteria sebenarnya, kelayakan sebuah *airport* itu untuk dinaiktarafkan sebagai taraf antarabangsa? Ini kerana kita melihat jawapan dalam Dewan ini, kita melihat seolah-olah ada dua darjat. Apabila pihak kami di Kelantan khususnya berkali-kali bukan sahaja kami wakil dari Pakatan Rakyat malah dari BN sendiri menyebut berkali-kali keperluan menaiktarafkan *airport* di Kelantan tetapi jawapan Menteri dengan jelas dalam Dewan ini mengatakan kami tidak berhasrat.

Akan tetapi apabila tadi ditanya oleh wakil dari Perak dan disebutkan tadi permohonan dari Kedah, kerajaan menjawab akan dipertimbangkan. Jadi kenapa satu pihak akan dipertimbangkan dan satu pihak tidak dipertimbangkan sedangkan kita di Kelantan juga pembayar cukai kepada kerajaan?

■1240

Jadi kita melihat di sini seolah-olah ketidakseimbangan wujud. Inilah yang kita pertikaikan dalam bajet kerana inilah wujudnya jurang. Apa lagi dalam soal landasan kereta api kita pertikaikan. Sebelum ini soal pembinaan lebuh raya, sekarang dalam pembinaan *airport* pun seolah-olah dipolitikkan. Jadi saya ingin penjelasan, apa alasan, apa kriteria yang menyebabkan Kelantan, apa kerugian Kerajaan Malaysia kalau dijadikan *airport* Kelantan ini yang bertaraf

antarabangsa. Apa kerugian kepada kerajaan? Sepatutnya kerajaan boleh tambah untung. Minta penjelasan.

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Menteri, hendak habis pukul 1.00?

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Ya, pukul 1.00. Saya hendak habis sudah.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pokok Sena, saya benarkan. Cuma Yang Berhormat, kalau minta penjelasan ini janganlah berbahas, ini panjang lebar.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Biar saya jawab Yang Berhormat Rantau Panjang dululah. Saya rasa Yang Berhormat Rantau Panjang, jangan politikkan. Ini tiada kena mengena dengan politik. Saya rasa yang penting, saya jawab secara ikhlas. Ini kerana apa yang ditanya tadi walaupun Perak dan Kedah, ia hanya satu permohonan, kita kaji. Saya kata kita lulus kerana permohonan boleh dibuat dan kita boleh buat kajian. Akan tetapi bagi Kota Bharu, kita sudah buat kajian. Dari segi Kota Bharu, kita sudah katakan bahawa kalau landasan itu hendak dipanjangkan, kita boleh buat kajian dan kita boleh laksanakan.

Untuk mewujudkan *international airport*, ia memerlukan kajian yang lebih mendalam dan memang tidak dapat dilaksanakan sekiranya tidak ada permintaan. Ini kerana dari segi kriteria untuk mengadakan *international airport* adalah berhubung dengan permintaan *commercial flight* yang tinggi dan penerbangan antarabangsa yang boleh sampai ke kawasan sana. Keperluan imigresen, keperluan kastam dan juga tahap keselamatan dan pelbagai lagi agensi perlu memberikan pandangan masing-masing. Oleh itu, ia bukan satu keputusan dari Kementerian Pengangkutan sahaja. Saya minta jelas perkara ini dan tidak kita membeza-bezakan sama ada dia pembangkang ataupun kerajaan.

Ya, Yang Berhormat Pokok Sena.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila, sila.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Macam ini contoh yang baik Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sedikit sahaja Yang Berhormat Menteri. Berkaitan dengan permohonan di Kedah itu, berapa lama tempoh kajian, masa yang perlu diambil oleh pihak kementerian untuk memberikan kata putus sama ada hendak buat ataupun tidak?

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Hulu Rajang.

**Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sekejap lagi, bagi Menteri jawab dulu.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Berhubung dengan lapangan terbang Kedah ini, kita perlukan DCA...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pasir Puteh duduk.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Membuat kajian dari segi *air space safety* dan *navigation safety*. Kemudiannya kajian daripada MAHB berhubung dengan *commercial viability*. Satu lagi kajian iaitu EPU. Tiga kajian sedang dibuat dan ia memang sekurang-kurangnya enam bulan. Itu masanya.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya nampak Yang Berhormat Bintulu, tetapi jangan kongkalikung.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya punya, Kota Kinabalu *airport* belum jawab.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Belum masuk KLIA2 bukan? Sudah masuk?

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Saya boleh masuk sudah.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Belum masuk lagi. Bila sudah masuk baru saya mahu tanya.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Tuan Yang di-Pertua, Kota Kinabalu *Airport* belum jawab lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sebab itu saya sudah nasihatkan Yang Berhormat kalau bertanya, Yang Berhormat ahli lain jangan bertanya.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Boleh saya habiskan dulu Tuan Yang di-Pertua? Ini tidak habis lagi ini. Tuan Yang di-Pertua, saya habiskan ini ya.

Yang Berhormat Batu Sapi mencadangkan agar lebih banyak penerbangan terus yang menghubungkan Sandakan ke lebih banyak destinasi di dalam dan luar negara untuk memaju sektor pelancongan dalam Sandakan. Berhubung dengan penambahan destinasi penerbangan pula, kementerian ini sentiasa menggalakkan syarikat-syarikat penerbangan mengadakan perkhidmatan penerbangan ke mana-mana lapangan terbang dalam negara ini. Walau bagaimanapun, ia adalah bergantung kepada keputusan oleh syarikat-syarikat penerbangan sendiri yang akan menentukan berdasarkan kepada *commercial viability* bagi sesuatu destinasi sama ada dalam ataupun luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai Lapangan Terbang Labuan. Ahli Yang Berhormat Labuan telah memohon penjelasan berhubung status permohonan peruntukan bagi cadangan pembinaan terminal kargo di Lapangan Terbang Labuan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan akan mengkaji keperluan sebenar terminal kargo Lapangan Terbang Labuan dengan mengadakan perbincangan dengan agensi berkaitan seperti Jabatan Penerbangan Awam (DCA) dan MAHB serta Unit Perancang Ekonomi. Saya rasa memang ada wajarnya untuk mengadakan satu unit kargo di Lapangan Terbang Labuan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** [Bangun]

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Nanti saya sampai KLIA, *then you* tanya.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ini tentang Labuan.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Ya, Labuan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini soal Labuan ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Belum jemput lagi Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Saya mahu tanya soal Labuan. Baru-baru ini kita telah mendengar bahawa *air force* kita ini menggunakan Lapangan Terbang Labuan. Bolehkah Yang Berhormat memberi penjelasan sedikit soal pembesaran *airport* di Lahad Datu. Dua semalam dulu, kita hendak hentikan besarkan Lahad Datu *airport*, rakyat Lahad Datu sudah mendengar soal ini dan Yang Berhormat Menteri sendiri saya rasa mahu juga memberi penjelasan. Soal Lahad Datu *airport* ini, kecil dan panjang dan tanah-tanah MAB, tanah-tanah untuk kementerian ini telah dihuni oleh setinggan-setinggan. Jadi, rakyat Lahad Datu mahu dengar apa pelaksanaan dan bila akan dilakukan pembesaran *Airport* Lahad Datu ini.

Satu lagi *airport* di Tawau ini banyak burung. Pengurusan *airport* di Tawau ini, Kalabakan selalu kena burung punya. Adakah pihak Menteri dapat melihat ...

**Seorang Ahli:** Apa burung?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Tahilah, tahi burung. Melihat perkara ini dengan serius ataupun Menteri sendiri tidak pernah pergi ke Tawau melihat keadaan *airport* di Tawau.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Saya selalu pergi ke Tawau, selalu. Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Yang Berhormat Silam juga berbahas berhubung dengan Lapangan Terbang Lahad Datu. Memang kerajaan telah pun membuat kajian yang sepenuhnya dan kajian ini sama ada untuk menaik taraf ataupun membina sebuah lapangan terbang baru di Lahad Datu. Ini kerana lapangan terbang sedia ada memang kawasanya tidak berapa sesuai lagi kerana pembangunan yang begitu pesat yang terlalu dekat dengan Lapangan Terbang Lahad Datu ini. Oleh itu, kajian yang terperinci untuk mengadakan satu lapangan terbang yang berdekatan untuk kesesuaian penggunaan dan kita akan membuat keputusan dalam masa yang terdekat ini.

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Yang Berhormat Mukah telah memohon...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Hulu Rajang.

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, sekitar dalam tahun 70-an dulu bahagian Kapit ada lapangan terbang menggunakan *twin outer* dulu. Saya ingat telah ditutup atas sebab kurang penumpang. Jadi saya ingin mohon budi bicara Kementerian Pengangkutan supaya kalau bolehlah, kerana sekarang

makin hari makin banyak. Sebagai seorang Ahli Parlimen kawasan Hulu Rajang, saya terpaksa dari Kuala Lumpur – Kuching, Kuching – Sibu dan saya naik bot. Jadi susah juga. Orang Kapit pun penyokong kuat Barisan Nasional, mereka pun hendak pembangunan seperti pengangkutan lapangan terbang. Landasan ada, kalau boleh *upgrade* kan supaya orang-orang di pedalaman seperti di bahagian Kapit dapat menggunakan kapal terbang dari Sibu ke Kapit untuk memudahkan perjalanan ataupun menyingkatkan lagi perjalanan kita untuk pergi ke Kapit. Mohon Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat, sekejap Yang Berhormat Menteri. Untuk yang spesifik, boleh kita tanyakan, timbulkan dalam peringkat Jawatankuasa. Ini peringkat dasar.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Okey, terima kasih. Saya akan beri jawapan secara bertulis. Yang Berhormat Kalabakan, yang Lapangan Terbang Tawau itu memang *airport management* ada *wildlife management* untuk mengawal burung-burung di kawasan lapangan terbang.

**Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pasir Puteh, sedikit sahaja.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Saya terus hendak pergi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pasir Puteh bangun.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Boleh saya terus kepada beberapa isu penting, selepas itu saya bagi ya. Berhubung dengan isu KLIA2, saya hendak jelaskan sedikit.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya punya Kota Kinabalu *airport* belum ada jawapan lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri bagi jawapan bertulis.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Ya, saya bagi jawapan bertulis.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Okey bagus, terima kasih.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Bagi jawapan bertulis, ya.

#### ■1250

Berhubung dengan isu-isu KLIA2 yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Bintulu. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat operasi penerbangan dan aliran penumpang di bangunan Terminal KLIA2 akan dipantau dengan teliti oleh Kementerian Pengangkutan supaya ia tidak terjejas oleh aktiviti komersial lapangan terbang. Kementerian ini akan terus memastikan sentiasa mengutamakan keperluan penumpang dan kelancaran operasi penerbangan.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, berbanding dengan LCCT yang lama yang mempunyai anggaran keluasan ruang kasar ataupun *gross flow area* seluas 64,000 meter persegi. KLIA2 menyediakan kawasan ruang kasar seluas 257,845 meter persegi. KLIA2 juga mampu mengendalikan seramai 45 juta orang penumpang setahun dengan selesa berbanding LCCT yang hanya dapat menampung 15 juta penumpang setahun.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada dua yang bangun.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Bagi Yang Berhormat Bintulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bintulu, jangan kongkalikung ya.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Kalau masuk dia pun kongkalikung apa boleh buat? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan KLIA2. KLIA2 ini kalau kita pergi lihat - saya dalam perbahasan sudah bagi tahu, lorong untuk kita bila kita hendak jalan memang sempit, memang susah. Kalau kita guna *buggy* lagi susah. Kenapa saya mahu soal kenapa kita *design airport* ini MAHB ini begitu berminat *outlet* sahaja tetapi *outlet* sekarang jual barang-barang sekarang pun mahal daripada Kuala Lumpur.

Makanan pun lebih mahal. Adakah MAHB lihat kedai-kedai ataupun *outlet* makanan buka. Banyak sudah tutup. Kenapa kita caj begitu mahal? Saya dengar pesawat-pesawat persoal. Kenapa sepatutnya LCCT ini kira *low cost airport* tapi barang-barang jual begitu mahal pasal MAB caj begitu mahal. Kecil punya *outlet* mungkin 2,000 hingga 3,000 *square feet charge* RM80,000. Apa bunyinya? Ini caj mahal daripada *twin tower* punya harga. Apa cerita ini?

*So, we must by right* dengan izin *we doing airport we must count long term. Long term income* bukan sehari boleh untung boleh jadi kaya. Ini MAB punya pegawai mungkin otaknyanya ada kurang sedikit. Tidak pandai kira pakai kalkulator. Mahu kasi caj habis-habis. Kalau rakyat LCCT dia orang hendak guna *airport* ini memang *medium and low income*. Tidak ada murah sedikitkah? Jangan caj lebih mahal.

Isu kedua, contoh macam Rakyat Post persoal mengenai isu *floating* at KLIA2 *was something expected*. Ini saya ingin minta Yang Berhormat Menteri kasi celah sedikit saya rasa *important* dengan izin kita kalau boleh celah sedikit. Janganlah nanti pembangkang kasi *twist* ini semua pusing sini, sana memang perkara ini ada berlaku *because I quite often using* dengan izin *the KLIA2 airport*. Ini MAHB lagi *deny. Floating at KLIA2 parking* tidak betul. Dia kata *only* hujan berapa jam baru. Memang ini tipu. Ini ada *senior general manager operation* memang tipu.

Dia mungkin tidur. Dia tidak pandai kerja. Itu hari saya di *airport* sana tunggu setengah jam tapi hujan tidak sampai 15 minit memang *taxi way* pasal dia *sink down*. Macam ada satu parit. Memang berbahaya untuk kapal terbang lalu dan juga *taxi way* kita kalau naik kalau boleh Yang Berhormat Menteri kita dua-dua naik satu KLIA kita *try taxi way*. Dia macam disko tam-tam-tam-tam jalan. Ini berbahaya *aircraft* punya *under carriage* itu dan juga kalau *taxi way* kalau dia *ground* betul-betul sudah *soft*, sudah lembik kalau tayar masuk, patah itu masa MAB cakap semua *deny* masa itu siapa bertanggungjawab. Saya rasa Yang Berhormat Menteri lagi tanggungjawab mungkin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukup, cukuplah Yang Berhormat Bintulu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Saya minta Yang Berhormat Menteri kalau boleh tolong jelas sedikit. Memang dalam sana pembangkang tunggu sahaja hendak *twist* macam Yang Berhormat Tuan Tony Pua Kiam Wee lah ini.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Yang Berhormat Menteri, boleh sambung. Pendek sahaja.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Saya jelaskan. Saya jelaskan dahulu. memang dia sudah *twist* banyak kali sudah.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya tidak *twist*, saya tidak *twist*. Saya sambung sedikit sahaja. Saya tidak panjang, saya tidak ceramah. Saya tidak ceramah.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya hendak sambung sedikit tentang apa yang dibangkit oleh Yang Berhormat Bintulu. Memang benar ada masalah. Saya hanya hendak tanya soalan. MAHB boleh kata masalah telah pun di *expected* ada ketenggelaman tapi masalahnya dia *expected* sebab mereka bina *airport* di kawasan yang boleh tenggelam. Itu nombor satu.

Nombor dua okey kita terima *expected*. Berapa lama perkara ini akan berikutan? Adakah ia dapat diselesaikan dalam jangka masa satu bulan ataupun satu tahun ataupun lima tahun? Saya rasa ini perlu dijawab supaya kita tahu dalam jangka masa tiga bulan masalah ini tidak akan timbul lagi. Itu nombor satu.

Nombor dua MHB baru melaporkan laporan kewangan mereka bagi suku ketiga semalam mereka kata *earning* ataupun *profit* turun 98% dari RM112 juta sehingga RM1.6 juta sahaja akibat kos KLIA2 meningkat sehingga RM4 bilion dan akibat pinjaman yang diperlukan dan faedah yang perlu dibayar oleh sebab itu keuntungan MAHB terjunam.

So, saya hendak tanya kepada pihak Yang Berhormat Menteri adakah kerajaan akan membantu MAHB dari segi keuntungan dengan menaikkan cukai kepada *airport* dan juga *passenger* untuk membantu mereka bagi tempatan RM6 hingga RM9 dan bagi antarabangsa daripada RM32 sehingga RM65 seperti yang diminta oleh pihak MAHB. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat Bintulu dan Ahli Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Ahli Yang Berhormat Petaling Jaya Utara telah mengambil jawapan saya di Parlimen berhubung dengan isu *expected to out of contact* telah disalahertikan. Saya hendak jelaskan di sini dengan lebih jelas bahawa memang dijangka semasa pembinaan tetapi selepas pembinaan selagi ada pemendapan dia ada isu yang serius. Kementerian Pengangkutan mengambil serius tentang isu pemendapan di KLIA2. Oleh itu, saya sendiri telah pun mengarahkan satu Jawatankuasa Audit *Safety* diadakan di KLIA2 untuk memastikan bahawa ia *transparent* dan juga memberikan maklumat yang cukup dan jelas kepada semua rakyat agar kita jelas bahawa perkara ini adalah diambil serius oleh Kementerian Pengangkutan.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Siapa dalam jawatankuasa?

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Kementerian Pengangkutan bahagian udara kita akan wujudkan Jawatankuasa *Independent* dan bukan bawah MAHB, bukan bawah mana-mana pihak tapi kita akan pastikan bahawa pihak MAHB akan dipertanggungjawabkan untuk membetulkan ataupun membantu menyelesaikan isu-isu yang timbul berhubung dengan isu pemendapan ini.

Saya ingin jelaskan di sini bahawa di KLIA2 tidak pernah mengalami banjir. *It's not flooding, it's just pounding. I think* dia bukan banjir. *Word that you use* menggambarkan bahawa seluruh...

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Menteri, apa beza *pounding* dengan itu? Tidak berapa fahamlah.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Seluruh Lapangan Kapal Terbang KLIA2 itu banjir.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Dia hanya banjir di tempat tertentu. *Pounding* itu means *flooding at certain place*.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Semantiklah, semantik.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Walau bagaimanapun, saya hendak jelaskan ini saya tidak mahu ditafsirkan bahawa keselamatan kerana bagi Kementerian Pengangkutan keselamatan dan juga dari segi *security passenger* adalah diutamakan. Kemudahan, keselesaan dan keselamatan *passenger* diutamakan. Tidak boleh diremehkan. Penumpang dan operasi penerbangan adalah sentiasa terjamin. Kita kena pastikan selepas pembukaan KLIA2, 2 Mei sampai sekarang tiada mana-mana *flight* yang terjejas akibat dari segi *pounding* yang berlaku ini tapi kita ambil maklum bahawa *pounding* ini isu yang besar...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri, sudah pukul 1 sudah.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Dan kita akan ambil tindakan yang sewajarnya. Oleh itu, saya boleh habiskan ini dan kemudian...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Semua jawapan bertulis ya.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Saya bagi jawapan bertulis kepada yang lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukup sudah. Saya tidak ada kuasa hendak tambah satu, dua, tiga minit.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Saya hanya hendak jelaskan bahawa ruang-ruang di KLIA2 itu, keselesaan di KLIA2 kita akan memantau dan juga kita akan beri pandangan-pandangan dan cadangan untuk memperelokkan lagi operasi KLIA2. Penyediaan perkhidmatan *buggy* kita akan uruskan, penambahan jumlah *walkalator* di KLIA2 akan ditingkatkan dan juga pengubahsuaian troli di dalam KLIA2 juga akan dikemaskinikan kerana troli itu juga tidak ada brek. Dia bahaya dan memastikan seluruh bangunan Terminal KLIA2 adalah mesra kepada orang kurang upaya dan saya hendak jelaskan kepada Yang Berhormat Bintulu semua *outlet* di KLIA2 adalah



mengikuti tawaran tender terbuka. *So, the cost I think* itu yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bintulu itu mahal sangat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah pukul 1.01 petang. Jadi yang lain-lain jawapan...

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Ya saya akan jawab secara bertulis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Bila boleh dapat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Nanti boleh dalam jawatankuasa, jangan bimbang. Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan kita sambung kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar selepas jam 2.30 petang. Oleh itu, kita tangguhkan sehingga 2.30 petang. Terima kasih.

**[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.02 tengah hari]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Mambong. Yang Berhormat, panjang?

**2.33 ptg.**

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]:** Ada 21 Ahli-ahli Yang Berhormat berbahas tentang kementerian ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, kalau begitu Yang Berhormat, dari mula *start* lagi pasang *turbo*. Gear lima pasang *turbo*. Saya ingat juga kepada Ahli Yang Berhormat yang benar-benar untuk mencelah, kalau tidak perlu sangat, sabar. Masa kita tidak mengizinkan lagi. Ingat kepada Peraturan Mesyuarat 37(2). Saya boleh gunakan kuasa untuk tidak membenarkan minta penjelasan.

Sila Yang Berhormat pakai *turbo* tetapi hati-hati jangan sampai *accident*. Sila.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada 21 Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2015 di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Pengkalan Chepa dan Yang Berhormat Kota Raja telah membangkitkan mengenai isu rancangan tebatan banjir di Sungai Golok. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Pengairan dan Saliran ataupun JPS telah memohon peruntukan dalam RMKe-10 untuk Rancangan Tebatan Banjir Sungai Golok fasa 1 yang berjumlah RM345 juta. Namun, ianya tidak diluluskan. JPS akan memohon semula peruntukan ini dalam RMKe-11. Pelaksanaan kerja-kerja ini bergantung kepada kelulusan peruntukan tersebut.

Yang Berhormat Bachok telah membangkitkan mengenai masalah kecetekan muara Sungai Kemasin. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada Julai 2007, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah melaksanakan Projek Pelebaran dan Pembinaan Semula Struktur Pemecah Ombak termasuk kerja-kerja *beach nourishment* serta mendalamkan muara Sungai Kemasin sehingga ke Pengkalan Petah di Bachok, Kelantan. Projek ini dijalankan secara berfasa dan ini merupakan projek fasa 1. Dalam fasa 1, ia melibatkan kerja-kerja mendalamkan muara Sungai Kemasin, membaik pulih pantai, kerja-kerja perlindungan tebing Sungai Kemasin, pembinaan jeti dan pembinaan *growing* dengan kos keseluruhan projek ialah berjumlah RM59.2 juta dan projek ini siap pada 30 Julai 2010. Bagi kerja-kerja mendalamkan muara Sungai Kemasin, dianggarkan kos sebanyak RM6.4 juta telah dibelanjakan dan telah siap pada 30 Julai 2010 juga.

Yang Berhormat Kota Kinabalu dan Yang Berhormat Putatan telah membangkitkan isu rancangan tebatan banjir di Sabah. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, satu kajian Pelan Induk Sistem Saliran Bandaraya Kota Kinabalu, Sabah sedang dilaksanakan oleh juru perunding yang dilantik oleh Kerajaan Negeri Sabah. Kajian tersebut telah bermula pada 1 Julai 2014 dan dijangka disiapkan pada 30 Jun 2016.

Kejadian banjir yang melanda Daerah Penampang baru-baru ini adalah disebabkan limpahan air dari Sungai Moyog yang mana tadahan Sungai Moyog telah mengalami taburan hujan yang tinggi bermula pada 3 Oktober hingga 7 Oktober 2014 seperti berikut:-

- (i) Stesen Bagagon – 307.2 milimeter;
- (ii) Stesen Ulu Moyog – 259.2 milimeter;
- (iii) Stesen Mansiang – 278.4 milimeter;
- (iv) Stesen Country Height – 257.6 milimeter.

Dalam tempoh tiga hari, jumlah hujan ini memang begitu tinggi. Paras air Sungai Moyog juga merekodkan paras air tertinggi sejak tahun 2001 iaitu setinggi 11.39 meter pada 7 Oktober 2014 yang melebihi paras normal.

#### ■1440

Selain itu, kejadian banjir yang melanda Daerah Penampang juga disebabkan oleh kejadian air pasang iaitu 1.85 meter. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Petagas di Kampung Tebongan, Putatan dengan kos RM7.5 juta telah dimulakan pada 23 September 2014 dan dijangka siap pada 22 September 2016. Projek ini melibatkan Kampung Tebongan, Kampung Ulu Putatan dan menaik taraf pantai juga sehingga Sungai Putatan di kawasan komersial platinum plaza.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Menteri, boleh minta penjelasan sedikit?

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Mana yang minta penjelasan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Putatan, Putatan. *Brother* Putatan.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Okey, silakan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan yang pendek sahaja. Minta penjelasan. Yang Berhormat Menteri, Menteri telah pun menjawab dua kali soal Sungai Tebongon sahaja. Akan tetapi masalah yang sebenar juga berlaku di Sungai Sindil di Petagas. Sungai Sindil bukan Tebongon. Satu daripada Tebongon tetapi Sungai Sindil itu fasa pertama sudah pun siap dilaksanakan untuk membesarkan sungai yang mana terdapat kebanyakan rumah-rumah didirikan di atas sungai-sungai kecil ini, anak-anak sungai. Oleh kerana itu, masalah rumput rampai yang tidak dipelihara oleh JPS makin teruk.

Jadi, manakah fasa yang kedua dan seterusnya dilaksanakan di Sungai Sindil? Bekas Menteri dahulu telah melawat kawasan tersebut. So, rakyat di situ tertanya-tanya bagaimana dengan fasa kedua dan seterusnya? Belum siap lagi, hanya fasa satu sahaja. Yang Berhormat Menteri jawab itu Sungai Tebongon, yang lain sedikit. Jadi, saya mahu tanya di mana SMK Petagas yang sepatutnya didirikan di situ. Jadi, masih lagi bermasalah sampai sekarang.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat atas pertanyaan itu. Biar begini lah, kalau sudah ada fasa pertama, maka fasa seterusnya akan diteruskan dan dilakukan. Jadi, oleh itu Rancangan Malaysia Kesebelas nanti kita akan meneruskan fasa seterusnya di dalam Projek Rancangan Tebatan Banjir termasuk penyelenggaraan Yang Berhormat sebutkan tadi sebab banyak rumput rampai telah tumbuh di sungai itu. Sungai apa itu? Sungai Setumin ya?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Sindil, Sindil.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Ya terima kasih. JPS kini sedang memohon peruntukan bagi melaksanakan kerja pembinaan lencongan Sungai Kibabaig pada tahun 2015 yang merupakan sebahagian daripada kaedah tebatan banjir yang dicadangkan bagi mengatasi masalah banjir di Daerah Penampang dan Putatan.

Pelan Induk Lembangan Sungai Moyog telah disiapkan pada bulan Ogos 2011, manakala reka bentuk terperinci Tebatan Banjir Lembangan Sungai Moyog pula siap pada April 2014. Kerja fizikal Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Moyog akan dilaksanakan secara berfasa dalam Rancangan Malaysia Kesebelas tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan.

Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Sabak Bernam dan Yang Berhormat Seremban di dalam celahan semasa perbahasan Yang Berhormat Jelevu membangkitkan mengenai isu banjir kilat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah banjir kilat adalah berpunca daripada kelemahan sistem perparitan dalaman dan ia adalah di luar bidang kuasa kementerian ini. Tanggungjawab menyediakan, membina, mengoperasi dan menyelenggarakan sistem saliran dalam kawasan pihak berkuasa tempatan atau pun PBT adalah di bawah tanggungjawab PBT sendiri. Yang berkenaan selaras dengan seksyen 50 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133].

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh hendak tanya sedikit.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Yang mana ini?

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Gerik.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Okey Yang Berhormat Gerik. Silakan Yang Berhormat Gerik.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih. Cuma saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, JPS sebenarnya untuk menjaga parit, sungai dan sebagainya tetapi baru-baru ini saya dimaklumkan JPS sudah diberikan satu tugas baru menjaga jalan pertanian. Bila sungai tidak dijaga, alasan yang diberi mereka telah diberi satu tanggungjawab lebih besar. Adakah benar untuk dia kena jaga jalan pertanian? Jadi sebab apa di Gerik sekarang ini kawasan tanah tinggi, tetapi banjir kerap berlaku setiap kali hujan. Jadi, minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat Gerik. Kawasan Yang Berhormat Gerik seperti kawasan saya juga, kawasan tanah tinggi, banjir kerap berlaku. JPS sememangnya menyelenggarakan dan menjaga sungai dan parit yang besar atau pun *main trunk drainage*. Yang menjaga dan menyelenggarakan jalan pertanian ialah Kementerian Pertanian sendiri sebab di Kementerian Pertanian ada bahagian pengairan dan saliran juga tetapi ianya bukan jabatan di situ. Dia macam itu sahaja.

Yang Berhormat Kuala Kedah telah menyatakan bahawa kementerian pernah berjanji untuk jambatan di kampung Seberang Titi Gajah, Kedah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini tidak pernah berjanji untuk membina jambatan di kawasan tersebut. Selain itu, tiada cadangan membina jambatan di bawah projek RTB Sungai Kedah dan Sungai Anak Bukit di kawasan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Sibu membangkitkan mengenai Rancangan Tebatan Banjir di Sibu dan status pembinaan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Pokok Sena berdiri untuk minta penjelasan.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Yang Berhormat Pokok Sena, jangan panjang ya Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak, tidak panjang tidak panjang. Sebab jawapan kepada soalan Yang Berhormat Kuala Kedah itu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan tinggi. Bukan jangan panjang pasal Pokok Sena kan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Jawapan kepada soalan Yang Berhormat Kuala Kedah itu berkaitan dengan satu tempat itu berkaitan dengan kampung saya sendiri iaitu jambatan antara Titi Gajah dengan seberang sana itu. Yang Berhormat kata kerajaan tidak ada rancangan untuk mengadakan jambatan di situ sedangkan saya fikir bahawa itu satu keperluan yang begitu besar kepada masyarakat di situ yang menggunakan sungai atau pun kalau hendak menggunakan jalan raya jauh mereka hendak pusing ke Kepala Batas atau pun ke Anak Bukit. Jadi, bagi saya bahawa boleh dipertimbangkan apatah lagi berkaitan dengan di situ juga merupakan kawasan-kawasan di tepi sungai yang berkaitan dengan banjir dan sebagainya perlu ada pertimbangan daripada Yang Berhormat.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana Yang Berhormat tahu lah pembinaan jambatan dan jalan raya adalah di bawah tanggungjawab kementerian yang lain.

■1450

Kementerian ini bertanggungjawab untuk Rancangan Tebatan Banjir. Jadi kalau diperlukan cadangan seharusnya ditujukan kepada Kementerian Kerja Raya yang membina jambatan dan yang membuat jalan raya. Yang Berhormat Sibu membangkitkan mengenai Rancangan Tebatan Banjir di Sibu dan status pembinaan pam air di Sungai Bidut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi RTB Sibu Fasa 1 ianya telah siap sepenuhnya pada September 2012 dengan kos sebanyak RM137 juta manakala fasa 2 yang masih dalam pelaksanaan dijangka siap menjelang akhir tahun 2014 dengan kos RM46.7 juta. Sehingga 31 Oktober 2014, kemajuan fizikal projek ini ialah 91%. Masalah banjir di Sungai Bidut melibatkan kawasan pertanian yang agak luas. Oleh itu pembinaan rumah pam untuk mengatasi banjir adalah tidak disarankan di Sungai Bidut dari segi praktikal kerana kos pembinaan, kos operasi dan kos penyelenggaraan adalah sangat tinggi. Untuk ini lebih baik membina tembok ataupun ban di situ.

Bagi mengurangkan kesan banjir di Sungai Bidut, kerajaan telah membelanjakan RM3 juta bagi tempoh dua tahun iaitu pada tahun 2011 dan 2012 untuk melaksanakan kerja-kerja meninggikan jalan raya kerana meninggikan jalan raya ini ianya berfungsi sebagai tembokan ataupun ban. Membina pintu air, ini dibina pintu air, membina pembedungan dan menaik taraf saluran. Bagi penyelesaian jangka panjang, kementerian menyarankan agar masalah ini dirujuk kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani kerana ianya melibatkan kawasan pertanian dan penanaman yang agak luas untuk dibina sistem ban dan saluran pertanian bagi mengatasi banjir.

Yang Berhormat Bintulu telah membangkitkan mengenai isu banjir di Bintulu yang dikaitkan dengan kecekatan Sungai Sebiew dan kelemahan sistem perparitan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja mendalamkan Sungai Sebiew, Bintulu sedang dijalankan. Status kemajuan fizikal projek tersebut sehingga 25 September 2014 ialah 40%. Projek tersebut telah bermula pada 29 Ogos 2014 dan dijangka siap pada 28 November 2014. Pihak kementerian mengambil maklum akan masalah banjir di Bintulu.

Untuk makluman Yang Berhormat pihak kementerian juga pernah memohon peruntukan sebanyak RM20 juta bagi Rancangan Tebatan Banjir Bintulu dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, *Rolling Plan 4* tetapi tidak diluluskan. Oleh itu pihak kementerian akan memohon peruntukan bagi reka bentuk dan pelaksanaan projek RTB Bintulu dalam Rancangan Kesebelas.

Bagi menjawab persoalan Ahli Yang Berhormat, mengenai kelemahan sistem perparitan yang menyebabkan berlakunya banjir kilat adalah wajar perkara ini dirujuk kepada Lembaga Kemajuan Bintulu ataupun BDA kerana kesemua sistem saluran di Bandar Bintulu adalah di bawah tanggungjawab BDA.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bintulu berdiri Yang Berhormat.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Tunggu sekejap, tunggu sekejap saya akan beri *brother* kongkalikung ini. *[Ketawa]* Walau bagaimanapun, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui JPS sentiasa memberikan kerjasama bagi memberi khidmat nasihat teknikal dalam mencari kaedah penyelesaian bagi mengatasi masalah banjir kilat yang dihadapi di kawasan Bintulu. Ya, *brother* kongkalikung, silakan.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini tidak ada kongkalikung cuma *you* punya kementerian kemungkinan tidak berapa faham apa masalah Bintulu. Inilah masalah ada kongkalikung tadi jawab tadi memang syok sendiri kita. Masalahnya dalam tahun ini kita melaksanakan itu bukan mendalamkan itu sungai cuma bersihkan itu sungai.

Tuan Yang di-Pertua, setengah juta sahaja bukan RM50 juta pun bukan RM5 juta. Setengah juta sahaja itu Sungai Sebieuw berapa panjang. Saya haraplah kementerian ini janganlah bagi satu jawapan cakap sahaja kita tidak lulus RM20 juta. Inilah buat kecewa rakyat Bintulu. Berapa peruntukan kita bersedia untuk negara kita? *Oil and gas* keluarkan hasil kita minta RM20 juta mendalamkan ini Sungai Sebieuw *that is the requirement to resolve part of* banjir kilat. Kita pun tahu Bintulu yang tahun lepas macam mana orang duduk atas bukit boleh banjir, bawah punya tidak banjir. Ini tidak cerita untuk ketawakah?

Inilah termasuk tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi soalkan perparitan. Kementerian ini kita menjaga *monsun drain*. Itu perparitan yang besar punya *monsun drain*, ini *monsun drain* memang di bawah kementerian kita memanglah ini perparitan rancangan itu di bawah Lembaga BDA, *Bintulu Development Authority* tetapi dia pun mahu menunggu peruntukan daripada kita punya kementerian.

So, saya mahu mintalah kementerian sama BDA bekerjasama dan buat satu rancangan jangka panjang untuk menyelesaikan ini banjir di Bintulu ini. Saya memang tidak mahu ikut macam Sibuh mahu buat ban ini semua saya tidak mahu. Saya mahu mendalamkan itu sungai barulah boleh selesai termasuk sungai ke mana. Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri tolonglah beri satu jawapan bila hendak selesai? Kalau di Rancangan Malaysia *Rolling Plan 4* ini pun tidak boleh RM20 juta sampai mahu sampai 11 saya memang tidak setuju. Saya minta satu jawapan yang ikhlas. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Yang Berhormat jawapan itu adalah jawapan ikhlas. Saya turun padang pada awal tahun ini. Saya mencari Yang Berhormat tetapi Yang Berhormat tidak tahu pergi ke mana. *[Ketawa]* Saya pergi melihat Sungai Sebieuw.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Saya pergi melihat kawasan pembangunan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bintulu, Yang Berhormat Bintulu jangan berdiri dahulu. Beri Yang Berhormat Timbalan Menteri peluang untuk menjawab. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Saya melihat, saya mengkaji sendiri apa sebenarnya berlaku. Pada tahun lepas Disember sekolah SJK(C) Sungai Sebiew ketinggian air banjir di situ adalah tiga meter sampai tingkat pertama, tingkat bawah memang tidak boleh sebut lagilah tetapi tingkat pertama.

■1500

Kenapa ia berlaku di situ? Di kawasan tadahan di hulu Sungai Sebiew, taman-taman sudah besar termasuk Taman Hollywood. Semua air dimasukkan di dalam longkang itu dan dimasukkan di Sungai Sebiew yang kecil di sebelah hulu. Apabila ia sampai di situ sebab sistem longkang, sistem perparitan yang dibina oleh JPS adalah lapan meter lebar tetapi yang dibina oleh BTA di Taman Jade adalah tiga meter lebar. Maka air yang mengalir dari hulu Sungai Sebiew sampai ke Taman Jade disebabkan longkang ataupun parit di Taman Jade adalah kecil, maka *back foil* berlaku. Berlakulah banjir di sekolah itu. Saya memang amat kesian kepada Yang Berhormat Bintulu kerana BTA tidak buat sepatutnya yang dibuat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Nanti Yang Berhormat. Jalan dari situ, dahulu ada sebatang sungai. Apabila jalan itu dibuat sudah tinggi, sungai itu sudah pun tertimbus. Apa yang terjadi? Ini kerana jalan itu lagi sebagai ban. Jadi air terkandung di situ dan menyebabkan banjir lebih besar.

Oleh itu Yang Berhormat, JPS telah pun menjalankan kajian sendiri dan di Rancangan Malaysia Kesebelas telah pun memohon peruntukan sebanyak RM100 juta untuk rancangan tebatan banjir di Bintulu sahaja. Ya, Yang Berhormat..

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri lain kali datang Bintulu, jangan datang esok, hari ini beritahu. Yang Berhormat Timbalan Menteri ada program tugas-tugas, saya pun ada program tugas-tugas. Harap kita faham.

Akan tetapi hari itu Yang Berhormat Timbalan Menteri datang, saya tiada. Saya punya pegawai ada jelas sama Yang Berhormat Timbalan Menteri, mana mahu menaik taraf dan yang mana mahu dibina baru? Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri masih ingat lagi dan boleh faham. Isu ini sekarang, Yang Berhormat Timbalan Menteri persoalkan, terangkan mana yang betul dan mana yang tidak betul. Inilah jadi satu masalah Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dalam masa melaksanakan projek itu, kalau cara itu tidak betul, kenapa Jabatan Perparitan dan Saliran senyap dan diam sahaja? Itu bukan projek Wilayah buat. Itu agensi kerajaan yang buat juga.

Jadi macam mana JPS tidak soal? Saya dalam mesyuarat Bintulu di BTA, saya pun tanya soalan ini. JPS kata BTA tidak tanya, BTA cakap saya ada panggil dalam *meeting* di sana. Saya kata, "*Where is your exchange letter?*" Di mana? Kalau kita tidak setuju, mana kita pandai tambahan. Semua orang senyap sahaja. So masalah sekarang, kita tidak mahu *look backward*, dengan izin. Kita mahu *go forward*. So *how* - macam mana kita punya *solution* untuk menyelesaikan masalah ini? Janganlah kita kata, "*Oh! Nanti kita sedia RM100 juta buat apa*

*kalau esok hari banjir lagi macam hari itu, berapa puluh juta rakyat habis?"* Kalau setiap macam ini, *you* pergi esok, rakyat sokong sama kitakah?

Berapa kali kita sudah kena? So, kita mesti mahu ambil berat perkara ini. Kalau macam sungai dekat mana, saya minta peruntukan, saya sudah minta tiga penggal, Sampai hari ini pun tidak ada buat keputusan. Saya tidak tahulah, kita punya pegawai...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bintulu, cukup panjang Yang Berhormat Bintulu. Sudah cukup panjang itu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Memang cukup panjang tetapi tidak selesai masalah Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, biar Menteri respons selepas itu Yang Berhormat Bintulu, sudahlah.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Saya mintalah Yang Berhormat Timbalan Menteri, buat serius sikit. Jawapan memang ikhlas tetapi ikhlas tidak ada *solution*, tidak ada gunanya juga, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Ada *solution* Yang Berhormat. Yang mendalamkan sungai di '*that particular stretch*' adalah untuk menyelesaikan masalah banjir di sekolah itu. Itu adalah tempat pelajaran. Saya mengucapkan terima kasih...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, itu sekarang kita...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bintulu, Yang Berhormat Bintulu...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** ...Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua..

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini sudah berdialog, Yang Berhormat Bintulu.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Itu semasa peruntukan ada...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Saya faham tetapi Tuan Yang di-Pertua, itu sungai...

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Kita semua harus faham...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri..

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Bukannya senang hendak dapatkan peruntukan, Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, duduk dahulu Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Bintulu duduk dahulu. Yang Berhormat Bintulu.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Bukannya senang hendak dapat peruntukan yang begitu banyak sekali gus.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, duduk dahulu Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Bintulu duduk.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Oleh itu, di mana yang perlu untuk *short term*, jangka pendek, kita buat. Untuk jangka panjang, kita mohon lagi peruntukan banyak-banyak. Akan tetapi



satu perkara yang saya ingin mengucapkan kepada Yang Berhormat Bintulu ialah mesyuarat dengan BTA, tanya surat, mana ada surat *exchanges*, mereka diam. Memang mereka macam itu Yang Berhormat. Saya sudah kenal...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan, teruskan Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Bintulu, sudah Yang Berhormat Bintulu.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Yang Berhormat Bukit Katil...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bintulu, sudahlah Yang Berhormat Bintulu. Mesej telah pun sampaikan.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** ...Telah membangkitkan mengenai masalah keretakan dan kerosakan...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Mana boleh macam itu Yang Berhormat Timbalan Menteri, tidak mahu jawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bintulu, sudahlah Yang Berhormat Bintulu.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Saya sudah jawab tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Jawab macam mana? Sungai Sebieu itu kalau tidak didalamkan, jalan itu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Duduk dahulu.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Itu jangka pendek semasa peruntukan ada. Kita minta lagi peruntukan untuk jangka panjang yang cerita satu lagi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri duduk Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** ...Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Ini kerana duit itu bukannya kita yang punya. Duit itu adalah Kementerian Kewangan. Jadi, kalau Kementerian Kewangan lulus, kita ada duit. Kalau Kementerian Kewangan tidak lulus, kita tidak ada duit. Memang begitu sistem pentadbiran kerajaan.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Macam itu. Itulah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, duduk dahulu Yang Berhormat Menteri, duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin ingatkan kembali setiap jawapan dari Yang Berhormat Menteri itu semuanya dirangka oleh pegawai-pegawai yang berwajib. Jadi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang bertanya soalan, kalau misal kata tidak memenuhi aspirasi jawapan, setidak-tidaknya ada jawapan yang telah juga diberi. Jadi jangan sama sekali mengharap bahawa setiap pertanyaan itu ada penyelesaian, terus selesai.

Jadi setidak-tidaknya mesej telah disampaikan. Pihak-pihak yang berwajib di kementerian dan agensi kerajaan juga ambil ingatan. Yang Berhormat Menteri telah menjawab dengan baik. Jadi kalau setiap isu ada pertenggaran seperti begitu, kita tidak akan selesai

bermesyuarat, Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri, sila teruskan. Jadi saya harap telah *cool down* sedikit, saya cakap tadi pakai turbo tetapi sekarang ini boleh *slow* sedikit pun boleh. Sila Yang Berhormat Menteri. Jangan panaskan enjin itu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Enjin panaskah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bintulu...

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua..

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Yang Berhormat Bukit Katil telah membangkitkan mengenai masalah keretakan dan kerosakan rumah susulan projek pembersihan dan pengindahan Sungai Melaka yang sedang dijalankan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rumah-rumah dan pagar-pegar yang mengalami keretakan kecil akan dibaiki oleh pihak kontraktor manakala kerosakan yang teruk akan dibaiki oleh pihak kontraktor dan diliputi oleh insurans tahunan awam setelah projek siap. Namun, terdapat binaan seperti garaj kereta, reban ayam, dan stor milik penduduk di rumah awam Pantai Rengit yang telah dibina di dalam tanah rizab sungai yang merupakan sebahagian dari jajaran projek ini mengalami kerosakan juga.

Perbincangan di antara pihak JPS dan penduduk-penduduk rumah awam Pantai Rengit telah dilakukan. Penduduk telah bersetuju untuk merobohkan binaan-binaan yang terletak di dalam tanah rizab sungai tersebut. Pihak kontraktor bersetuju untuk menanggung kos kerja-kerja merobohkan binaan-binaan tersebut.

#### ■1510

Terdapat kerosakan pagar di Taman Rumpun Bahagia yang dibina di dalam tanah rizab sungai yang merupakan sebahagian daripada jajaran projek ini. Pihak kontraktor telah pun bersetuju memindah dan membina semula pagar tersebut di sempadan asal.

Yang Berhormat Kuala Nerus membangkitkan mengenai masalah hakisan pantai di negeri Terengganu, menyeru supaya kementerian ini untuk memantau kerajaan negeri agar memastikan setiap pembangunan di kawasan pasir pantai adalah mengikut garis panduan kawalan pembangunan bersepadu di zon pantai yang diguna pakai dalam pembangunan di kawasan pantai bagi mengelakkan hakisan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini melalui JPS sedang melaksanakan projek pencegahan hakisan pantai di Pantai Tok Jembal sepanjang 3 kilometer dengan kos projek sebanyak RM70.6 juta. Komponen projek terdiri daripada penambahan pasir, pembinaan pemecah ombak dan *drawing* yang dijangka siap pada April 2016. JPS sentiasa memastikan permohonan pembangunan kawasan pantai yang diterima mematuhi garis panduan kelulusan JPS.

Yang Berhormat Bukit Mertajam telah membangkitkan mengenai pelaksanaan Rancangan Tebatan Banjir di Bukit Mertajam dan di Pulau Pinang dan turut mencadangkan agar garis panduan perparitan dan saliran untuk pembangunan dikaji semula. Antaranya, meningkatkan keupayaan *stormwater holding* dinaikkan ke 50 hingga 100 *Average Recurrence Interval* (ARI) terutamanya di kawasan bandar yang dijangka akan mengalami pembangunan

yang pesat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan bagi Projek Tebatan Banjir Sungai Junjong iaitu RM2 juta dan Projek Tebatan Banjir Sungai Permatang Rawa dan Sungai Ara, peruntukan RM 14 juta telah dipohon dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh tetapi tidak diluluskan. Kementerian akan memohon semula peruntukan bagi projek ini dalam Rancangan Malaysia Kesebelas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) Edisi Kedua, ARI bagi sistem saliran utama ataupun *major drainage system* seperti dalam takungan *wetland* dan pemetungan perlu direka untuk menggunakan 50 atau 100 ARI bergantung kepada jenis pembangunan. Walau bagaimanapun, penentuan nilai ARI dan had luahan yang dibenarkan ataupun *allowable discharge limit* bagi sesuatu kawasan akan dilakukan oleh pihak berkuasa tempatan dan bergantung kepada beberapa faktor. Antaranya adalah:

- (i) keupayaan sistem saliran sedia ada;
- (ii) keadaan sumber asli di saliran;
- (iii) potensi *risk cycle* dan sensitiviti kawasan; dan
- (iv) tadahan air dari segi impak sosial ekonomi

Yang Berhormat Setiu telah membangkitkan mengenai isu Rancangan Tebatan Banjir di Setiu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah memohon peruntukan bagi projek Rancangan Tebatan Banjir di Sungai Setiu dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, tetapi tidak juga diluluskan. JPS akan memohon semula peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas bagi melaksanakan projek yang dimaksudkan.

Yang Berhormat Batu Gajah telah membangkit mengenai isu kilang kimia di Lahat, Perak yang mengeluarkan asap yang banyak melalui cerobong. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kilang 'Towinners Sdn. Bhd', dahulunya dikenali sebagai Malaysia Titanium Sdn. Bhd. telah beroperasi sejak tahun 1967 bagi menghasilkan pigmen cat menggunakan galian 'amal' iaitu *zircon* dan *ilmenite*. Namun pada tahun 2008, kilang ini menggunakan asid hidroklorik terpakai yang merupakan bahan buangan berjadual di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 bagi menggantikan sumber bahan mentah yang diguna pakai sebelum ini dalam penghasilan pigmen cat. Kilang ini telah dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar Malaysia pada 2008 di bawah seksyen 18 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 bagi kemudahan memperoleh kembali luar tapak bagi pemprosesan asid terpakai seperti *sphene hydrochloric acid*.

Berdasarkan laporan terkini, pensampelan cerobong yang dijalankan pada tahun 2013 didapati pelepasan gas ataupun kandungan bahan kimia adalah seperti daripada sulfur dioksida, nitrogen dioksida, karbon monoksida dan asid hidroklorik ke udara. Kepekatan gas-gas ini ialah mematuhi standard yang ditetapkan dalam syarat lesen, manakala pelepasan asap putih yang dilihat ialah terdiri daripada wap air. Pihak JAS telah menerima 20 aduan berkaitan pencemaran udara daripada penduduk sekitar semenjak tahun 2005 sehingga kini. Semua aduan yang diterima oleh JAS lebih menjurus kepada aduan pencemaran alam sekitar berhubung dengan pengoperasian kilang. Susulan itu, JAS telah melaksanakan siasatan ke atas premis bagi setiap

**■1520**

Antara tindakan penguatkuasaan yang dikenakan adalah pengeluaran surat arahan, notis arahan dan juga kompaun di atas ketidakpatuhan syarat-syarat lesen bagi pengurusan buangan berjadual ini dan juga pengurusan udara. Berdasarkan pemeriksaan terakhir pada 20 Oktober 2014, pihak premis telah diarahkan untuk menjalankan audit pihak ketiga iaitu *third party* audit bagi menilai potensi kecekapan sistem kawalan pencemaran udara yang digunakan serta menyediakan pelan pindaan bagi menambahbaikkan alat kawalan pencemaran udara untuk mengurangkan pelepasan wap air dan seterusnya mematuhi sepenuhnya Akta Kualiti Alam Sekeliling.

Yang Berhormat Gopeng telah mengutarakan isu pembukaan hutan simpan bagi projek pertanian dan agropelancongan di Mukim Sungai Raya Daerah Kinta di atas Laut PT.245072 dan Laut PT.23157 oleh Obor Hasil Sdn. Bhd. melalui syarikat GLK Kerajaan Negeri Perak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan semakan Jabatan Perhutanan Negeri Perak ke atas lot-lot tanah yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat ia adalah projek pertanian dan agropelancongan di Mukim Sungai Raya Daerah Kinta adalah merupakan projek pertanian *agrotourism* bersama pembangunan pertanian negeri Perak yang diusahakan oleh syarikat Agro Tour Business (M) Sdn. Bhd. bukannya oleh syarikat Obor Hasil Sdn. Bhd. Kawasan yang dimajukan ini adalah merupakan kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) iaitu Hutan Simpan Bukit Kinta dan telah diwartakan keluar daripada status HSK pada 11 Oktober 2012. Kawasan ini melalui warta nombor 1896 PW2079 seluas 910 hektar serta mewartakan 987 PW2080 seluas 140.5 hektar.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Siapa?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Gopeng.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Yang Berhormat Gopeng.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan itu. Cuma, ada beberapa soalan yang ingin saya bangkitkan. Pertama sama ada lot yang dirujuk itu lot yang sama. Sebab lot yang saya dapati ialah PT245072 dan PT23157 dan lot Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut itu mungkin lot yang berlainan.

Kedua, apakah asas untuk *reclassify* kawasan tersebut sebab memang itu kawasan hutan simpanan kawasan-kawasan tinggi dan kawasan tadahan air dan juga kawasan tersebut memang sebahagian daripada ada orang asal di situ. Tidak akan kementerian tidak mengikut dasar fiskal nasional yang menetapkan bahawa kawasan tersebut tidak sepatutnya dibangunkan untuk kepentingan alam sekitar, kepentingan orang asal, sekian.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat atas pertanyaan tambahan itu. Lot yang saya sebut di sini adalah lain daripada lot yang disebut oleh Yang Berhormat. Tetapi projek ini adalah projek agropelancongan. Apabila ianya projek agropelancongan, maka ini berkaitan dengan Kerajaan Negeri Perak. Maka tanggungjawab ke

atas hutan kerajaan ialah tanggungjawab kerajaan negeri. Begitu juga dengan tanggungjawab kegunaan tanah.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Ya Yang Berhormat, ada lagi?

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Ya, tambahan. Yang penting sekali apabila kementerian buat Dasar Fizikal Nasional yang menetapkan sebahagian dari hutan itu memang hutan simpanan kekal yang tidak boleh dibangunkan. Kawasan tersebut memang apa yang dikatakan *Environmental Sensitive Area* Tahap 1 yang tidak boleh dibangunkan, ini pertama.

Kedua, saya balik kepada sama ada kita tengah bincang soal lot yang sama ataupun kakitangan kementerian itu berikan lot yang berlainan tidak sama dengan apa yang saya sebut. Ini perkara pokok. Kalau kita bincang soal lot yang tidak sama, jadi perbahasan ini tidak bermakna langsung. Kalau jawapannya tidak sama, mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri bekalkan jawapan bertulis, adakah kakitangan boleh berikan jawapan yang setepatnya untuk jawapan ini. Sekian.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Yang Berhormat, lot-lot yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat adalah lot yang diguna pakai. Walaupun sentuhan Yang Berhormat itu tadi saya akan berikan jawapan bertulis untuk membandingkan lot-lot ini dengan Yang Berhormat.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Sikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cuma dua minggu lepas pendengaran sedang dibuat sebelum kelulusan muktamad diberikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak. Jadi Jabatan Pembangunan Desa dan Alam Sekitar terlibat dalam pendengaran tersebut. Saya berharap kalau boleh kementerian campur tangan dan meneliti perkara ini sekali lagi supaya kelulusan itu tidak diberikan untuk kepentingan alam sekitar dan untuk kepentingan Orang Asli di sekitar kawasan tersebut, sekian.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya memang berminat dalam perkara seperti ini. Pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan di mana-mana pun lebih-lebih lagi kalau ia kawasan tadahan air. Saya kemungkinan akan turun padang nanti selepas Parlimen dan melihat kawasan itu. Akan tetapi seperti mana yang saya katakan tadi Yang Berhormat berkata tadi juga adalah bidang kuasa kerajaan negeri yang telah pun dilakukan dan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak. Saya akan teruskan.

Yang Berhormat Gerik telah membangkitkan mengenai masalah pencemaran sungai yang dikaitkan dengan kegiatan perlombongan biji timah di Kelian Intan, Perak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat beberapa aktiviti ekonomi dan aktiviti-aktiviti yang lain selain daripada perlombongan dan pemprosesan mineral.

#### ■1530

Berikutan dengan aduan yang diterima, Jabatan Mineral dan Geosains ataupun JMG telah menetapkan syarat-syarat aktiviti perlombongan di Pangkalan Hulu di mana perlombongan dikehendaki menjalankan ujian pH ataupun asidan air sebanyak dua kali sehari. Selain daripada itu, JMG juga menjalankan ujian kualiti air di 15 buah lokasi di sungai-sungai berhampiran setiap

dua minggu sebagai semakan silang ataupun *cross check* hasil program turun padang Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar pada 18 Oktober 2014.

Antara tindakan-tindakan yang perlu dilaksanakan bagi mencari punca pencemaran adalah seperti berikut:

- (i) Menubuhkan kumpulan kerja bagi meneliti segala kemungkinan yang menyebabkan berlakunya pencemaran air dan mencadangkan kaedah penyelarasan yang terbaik;
- (ii) membina sistem pengawasan kualiti air kekal di Sungai Rui bagi memudahkan bacaan kualiti air dibuat; dan
- (iii) pelombong dikehendaki menyediakan Pelan Kawalan Hakisan dan Sedimen untuk kawasan pembuangan tanah dan bagi menghalang pepejal berampai daripada memasuki saluran setempat.

Yang Berhormat Gerik juga telah mencadangkan supaya ditubuhkan sebuah badan bebas untuk mengawal selia kelestarian alam semula jadi di kawasan Hutan Royal Belum dan Tasik Temenggor. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Taman Negeri Royal Belum telah diwartakan sebagai taman negeri pada tahun 2001 melalui Enakmen Perbadanan Taman Negeri. Perbadanan Taman Negeri Perak telah diberikan kuasa di bawah enakmen ini untuk merancang, mengurus dan membangunkan Taman Negeri Royal Belum.

Sehubungan dengan itu, cadangan Ahli Yang Berhormat untuk menubuhkan sebuah badan bebas bagi mengawal selia kelestarian alam semula jadi di kawasan Hutan Royal Belum dan Tasik Temenggor wajar disusuli oleh Kerajaan Negeri Perak memandangkan ia adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Perak. Walau bagaimanapun, bagi meningkatkan kemudahan ekopelancongan di Royal Belum, kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran telah menyediakan kemudahan sebanyak 14 pontun di bawah aktiviti *Malaysia Mega Biodiversity Hub* di bawah *National Key Economic Area* ataupun NKEA sektor pelancongan pada tahun 2011 dengan peruntukan berjumlah RM1 juta.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bakri telah membangkitkan mengenai isu jerebu dan mencadangkan supaya menukar bacaan indeks kualiti udara daripada PM2.5 kepada PM10. Itu tidak betul Yang Berhormat Bakri. Bukannya PM2.5 kepada PM10 tetapi sepatutnya PM10 kepada PM2.5.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menambah baik pengurusan kualiti udara dalam negara, kementerian ini melalui Jabatan Alam Sekitar telah merancang program pengawasan kualiti udara menggunakan perkhidmatan konsesi baru yang akan bermula pada tahun 2016 dengan menambah parameter PM2.5. Ini adalah *particulate matter size below 2.5* ataupun zarah saiznya di bawah 2.5 mikron. Selain daripada parameter PM10 yang sedia ada, dalam program pengawasan baru ini, stesen pengawasan kualiti udara automatik juga dicadangkan untuk ditambah daripada 52 buah kepada 65 buah stesen dengan mengambil kira kawasan yang mengalami kekerapan berlakunya kejadian jerebu.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bakri juga ada meminta supaya Jabatan Alam Sekitar untuk mengeluarkan laporan bacaan ujian air terawat setiap hari dalam tempoh bermula 1 hingga 30 Mac 2014. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kualiti air terawat untuk bekalan air minuman adalah dipantau oleh Kementerian Kesihatan. Jabatan Alam Sekitar adalah bertanggungjawab untuk mengukur kualiti air mentah sahaja, bukannya kualiti air terawat.

Yang Berhormat Rasah telah meminta supaya...

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Apakah dia?

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Boleh kasi Bakri bertanyakan satu soalan?

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Yang Berhormat Bakri?

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Ya.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Silakan Yang Berhormat Bakri.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semasa dalam ucapan saya, saya ada bertanyakan kepada kementerian, adakah kerajaan akan memberikan topeng penutup hidung jenis N95 apabila krisis jerebu melanda. Setiap kali krisis ini melanda, topeng jenis ini akan, sama ada habis dijual ataupun harganya akan meningkat berkali-kali ganda. Adakah kementerian akan melaksanakan pemberian topeng N95 secara percuma atau bagaimana? Minta satu penjelasan terhadap pertanyaan saya. Saya ada bertanyakan Yang Berhormat Menteri tentang isu ini. Terima kasih.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat kerana menimbulkan perkara ini. Sebenarnya banyak lagi kementerian lain yang bertanggungjawab atas masalah jerebu ini. Apabila IPU atau Indeks Pencemaran Udara mencecah 200, maknanya kurang sihat, ataupun mencecah 300, sangat berbahaya, jadi dengan itu, MKN yang bertanggungjawab ke atas perkara ini seperti topeng muka. Manakala bagi di sekolah, Kementerian Pendidikan lah yang seharusnya mengagihkan kepada pelajar-pelajar di sekolah.

#### ■1540

Ini amat penting kerana Kementerian Kesihatan seharusnya juga memberi nasihat kepada kementerian-kementerian yang lain apa seharusnya dilakukan yang berkaitan dengan jerebu di tingkat berbahaya dan tingkat tidak sihat ini. Terima kasih Yang Berhormat Bakri.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Minta penjelasan. Minta penjelasan.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Ya.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Sini, sini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bandar Kuching.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Oh Yang Berhormat Bandar Kuching.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ya. Kita tiap-tiap tahun kita dilanda jerebu dan kita pun sering dengar itu alasan yang diberi bahawa pembakaran ladang di Indonesia yang menyebabkan jerebu di negara kita. Akan tetapi, kebelakangan ini mahkamah Indonesia telah menyabit dua orang pegawai mewakili syarikat milik Kuala Lumpur Ketum Berhad iaitu syarikat

negara kita yang menyebabkan pencemaran jerebu yang besar-besaran yang mempengaruhi jutaan rakyat di Indonesia, Singapore dan Malaysia ini.

Dengan terbuktinya ada kesalahan itu dibuat, dilakukan oleh kita – syarikat yang *headquarter* nya di Malaysia, apakah kementerian akan membuat susulan daripada bukti itu dan yang telah tersabit di Indonesia. Bolehkah Yang Berhormat berikan sedikit penjelasan?

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Yang Berhormat Menteri boleh sambung tentang isu yang sama dari Bakri? Tambah sedikit lagi. Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Menteri memberi peluang. Di sini saya hendak tanya berhubung dengan isu kualiti udara, mengapa data yang diambil oleh stesen pemantauan perlu dihantar ke Putrajaya terlebih, sebelum dikeluarkan kepada maklumat umum.

Ia akan mengambil masa dan melambatkan proses pengeluaran maklumat. Seharusnya dalam keadaan kecemasan, maklumat perlu dihantar terus dari stesen pemantau kepada orang ramai. Minta penjelasan dari Menteri. Terima kasih.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Yang pertamanya pertanyaan dari Yang Berhormat Bandar Kuching. Apa yang berlaku di Indonesia ialah tanggungjawab Kerajaan Indonesia. Jika seorang pegawai daripada...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Menteri, yang berlaku kesalahan ini orang Malaysia dan syarikatnya di Malaysia juga.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Ya, memang benar orang Malaysia.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Apakah kerajaan kita akan buat? Ini kerana...

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Akan tetapi dilakukan di Indonesia Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tahu tetapi orang Malaysia yang buat itu kesalahan.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Apa yang terjadi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat jangan bertengkar Yang Berhormat.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Yang Berhormat seorang *lawyer*. Tentu Yang Berhormat mesti tahu apa yang dilakukan di Indonesia, tanggungjawab Kerajaan Indonesia. Kita tidak bertanggungjawab ke atas apa-apa. Jikanya seorang asing mengedar dadah di sini, ini ialah tanggungjawab kerajaan kita. Di situ tanggungjawab Kerajaan Indonesia.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tahu. Saya tahu...

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Jadi *we cannot interfere*...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ya, *I know. I know*.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** ...Dengan apa yang mereka buat di mahkamah mereka sendiri.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** *I know but they are Malaysian. Malaysian company. So...*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *[Bangun]*



**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat duduk dulu Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Kerajaan Malaysia...

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Tidaklah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Ini terpulang kepada Kerajaan Indonesia.

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Mengetuk tukul]*

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** ...Seharusnya ambil tindakan atas syarikat itu.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Yang Berhormat itu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat...

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Kalau benar-benar dia yang melakukannya...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** ...Kita pun harus ambil tindakan atas syarikat itu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri duduk dulu. Yang Berhormat Bandar Kuching duduk dulu.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** ...Ambil tindakan atas syarikat itu.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Jadi, kerana dia dihadap ke mahkamah di Indonesia sebab...

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Mengetuk tukul]* Tolong Ahli-ahli Yang Berhormat yang sedang berdiri sekarang ini duduk. Yang Berhormat Bandar Kuching seorang peguam. Kalau sesuatu *crime happened in another country, if the crime is not committed in Malaysia, then although they are Malaysian, they cannot be taken in action here.* Jadi tolonglah jangan sama sekali perkara-perkara yang jelas dan tidak perlu diperpanjang– diperpanjangkan. *Not political scoring. Please.* Sila Yang Berhormat Ipoh Barat kalau ada. Yang Berhormat Menteri, *cool down* sedikit Menteri.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, saya setuju 100% pandangan Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini negara *Singapore* telah meluluskan satu undang-undang di Parlimen mereka. Di mana mereka telah mengekshaskan bahawa mana-mana syarikat yang ada perniagaan yang menjalankan pembakaran di *Singapore* yang ada pejabat di *Singapore* – case itu boleh di bawah ke mahkamah di *Singapore* dan syarikat itu *dicharge* dan *difine*. Bolehkah cadangan macam apa yang terjadi di *Singapore* boleh diguna pakai di Malaysia.

Harap kementerian boleh ambil dengan ikhlas pandangan saya ini. Ini kerana kalau *Singapore they can make a foreign company liable. Because there are many* syarikat-syarikat di Malaysia juga yang ada yang sedang – dia ada *culprit* di Indonesia. Ada banyak lagi syarikat yang *culprit* yang berniaga di Malaysia. Tindakan boleh diambil. Kalau *Singapore* boleh *because they have done that in Singapore successfully.* Banyak syarikat sekarang *they do not do anything else.* Bolehkah ia diambil tahu? Adakah kementerian mengetahui mengenai perkara ini dan apakah tindakan susulan yang akan diambil? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Yang Berhormat terima kasih atas cadangan itu. Sebenarnya walaupun syarikat antarabangsa yang bertapak di Malaysia melakukan pembakaran terbuka di Malaysia, Kerajaan Malaysia boleh ambil tindakan. Ini memang sudah pun berlakulah di mana-mana di negara kita. Terima kasih *because you highlight it*. Ini yang seharusnya kita mengertikan perkara seperti ini.

Lagi Yang Berhormat Bakri. Yang Berhormat Bakri yang bertanya tentang apa tadi Yang Berhormat Bakri? Saya sudah keliru. Ada dua...

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Tentang isu kualiti udara. Mengapa kena hantar ke Putrajaya?

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Ah okey. Kualiti udara ini yang diukur oleh stesen IPU ini adalah dibuat oleh satu syarikat ASMA. Oleh itu, ia perlu dihantar ke pusat di Jabatan Alam Sekitar untuk menentukan kesahihan data itu sebelum ianya dikeluarkan. Kalau dikeluarkan begitu saja, kita tidak tahu kesahihannya, adakah betul ataupun tidak. Oleh itu ia perlu disemakkan, *to justify the whole process* Yang Berhormat.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Rasah telah meminta supaya operasi Pusat Pengurusan Sisa Buangan Terjadual Bersepadu di Bukit nanas, Sendayan, Negeri Sembilan diberhentikan atas faktor-faktor keselamatan dan kesan ke atas kesihatan penduduk. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kualiti Alam Sdn. Bhd. (KASB) di Bukit Nanas, Sendayan, Negeri Sembilan merupakan sebuah pusat pengurusan sisa buangan terjadual bersepadu yang dilengkapi dengan loji rawatan fizikal dan kimia, loji stabilisasi, loji penemuan ataupun insinerator, loji rawatan *leachate*, loji rawatan sokongan dan tapak pelupusan selamat sebagai destinasi terakhir untuk buangan terjadual yang telah dirawat.

KASB telah diberikan hak eksklusif untuk melaksanakan dan mengendalikan kemudahan bersepadu ini selama 15 tahun bermula pada 1 Mac tahun 2000 sehingga 28 Februari 2015. Sekiranya pihak KASB diberikan lesen untuk terus beroperasi selepas 28 Februari 2015, tiada lagi hak eksklusif diberikan kepada KASB. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua aduan yang diterima oleh Jabatan Alam Sekitar lebih menjurus kepada aduan pencemaran alam sekitar berhubung dengan pengoperasi kilang. Berkaitan dengan operasi kilang lah ataupun *factory operation*.

■1550

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Okey.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebenarnya saya cuma ingin tanya satu soalan di mana sebenarnya isu Pusat Kualiti Alam berada di Bukit Nenas, Sendayan sebenarnya merupakan salah satu isu alam sekitar yang amat penting di Negeri Sembilan yang mana kebanyakan daripada penduduk di Sendayan dan juga di Seremban amat bimbang kilang tersebut akan membawa kesan-kesan negatif khususnya masalah kesihatan kepada semua rakyat yang tinggal berdekatan situ.

Salah satu kebimbangan iaitu seperti apa yang kita maklumkan yang mana kilang yang memproses nadir bumi di Kuantan iaitu Lynas sampai sekarang masih tidak lagi mengumumkan bagaimana mereka melupuskan sisa-sisa beradioaktif tersebut. Jadi, adakah sisa dari Lynas Kuantan ini akan dipindahkan ke Pusat Kualiti Alam untuk memproses?

Soalan saya yang kedua mengenai Pusat Kualiti Alam iaitu sebenarnya pihak Kerajaan Negeri Sembilan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah pun mengeluarkan satu kenyataan pada bulan Julai 2013 yang mana kerajaan negeri juga ingin mencadangkan agar kilang tersebut tidak dapat mencari satu tapak yang baharu untuk meneruskan operasi pelupusan sisa toksik ini. Jadi saya ingin memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang lagi Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Tidak panjang lagi. Dua lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, sila.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat atas pertanyaan tambahan itu. Pertama, kilang ini atau tapak pelupusan KASB ini belum lagi ataupun tidak menerima sisa-sisa daripada Lynas. Setakat ini belum lagi.

Kedua, kerana komen Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan ataupun cadangan agar tapak pelupusan ini dipindahkan di tempat yang lain, ini Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar perlu bincangkan dengan Yang Amat Berhormat kerana mencari satu tapak tanah lagi yang tidak berhampiran dengan tempat ataupun kawasan perumahan. Ini amatlah penting. Janganlah terlalu berhampiran. Nanti banyak gas yang terhasil akan terkeluar ke udara walaupun ia sangat rendah tetapi terkumpul, yang pentingnya terkumpul. Kita tidak mahu ini terkumpul. Seharusnya ia sepatutnya di dalam hutan ataupun di dalam ladang kelapa sawit.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Hulu Langat telah mencadangkan penubuhan satu suruhanjaya diketuai oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dalam usaha mengurangkan intensiti karbon. Yang Berhormat Hulu Langat juga ingin tahu mengenai usaha-usaha lain bagi mengurangkan intensiti karbon di negara kita. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa menyampaikan ucapan di persidangan *Climate Summit 2014* di New York telah mengumumkan bahawa status pencapaian pengurangan intensiti karbon negara kita sebanyak hingga sekarang 33% daripada 40% yang disasarkan pada tahun 2020. Hingga sekarang 33%. Kerajaan telah menyediakan *road map* ke arah pencapaian pengurangan 40% intensiti karbon *road map* diadakan meliputi tiga program iaitu kecekapan, penggunaan tenaga ataupun *energy efficiency*, tenaga boleh diperbaharui ataupun *renewable energy* dan pengurusan sisa pepejal. *Road map* ini kini ditingkatkan dan diperingkatkan untuk verifikasi.

Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan telah membangkitkan mengenai pembinaan Lebuh raya KIDEX. Saya hanya ingin menyentuh berkenaan cadangan untuk menjadikan laporan *preliminary EIA* sahaja, bukannya projek keseluruhan bagi pembinaan Lebuh raya KIDEX sebagai PEIA sebagai satu dokumen umum sahaja kerana ia adalah di bawah bidang kuasa kementerian saya. Untuk makluman Yang Berhormat, maklumat ringkasan eksekutif laporan EIA awal ataupun

PEIA ini telah dijadikan dokumen umum yang mana ia telah dipamerkan di laman web JAS semasa laporan ini diproses dan maklumat ini boleh diakses sehingga hari ini dan juga boleh dilihat di laman web oleh orang ramai. Cadangan projek Lebuhraya KIDEX adalah merupakan aktiviti yang ditetapkan dan telah mendapat kelulusan EIA awal pada 28 Mac 2013.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kira semua isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2015 berkaitan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah dijawab segalanya. Saranan dan cadangan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya oleh kementerian ini akan diteruskan. Sekian, terima kasih. *[Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, saya harap jangan terlampau panjang lencongan sangat. Sila, masa tidak mengizinkan.

**3.58 ptg.**

**Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya ingat amaran itu beri kepada Ahli Parlimen, bukan beri kepada saya ya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Seremban, Yang Berhormat Kuala Terengganu, Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Jerantut, Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Tuaran, Yang Berhormat Tanjong Manis, Yang Berhormat Tenom, Yang Berhormat Kota Melaka, Yang Berhormat Kuala Kangsar, Yang Berhormat Bukit Bintang, Yang Berhormat Libaran, Yang Berhormat Padang Besar dan Yang Berhormat Ipoh Timur yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan semasa perbahasan peringkat dasar Bajet 2015. Sesungguhnya pihak kementerian amat menghargai serta mengambil perhatian terhadap semua pandangan, saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Seremban telah mencadangkan supaya kementerian memperuntukkan RM22 juta daripada RM316 juta peruntukan *Malaysia Year of Festival 2015* untuk diadakan festival di setiap 222 buah kawasan Parlimen yang mana setiap kawasan diperuntukkan sebanyak RM100,000 dan Ahli Parlimen masing-masing dipertanggungjawabkan untuk menganjurkan kempen festival ini bersama masyarakat tempatan bagi tujuan merakyatkan kempen *Year of Festival*.

■1600

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi kempen Tahun Melawat Malaysia 2014, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah menerima peruntukan khusus, khusus ya untuk Tahun Melawat Malaysia 2014, kita menerima sebanyak RM190 juta. Manakala bagi *Malaysia Year of Festival 2015*, kementerian telah diluluskan peruntukan sejumlah RM316 juta. Dari jumlah peruntukan ini, sebanyak RM266 juta adalah merupakan peruntukan sedia ada

kementerian. Ini bermakna peruntukan yang dikhususkan untuk Malaysia *Year of Festival 2015* ialah sebanyak RM50 juta sahaja. Dari jumlah ini, sebanyak RM40 juta ialah untuk *digital marketing*.

Manakala bagi RM10 juta adalah untuk melaksanakan acara-acara yang telah dikenal pasti untuk Malaysia *Year of Festival 2015*. Oleh yang demikian, dukacitalah kementerian ini tiada lagi peruntukan bagi menimbangkan permohonan peruntukan kepada setiap 222 buah kawasan Parlimen. Namun...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Seremban bangun. Ya, beri jalan?

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Hendak habiskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, belum lagi. Ya, Sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** *Be patient*. Namun, kalau ada Ahli-ahli Parlimen mahu mendapatkan bantuan kewangan untuk pesta-pesta yang sedia ada di kawasan masing-masing, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan boleh menimbangkannya di bawah peruntukan biasa yang sedia ada untuk pembangunan *event* ataupun acara di kawasan Yang Berhormat masing-masing.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Seremban.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Di bawah peraturan bukan berbahas, ya. Memohon mendapatkan penjelasan.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Tidak, tidak. Mohon penjelasan, ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Peraturan Mesyuarat 37(1)(b).

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Ya. Pertamanya syabaslah kepada Yang Berhormat Menteri kerana semasa Yang Berhormat Menteri menggulung, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun ada untuk mendengar. [*Tepuk*] Ini menunjukkan betapa hebatnya dan juga Menteri Padang Rengas ini ada dalam hati Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. [*Ketawa*]

Saya rasa tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa RM50 juta itu telah diperuntukkan untuk *digital marketing* dan RM10 juta untuk acara-acara yang telah pun dirancang. Saya rasa apa yang saya cadangkan hanya RM22 juta. Saya rasa Yang Berhormat Menteri boleh berbincang dengan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan tambah peruntukan RM22 juta ini. Apakah saya rasa cadangan ini sama ada Menteri boleh atau tidak berbincang dengan pihak Kementerian Kewangan - tambah RM22 juta sahaja? Kalau semua - saya rasa konsep merakyatkan *Year of Festival* yang saya telah cadangkan ini dapat menghidupkan acara-acara festival di semua tempat. Ini supaya masyarakat setempat dapat merasai program kerajaan ini. Ini kerana janganlah program-program Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan ini hanya diraikan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Seremban.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** ...Di bandar raya-bandar raya besar. Akan tetapi di kawasan pekan-pekan kecil, di kawasan-kawasan yang pedalaman tidak ada sambutan-sambutan seperti ini. Apakah pandangan Yang Berhormat Menteri?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Dalam jawapan saya yang terakhir, saya telah menyebutkan iaitu kalau sekiranya mana-mana Ahli Parlimen yang dalam kawasan dia itu sememangnya sudah menjalankan pesta pada tiap-tiap tahun di masa-masa yang lepas, jadi kalau hendak dijadikan pesta itu lebih besar, maka bolehlah membuat permohonan kepada kementerian saya supaya diberikan peruntukan itu. Ini kerana adalah tidak logik untuk kita hendak memberikan setiap kawasan Parlimen itu wang RM100,000. Ini kerana sebagai contoh di Kuala Lumpur sendiri, Wilayah Persekutuan, mungkin ada 16 buah kawasan Parlimen. Berapa?

**Seorang Ahli:** 11 buah sahaja.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Ya, ada 11 buah kawasan Parlimen. Kalau kita mengadakan satu pesta di Bukit Bintang, seluruh pengundi di 11 buah kawasan itu semua boleh datang. Jadi kalau kita hendak beri setiap Parlimen seperti Parlimen Seputeh, kita hendak beri kepada Parlimen Titiwangsa, ia tidak logik. Kemudian pula, bukan semuanya Ahli Parlimen yang bersikap macam Ahli Yang Berhormat kita Seremban ini. Dia memang bagus sentiasa mahu memikirkan untuk- dan memang banyak pesta pun di kawasan dia. Jadi mungkin di kawasan lain macam di Seputeh, dia tidak fikir macam itu. Dia sibuk hendak jaga pelancongan negeri Selangor. Jadi kalau beri duit pada dia pun, dia tidak mungkin tidak buat. *[Disampuk]*

Jadi untuk hendak diberikan setiap bahagian peruntukan untuk mendapat peruntukan mengadakan pesta, maka ini satu tekanan kepada Ahli Parlimen yang kawasan dia memang tidak ada pesta untuk mewujudkan satu pesta. Saya ingat cukuplah tekanan kepada Ahli Parlimen yang menerima masalah dari pengundi-pengundi tentang hal peribadi mereka.

Jadi lebih baiklah saya kira iaitu mana-mana Ahli Parlimen yang berhajat untuk mendapat bantuan kewangan untuk mengadakan pesta yang lebih besar di kawasan mereka, maka lebih baiklah Ahli Parlimen yang berminat itu membuat rayuan kepada kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua... *[Disampuk]* Daripada peruntukan yang sedia ada. Yang Berhormat Kuala Terengganu mencadangkan kepada kementerian supaya menumpukan perhatian kepada pengusaha-pengusaha kraf songket dan tembaga di Pantai Timur, terutamanya di Terengganu dan Kelantan yang telah dipindahkan dari perkampungan mereka dan tidak diberikan kawasan dan tempat sesuai untuk meneruskan tradisi kraf mereka.

Untuk makluman Yang Berhormat Kuala Terengganu, usahawan kraf yang terlibat dalam proses perpindahan tersebut adalah sebanyak 20 orang usahawan kraf tembaga sahaja, yang tinggal di sekitar Kampung Ladang, Terengganu kerana pengambilan tanah oleh kerajaan negeri. Dari jumlah tersebut iaitu 20 orang, seramai lima orang usahawan kraf tembaga meneruskan

perusahaan mereka. Maknanya 15 orang tidak meneruskan perusahaan atas faktor usia dan kesihatan. Perlu difahamkan di sini, dalam soal seni kraf tangan ini, yang penting ialah individu dan bukannya tempat. Jadi kalau sudah tinggal lima orang dan sememangnya orang ini, kita membantu. Maka tidak berbangkitkan soal iaitu bahawa seni kraf tangan ini telah dihentikan ataupun mereka menghadapi masalah kerana lima orang sahaja dan lima orang ini mendapat bantuan dari kita.

Bagi memastikan kelangsungan perusahaan kraf tembaga ini, Perbadanan Kemajuan Kraf tangan Malaysia telah menyalurkan kepada mereka yang masih lagi berminat iaitu bantuan seperti bengkel baru, naik taraf bengkel sedia ada serta pemberian peralatan dan mesin. Usahawan kraf tembaga ini juga turut diberi latihan kemahiran dalam aspek teknikal dan keusahawanan untuk meningkatkan kemahiran dan keupayaan pengeluaran.

Untuk makluman Yang Berhormat, industri kraf di negara ini telah menunjukkan perkembangan yang membanggakan. Sehingga kini, terdapat seramai 4,635 orang usahawan kraf yang berdaftar di bawah Program Perbadanan Kemajuan Kraf tangan Malaysia, di mana seramai 571 orang usahawan kraf iaitu 12% di negeri Terengganu dan 517 orang usahawan kraf iaitu 11% di negeri Kelantan. Sehingga 30 September 2014, nilai jualan kraf tempatan yang diperoleh ialah sebanyak RM426.8 juta ataupun 99% berbanding sasaran yang telah ditetapkan iaitu RM430 juta.

#### ■1610

Nilai jualan usahawan kraf dari negeri Terengganu adalah sebanyak RM58.4 juta iaitu 14% dan dari negeri Kelantan pula adalah sebanyak RM9.1 juta iaitu 23%. Jadi jelas, ini menunjukkan bahawa seni kraf kita adalah dalam keadaan yang baik berkembang, sihat dan tidak terjejas dari apa yang telah berlaku di Kuala Terengganu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Terengganu.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pelancongan dan Kebudayaan. Di sini saya ingin mengucapkan terima kasih dan syabas kepada Kerajaan Pusat dan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan kerana saya rasa usaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan untuk memberi latihan khusus, peruntukan untuk mereka ini iaitu pengusaha kraf untuk meneruskan dan menambah baik usaha mereka adalah penting. Ini kerana di peringkat negeri, kita tidak nampak banyak usaha kerajaan tempatan untuk memberi latihan atau usaha-usaha untuk memberi bantuan kewangan untuk mereka meneruskan usaha ini.

Oleh sebab saya nyatakan sedemikian, sekarang ini kita nampak lagi banyak barang-barang kraf tempatan yang telah diganti oleh *souvenirs* atau barang luar daripada Indonesia dan Thailand yang telah menjejaskan imej Malaysia sebagai destinasi pelancongan. Jadi, sekarang ini kita nampak lagi senang kita cari barang-barang yang berasal dari Thailand dan Indonesia daripada barang tempatan. Jadi saya nampak tidak ada banyak usaha kerajaan tempatan di Terengganu, saya tidak berapa pasti di Kelantan. Akan tetapi Terengganu memang menghadapi

masalah kerana kampung-kampung asal seperti ladang seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi, sudah tidak lagi merupakan destinasi pelancong seperti dahulu.

Ini kerana dahulu ladang memang begitu terkenal untuk pengusaha tembaga tetapi di mana mereka ini telah dipindahkan. Jadi pelancong pula mesti mencari kawasan yang dulunya sudah bertumpu dan masyhur untuk industri sedemikian. Saya juga ingin memberi contoh bahawasanya industri atau kotej industri seperti pembuatan kasut atau *Italian shoe making* merupakan yang paling masyhur dan yang paling lumayan kerana adanya kesungguhan untuk meneruskan *entrepreneurship* melalui kesungguhan rakyat mereka, tetapi saya rasa orang kita kurang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Terengganu.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Menghadapi masalah-masalah modal. Itulah yang saya ingin menyatakan untuk meminta bantuan daripada Kerajaan Pusat dalam bidang kraf tangan. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya amat memahami apa yang dibangkitkan oleh saudara Yang Berhormat daripada Kuala Terengganu. Namun, negeri Terengganu telah membangun begitu pesat dan ladang ialah sebuah kawasan di dalam bandar Kuala Terengganu. Kalau sekali pun saya Yang Berhormat dan rakan-rakan saya kalau asalnya kampung ladang itu, semuanya menjadi pengusaha tembaga, saya agak akan tertekan kerana nilai tanah saya itu sudah meningkat. Lebih baik saya jual tanah saya, dapat keuntungan yang besar dan saya pindah ke satu kawasan yang lain. Jadi sebentar tadi telah tadi saya sebutkan itu bahawa yang penting ialah individu, bukan tempat.

Kerajaan tempatan tidak akan berlaku adil kepada pemilik-pemilik tanah di ladang yang sekarang sudah menjadi bandar, satu kawasan yang penting dalam bandar Kuala Terengganu. Jadi maka oleh kerana itu, saya rasa kalau kita hendak persalahkan kepada kerajaan tempatan pun saya rasa tidak adil kerana saya rasa sememangnya penduduk di ladang itu sendiri mengambil keputusan untuk menjualkan tanah kerana harga tanahnya itu sudah pun meningkat berganda-ganda daripada segi nilainya. Jadi ini saya rasa masalah yang dihadapi oleh semua perkampungan, seni kraf tradisional yang dulunya dianggap sebagai luar daripada bandar dan bandar itu kecil dulu, tetapi sekarang sudah membangun dan ini berlaku di mana-mana juga.

Satu jaminan saya hendak beritahu Yang Berhormat, saya setuju iaitu kita jangan membenarkan barangan daripada luar negara yang murah menggantikan kraf yang mungkin tidak banyak dilakukan oleh kita sekarang. Jadi untuk memastikan supaya bukan barangan daripada luar negara yang kita hendak pelancong-pelancong ke negara kita ini beli, maka setiap pelancong-pelancong yang datang ke negara kita dimaklumkan bahawa kraf Malaysia ini hanya ada di kedai-kedai kraf tangan kita. Maknanya di bawah perbadanan kraf kita. Jadi kalau di Kuala Lumpur, datang ke Jalan Conlay. Kita ada satu galeri di situ dan kita jual semua barang kraf. Itu adalah hasil tangan kraf tangan rakyat Malaysia. Kita tidak jual Siam punyakah, Indonesia punyakah, kita tidak jual.



Saya setuju dengan Yang Berhormat, tidak boleh kita benarkan perkara ini berlaku berleluasa dan kalau kita hendak benarkan pengusaha untuk mendapatkan keuntungan besar menjual kraf luar negara sebagai kraf kita, itu memang kita tidak bersetuju. Dalam hal ini saya 100% bersetuju dengan Yang Berhormat dan kalau sekiranya ada cadangan-cadangan yang lain daripada Yang Berhormat yang boleh mempertahankan hasil kraf tangan rakyat kita, *insya-Allah* kerajaan akan laksanakan. Yang Berhormat Pokok Sena.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih. Berkaitan dengan industri kraf Yang Berhormat Menteri. Satu perkara yang perlu juga dilihat ialah bukan sahaja kraf tangan itu daripada luar yang masuk ke sini di usahakan oleh orang luar. Akan tetapi ada juga kraf-kraf tangan yang diusahakan sendiri oleh masyarakat tempatan tetapi pembuatannya dibuat daripada luar. Akan tetapi dari segi *design* dan sebagainya dibuat di luar kerana kos untuk membuat, khususnya kalau kita lihat dalam kraf *textile* songket. Sekarang ini memang kebanjiran songket daripada luar, daripada India, daripada Pakistan, daripada Bangladesh dan sebagainya.

Mereka itu diusahakan oleh pengusaha-pengusaha songket daripada Malaysia sendiri, *design*nya *design* Malaysia yang dibuat tetapi mereka kilangkan di sana. Jadi, bagaimana kita hendak pastikan supaya nanti kraf kita ini kualitinya baik tetapi harganya murah? Hasil yang dibuat di Malaysia sendiri itu, barulah kita akan dapat memastikan supaya pengusaha-pengusaha yang pergi ke negara luar itu, mereka akan dapat balik untuk pastikan pembuatan mereka itu buat di sini dengan menggunakan tenaga manusia daripada Malaysia sendiri ataupun orang luar yang datang bekerja di Malaysia.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Yang Berhormat Presiden songket bukan? Tidak. Ini kerana perkara yang dibangkit itu sebenarnya merupakan keluhan kepada pembatik-pembatik dan juga penenun. Jadi pembatik-pembatik dan penenun-penenun songket sememangnya ada berjumpa dengan pihak perbadanan kraf tangan menyatakan keluhan kerana songket-songket yang ada, yang dijual dengan begitu murah datangnya daripada India dan telah pun membanjiri pasaran kita.

Jadi, itu memang masalah Yang Berhormat. Akan tetapi dalam masa yang sama, apa yang kita cuba atasi perkara ini ialah pertama macam saya sebut tadi iaitu kita akan hanya memberi dukungan dan *patronize* macam mana Yang Berhormat dalam bahasa Melayu, menaungi. Kita hanya akan menaungi, bagi sokongan, dorongan kepada syarikat-syarikat penenun Malaysia yang sebenar-benarnya memang menenun songket di negara kita dan juga pembatik. Maknanya kalau macam di galeri yang dianjurkan oleh... Nantilah dulu, sabarlah.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** [Bangun]

■1620

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Pasal songketkah apa? [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] [Disampuk]

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Tadi sebelum...

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Kalau, nanti songket – nanti dulu.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Sebelum jauh...

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Nanti, nanti, nanti. Duduk, duduk. Jangan kacau saya punya perjalanan *my train of thought* tengah berjalan.

**Seorang Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Songket. Jadi kita pastikan, kita bagi sokongan, dorongan dan kita juga memberitahu kepada *travel agent*, *travel guide* kita. Kalau melawat Terengganu sebagai contoh, hanya pergi ke kedai-kedai penenun songket yang tulen dan bukannya pergi kepada tempat-tempat yang luar daripada keupayaan kita untuk mengawal. Itu kita tidak boleh. Kita – **free market** ini kalau dia mari import beli yang India punya, kita tidak boleh tahan. Akan tetapi kalau *tourist* datang, kita tidak benarkan dia pergi kepada tempat-tempat, kedai-kedai seperti ini. Kita suruh kita punya *travel guide* yang terikat dengan *travel agent* hanya pergi ke tempat-tempat yang mana penenunnya adalah asli dan tulen.

Kedua Yang Berhormat, kita juga hendak kena fikir tentang songket yang murah. Akan tetapi sebagai contoh, kalau kita buat untuk sekolah sebagai contoh, sekolah saya Kolej Melayu Kuala Kangsar. Jadi kalau hendak kita suruh buat dengan tangan, mahal kena bayar lebih. Takkan budak hendak beli. Jadi kita juga kena benar juga songket dan tenunan ini dilakukan dengan mesin tetapi orang Malaysia yang buat.

Maknanya syarikat Malaysia. Bukan kita kata *you* tolong bagi tahu dekat India sana tolong buat *design* macam ini, itu kita tidak benarkan. Saya harap juga oleh kerana sekolah-sekolah ini merupakan sekolah-sekolah kita, mereka juga jangan lakukan perkara ini. Jadi saya – tetapi juga Yang Berhormat, ada juga berkenaan-bekenaan dengan budak-budak sekolah. Ada juga orang kampung mungkin kurang kemampuan hendak beli yang mahal itu tidak mampu. Maka dia perlukan kepada songket-songket yang murah. Jadi songket-songket yang murah ini kita benarkanlah supaya kita punya pengusaha menggunakan mesin untuk mengeluarkan produk-produk hasil yang dilakukan oleh mesin supaya boleh dijual dengan murah kepada mereka yang mahu membelinya.

Jadi sebenarnya Yang Berhormat, sekarang ini penenun-penenun ini – kita bagi orang yang memang minat kepada songket, dia tidak akan beli songket murah. Dia tidak mahu beli songket mesin, dia hendak songket yang dibuat dengan tangan, *hand-woven*. Jadi sebab itu pada saya, saya rasa daripada segi kraf, songket, batik ini dia tidaklah akan terjejas kerana kita mengambil tindakan-tindakan yang tertentu untuk memastikan supaya jangan dia kerja. Kita haraplah supaya rakyat Malaysia itu sendiri janganlah membeli songket-songket yang diimport daripada India. Melainkan beli, *buy Malaysia first*. Buat dengan mesin murah juga.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak. Tuan Yang di-Pertua ya, songket daripada India, daripada Pakistan dan Bangladesh ada yang pakai tenun tangan, murah. Saya baru beli, kawan saya memang dia pengusaha songket. Pengusaha songket daripada Malaysia, *design* dia buat. Kemudian dia dikilangkan di Pakistan. Dia telefon saya dia kata ada sampai yang baru, *design* baru dia kata, *design* baru. Saya kata mesin atau pakai tenun? Dia kata tenun. Saya beli memang tenun tangan, bukan pakai mesin. [*Disampuk*] Murah memang

murah. Jadi yang ini yang harus juga diberikan pertimbangan untuk tidak menyekat. Ini kerana mereka juga merupakan pengusaha. Pengusaha cuma mereka kilangkan ataupun dibuat di luar negara. Jadi perlu ada pertimbangan bagilah saya. *[Disampuk]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Pertama sekali Yang Berhormat janganlah belilah ya. Kawan Yang Berhormat itu kan, tidak perlu belilah. Makna kita tidak boleh hendak menahan orang, kita tidak boleh tahan. Ini *free market* negara kita. Cuma kita kena...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Gambar kedai dia Yang Berhormat menteri-menteri pun pergi beli. *[Ketawa]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tidak apa, Yang Berhormat bagi tahu saya Yang Berhormat Menteri mana itu. Dalam Kabinet saya akan bangkit nanti. Ini kerana Yang Berhormat Menteri tidak...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat, menteri-menteri pun pergi beli.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Jadi saya harap supaya kita – sebab itu saya harap kita mesti tanam juga dalam diri kita iaitu kalau kita hendak membantu pengusaha tempatan, maka kita sebagai rakyat Malaysia janganlah kita beli walaupun murah. Oleh sebab apa sekalipun kepada sayalah, saya rasa penting untuk kita memastikan supaya pengusaha-pengusaha kita ini akan dapat keuntungan. Ini kerana kalau kita tidak bagi dia keuntungan, walaupun kita bayar dia lebih sikit, akhirnya seni ini akan hilang di negara kita. Jadi peranan ini juga mesti dimainkan oleh kita semua. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pergi kepada Yang Berhormat Lipis...

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Menteri, sikit sahaja. Minta maaf.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Oh ya, boleh. Minta maaf. Boleh, boleh.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Tidak apa. Saya tertarik dengan apa Yang Berhormat Menteri katakan tadi mengenai industri songket dan batik. Kita tengok Yang Berhormat begitu *passionate* dalam usaha untuk mempromosi produk-produk tempatan ini ke luar negara. Walau bagaimanapun saya harap Yang Berhormat Menteri dan juga kementerian tidak juga melupakan satu lagi industri yang mungkin boleh dipromosikan iaitu industri tekat. Memang kalau kita tengok hampir pupus tetapi kalau ia boleh dikomersialkan, ia boleh pergi ke pasaran antarabangsa dan yang pentingnya ia adalah *made in Malaysia*. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Menteri mengenai perkara ini. Terima kasih.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Kota Tinggi boleh?

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Setuju itu memanglah setuju. Oleh sebab tekat ini memang daripada negeri Perak kan, Kuala Kangsar. Ahli Parlimen Kuala Kangsar mana? Ada?

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Saya hendak tanya sikit boleh? Kota Tinggi.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Jadi...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Boleh?

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tunggulah dulu. Saya baru sahaja cakap kata...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Okey, baik.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tunggu dulu. Tekat saya setuju dan saya hendak bagi tahu kepada Ahli-ahli Parlimen memang kita memberikan penekanan kepada perusahaan tekat ini, memang. Betul seperti Yang Berhormat sebut. Maknanya selain daripada kita – tekat ini kita lakukan kepada barang-barang seperti kata *cushion* hendak menikah. Kemudian apa itu, pinang apa itu...

**Beberapa Ahli:** Tepak sirih. [*Menyampuk*]

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Yang unik itu *handbag* Yang Berhormat. *Handbag* pun ada.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tepak. Jadi kita kena luar daripada tradisi itu. Maknanya bukan hanya setakat tepak sirih, bukan *cushion*. Kita keluar daripada itu macam Yang Berhormat sebut, *handbag*. Kemudian mungkin juga baju perempuan, saya setuju. Sememangnya pihak kraf tangan kita sentiasa untuk hendak memperkenalkan dan mempopularkan tekat ini. Mereka menjemput *designers* daripada luar negara supaya memberikan perspektif. Katakan daripada Eropah, perspektif orang Eropah apakah yang perlu dilakukan dalam pengurusan tekat ini untuk menarik perhatian orang Eropah. Ini dilakukan dan saya percaya kalau kita buat ini maka kita boleh mempopularkan dan memajukan tekat kita kepada dunia.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak berkongsi sedikit mungkin di Bali contohnya Yang Berhormat Menteri. Kita ada *4 million arrival tourist*. Akan tetapi di sana dipanggil kerajinan desa. Kita lihat berbagai-bagai produk yang dibuat tidak hanya tekat contohnya, kerja-kerja kayu yang mana digerakkan setiap satu kampung satu produk yang menghasilkan agak menarik dan bersaing antara mereka.

Akhirnya membanyakkan lagi hasil-hasil kraf tangan untuk Bali mempunyai kedatangan *arrival, this is about 4 million*. Malaysia kita ada lebih, mungkin 28 juta dan akan bertambah. Cuma pandangan saya, *instead of* kita pergi ke Terengganu untuk tekat, kita nampak ada kelompangan sedikit. Contoh-contoh kawasan di *airport*, atau kawasan tarikan utama. *Even di Langkawi* pun saya ingat masih kurang lagi produk-produk yang kita ketengahkan sebagai produk Malaysia, yang ada banyak produk-produk jualan komersial yang biasa.

Keduanya ialah susulan daripada itu adakah kerajaan atau kementerian bercadang untuk mengadakan satu *framework* untuk memperbanyakkan produk dalam berbentuk kerajinan desa tadi. Saya cakap kerajinan sebab kalau ada kemahiran, tidak rajin pun tidak jadi. Mesti ada promosi yang secara bersepadu. Keduanya, adakah kerajaan bercadang untuk memperbanyakkan lagi *brochures, story telling*, promosi, material yang sepatutnya wujud banyak

di *point of entry* contohnya di *airport*. Saya bagi komen contoh di Kota Kinabalu, saya lihat banyak dia *brochures* yang amat menarik dan mempromosikan tarikan-tarikan di Sabah.

■1630

Saya ingatkan tahniah tetapi di tempat-tempat lain, di Johor Bahru dan di Langkawi saya fikir masih kurang lagi. Jadi apakah kerajaan menggerakkan usaha-usaha ke arah mempromosi dalam bentuk-bentuk sedemikian? Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Kuala Kangsar boleh? Menteri sedikit.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Ya, biar saya jawab dahulu. Tuan Yang di-Pertua, kita punya - dari segi kraftangan ini, seni ataupun panggil apa sekalipun kerajinan tangankah atau apakah, musuh yang paling besar kepada pengembangan industri kraftangan ini ialah kemajuan. Ini kerana apabila ada kemajuan, maka tidak ada tekanan kehidupan. Bila tekanan kehidupan tidak ada, mudah untuk kita mendapat wang kerana kita sudah ada pendidikan. Inilah sebabnya puncanya, mengapa kita punya kraftangan ini tidak berkembang seperti mana yang kita harapkan.

Sebagai contoh, kalau kita pergi ke Jerman atau ke Perancis, sudah tidak ada kraftangan, tidak ada. United Kingdom sekalipun tidak ada kraftangan kerana sudah maju. Mereka lebih- tidak ada tekanan hidup. Jadi bila tidak ada tekanan hidup dan maju, dia boleh cari kerja sebagai doktor dan sebagainya walaupun dia datang dari kampung, asal kampung itu membuat tembaga, maka hilang begitu.

Jadi tidak semudahnya kita fikirkan itu bahawa buat ini, buat ini, dan buat ini. Maka untuk hendak mengembangkan kita punya kraf, lebih banyak perkara yang harus dilakukan. Kraf memerlukan- kraf itu satu seni dan seni ini adalah satu perkara yang tidak boleh kita paksa kepada seseorang melainkan kalau dia memang minat dalam perkara itu. Jadi sebab itu, saya setujuah macam di Bali. Bali dia ada macam-macam kraf kerana keadaan di Bali itu masih lagi ada kawasan-kawasan kampung tidak dibandarlisasikan dan mereka masih lagi bergantung kepada kerajinan tangan mereka.

Jadi saya memang bersetuju iaitu kita harus duduk dan fikir bersama bagaimana kita boleh memastikan iaitu bahawa - sekarang ini bukan lagi kita hendak fikir tentang hendak mengembang. Kita kena fikir bagaimana kita hendak memastikan jangan dia mati. Jadi, saya sebutkan perkara ini kerana saya hendak katakan iaitu bahawa ini bukan satu perkara yang mudah.

Namun kita punyai apa yang dikatakan Perbadanan Kraftangan kita. Sememangnya peranan Perbadanan Kraftangan ialah untuk memberi apa juga bentuk bantuan kepada mereka yang masih lagi minat kepada seni-seni kraf ini. Oleh sebab itulah kita beri geran, kita bantu memasarkan produk mereka, dan mengeluarkan brosur-brosur. Semua ini kita buat. Kalau Yang Berhormat ada idea-idea yang baru yang boleh membantu Perbadanan Kraftangan dalam usaha

untuk hendak memastikan supaya seni kraf ini tidak pupus, maka kementerian saya sentiasa bersedia untuk memberikan dokongan kepada cadangan-cadangan ini. Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Kota Kinabalu.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri Pelancongan dan Kebudayaan beri peluang untuk... [Disampuk] [Ketawa] Masih belajar, jangan ketawa. Saya mahu belajar juga, mahu tahan juga dan ketawa. Jadi saya-terima kasihlah atas peluang ini. Saya pun ambil peluang ini untuk mempromosikan pelancongan di Sabah. Jadi saya dengar begitu panjang lebar oleh Menteri tetapi macam tiada lagi sebut Sabah atau Sarawak, ya. Jadi walaupun industri kraftangan dan sebagainya tetapi tadi banyak sudah daftar industri kraftangan ini tetapi saya tidak dengar berapakah di Sabah dan juga ada berapa peruntukan untuk Sabah untuk promosikan pelancongan?

Di sini saya ada satu cadangan kepada Menteri. Mungkin Menteri dengar ini pun rasa terkejut juga. Jadi saya mahu beri satu peluang untuk mempromosikan Sabah atau *significant in fact* kata, *constitutional significant* ialah satu cadangan untuk Batu Sumpah. [Ketawa] Ini ada satu *historical significant* atau *constitutional significant*. Saya harap Menteri boleh lawat ini Batu Sumpah di Keningau. Ini sebagai satu-satu iaitu orang asal punya *constitution* yang ada tiga penting punya janji oleh Kerajaan Malaysia masa kita temukan Malaysia.

Jadi saya harap kementerian ambil perhatian dan juga ada langkah-langkah ambil kajian Batu Sumpah. Ini adalah- jadi satu Sabah punya *habitat* dari 51 tahun dahulu. Jadi saya harap ini pun dapat masuk jadi satu pelancongan, dia punya produk di Keningau supaya boleh bangunkan ekonomi Keningau orang asal. Jadi dia orang punya *handicraft* dalam pelancongan ini pun boleh maju kerana ada promosikan Batu Sumpah juga buatkan satu Festival Batu Sumpah di Keningau tiap-tiap tahun untuk ini. Minta penjelasan dan minta timbangan hal ini punya cadangan. Jadi terima kasih banyakkah kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga Menteri beri peluang supaya ini satu idea yang baru tetapi lamanya orang Malaysia, orang Semenanjung, Ahli-ahli Parlimen tidak tahu ini Batu Sumpah. Jadi ini satu *significant*. Harap boleh fikir untuk diambil perhatian. Sekian, terima kasih

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Dia ini macam kapal terbang tidak boleh *landing*, bercakap. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat kata dia baru belajar, dia *first term*. Okeylah saya ajar Yang Berhormat. Yang Berhormat bangkit soal kata sehingga ucapan saya ini belum lagi sebut Sabah. Lain kali kalau hendak tanya bila saya sudah habis saya punya penggulungan, saya tidak sebut Sabah barulah boleh bangun. Ini baru dua sahaja jadi bukan...

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Saya mengajarlah ini, tidak apa saya mengajar. Jadi Yang Berhormat ini tidak betullah sebab macam saya ini tidak mempedulikan Sabah, itu tidak adil. Saya belum habis lagi saya punya penggulungan. Namun Yang Berhormat, Batu

Sumpah ini kerana saya tidak mahu Yang Berhormat sumpah saya, *[Ketawa]* saya berjanji saya akan melawat Batu Sumpah.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Terima kasih, terima kasih. Hebat, hebat Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Jangan sumpah ya, jangan sumpah saya. Ini kerana saya ada baca dan ada rakan saya pagi tadi dia kata, “*Yang Berhormat Menteri aku berani...*” *Betting*, Melayu kata apa? Lupalah.

**Seorang Ahli:** Bertaruh.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Taruh. “*Aku berani bertaruh, sekejap lagi Yang Berhormat Menteri menggulung, Yang Berhormat Kota Kinabalu mesti bangun cakap tentang Batu Sumpah.*” *[Ketawa]* Betul, nasib baik saya tidak bertaruh tetapi saya akan pergi.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Jangan lupa jumpa saya, ya.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Saya akan pergi, saya akan pergi.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Jangan lupa.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Saya ada baca dan memang ada *significant*nyalah. Lagi pun apa yang dia minta itu bukan susah sangat. Saya punya pegawai Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan ada di belakang, saya berjanji dalam Dewan, *insya-Allah*, saya akan pergi Sabah dan melawat Batu Sumpah. Yang Berhormat kena janji juga, janji tetap janji, jangan sumpah saya. *[Ketawa]*

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Yang Berhormat Kuala Kangsar.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Terima kasih. Yang Berhormat Menteri saya ingin menyentuh sedikit tetapi kira penting. Ini tentang seni tekat tadi yang mana Kuala Kangsar merupakan pusat kraf dan juga seni tekat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Tidak habis lagi Yang Berhormat Batu ini. Pengusahanya merupakan- pelopornya ialah dua orang wanita iaitu kedua-dua orang dipanggil Kak Zah membuat dengan tangan dan juga mesin. Jadi seni ini kita merujuk kepada asal mungkin daripada seni kelambu Kaabah. Saya mohon mungkin pihak kementerian boleh mempromosikan ataupun memberi bantuan kepada pereka-pereka fesyen tempatan sebelum diambil oleh pereka-pereka fesyen antarabangsa tentang ilham dan rujukan kepada seni tekat ini.

Jadi saya pohon pihak kementerian, saya lihat ada pereka fesyen tempatan boleh membuat rujukan kepada seni ini untuk seperti mana Yang Amat Berhormat Paling Sulong sebut tadi untuk beg tangan, untuk jubah, dan untuk perkara-perkara *high* fesyen yang mana pasarannya begitu baik di peringkat antarabangsa sebelum diambil ataupun *dihijack* oleh pereka fesyen antarabangsa dari Turki dan juga beberapa orang pereka dari Eropah. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat. Tidak ada masalah. Kalau Yang Berhormat kenal pereka-pereka fesyen ini, saya tidak tahulah wanita atau apa, saya tidak tahu tetapi beritahu pada saya. Malah kita ada kita punya *branding* yang kita panggil Pereka. Jadi namanya macam 'Prada' sikit, Pereka. Jadi Yang Berhormat boleh maklumkan kepada saya, saya punya ketua pengarah ada di belakang, kita akan ambil maklum cadangan daripada Yang Berhormat itu.

Kita pergi ke Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Lipis ada? Ha, ada. Yang Berhormat Lipis mengusulkan kepada kementerian supaya usaha yang berterusan menggalakkan kemasukan pelancong ke Malaysia sejajar dengan penganjuran *Malaysia Year of Festival* bukan sahaja berkunjung ke bandar besar tetapi melawati pusat pelancongan terutama pusat ekosistem yang terkenal dengan flora dan fauna. Bersempena dengan kempen *Malaysia Year of Festival 2015*, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah menyenaraikan beberapa festival dan acara yang akan menonjolkan keunikan dan kepelbagaian masyarakat di negara ini. Melalui penganjuran festival dan acara yang unik, ia akan dapat memberi pengalaman yang baru kepada pelancong asing yang melawat ke negara ini sempena *Malaysia Year of Festival 2015*.

Di samping mempromosikan festival dan acara pada tahun 2015 serta produk pelancongan di bandar-bandar utama, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan juga masih terus meningkatkan promosi ke atas produk-produk pelancongan yang berasaskan ekopelancongan yang disebut oleh Yang Berhormat. Antara produk ekopelancongan yang menjadi tarikan kepada pelancong asing adalah seperti Taman Negeri Royal Belum, Taman Negara Pahang, Pulau Sipadan, Gunung Kinabalu, Langkawi Geopark dan taman-taman laut di seluruh negara, pokok sena, eh 'Pokok Sena' tidak ada, silap baca.

Tambahan pula, kita memang sokong Yang Berhormat Lipis ya, kita memang sokong. Tambahan pula menunjukkan kita ini memang menekankan tentang *ecotourism*. Maskot dan logo rasmi kempen Tahun Melawat Malaysia adalah berasaskan ikon ekopelancongan yakni elemen flora dan fauna. Contohnya ikon kempen Tahun Melawat Malaysia 1990 adalah penyu, tahun 1994 adalah orang utan yang dikenali sebagai Wira, 2007 adalah bunga raya dan 2014 adalah monyet Belanda ataupun *proboscis monkey*. Jadi sememangnya dalam kita, daripada dulu lagi Yang Berhormat bila kita bercakap tentang pelancongan, memang *ecotourism* merupakan penekanan yang utama bagi kita menarik perhatian pelancong-pelancong datang ke Malaysia.

Yang Berhormat Lipis juga mengusulkan supaya Taman Rimba Kenong yang terkenal dengan banyak tarikan ekopelancongan dan mempunyai sejarah 130 juta tahun ini diwartakan supaya ia dapat terus dinikmati oleh generasi akan datang dan lebih terjamin seperti taman negara. Sesungguhnya Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan menyokong penuh. Dah menyokong penuh, tidak payah tanya lagilah soalan tambahan. Kita menyokong penuh akan usaha-usaha pewartaan, pemuliharaan dan pemeliharaan tapak ekopelancongan di Taman Rimba Kenong, Kuala Lipis. Ia merupakan kawasan hutan semula jadi yang telah diwartakan di



bawah Akta Perhutanan Negara 1984 di bawah seliaan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Dalam usaha memelihara dan melindungi khazanah warisan yang menyimpan lipatan sejarah berusia 130 juta tahun ini, kementerian ini melalui Jabatan Warisan Negara turut menyenaraikan Taman Rimba Kenong sebagai warisan semula jadi, *natural heritage*. Untuk itu, kajian awal telah pun dilaksanakan, namun penyelidikan yang lebih terperinci perlu dijalankan untuk tujuan dokumentasi yang lengkap supaya dapat diangkat sebagai tapak warisan mengikut kriteria di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] seksyen 67(2).

Bagi tujuan ini, Jabatan Warisan Negara perlu terlebih dahulu mendapatkan keizinan daripada pihak kerajaan negeri sebelum, 'awok' kena jumpa dengan Menteri Besar 'awok' lah ya, sebelum Taman Rimba Kenong dapat diwartakan mengikut Seksyen 30 Akta Warisan Kebangsaan 2005, Akta 645.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** [Bangun]

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tidak puas lagi? Ada lagi?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Sedikit, sedikit.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Ada lagi.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya ada sedikit sahaja sebenarnya. Taman Rimba Kenong ini memang dah agak terkenal sekarang ini. Maksud saya pewartaan itu kawasan lebihan daripada Taman Rimba Kenong yang mana masih belum dimasukkan dalam kawasan pewartaan. Jadi saya tahu usaha ini memang datang daripada Menteri Besar Pahang tetapi saya minta di bawah Kementerian Pelancongan supaya dapat membantu dalam usaha ini supaya kawasan yang masih belum diwartakan itu akan menjadi kawasan pewartaan dan satu memorandum dan surat telah dihantar kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar daripada penduduk dan daripada saya sendiri sebagai Ahli Parlimen Lipis.

Ini memandangkan satu warisan, mungkin saya salah sebut ataupun jawapan yang salah, saya tidak perasan sebab saya berucap waktu itu dah malam, Yang Berhormat Pokok Sena pun dah balik masa itu. Bukan 130 tahun, 1,300 juta ataupun Yang Berhormat Menteri sebut tadi 130 juta, saya tidak pasti, mungkin tidak perasan waktu Yang Berhormat Menteri jawab tadi. Jadi ini sebenarnya satu usaha yang saya nampak mungkin boleh menjadi satu kawasan yang boleh menggantikan kawasan-kawasan yang dah terkenal. Maksud saya seperti Taman Negara dan sebagainya seperti Yang Berhormat Menteri jawab tadi. Ini salah satu usaha yang mungkin daripada kementerian sendiri boleh membantu supaya menjadi satu destinasi lagi seperti Taman Negara. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Ia memang 130 juta tahun, 130 juta tahun kerana kita lebih tua. Kalau macam Belum itu, lebih tua daripada *Amazon*, lebih tua daripada *Congo Basin*. Jadi yang sebut 130 juta itu memang betul, *hundred and thirty million* dalam bahasa Inggeris, yang tertua, *hundred and thirty million, yes*.

Saya menyokong 100% usaha Yang Berhormat yang mahukan supaya seluruh kawasan hutan itu dijadikan sebagai kawasan yang diwartakan kerana mana boleh kita ambil setengah dan kita wartakan. Hutan semualah kerana kita hendak *maintain* ia punya kepentingannya kerana kalau kita dah warta setengah, ia sudah tidak jadi, tidak mempunyai nilai yang tinggi lagi. Jadi saya setuju supaya kita wartakan kesemuanya Yang Berhormat ya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Batu Gajah. Yang Berhormat Batu Gajah telah mengusulkan pertanyaan sejauh manakah program Malaysia Rumah Keduaku ataupun dalam bahasa Inggeris dengan izin, *Malaysia My 2nd Home (MM2H)* yang telah dilancarkan oleh kementerian ini pada tahun 2002 berjaya dilaksanakan. Berapa ramaikah warga asing yang telah menyertai program ini serta tujuan mereka menyertai program MM2H ini. Adakah program ini membawa apa-apa keuntungan kepada negara. Terima kasih Yang Berhormat, ini satu soalan yang cukup baik sekali.

Untuk makluman Yang Berhormat, sejak program *Malaysia My 2nd Home* dilancarkan pada tahun 2002 sehingga Ogos 2014, seramai 26,162 orang warganegara asing daripada 123 buah negara. Di seluruh negara ini, ahli-ahli *United Nations* ada 192, jadi 123 buah negara telah diluluskan permohonan mereka untuk tinggal secara jangka panjang atau *long stay* di Malaysia. Daripada jumlah ini, peserta-peserta yang teramai adalah terdiri daripada negara-negara berikut:

Bil.	Negara	Bilangan Peserta
1.	China	5,929
2.	Jepun	3,434
3.	Bangladesh	2,933
4.	United Kingdom	2,143
5.	Iran	1,303
6.	Singapura	1,090
7.	Taiwan	1,017
8.	Pakistan	896
9.	Korea Selatan	872
10.	India	762

#### ■1650

Antara faktor-faktor utama bagi para peserta MM2H untuk menyertai program ini adalah seperti berikut:

- (i) kos sara hidup yang rendah membolehkan mereka mengamalkan gaya hidup yang lebih selesa dan mewah selepas persaraan jika dibandingkan dengan negara asal mereka;
- (ii) kemudahan infrastruktur termasuk perkhidmatan rawatan perubatan yang setanding dengan negara-negara maju;

- (iii) penawaran sekolah, kolej dan institusi pengajian tinggi swasta yang bertaraf antarabangsa pada kos yang lebih kompetitif berbanding dengan negara maju yang membolehkan mereka memberikan pendidikan yang sebaik mungkin kepada anak-anak mereka ataupun cucu-cucu mereka;
- (iv) cuaca khatulistiwa di Malaysia membolehkan mereka menikmati cuaca panas sepanjang tahun berbanding di negara asal mereka yang setengahnya mempunyai empat musim yang berbeza terutamanya musim sejuk yang tidak menyenangkan mereka;
- (v) kemesraan dan layanan rakyat Malaysia terhadap pelancongan asing termasuk peserta MM2H. Ini DNA orang Malaysia kita. Memang kita ini dengan izin *very hospitable people* dan mereka merasa begitu selesa dengan kita; dan
- (vi) rakyat Malaysia fasih bertutur dalam bahasa Inggeris yang memudahkan mereka berkomunikasi dengan masyarakat tempatan.

Inilah merupakan faktor-faktor yang menyebabkan mereka datang ke negara kita. Sebenarnya daripada MM2H ini, dari segi pesara Malaysia nombor tiga negara yang diminati oleh pesara-pesara. Nombor satu – Panama, nombor dua – Ecuador, nombor tiga kita. Kira okeylah itu sebab yang dapat nombor satu Panama dan Ecuador itu dekat dengan Amerika. Jadi Amerika itu banyak orang pergi ke Panama dan Ecuador. Kita nombor tiga dalam dunia dan kita saya sebutlah. Pada tahun 2011 Ecuador nombor satu, Panama nombor dua, Mexico nombor tiga. Malaysia nombor 19. Itu tahun 2011. Tahun 2012 Ecuador nombor satu lagi, Panama nombor dua, Mexico nombor tiga, Malaysia nombor empat. Dalam masa setahun daripada tahun 2011, 2012 kita meningkat daripada 19 kepada nombor empat.

Pada tahun 2013 waktu saya mula-mula jadi Menteri, dia naik satu tingkat lagi nombor tiga. Ecuador nombor satu, Panama nombor dua dan Malaysia nombor tiga. Pada tahun 2014 sama juga. Panama nombor satu, Ecuador nombor dua, Malaysia nombor tiga. Jadi kalau kita tengok negara-negara ini dia terletak di khatulistiwa. Jadi *weather* itu, cuaca memainkan peranan yang cukup kuat.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Hendak cakap, bangunlah. Jadi itu fakta. Sekarang soalan Yang Berhormat juga bangkit berkenaan dengan apakah manfaat kepada ekonomi negara. Manfaat kepada ekonomi negara ialah menerusi:

- (i) kutipan fi visa yang kita tetapkan;
- (ii) syarat mandatori pembukaan akaun simpanan tetap di bank-bank di Malaysia. Jadi dia mengikut kategori umur-umur peserta. Dia mari dia kena bawa mari duit. Duit dia daripada luar bawa masuk;
- (iii) dia mesti membeli hartanah kediaman dan kenderaan;

- (iv) mendapat rawatan perubatan di hospital swasta serta kemudahan pengajian dari peringkat sekolah persendirian rendah dan menengah sehinggalah ke kolej dan institusi pengajian tinggi swasta negara. Dia pergi hospital bukan *free*, dia kena bayar. Jadi dia bawa duit dia juga;
- (v) perbelanjaan seluruh isi rumah bagi menampung keperluan harian di Malaysia. Jadi dia akan belanja. Duduk satu bulan, dua bulan hingga tiga bulan dia kena belanja iaitu duit lagi yang dia belanja; dan
- (vi) percutian di dalam negeri ke mana-mana destinasi pelancongan di Malaysia sambil menjemput saudara-mara dan rakan taulan di negara asal untuk mengunjungi mereka sekali gus membantu mempromosikan Malaysia dan meningkatkan jumlah pendapatan pelancongan. Jadi bila dia ada duduk di sini, keluarga dia mari, kawan-kawan dia mari. Lepas itu bila tidak akan ke rumah dia sahaja. Mesti melawat, berjalan. Jadi ini menambahkan lagi keuntungan kepada kita.

Anggaran sumbangan kepada ekonomi negara pada tahun 2013 adalah dalam lingkungan RM1.31 bilion yang merangkumi kutipan fi riza. Fi riza sahaja sebanyak RM7.75 juta. Pembukaan bank simpanan tetap sebanyak RM828.6 juta, pembelian hartanah kediaman yang melibatkan kos sebanyak RM434 juta dan pembelian kereta yang berjumlah kos sebanyak RM39.17 juta. Ini tidak termasuk perbelanjaan isi rumah bulanan yang bergantung kepada bilangan ahli keluarga dan gaya hidup yang diamalkan. Statistik menunjukkan peningkatan setiap tahun bilangan peserta MM2H menunjukkan pada tahun 2013 seramai 3,675 warganegara asing telah diluluskan iaitu peningkatan sebanyak 13.9% berbanding seramai 3,222 peserta pada tahun 2012.

Jadi saya berharap Ahli Yang Berhormat boleh membantu dengan mengiklankan tentang betapa negara kita ini merupakan negara yang selesa untuk tinggal. Dengan cara ini kita boleh tambahkan lagi banyak peserta ini. Satu perkara Yang Berhormat kena ingat bila dia jadi peserta duit yang dia bawa itu bukan duit yang sudah ada di Malaysia. Duit yang dia bawa itu adalah duit daripada luar negara kita. Duit daripada negeri dia sendiri. Kalau dia dapat pencen, maka pencen itu bulanan dia bawa ke sini dia belanja. Jadi ini bukan duit dalam negeri kita. Duit yang dia bawa daripada luar. Sebab itu MM2H ini adalah penting dan saya hendak ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Batu Gajah beri kesempatan kepada saya untuk bercerita dengan lebih panjang soal MM2H ini.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Hendak tanya lagi Yang Berhormat? Okey. Yang Berhormat ini semenjak masuk Parlimen ini lebih *terror* daripada Yang Berhormat Ipoh Barat saya tengok.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Yang Berhormat Menteri, bagaimana pula mereka yang datang itu mereka bekerja di sini ataupun mereka mencari sumber

pendapatan di sini dan mereka menggunakan wang itu dan berbelanja di sini. Boleh tidak mereka buat dan ada apa-apa kawalan diambil oleh pihak kerajaan untuk memastikan mereka tidak mencari sumber pendapatan di negara kita.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, kawalan itu adalah kawalan daripada Imigresen. Siapa juga yang hendak kerja, dia mesti ada *work permit*. Jadi saya rasa kalau dari segi katalah kalau dia mari sini pun kalau dia bekerja, saya rasa pihak Imigresen sudah tentu akan membuat penyiasatan yang lebih kerana kita ada dasar di mana kerja-kerja itu boleh dilakukan oleh rakyat negara kita, maka agak berat untuk kita hendak membenarkan dia bekerja melainkan kalau dia mengadakan *business* dan sebagainya mungkin tapi kita mempunyai dasar yang cukup ketat. Saya rasa soalan ini Yang Berhormat boleh tanya kepada pihak imigresen.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** [Bangun]

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Ini apa hal ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Hendak tanya fasal apa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Seputeh tidak perlu menari-nari.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Cantik, cantik. Ling ah ling...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ling ah, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Yang Berhormat Menteri tadi sebut tentang wang yang dibawa oleh orang asing kalau mereka duduk di sini. Maksud Yang Berhormat ialah kita mengalu-alukan orang asing bukan sahaja pelancong tetapi bersara dan mungkin ini dia punya *second home* sampai dia mati.

#### ■1700

Jadi kalau kita ada konsep ini, kita haruslah fikir tentang macam mana kita menggalakkan pembangunan *retirement home* seperti apa yang sangat popular di Australia. Saya pernah melawat beberapa *retirement homes* di Australia dan saya mendapati di setiap *retirement home*, dia ada hospital ataupun praklinik. Maksudnya ada doktor 24 jam kerana - untuk orang tua, ada *nursing care* dan sebagainya. Ia ada satu undang-undang, *Retirement Home Act* dalam Australia dan dahulu semasa saya jadi Exco di Kerajaan Negeri Selangor, kami memang pernah berbincang dengan beberapa *developer* tentang bolehkah kita membangunkan *retirement homes*? Ini kerana kita memang ada tempat yang mana agak sesuai untuk menjalankan konsep ini tetapi kita ada masalah kerana tidak boleh ada hospital dan Kementerian Kesihatan tidak membenarkan hospital yang ada 24 jam ada *operation* teater dan sebagainya dibina di mana-mana.

Semua ini perlu ada lesen dan kita katakan sangat rumit, *complicated* dan terpaksa lepaskan idea ini tetapi saya rasa kalau Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dan juga mungkin bersama-sama dengan kementerian yang lain ada niat ini untuk sebagai satu cara bagi

kita untuk dapat dana asing ke Malaysia, saya rasa kerajaan haruslah fikir kita adakan satu undang-undang supaya kita boleh menggalakkan *Malaysia My Second Home* untuk diadakan di banyak tempat termasuklah Rompin. Jadi Yang Berhormat Rompin tidak perlu pergi ke Amerika Syarikat untuk bersaralah. Dia boleh duduk bersama dengan orang Amerika Syarikat di Rompin.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya selaku Menteri kerajaan pusat, kita tidak ada masalah. Yang Berhormat menghadapi kerumitan itu di mana? Negeri Selangor, ya?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Bukan dengan Kerajaan Negeri Selangor, dengan Kementerian Kesihatan dan beberapa kementerian perlu ada undang-undang yang khusus dan khas.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tidak apa, tidak apa. Kalau masalah itu di negeri Selangor kerana bila soal tanah - sebab kita hendak buat ini perlukan tanah, kita sudah ada Menteri Besar baru ini, bukan? Saya fikir Yang Berhormat boleh sembang dengan dialah baik-baik.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Bukan tanah, hospital.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** ya, mestilah. Ia tidak ada masalah, sebab hospital ini mesti...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Geng lain itu.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** ...Ada soal tanah. Ini kerana kadangkala bila kita hendak bina sesuatu, kadangkala daripada EIAkah atau apakah, ia tidak membenarkan. Kerajaan negeri yang memutuskan bahawa kawasan itu hanya untuk penggunaan itu dan ini ya. Akan tetapi tidak mengapalah, saya setuju, tidak ada masalah. Ini kerana apa juga Yang Berhormat mahu buat yang boleh membawa masuk pesara ke negara kita, saya tidak ada masalah, saya setuju. Kita akan beri kerjasama kerana kita hendak bawa masuk duit dari luar ke dalam negara kita. Apa cara sekalipun tetapi bukan dengan *human trafficking*, tidak mahulah. Dadah semua itu tidak mahulah, okey? Baik, Tuan Yang di-Pertua, kita pergi ke peruntukan - Yang Berhormat Jerantut.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Warisan, warisan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Warisan apa?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Itu...

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tidak dibangkit dalam ini.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Ada, ada. Yang Berhormat Ipoh Timur ada bangkitkan, saya tidak cukup masa.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tidak, belum sampai lagi.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Oh! Belum sampai lagi?

**Tan Sri Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Itu Yang Berhormat Ipoh Timur, biar Yang Berhormat Ipoh Timurlah.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Jangan marah. Dia tekanan dari Yang Berhormat Batu Gajah. Yang Berhormat Batu Gajah bangun, dia mesti bangun. Tuan Yang di-Pertua... *[Ketawa]* Jangan marah, *lawyer* tidak boleh marah. *Lawyer* mesti banyak sabar. *[Ketawa]*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Senyum sahaja.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Senyum sahaja? Okey, okey.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Dalam hati sahaja marah.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** *[Ketawa]* Yang Berhormat Jerantut mengusulkan agar peruntukan kepada pelancongan dapat diperluaskan kepada kawasan-kawasan tumpuan yang jauh dari pusat pentadbiran seperti di kawasan Taman Negara Kuala Tahan yang merupakan antara keajaiban flora dan fauna yang berusia lebih daripada 130 juta tahun. Yang Berhormat juga berharap agar kawasan-kawasan pelancongan meliputi Gua Kota Gelanggi di Jerantut, Gunung Senyum di Kuala Krau... Kuala Krau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Di atas itu. Saya sebut itu, saya sengaja sebut Kuala Krau serta Rimba Kenong di Kuala Lipis dapat ditambah baik untuk menarik lebih ramai pelancong hadir di kawasan ini. Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan bagi tujuan pembangunan dan penganjuran acara telah disalurkan secara menyeluruh ke negeri Pahang berdasarkan keutamaan produk pelancongan yang memberi impak yang besar dan berterusan kepada pelancong dan ekonomi setempat. Bagi Taman Negara Jerantut, peruntukan kementerian telah disalurkan bagi meningkatkan kemudahan pelancongan, menaik taraf produk dan juga penganjuran acara yang bersesuaian.

**Tan Sri Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** *[Bangun]*.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Yang Berhormat Rompin mahu kacau...

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Antara... Sekejap Yang Berhormat Tan Sri, minta maaf. Selepas ini, ya. Peruntukan yang telah disalurkan atau diusahakan melalui agensi lain adalah seperti berikut:

- (i) Taman Negara Kuala Tahan - menaik taraf kemudahan *sanctuary* kelah bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh sebanyak RM2.5 juta;
- (ii) meningkat kemudahan Kuala Tahan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh sebanyak RM1 juta;
- (iii) menaik taraf infrastruktur pelancongan Rancangan Malaysia Kesepuluh sebanyak RM1 juta;
- (iv) menaik taraf baik pulih kanopi Rancangan Malaysia Kesepuluh menerusi dua pakej sebanyak RM742,000;
- (v) membaik pulih kemudahan selepas banjir tahun 2013 sebanyak RM200,000;

- (vi) pembinaan *board walk* sepanjang lima kilometer di bawah NKA *Tourism EPP4* iaitu Malaysia Mega *Biodiversity Hub* sebanyak RM6 juta; dan
- (vii) Taman Negara Merapoh - kemudahan *sanctuary* kelah Rancangan Malaysia Kesepuluh sebanyak RM1 juta.

Di lain-lain kawasan:

- (i) Taman Rimba Kenong di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan sebanyak RM2 juta untuk pembinaan dan penyelenggaraan kemudahan pelancongan;
- (ii) Gunung Senyum, Temerloh di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, permohonan RM1.2 juta untuk baik pulih chalet telah diangkat semula dalam RMK-11 dengan mengambil kira perancangan semasa kerajaan negeri; dan
- (iii) Kota Gelanggi, Jerantut - peruntukan telah disalurkan sebanyak RM150,000 di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan untuk penyelenggaraan jalan masuk.

Peruntukan acara pula, kita telah menyediakan peruntukan bagi penganjuran acara-acara yang bertujuan memperkenalkan destinasi pelancongan di seluruh negeri Pahang. Antaranya yang diadakan di Jerantut, Kayuhan MTV Mesra Alam Tekam, Kota Gelanggi 2014, pengenalan program *Bird Count* di Taman Negara 2014 bulan April, Ekspedisi Gua-gua Merapoh bersama Kereta api Tanah Melayu Berhad dan Media pada Februari 2014, program NBOS *Blue Ocean* dan *Volume Tourism di Lost Waterfall* Jerantut pada September 2014. Ini banyak kita adakan acara. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya minta Tan Sri dari Yang Berhormat Rompin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tan Sri Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Terima kasihlah. Saya hendak mengucapkan syabas dan tahniah kepada Menteri Pelancongan dan Kebudayaan ini kerana kira letihlah selalu pergi ke dunia untuk mempromosikan produk-produk pelancongan kita.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tan Sri Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Tunggulah, aku tidak habis lagi. Yang Berhormat Lenggong ini bagi *chance* lah. Saya minta sedikit penjelasan tentang produk pelancongan Pahang. Rompin hendak menumpang sedikit usaha mempromosi pelancongan terutamanya di negeri Pahang. Di Rompin, kita ada satu produk yang dipanggil ikan layar, amat terkenal di dunia. Kalau pergi di sana, kita boleh *guarantee* mesti dapat punya ikan layar. Tempat lain macam di Maldives, belum tahu. Saya hendak minta tolong sedikit daya usaha Dato' Seri Menteri dapat mempromosikan ikan layar ini dan juga melalui kementerian Dato' Seri tolong sedikit - membantu - ia menghadapi ancaman dari pukuk-tukuk tunda ini.

Hari itu saya dapat satu gambar dekat 100 ekor ikan layar ini ditangkap, di masuk dalam pukuk tunda ini. Amatlah malang nanti kalau pertama, bila dipromosikan oleh Dato' Seri Menteri, tiba-tiba datang, ikan layar pun sudah tidak ada. Satu, tolong jangan lupa bila kata produk



pelancongan Pahang, jangan lupa ikan layar. Kedua, minta tolong jugalah bagaimana menghadapi ancaman ikan layar ini dari pukut tunda. Mungkin Dato' Seri boleh sebut kepada kementerian seperti Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang tahu ada ikan layar ini di Pahang kerana pengerusi kepada *Tourism Malaysia* ini orang Pahang dan dia pun berasal dari kawasan Rompin jugalah. Dia selalu mengingatkan saya dan kalau tidak silap saya memang kita masuk dalam Kalendar Pelancongan tahun 2014. Kalau tidak masuk, saya masukkan.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Kalau sudah masuk, keluarkan.

**Tan Sri Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Dengki ini.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** *[Ketawa]*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Jangan marahlah.

**Tan Sri Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Batu Gajah dahulu mana ada lautlah.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Okey, okey, baik. Kemudian, saya fikir berkenaan dengan pukut tunda itu saya akan - memang betul, dalam apa aspek pun pelancongan ini, dalam tiap-tiap kementerian itu dia mesti ada dia punya *interestnya*. Saya akan berunding dengan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani yang tidak silap saya dia orang Pahang juga, bukan? *Insyallah*, saya akan berjumpa dengan dia.

#### ■1710

Saya hendak pergi kepada Yang Berhormat Gerik. Yang Berhormat Gerik mengusulkan agar seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supayaewartakan Royal Belum sebagai salah satu Tapak Warisan Dunia UNESCO dan kita menyahut baik. Kementerian saya menyahut baik, memang ditunggu-tunggukan. Setakat ini Royal Belum telah diangkat sebagai Warisan Kebangsaan di bawah kategori Warisan Semula Jadi (*National Heritage*) dalam tahun 2012. Susulan daripada lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Royal Belum pada 9 Mei 2014, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Jabatan Warisan Negara telah mengadakan perbincangan dengan agensi-agensi terlibat pada 19 Mei 2014 dalam usaha untuk mengangkat Royal Belum sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Hasil daripada perbincangan tersebut, didapati bahawa kawasan Belum sahaja yang layak diangkat sebagai calon Malaysia untuk Tapak Warisan Dunia UNESCO. Manakala kawasan Temenggor tidak bersedia untuk dicalonkan kerana telah terdapat pembangunan yang menyebabkan keasliannya terganggu. Ini akan menjejaskan pencalonan jika dimasukkan bersama dengan Belum. Kita kena pisah itu. Kalau dia masuk dua sekali sebagai satu permohonan, sudah tentu akan ditolak kerana Temenggor ini dia sudah ada pembangunan di situ. Tapak Belum dilihat dapat memenuhi salah satu kriteria daripada sepuluh yang telah ditetapkan di dalam dengan izin, World Heritage Convention 1972 iaitu kriteria dengan izin, *contain the most important and significant natural habitats for in-situ conservation of biological diversity, including those containing threatened species of outstanding universal value from the*

*point of view of science or conservation*. Jadi Belum itu *insya-Allah* boleh, Temenggor itu susah sikit.

Yang Berhormat, sebelum sesuatu tapak diangkat ke UNESCO untuk dimasukkan sebagai senarai tentatif (*tentative list*), data dan maklumat lengkap perlu dikumpulkan kerana setiap penyenaian akan dinilai terdahulu oleh UNESCO. Proses dan prosedur ini akan mengambil masa tempoh masa yang panjang sebelum penyediaan dokumen dosir yang lebih terperinci. Kebiasaannya tempoh bagi sesuatu pencalonan memakan masa melebihi empat tahun untuk itu. Kementerian ini melalui Jabatan Warisan Negara sedang menjalankan kerja-kerja awalan termasuk pengumpulan maklumat dan perbincangan berkaitan.

Yang Berhormat Gerik juga mengusulkan agar diwujudkan satu badan bebas untuk menjaga dan mengawal selia kelestarian alam semula jadi Hutan Royal Belum dan Tasik Temenggor dari eksploitasi yang berlebihan. Untuk makluman Yang Berhormat, Royal Belum dan Tasik Temenggor adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Perak kerana ia tertakluk di bawah Akta Perbadanan Taman Negeri Perak. Sehubungan itu, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan sedia untuk bersama dengan Kerajaan Negeri Perak dan pihak-pihak berkaitan sekiranya ada cadangan dari kerajaan negeri untuk menubuhkan satu badan bebas bagi maksud pemantauan Hutan Royal Belum dan Tasik Temenggor. Jadi kita kena tekan sikitlah kerajaan negeri. Kita bersedia.

Yang Berhormat juga mencadangkan supaya diwujudkan tabung khas bagi membantu operator tempatan membeli alat-alat seperti bot, enjin, kenderaan pengangkutan pelancong serta lain-lain peralatan yang boleh menjana pendapatan daripada sektor pelancongan. Bagi tujuan mempergiatkan industri pelancongan dan mempelbagaikan produk-produk pelancongan, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan ada menyediakan kemudahan pembiayaan pinjaman dana pelancongan iaitu Tabung Khas Pelancongan dan Tabung Pembangunan Infrastruktur Pelancongan kepada pengusaha-pengusaha pelancongan.

Dana ini adalah untuk membantu pengusaha berkeelayakan yang ingin membangun atau meningkatkan mutu produk-produk pelancongan termasuk pemuliharaan alat-alat seperti bot, enjin, kenderaan pengangkutan pelancong serta lain-lain peralatan yang boleh menjana pendapatan daripada sektor pelancongan.

Tabung Khas Pelancongan dikhususkan kepada pengusaha pelancongan Bumiputera bertaraf kecil dan sederhana dengan jumlah pinjaman yang ditawarkan adalah sebanyak RM50,000 sehingga RM2.5 juta. Kadar faedah bagi pinjaman ini adalah rendah berbanding dengan bank-bank komersial yang lain iaitu sebanyak 4% kepada 5.5% setahun sahaja. Tabung ini diuruskan oleh Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank). Tabung Pembangunan Infrastruktur Pelancongan (TPIP) pula adalah terbuka kepada syarikat pengusaha pelancongan tempatan yang mempunyai modal berbayar sekurang-kurangnya RM5 juta.

Jumlah pinjaman yang ditawarkan adalah RM5 juta sehingga RM100 juta dengan kadar faedah sebanyak 4% hingga 6% setahun sahaja. Tabung ini diuruskan oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad. Maklumat lanjut mengenai kedua-dua tabung pinjaman serta pengecualian

cukai pendapatan ini boleh didapati di laman web Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan iaitu [www.motac.gov.my](http://www.motac.gov.my).

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuaran mengusulkan kepada kementerian agar pengusaha industri pelancongan kampung khususnya *homestay* di Tuaran yang terjejas akibat isu penculikan di Sabah diberikan subsidi seperti mana subsidi yang diberikan kepada nelayan dan petani. Sehingga 31 Ogos 2014, sebanyak 16 *cluster homestay* di negeri Sabah telah berdaftar dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dan seramai 234 pengusaha yang terlibat yang menawarkan sebanyak 439 buah bilik. Kementerian ini juga telah mendaftarkan sebuah *homestay* di Daerah Tuaran melibatkan 12 orang peserta dan 22 buah bilik.

Penyertaan masyarakat kampung dalam Program Pengalaman Homestay Malaysia ini adalah berkonsepkan sukarela dan pendapatan yang diperoleh adalah merupakan pendapatan sampingan kepada mereka. Pelancong yang menyertai program ini akan tinggal bersama dengan tuan rumah dan menikmati kehidupan seharian masyarakat kampung di samping mengikuti aktiviti kebudayaan dan pelancongan. Oleh itu, sebarang kes-kes seperti isu penculikan tidak memberi kesan kepada pengusaha *homestay* kerana pendapatan yang diperoleh dari program *homestay* hanyalah pendapatan sampingan sahaja. Sehubungan itu, kementerian ini tidak memperuntukkan sebarang subsidi di bawah Program Pengalaman Homestay Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jawab cuma satu lagi yang penting yang dibangkit oleh Yang Berhormat Ipoh Barat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Oleh kerana ini sudah, saya sudah 1 jam 15 minit sudah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** 1 jam 17 minit.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Ya 17 minit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, yang lain itu saya akan beri jawapan yang bertulis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya setuju.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dibangkit oleh Yang Berhormat Ipoh Timur yang disokong oleh Yang Berhormat Ipoh Barat berkenaan dengan Ashram Vivekananda. Saya ingin maklumkan di sini iaitu bahawa pada kira-kira tahun 2005 dahulu, Jabatan Warisan Negara iaitu satu jabatan di bawah kementerian saya. Kita *initiator* dengan izin, kita telah memulakan proses untuk mewartakan bangunan itu pada tarikh 25 April 2008. Namun pada 13 November 2008, Jabatan Warisan Negara telah menerima bantahan daripada lembaga pengelola bangunan. Maksudnya pemilik tidak bersetujulah. Ini dalam Dewan saya cakap, saya tidak tipu. Jabatan Warisan Negara dimaklumkan oleh lembaga pengelola bahawa bangunan lama dikekalkan dan pembangunan hanya melibatkan belakang bangunan utama dan tidak menjejaskan bangunan Vivekananda yang hendak buat ini.

Akan tetapi saya hendak bagi tahu daripada segi pendirian yang diambil oleh Kerajaan Pusat menerusi Jabatan Warisan Negara, kita *initiate*, bukan ada apa-apa permintaan daripada

pihak Vivekananda. Kita *initiate* sebab Tuan Yang di-Pertua, kita merasakan iaitu bahawa sejarah negara kita ini hanya bermula pada tahun 1400 lebih sahaja. Bermakna sehingga sekarang, sejarah negara ini ada dalam 600 tahun ataupun kita kata 500 tahun atau 600 tahun. Katalah 500 tahun. Bagi kita mana-mana artifak, bangunan, struktur yang umurnya 100 tahun lebih, ia merupakan warisan kepada kita. Berbeza dengan negara China dan India, sejarahnya 5,000 tahun, apa bangunan 100 tahun, tidak ada apa-apa.

■1720

Akan tetapi bagi kita yang sejarah negara kita hanya 500 tahun, bangunan 100 tahun ini penting, sangat-sangat penting sebab...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Sabarlah. Tidak ada saya tidak habis saya kata ini *last*. Memang tidak berhenti, jangan bimbang. Jangan takut.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Situasi sebelum ini Tuan Yang di-Pertua di mana Yang Berhormat Menteri *at a certain time* saya bagi jawapan bertulis. Itu yang saya takut.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Itu yang saya tidak sempat jawab, ini saya jawab.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *[Ketawa] Very well, very well.*

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** *[Ketawa]* Ini saya jawab. Ini apa punya *lawyer* lah ini. Ini saya jawab saya jawab mesti ada. Okey jadi saya hendak tekankan di sini benda ini penting. Sepatutnya perkara seperti ini mana-mana struktur yang umurnya 100 tahun lebih ini adalah *heritage*, nilai *heritage* kepada negara kita itu ada. Sebab itulah Jabatan Warisan Negara walaupun tidak ada inisiatif permintaan, kita meng*initiate* untuk mewartakan bangunan ini dan memang ada nilai warisan pada bangunan ini.

Oleh sebab itu, saya dan dukacita yang menolak ini bukan orang lain tetapi pemilik. Sebab itu saya daripada segi pendirian kerajaan kita masih tetap dengan tindakan yang kita pernah ambil dahulu iaitu kita mahu mewartakan bangunan ini. Jadi Yang Berhormat kalau hendak tanya kepada saya apa pendirian kerajaan, pendirian kita ialah kita mahu supaya ianya diwartakan.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Nombor satu saya hendak berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri bukan sahaja dari saya tetapi dari orang ramai kerana Yang Berhormat Menteri adalah satu di antara orang yang sangat proaktif yang berani mengambil satu keputusan yang mungkin ramai orang tidak akan terima. Lagi-lagi Tuan Yang di-Pertua ini adalah berkaitan dengan masyarakat India.

Seperti yang kita maklum, tanah ini telah diagihkan oleh kerajaan sendiri pada lebih kurang 110 tahun khas khusus untuk asrama *Vivekananda*. Jadi makna dan sifatnya adalah untuk pendirian untuk bangunan tersebut maka ia sepatutnya *cannot be commercial purposes*. Itu yang menjadi dan orang ramai sekarang menjalankan tandatangan. Beribu-ribu orang tandatangan dan saya harap saya sangat sukacita pendirian Yang Berhormat Menteri sendiri

yang saya telah sembang sebelum ini mengenai perkara ini dan saya harap tindakan susulan dapat diambil.

Saya baru terkejut dengan apa yang diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri di mana pemilik tanah tidak bersetuju langsung walaupun inisiatif telah pun dibuat oleh kementerian Yang Berhormat. Saya harap berkaitan ini Kementerian Wilayah Persekutuan dan kementerian tersebut akan menolak semua pelan-pelan yang dicadangkan untuk membina tanah tersebut walaupun itu bukan di dalam bidang kuasa Yang Berhormat semasa jawapan sekitar membangkitkan perkara tersebut.

Perkara yang kedua adalah Tuan Yang di-Pertua, di mana saya telah bangkitkan mengenai Kampung Tali di Ipoh di mana satu tempat warisan juga memandangkan ia juga satu tanah lebih daripada 110 tahun. Bolehkah Yang Berhormat? *Department* Yang Berhormat boleh menyasat dan *take personal initiative* seperti dalam hal ini.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah sebab dia kata saya baikkan. Saya pun susah hendak bangun, punggung dah besar, kembang. Jadi pertama ini saya jawab yang Ashram. Kita telah dimaklumkan, Jabatan Warisan Negara telah dimaklumkan oleh Lembaga Pengelola bahawa dalam usaha ini bangunan lama itu dia hendak kekalkan dan pembangunan hanya melibatkan belakang bangunan utama dan tidak menjejaskan bangunan Vivekananda Ashram.

Akan tetapi saya hendak saya harap Yang Berhormat bersetuju dengan kitalah, dengan saya, saya pun peguam juga. Saya difahamkan iaitu bahawa penggunaan, *usage of the land* ialah untuk Ashram bukan *usage of the building*. Bila *usage of the land* semualah itu. Semua tanah itu.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, lagi satu *the oldest Tamil school is also from there, the country*.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Saya setuju sebab kalau kita jadikan Brickfields itu sebagai *Little India* maka di antara tempat-tempat yang kita menarik perhatian pelancong-pelancong khususnya daripada India dan amnya daripada negara lain untuk menunjukkan iaitu bahawa bila pergi ke *Little India* inilah yang merupakan bangunan-bangunan yang menjadi ikon produk pelancongan.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Nampak dia sokong itu. Betul dan saya setuju. Saya agak dukacita kerana banyak sikap-sikap rakyat Malaysia ini..

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]. [Ketawa]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** *[Ketawa]* Dia risau takut *government* sebab itu dia kacau saya itu.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Minta laluan, Yang Berhormat Menteri. Minta laluan seperti kawasan saya.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Ya Allah nantilah dahulu. Bagi saya peluang sedikit. Dia ini Yang Berhormat Seputeh ini Yang Berhormat macam ayam hendak beranak, "Kodok, kodok, kodok" dengan anaknya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Seputeh dia minat pada Yang Berhormat Menteri. *[Dewan riuh]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Jadi saya selaku Menteri Pelancongan sememangnya mahu supaya Ashram Vivekananda ini dipertahankan, dengan izin, *we are losing heritage tourism product* di Kuala Lumpur, di Malaysia. Jadi sebab itu saya harap supaya Yang Berhormat akan terus dengan rakan-rakan mempertahankan. *[Tepuk]* Mempertahankan...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Seperti Yang Berhormat bersetuju akan pergi ke tempat tersebut *one, two days like that*.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tidak ada masalah saya boleh pergi kerana sudahlah kita punya warisan kita ini daripada produk warisan kita ini berkurangan yang ada nilai hendak dihapuskan. Kita terpaksa tunggu 100 tahun lagi baru hendak wujud lagi satu pula bangunan yang 100 tahun. Jadi pada saya, saya harap Yang Berhormat akan terus mengambil tindakan secara *legal* pastikan...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *[Bangun]*.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** *[Bangun]*.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Jangan demonstrasi pula, secara *legal* supaya kita pertahankan Ashram ini. Jadi saya selaku Menteri Pelancongan dan Kebudayaan sudah pun daripada awal lagi mengambil tindakan dan kita mahu mempertahankan ini kerana ia merupakan satu bangunan yang mempunyai *touristic heritage product, heritage touristic product* kepada kita. Ya, Jalan Alor.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya 100% sokongan Yang Berhormat Ipoh Barat dan Menteri juga pertahankan satu *iconic* tempat di Brickfields. Oleh kerana ini satu warisan seharusnya dipertahankan untuk mempromosikan pelancong di Kuala Lumpur. Oleh kerana di Kuala Lumpur kita kurang tempat yang memberi peluang kepada pelancong-pelancong asing untuk melawat Kuala Lumpur sebagai salah satu tempat mereka boleh melawat. Ini seharusnya dipertahankan dan menolak apa-apa kemajuan di tempat itu hanya pertahankan tapak warisan ini. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Terima kasihlah. Jadi akhir sekali berkenaan dengan Kampung Taili. Kampung Taili, kampung India?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Sebab dia bunyi Tai-Li, nama Cina ini. Ya, Yang Berhormat macam ini ya. Saya tidak berani hendak menjanjikan tetapi untuk kita hendakewartakan sesuatu itu sebagai *heritage*, Kita mesti memenuhi salah satu daripada sembilan kriteria. Dia mesti *comply at least one* yang ditetapkan di bawah akta ini dan keduanya kita perlu

mendapat keizinan pihak berkuasa negeri seperti mana yang diperuntukkan di bawah seksyen 30, Akta 65.

■1730

Jabatan Warisan juga perlu menjalankan kajian secara terperinci dan menyeluruh bagi maksud melaksanakan sesuatu proses pewartaan terhadap kawasan tersebut.

Jadi, macam inilah Yang Berhormat. Saya berjanji, tadi Yang Berhormat Kota Kinabalu...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tak payahlah Yang Berhormat Subang. Aku nak berhenti dah ini.

Jadi saya akan melawat Kampung Taili bersama dengan Ketua Pengarah Jabatan Warisan Negara.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih, terima kasih. Saya terima baik.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Dan kita akan melawat supaya kita *visit* dan kita tengok macam mana dan kita cubalah untuk membantu. Akan tetapi saya tak boleh berjanji.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Komited sudah cukup.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tak apa, tak apa, ramai ini. Ramai hendak bahas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Seremban.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri, dalam perbahasan saya, saya ada membangkitkan isu berkenaan dengan *Malaysia Cruise Council* dan saya kata fokus perlu diberikan kepada pembangunan *cruise tourism* khususnya pelabuhan ataupun *Swettenham Pier Cruise Terminal* di Pulau Pinang. Jadi Yang Berhormat Menteri tadi tidak menyentuh perkara ini.

Pagi tadi semasa Yang Berhormat Menteri Pengangkutan menjawab, menggulung, saya juga ada membangkitkan perkara tersebut dan beliau telah memberikan respons bahawa Kementerian Pengangkutan akan berusaha untuk membangunkan *Swettenham Pier* ini. Saya harap Yang Berhormat Menteri – sebab *Malaysia Cruise Council* ini adalah ditubuhkan di antara dua kementerian iaitu Kementerian Pengangkutan dengan Kementerian Pelancongan.

Jadi saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat memberikan arahan kepada pihak kementerian supaya memberikan fokus untuk membangunkan Pelabuhan *Swettenham Pier* dan juga merangka dasar-dasar dan strategi-strategi untuk membangunkan lagi industri *cruise tourism* kerana saya rasa, seperti yang saya katakan dalam perbahasan saya, banyak kapal perairan, mereka sekarang ini berpangkalan di Singapura.

Kalau kita ada dua pelabuhan yang dapat menarik mereka khususnya Melaka ada Melaka Gateway sekarang, akan membina satu *cruise terminal* dan Georgetown. Kalau kedua-dua ini *twin heritage city*, ia boleh menjadi satu tarikan untuk kita menarik lebih banyak kapal perairan dari Singapura untuk melabuh di Melaka dan di Pulau Pinang. Saya rasa ini merupakan

salah satu strategi yang dapat menarik pelancong asing lebih banyak lagi masuk ke dalam Malaysia. Jadi saya harap ini dapat diberikan perhatian.

Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong apa Yang Berhormat Seremban sebut dan saya akan berbincang dengan rakan saya Menteri Pengangkutan.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, saya jemput Kementerian Pertahanan.

### 5.33 ptg.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah terlibat dalam perbahasan yang melibatkan isu-isu berkaitan dengan Kementerian Pertahanan. Mana-mana saranan dan juga cadangan-cadangan yang dikemukakan yang difikirkan sesuai untuk menambah baik Kementerian Pertahanan, kita akan mengambil perhatian sewajarnya.

Yang Berhormat Sik di dalam perbahasan ini telah membangkitkan isu berkaitan dengan kawalan keselamatan sempadan Malaysia-Thailand bagi mengelak sebarang bentuk ancaman serta pencerobohan khususnya, dan penyeludupan barang.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi isu yang dibangkitkan ini, sememangnya pihak Angkatan Tentera Malaysia khususnya Tentera Darat telah memainkan peranan bagi memperkukuhkan kawalan keselamatan di kawasan berkenaan.

Bagi maksud tersebut, sebanyak enam operasi teras dilaksanakan di bawah kawalan Markas Tentera Darat dan Markas Dua *Division Infantry* yang melaksanakan operasi di kawasan Utara Semenanjung Malaysia. Pelaksanaan operasi ini adalah bertujuan untuk memastikan keselamatan daratan negara sentiasa terjamin dan dapat mencegah aktiviti-aktiviti pengintipan, penyusupan dan pencerobohan anasir luar serta membendung aktiviti penyeludupan dan jenayah rentas sempadan.

Dengan usaha gigih dan berterusan ini, pihak keselamatan mengawal keselamatan di kawasan berkenaan dan akan memberikan keyakinan kepada penduduk setempat serta menjadi *deterrent* kepada pihak-pihak yang cuba membuat kekacauan di kawasan berkenaan.

Bagi cadangan Yang Berhormat Sik untuk membina sebuah kem di Parlimen Sik, ia boleh dipertimbangkan apabila kajian organisasi dan penstrukturan semula keseluruhan organisasi Tentera Darat secara holistik dapat dilaksanakan. Mengambil kira keperluan pengawalan sempadan, kajian ini akan meliputi penempatan yang strategik bagi rejimen sempadan yang sedia ada.

Yang Berhormat Ampang ada membangkitkan isu berkaitan dengan agar pemisahan pelatih mengikut jantina dilaksanakan bagi PLKN. Bagi isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ampang ini iaitu pemisahan mengikut jantina, ingin saya perjelaskan di sini bahawa



setakat ini, kita belum mempunyai cadangan untuk melaksanakannya. Ini adalah kerana objektif utama PLKN adalah untuk memupuk semangat persefahaman yang positif dan tertib. PLKN yang dilaksanakan ini adalah menjurus kepada pembentukan perpaduan antara kaum di mana setiap kem mempunyai pecahan jantina dan kaum yang telah ditetapkan.

Bagi isu keselamatan pula, Jabatan Latihan Khidmat Negara memang sentiasa mengambil perhatian serius tentang isu keselamatan ini di sepanjang mereka menjalani latihan di kem PLKN. Setiap kem PLKN telah diberikan *standard operating procedure* bagi memastikan keselamatan dan kebajikan pelatih sentiasa di tahap yang terbaik. Di dalam PLKN juga, kita telah meletakkan seorang anggota polis bagi memantau dan menjaga keselamatan pelatih selama 24 jam sepanjang tempoh latihan dijalankan.

Bagi pelaksanaan aktiviti-aktiviti pula, pelatih lelaki dan pelatih perempuan diasingkan seperti di tempat makan, tempat rehat, tempat tinggal dan ini bagi mengelak perkara yang tidak diingini berlaku. Para pelatih juga diterapkan dengan nilai-nilai keagamaan dan kerohanian sepanjang berada di dalam kem supaya dapat mengelak diri daripada terdedah dengan gejala-gejala negatif yang menyongsangkan akidah serta moral mereka.

Di dalam PLKN juga terdapat modul pekerti dan modul peranan lelaki dan perempuan di dalam program integrasi yang memfokuskan kepada konsep jantina dan gender serta menerangkan perbezaan setiap gender. Para pelatih akan diterapkan dengan nilai-nilai positif tentang menjaga dan menghormati rakan-rakan yang berbeza jantina dan pelatih juga didedahkan dengan kaedah berkesan bagaimana untuk menghindari dari perkara-perkara yang mendorong ke arah perlakuan seksual yang tidak sihat.

Justeru itu, dengan pelaksanaan program yang telah dibentuk sedemikian rupa akan dapat melahirkan generasi muda yang berketerampilan serta mempunyai jati diri yang tinggi dan dapat memenuhi cabaran masa kini dan masa hadapan.

Yang Berhormat...

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Lumut.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Saya ingin mencadangkan supaya lulusan ataupun graduan PLKN ini kita wartakan nama mereka dan kita benarkan di belakang nama mereka diletakkan PLKN. Jadi ini boleh membezakan rakyat kita yang telah melalui PLKN ataupun sebaliknya. Mungkin ini akan memberi tambah nilai kepada diri pelatih tersebut. Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita akan mengambil maklum cadangan tersebut untuk dipertimbangkan.

Yang Berhormat Saratok telah bertanya berkaitan dengan punca dan penyebab kurangnya penyertaan di kalangan bukan bumiputera dalam Angkatan Tentera Malaysia khususnya dalam Tentera Darat dan langkah proaktif perlu diambil untuk mengatasi masalah ini.

Bagi isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ini, sememangnya penyertaan bukan bumiputera masih lagi di tahap yang rendah dalam perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia khususnya Tentera Darat. Ingin saya jelaskan di sini, pihak Angkatan Tentera Malaysia telah dan sedang mengambil pelbagai inisiatif untuk menarik minat warga bukan bumiputera untuk menyertai perkhidmatan angkatan tentera.

Namun begitu, hasilnya masih lagi kurang memuaskan. Perkara ini berlaku mungkin adalah atas faktor-faktor tahap kesedaran yang kurang untuk menyertai perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia dan faktor latar belakang dan budaya keluarga yang menyebabkan mereka lebih cenderung kepada pekerjaan-pekerjaan yang diwarisi berbanding berkhidmat dengan angkatan tentera yang terikat dengan peraturan dan tahap disiplin yang tinggi.

Walau bagaimanapun, pihak kementerian tidak pernah berputus asa dan sentiasa melipatgandakan usaha bagi menggalakkan penyertaan lebih ramai bukan bumiputera dalam karier ini.

■1740

Di antara usaha yang diambil iaitu:

- (i) pameran kerja yang melibatkan sekolah-sekolah jenis kebangsaan, IPT, IPTS dan PLKN di seluruh Malaysia;
- (ii) program turun padang melalui Program Hari Bersama Pelanggan Kementerian Pertahanan dengan tujuan kempen pendedahan karier ketenteraan yang diadakan setiap sebulan sekali di kompleks membeli belah dan pasar raya utama yang menjadi tempat tumpuan umum;
- (iii) melokasikan pusat pemilihan di lokasi yang majoriti penduduknya bukan bumiputera; dan
- (iv) mengiklankan pengambilan di akhbar-akhbar utama bukan bumiputera seperti *Nanyang Siang Pau* dan *Tamil Nesan*.

Tuan Yang di-Pertua, terkini ialah langkah Kementerian Pertahanan melaksanakan penambahbaikan terhadap Skim Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia yang telah diluluskan oleh kerajaan pada tahun 2013 dan ini diharap akan dapat menarik lebih ramai golongan belia bukan bumiputera untuk menyertai perkhidmatan angkatan tentera di mana ia menjadikan skim perkhidmatan ini lebih menarik, kompetitif serta menjanjikan laluan kerja yang telus dan saksama serta penekanan kepada kualiti hidup seperti kemudahan perubatan, pergigian, perumahan, pengangkutan dan *facility* sukan, latihan yang bermutu.

Yang Berhormat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Temerloh bangun.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakri:** Ya, sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak bangkitkan tadi tentang PLKN. Kerajaan sebelum

ini telah bercadang untuk mengkaji semula modul baru bagi PLKN ini. Kita telah bangkitkan dalam perbahasan berkait dengan tambahan modul ibadat khususnya berkenaan dengan solat berjemaah bagi membina keperibadian dan juga akhlak khususnya para peserta Muslim sebab kalau kita lihat pada kajian memang dahsyatlah. Hanya 28.7% sahaja remaja-remaja Muslim yang mengerjakan solat berjemaah. Jadi kita minta supaya ia dimasukkan dalam modul PLKN yang terbaru untuk modul ibadat ini khususnya untuk solat jemaah. Apakah pihak kementerian telah melihat perkara ini dan bagaimana perkembangannya?

**Datuk Abdul Rahman bin Bakri:** Terima kasih Yang Berhormat Temerloh. Sememangnya dalam modul pembinaan *character* kita telah menerapkan bidang-bidang yang telah Yang Berhormat sebutkan itu iaitu berkaitan dengan pendidikan solat dan juga bagi mereka yang bukan Islam, mereka juga digalakkan untuk mengadakan ibadah khususnya di gereja-gereja atau pun di tokong-tokong.

Dalam pelan transformasi yang akan dilaksanakan akan datang ini pun beberapa cadangan yang baik akan boleh dipertimbangkan. Akan tetapi percayalah Yang Berhormat bahawa apa yang dilakukan di dalam PLKN ini merupakan satu pendekatan yang menyeluruh iaitu untuk bukan sahaja ingin melihat anak-anak muda kita mempunyai jati diri yang tinggi. Mereka juga mempunyai semangat patriotisme yang tinggi tetapi yang lebih penting lagi mereka juga menjadi seorang insan yang baik yang sememangnya kita harapkan kerana mereka merupakan pewaris generasi kita di masa akan datang.

Yang Berhormat Lumut ada membangkitkan berkaitan dengan beberapa isu iaitu mencadangkan supaya agar aset-aset angkatan tentera Malaysia yang lapuk yang tidak *economical* supaya dapat dilupuskan, dijual kepada negara lain yang berminat untuk membelinya untuk mendapatkan sumber kewangan daripada hasil penjualan tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pertahanan memang mengambil maklum berkenaan dengan cadangan tersebut dan sebagaimana makluman Yang Berhormat, kementerian sentiasa melaksanakan proses penjualan aset-aset yang telah dilupuskan iaitu rosak dan tidak ekonomi untuk dibaiki.

Proses penjualan dilaksanakan secara tender dan sebut harga seperti mana yang telah digariskan di dalam pekeliling perbendaharaan dan ia terbuka kepada individu atau pun syarikat-syarikat yang berminat tidak kira dari dalam atau pun luar negara. Bagi tahun 2013 sahaja, sebanyak 182 penjualan secara sebut harga telah dilaksanakan dan melalui proses penjualan tersebut kerajaan telah menjana hasil sebanyak RM9.08 juta. Manakala sehingga tahun 2014, sehingga September 2014 sebanyak 131 penjualan secara sebut harga telah dibuat dan kerajaan telah menjana hasil sebanyak RM4.4 juta.

Yang Berhormat juga ada membangkitkan berkaitan dengan isu status kesiapsiagaan aset-aset Angkatan Tentera Malaysia secara keseluruhannya dan memperuntukkan daripada jumlah peruntukan yang besar dalam bajet tahunannya. Untuk makluman Yang Berhormat, sememangnya kerajaan sentiasa peka kepada keperluan pertahanan negara dan melengkapkan Angkatan Tentera Malaysia dengan sistem persenjataan dan peralatan sokongan yang berteknologi tinggi serta moden.

Ia adalah bertujuan untuk menentukan ATM sentiasa relevan dan *credible* serta sentiasa berada dalam keadaan kesiapsiagaan yang tinggi. Tahap kesiapsiagaan ATM ini perlulah dikekalkan dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa agar Angkatan Tentera Malaysia bersedia untuk melaksanakan tugas mempertahankan kedaulatan negara dari sebarang ancaman. Tahap kesiapsiagaan aset-aset Angkatan Tentera Malaysia pada masa kini merangkumi kelengkapan sistem persenjataan dan peralatan sokongan pada keseluruhannya sentiasa berada tahap kesiapsiagaan yang tinggi dan memuaskan. Aset-aset ini perlu sentiasa diselenggarakan dan ia memerlukan perbelanjaan kewangan yang besar seperti mana yang diperuntukkan dalam bajet tahunan.

Peruntukan yang diberi kerajaan telah digunakan sebaik yang mungkin oleh angkatan tentera Malaysia dalam memastikan semua aset sedia ada diselenggarakan dengan baik dan boleh diguna secara berkesan pada bila-bila masa.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Lumut.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Yang Berhormat Menteri, kalau kita lihat kepada kertas perintah 42 2014, aset yang diletakkan di sini, nilai aset untuk diselenggarakan ialah 70% sedangkan kita tahu 1/3 daripada aset itu sentiasa berada di dalam status senggaraan. Jadi saya berpendapat gambaran yang diberi di dalam Kertas Perintah ini tidak berapa tepat. Oleh itu saya ingin mencadangkan supaya kesiapsiagaan untuk 2/3 aset itu sepatutnya lebih daripada 90%. Sebab itu kita belanjakan berjuta-juta, beratus juta untuk urus selenggara kapal.

Maklumat yang terbaru saya dapat, urusan senggaraan ini KD Kedah masih lagi dalam keadaan *refit* di Limbungan Labuan kini telah memakan peruntukan sebanyak RM120 juta sedangkan kapal tersebut masih lagi di dalam limbungan. Saya minta Yang Berhormat Menteri supaya melihat keadaan ini supaya ia tidak berbelanja berlebihan, aset kita tidak bersedia untuk promosi. Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakri:** Terima kasih kepada Yang Berhormat yang sentiasa prihatin terhadap isu berkaitan ini. Sememangnya kerajaan sentiasa mengharapkan supaya tahap kesiapsiagaan kita di tahap yang tinggi dan ini pun memanglah menjadi harapan kepada anggota tentera kita kerana dengan tahap kesiapsiagaan yang tinggi itu akan memastikan bahawa anggota tentera kita dan juga angkatan tentera kita sentiasa dalam keadaan yang *credible* dan relevan.

Akan tetapi kita harus sedia maklum bahawa peruntukan-peruntukan untuk mendapatkan bajet peruntukan bagi menyelenggarakan ini kadang-kadang ia agak – memanglah kita sentiasa menghadapi kesukaran untuk mendapatkan sepenuhnya, tetapi dengan sokongan daripada Yang Berhormat itu *insya-Allah* pihak Kementerian Kewangan akan lebih bersimpati supaya memastikan bahawa setiap peralatan yang kita miliki itu dapat diselenggarakan dengan baik dan

dapat digunakan dengan baik. Sekiranya berlaku kejadian-kejadian yang tidak diinginkan, maka kita dapat menghadapinya dengan lebih berkesan.

Yang Berhormat Lumut juga ada membangkitkan berkaitan dengan perolehan aset magnetron yang didakwa hanya bernilai RM10,000 tetapi dibeli oleh kementerian pada harga RM182,000. Untuk makluman Yang Berhormat, perolehan magnetron yang merupakan alat ganti kepada radar navigasi yang terpasang di atas kapal adalah terpasang di atas kapal. Sukacita saya jelaskan di sini keperluan alat ganti tersebut telah dipohon oleh KD Selangor bagi radar navigasi. Khabar berkenaan pada 24 Februari 2014 masa dalam pelayaran pulang ke Pangkalan TLDM Lumut dari Perairan Laut China Selatan.

#### ■1750

Keperluan itu adalah amat mendesak kerana ketiadaan alat ganti akan menjejaskan keupayaan radar navigasi dan kapal tidak dapat beroperasi serta meneruskan pelayaran pulang ke Semenanjung. TLDM telah membuat tinjauan pasaran pada 25 Februari 2014 dan mendapati harga termurah ialah RM182,000 dengan stok sedia ada. Pembekalan telah dilakukan pada 25 Februari 2014 dan seterusnya penghantaran ke RNO Kuching dilaksanakan pada hari yang sama. Penerimaan alat ganti di kapal itu selesai pada 26 Februari di mana keperluan mendesak kapal berkenaan telah dapat diselesaikan dalam tempoh kurang daripada 72 jam. Sebagai makluman, terdapat pelbagai jenis peralatan magnetron di pasaran dan harganya juga berbeza di antara RM100,000 hingga RM400,000 mengikut jenis atau model peralatan. Tuduhan bahawa alat ganti tersebut boleh diperolehi dengan harga RM10,000 tidak berasas sama sekali dan tidak dapat dibuktikan oleh mana-mana syarikat.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memperbetulkan kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Oleh sebab saya boleh menasihatkan Yang Berhormat Timbalan Menteri bukan sendiri, Google search Magnetron. Nilai dia, memang ada pelbagai jenis magnetron, nilainya antara USD619 kepada EUR800. Pelbagai jenis magnetron. Saya memang boleh menjangkakan jawapan yang diberikan oleh sebab atas dasar keperluan kecemasan ia boleh meningkat sehingga RM182 K.

Untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ada rekod penjualan, penerimaan dan stok alat tersebut. Sekarang ini enam lagi magnetron diperlukan sama ada oleh KD Kedah ataupun KD Selangor dan juga di sini ditulis PVCM *petro vessel*, saya tidak perasan sama ada *maintenance sim* kah, apakah. Ada lagi enam permohonan menunggu. Sekiranya RM182K ini diluluskan, enam lagi ini akan menurut dengan harga RM182K juga sedangkan harganya kita tahu, kita boleh siasat sendiri memang antara RM10,000 hingga RM12,000 sahaja. Ini merupakan ketirisan yang berlaku.

Saya juga baru mendapat maklumat perkara seperti ini akan dibuat kepada SKF Bearing yang harganya RM300 sahaja boleh menjadi sehingga RM12,000 atau RM13,000. Oleh sebab apa? Ada pegawai kata, '*Aku hendak 100K, aku hendak 10K*'. Ini yang berlaku dalam logistik. Oleh itu, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyiasat betul-betul kerana ini ketirisan yang berlaku yang saya percaya bukan sahaja berlaku di dalam Tentera Laut, begitu juga

Tentera Darat dan Tentera Udara. Macam pagi tadi kita dengar wakil SPRM ada di unit-unit berkenaan. Jadi dalam hal ini mungkin kita mencadangkan supaya wakil SPRM boleh duduk di situ, lihat bagaimana ketirisan yang berlaku di dalam angkatan tentera khasnya mungkin di *departments* yang lain, umumnya. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Terima kasih Yang Berhormat Lumut. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Lumut ini ialah seorang pegawai di Tentera Laut yang bertanggungjawab dalam bidang logistik dan juga kejuruteraan iaitu mengetahui sedikit sebanyak berkaitan dengan perkara-perkara pembelian. Mungkin beliau sudah lama berkhidmat di situ dan dia tahu. Akan tetapi saya ingin menyatakan di sini bahawa maklumat yang telah diberikan kepada saya bahawa perkara itu tidak timbul kerana pembelian itu ialah pembelian *emergency*.

Walau bagaimanapun, saya telah diberitahu tadi satu jawatankuasa lembaga siasatan telah pun ditubuhkan untuk melihat tentang perkara ini. Cuma saya ingin menyatakan di sini bahawa kita tidak akan, *we don't contain* perkara-perkara yang boleh menyebabkan ketirisan kepada kerajaan kerana kita juga mahu melihat bahawa setiap pembelian itu adalah berasaskan kepada *value for money* dan tidak merugikan kerajaan. Ini kerana seperti mana Yang Berhormat katakan tadi bahawa kalau sekiranya ia dapat diijamatkan, maka mungkin banyak perkara lain yang boleh kita lakukan. Dalam soal itu, kita berkongsi pendapat dan saya juga telah meminta dalam banyak pertemuan, saya juga sering menekankan soal usaha untuk menghadapi ataupun memastikan tidak ada ketirisan yang keterlaluan berlaku dalam setiap pembelian aset.

Yang Berhormat Lumut juga ada membangkitkan perkara berkaitan dengan PU Butterworth. Pangkalan Udara Butterworth ke lokasi baru. Ini saya telah jawab dalam sesi yang lalu bahawa memang terdapat cadangan *land swap* yang telah dikemukakan oleh syarikat swasta untuk membangunkan tanah PU Butterworth. Ia telah pun dikaji oleh bukan sahaja Kementerian Pertahanan tetapi juga oleh Unit Kerjasama Awam Swasta kerana ini merupakan keputusan kerajaan. Dalam proses untuk memajukan kawasan ini beberapa kajian akan dibuat dan setakat ini kita belum lagi memuktamadkan. Setakat hari ini kita belum memuktamadkan sepenuhnya tentang perkara ini kerana banyak lagi kajian-kajian yang perlu dilakukan dari segi kesesuaiannya dalam pelbagai bidang.

Cuma saya ingin menyatakan di sini bahawa sebenarnya perkara ini juga menjadi peluang kepada Tentera Udara Diraja Malaysia untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan baru tanpa menggunakan wang kerajaan. Ini kerana Pangkalan Tentera Udara Butterworth ini telah berusia begitu lama, semenjak merdeka sehinggalah ke hari ini dan bangunan-bangunannya yang sudah tidak lagi sesuai dan kawasannya juga sudah menjadi kawasan yang begitu padat. Oleh sebab itu, kalau sekiranya TUDM mengharapkan sebuah bangunan yang lebih baru tanpa menggunakan wang kerajaan, dengan peluang ini akan— dengan adanya cadangan ini akan memberikan mereka peluang untuk mendapatkan kemudahan yang lebih canggih dan lebih baru.

Yang Berhormat Sibuti ada membangkitkan perkara berkaitan dengan isu kawalan keselamatan di perairan Sarawak bagi mengelakkan pencerobohan kapal perang asing di perairan berkenaan. Untuk makluman Yang Berhormat, sememangnya Laut China Selatan merupakan laluan utama pelayaran Lautan Pasifik dan Lautan Hindi. Kapal perang yang melalui perairan ini dianggap tidak menceroboh selagi mereka tidak melakukan aktiviti-aktiviti yang bertentangan dengan undang-undang antarabangsa.

Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat pengesanan kapal perang asing di perairan Malaysia, kapal Tentera Laut Diraja Malaysia dan pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia akan ditugaskan untuk memantau segala tindakan mereka dengan membayangi kapal perang asing tersebut sehingga keluar dari perairan Malaysia. Sekiranya kapal perang asing tersebut didapati melakukan aktiviti-aktiviti yang menjejaskan keselamatan dan kedaulatan negara kita, mereka akan diarahkan beredar keluar dari perairan negara dan saluran diplomatik akan dikenakan bagi mengemukakan bantahan.

Untuk makluman satu operasi khas telah diwujudkan di mana kapal Tentera Laut Diraja Malaysia ditugaskan untuk melaksanakan rondaan pada sebilang masa di perairan Sarawak bersama Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan pengawasan udara oleh pesawat ronda Tentera Udara Diraja Malaysia. Jaringan perhubungan juga diwujudkan bersama pihak industri minyak dan gas negara yang beroperasi di kawasan tersebut bagi meningkatkan *Maritime Domain Awareness* dalam menangani sebarang pencerobohan aktiviti yang melanggar undang-undang perairan negara dan antarabangsa. Itu sahaja Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan terima kasih atas penglibatan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih. Saya menjemput Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

**5.59 ptg.**

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi membangkitkan isu-isu berkaitan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah semasa perbahasan Bajet 2015 tempoh hari. Izinkan saya untuk menjawab isu-isu yang telah dibangkitkan oleh lebih 30 orang Ahli Yang Berhormat semasa perbahasan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan adalah seperti Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Sipitang, Yang Berhormat Sekijang, Yang Berhormat Tanah Merah, Yang Berhormat Parit, Yang Berhormat Sandakan, Yang Berhormat Kuala Lipis, Yang Berhormat Gopeng, Yang Berhormat Jerantut, Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Sri Aman, Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Tuaran, Yang Berhormat Limbang, Yang Berhormat Kota Samarahan, yang Hulu Rajang, Yang Berhormat Tanjong Manis, Yang Berhormat Sabak Bernam, Yang Berhormat Lawas, Yang Berhormat Kuala Langat, Yang Berhormat Jelebu, Yang Berhormat Kanowit, Yang

Berhormat Sibuti, Yang Berhormat Lubok Antu, Yang Berhormat Bintulu, Yang Berhormat Baram, Yang Berhormat Sepanggar, Yang Berhormat Mas Gading, Yang Berhormat Julau, Yang Berhormat Jerlun dan ramai lagi.

■1800

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan mesyuarat**]*

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya akan jawab secara mana yang boleh tetapi mungkin tidak tepat kepada setiap Ahli-ahli Yang Berhormat. Jadi untuk yang lain, mungkin saya minta izin untuk menjawab secara bertulis sebab jawapan ini agak panjang juga.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, secara keseluruhan, sejumlah RM10.51 bilion telah diperuntukkan untuk perbelanjaan mengurus dan pembangunan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dalam bajet ini. Dari jumlah tersebut, sejumlah RM6 bilion untuk perbelanjaan mengurus manakala RM4.5 bilion bagi perbelanjaan pembangunan. Jika dibandingkan dengan peruntukan yang diterima pada tahun 2014 ini yang berjumlah RM9.83 bilion. Terdapat peningkatan sejumlah RM675 juta atau 6.43% yang diterima bagi tahun 2015, tahun hadapan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, peruntukan pembangunan yang diluluskan pada tahun 2015 meliputi pembangunan prasarana, pembangunan modal insan dan keusahawanan, dan sebagainya. Dalam melaksanakan projek-projek pembangunan, pihak kementerian akan melaksanakan projek mengikut keutamaan kerajaan negeri dan memastikan kumpulan sasar mendapat manfaat daripada peruntukan dan projek yang telah diluluskan. Pihak kementerian juga akan menilai dari semasa ke semasa dan akan menyusuli dengan Kementerian Kewangan dan Unit Perancang Ekonomi untuk membuat permohonan bajet tambahan sekiranya terdapat keperluan mendesak atau akan dimasukkan ke dalam permohonan bajet bagi tahun 2015 ini. Kita mengharapkan semua Ahli Yang Berhormat dari kedua-dua belah pihak dalam Dewan ini untuk terus memberi sokongan kepada pihak kementerian ini dalam membawa arus pembangunan di kawasan luar bandar.

Isu pembangunan infrastruktur kawasan. Seramai 20 orang Ahli Yang Berhormat telah mengutarakan permohonan berkenaan pembangunan prasarana di kawasan luar bandar. Kementerian ini akan cuba untuk menjawab seberapa yang boleh pertanyaan-pertanyaan ini. Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan tidak pernah meminggirkan penduduk di kawasan luar bandar. Namun, semua Ahli Yang Berhormat perlu sedar bahawa usaha untuk melengkapkan kemudahan infrastruktur di kawasan luar bandar merupakan usaha berterusan kerajaan dan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sejak projek NKRA dilaksanakan bermula dari tahun 2010 hingga tahun 2013, kementerian telah membelanjakan peruntukan sebanyak RM8.63 bilion untuk membina dan menaik taraf jalan luar bandar di seluruh Malaysia dengan pencapaian pembinaan jalan sepanjang 4,112 kilometer telah berjaya dibina dan dinaiktarafkan. Manakala bagi tahun 2014 sehingga bulan September, kementerian telah membelanjakan sebanyak RM673.83 juta dan telah mencapai 295.34 kilometer panjang jalan. Manakala sasaran



untuk dicapai pada tahun 2015 ialah membina jalan sepanjang 496 kilometer dengan peruntukan yang disediakan sebanyak RM943.98 juta dalam bajet.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian sentiasa bekerjasama dengan pihak berkuasa negeri seperti Jabatan Kerja Raya Negeri dalam merancang pelaksanaan projek jalan luar bandar khususnya juga di negeri Sabah dan di negeri Sarawak. Walau bagaimanapun, kelulusan pelaksanaan projek-projek yang dirancang adalah tertakluk kepada kelulusan agensi pusat seperti Unit Perancang Ekonomi ataupun Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** *[Bangun]*

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Apa yang paling utama ialah kedudukan semasa kewangan kerajaan.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Boleh mencelah?

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Ya, sila.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat menyatakan bahawa RM900 juta untuk projek jalan luar bandar di Sabah dan Sarawak dan Yang Berhormat selaku Ahli Parlimen dari Sarawak juga sedar bahawa peruntukan ini tidaklah mencukupi, terlalu sedikit. Jadi, apakah cadangan-cadangan kerajaan untuk mendapatkan dan menyelesaikan masalah menaik taraf jalan-jalan luar bandar di Sabah dan Sarawak yang begitu mendesak, amat perlu dibuat? Adakah Yang Berhormat bersetuju dan memberi sokongan jika sekiranya ada pihak-pihak pemaju yang menggunakan cara PFI? Sebagai contoh untuk menyelesaikan masalah menaik taraf jalan-jalan luar bandar di Sabah dan Sarawak ini. Terima kasih.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** *[Bangun]*

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Terima kasih Yang Berhormat Tuaran. Untuk menjawab...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Sebelum respons kepada itu, Yang Berhormat Temerloh mungkin sekali?

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Boleh saya jawab ini dahulu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Sekejap. Nanti ya. Saya beri peluang.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Soalan yang hampir.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Ya?

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Soalan yang hampir.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Okeylah. *[Ketawa]*

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak timbulkan berkait dengan kenyataan bahawa kerajaan bersedia untuk bekerjasama dengan pihak kerajaan negeri dalam membangunkan terutamanya struktur jalan raya di luar bandar tetapi apa yang menjadi persoalan sekarang ini ialah sering kali pembangunan itu dilakukan dan pembaik pulih pada struktur jalan

itu dilakukan. Akan tetapi sejurus ia selesai dilakukan, ia kembali rosak kerana berlakunya projek-projek yang tidak terkawal. Sebagai contoh berlaku di kawasan Temerloh, lori pasir yang datang mengangkut pasir di sungai. Baharu sebulan atau dua bulan dibaiki, rosak. Begitulah ia berulang. Jadi, apakah ada pemantauan dari pihak kementerian untuk menangani perkara ini?

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Terima kasih Yang Berhormat Temerloh. Untuk menjawab Yang Berhormat Tuaran tadi, Yang Berhormat Tuaran lebih kepada memberi cadangan kepada kementerian untuk membantu. Kita dapat menyiapkan lagi pembinaan jalan ataupun menambahkan rangkaian jalan di kawasan-kawasan luar bandar di seluruh negara. Yang Berhormat Tuaran mencadangkan mungkin kaedah menggunakan *Private Finance Investment* (PFI). Jadi, itu terpulang kepada cadangan yang mungkin kalau boleh dibawa ke peringkat atasan kerajaan. Untuk saya menjawab, saya sekadar boleh mengatakan kalau ada cadangan dari Yang Berhormat, itu bagi saya bunyinya memang cadangan yang baik. Saya haraplah Yang Berhormat Tuaran boleh kemukakan cadangan untuk dipertimbangkan di pihak atasan.

Untuk menjawab Yang Berhormat Temerloh tadi, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, kita mengadakan program dan melaksanakan pembinaan jalan. Apabila sesebuah batang jalan itu siap dibina, untuk kegunaannya, ada agensi-agensi tertentu untuk memantau dan juga kalau perlu melarang penyalahgunaan jalan itu. Misalnya kalau jalan itu hanya boleh muatan yang tidak seberapa berat, sesungguhnya ada agensi-agensi tertentu seperti JPJ dan sebagainya, sepatutnya menjalankan tugas mereka untuk melarang kenderaan-kenderaan berat melalui jalan itu supaya jalan itu tidak rosak. Jadi peringkat negeri juga di mana-mana negeri seharusnya bertanggungjawab juga. Ada agensi-agensi di bawah peringkat kerajaan negeri juga ya. Yang Berhormat Temerloh, terima kasih, ya.

Saya teruskan untuk menyambung tadi. Senarai projek yang dikemukakan untuk kelulusan adalah mengikut keutamaan pihak berkuasa negeri. Jadi, pihak kementerian juga - iaitu Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah juga sentiasa prihatin terhadap permohonan yang dikemukakan oleh wakil-wakil rakyat dalam melaksanakan projek di bawah program Jalan Luar Bandar. Ini diperuntukkan bagi program JLB tahun 2015 telah komited sepenuhnya.

■1810

Namun begitu, pihak kementerian akan memanjangkan permohonan ini kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak. Ini untuk Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sarawak sebab saya menjawab sekali, untuk menjalankan siasatan bagi tujuan permohonan kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk disenaraikan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas yang akan bermula tahun 2016 nanti.

Seterusnya Yang Berhormat Lubok Antu turut membangkitkan isu berkaitan kawasan beliau, kawasan Lubok Antu. Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan projek Jalan Bukit Tungku - Sayat - Seramat dan Jalan Engkelili - Nanga Bulu masih dalam perancangan berikutan pihak JKR Sarawak dalam proses pelantikan kontraktor. Sekarang dalam proses pelantikan kontraktor. Manakala bagi projek Jalan Sayat - Nanga Kumpang, pihak JKR Sarawak

memaklumkan sedang dalam proses pengambilan tanah projek. Projek ini akan ditender sebaik proses tersebut diselesaikan. Dijangka akan dimulakan pembinaan awal tahun 2015.

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Kanowit, status terkini projek jalan dan jambatan yang melintasi Sungai Kanowit, Seksyen A, Kanowit. Ini ada dalam proses tawaran kepada kontraktor yang berjaya dan dijangka akan dimulakan pembinaannya pada Januari tahun 2015.

Seterusnya Yang Berhormat Baram dan Yang Berhormat Ulu Rejang. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian telah melaksanakan projek menaik taraf bekas jalan-jalan balak fasa 1 yang melibatkan kos berjumlah RM64 juta di kawasan Baram sepanjang 142 kilometer. Fasa 2 sebanyak RM70 juta bagi lima bahagian iaitu bagi Bintulu, Miri, Sibu dan Betong di Sarawak. Kementerian akan meneruskan pelaksanaan projek tertakluk kepada peruntukan yang disediakan oleh kerajaan di masa depan.

Bekalan air luar bandar. Seterusnya, Ahli-ahli Yang Berhormat ada menyentuh...

**Tuan Masir Kujat [Sri Aman]:** *[Bangun]*

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Berkenaan program bekalan air. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sejak dari tahun 2010 sehingga kini, sejumlah...

**Tuan Masir Kujat [Sri Aman]:** Pencilahan.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Sebanyak RM5.39 bilion telah diperuntukkan bagi program bekalan air luar bandar dan sebanyak 333,000 buah rumah telah mendapat bekalan air bersih dan terawat.

**Tuan Masir Kujat [Sri Aman]:** Minta pencilahan. Minta pencilahan.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Saya habiskan ini dulu. Kementerian akan meneruskan pelaksanaan program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di seluruh negara bagi memastikan penduduk di kawasan luar bandar dapat menikmati bekalan air yang sempurna. Ya, Yang Berhormat Sri Aman.

**Tuan Masir Kujat [Sri Aman]:** Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri semasa bahas bajet tempoh hari, saya ada menyentuh tentang Jalan Balau – Banting yang telah lama diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan atau Kesepuluh, sampai sekarang pun belum dimulakan. Saya ingin bertanya sama ada projek ini dimasukkan dalam senarai Yang Berhormat Timbalan Menteri sebutkan tadi. Terima kasih.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya untuk kita dapat menjawab untuk kementerian ini dalam masa yang telah dicadangkan. Jadi untuk menjawab secara terperinci, saya sudah sebut tadi kementerian akan menulis secara bertulis apa pertanyaan-pertanyaan yang dibangkitkan semasa perbahasan.

Di program Bekalan Air Luar Bandar yang dilaksanakan oleh kementerian ini meliputi pelaksanaan projek secara retikulasi iaitu penyambungan paip ke kampung-kampung dan secara alternatif *gravity-fed*, telaga, sistem tadahan air hujan dan sebagainya untuk digunakan sementara waktu oleh penduduk kampung sekiranya kawasan rumah panjang atau kampung tersebut adalah terlalu jauh. Selain daripada itu, kementerian juga akan terus melaksanakan

pembinaan dan naik taraf loji-loji bagi memastikan semua penduduk luar bandar dapat menikmati bekalan air yang sempurna.

Ya, Yang Berhormat Bintulu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada sentuh begitu besar jumlah. Saya sebagai wakil rakyat, saya ucap terima kasih kepada kementerian ambil prihatin atas masalah luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kita sekarang lihat, contoh macam itu hari, saya ada buat perbincangan dalam Belanjawan 2015. Isunya sekarang, projek memang kita sudah laksana. Paip sudah ada, saya tegur sekali guslah. Paip sudah ada, bekalan elektrik wayar kabel pun sudah ada, tetapi masuk rumah panjang belum ada. Inilah kita sekarang sentuh masalah ini. Masalah ini bukan hari ini ataupun setahun, sudah empat atau lima tahun. Ada tempat tujuh lapan tahun, tidak boleh diselesaikan.

Itulah saya ada cadang kementerian dari Pusat, ada satu cadangan bersama-sama Kerajaan Negeri Sarawak berbincang tengok isu keluar daripada mana ataupun masalah daripada mana. Macam mana hendak selesai masalah ini fasal rumah panjang ini macam kampung itu, mereka tunggu menunggu bekalan elektrik ataupun bekalan air begitu lama. Tujuh lapan tahun sudah, masih lagi tidak boleh dapat perkhidmatan daripada kementerian apa projek dilaksanakan. Saya tanya ini, adakah satu cadangan? Kalau ada, bila kita boleh selesai masalah ini kerana ini sudah lama. Saya rasa ini kawasan Kapit pun ada masalah sebegini.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Terima kasih Yang Berhormat Bintulu kerana membantu mengutarakan masalah di Kapit juga. Yang Berhormat Bintulu, selepas mendengar sebab saya ada di Dewan malam itu semasa Yang Berhormat membuat perbincangan. Saya ingin maklum kepada Yang Berhormat Bintulu, segala rintihan, keluhan ataupun cadangan yang dibicarakan, yang disebut oleh Yang Berhormat Bintulu telah saya bawa ke peringkat atas sekali iaitu kepada pegawai-pegawai dan Menteri di Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dalam beberapa hari ini.

Kami telah membuat satu jadual untuk turun padang ke mana-mana tempat seluruhnya negeri Sarawak, juga di Sabah dan Semenanjung. Bintulu adalah sesungguhnya salah satu destinasi yang kami akan pergi turun. Apabila kita sudah mendapat tarikh kami akan turun, saya berharaplah bila kementerian ini menjemput Yang Berhormat Bintulu mungkin turun sama, kita pergi bersama ke tempat-tempat seperti mana yang telah disebut ataupun diberitahu oleh Yang Berhormat Bintulu yang bermasalah, Yang Berhormat. Terima kasihlah. Saya pun seperti Yang Berhormat juga. Kita tak hendak ini berlarutan sebab kita sama-sama akan membantu penduduk di luar bandar.

Saya teruskan ya. Seterusnya...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Boleh tambah sedikit?

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Tambah.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak sentuh sedikit ini. Ada saya nampak macam bekalan air contoh macam di Sarawak, LAKU tidak mahu bagi air. Masalahnya bila mereka pergi *testing, pressure* ini dia tak boleh *hold*. Bila tak boleh *hold*, dia punya sambungan paip ke paip memang ada *lacking*. Jadi bila masalah ini terjadi, kontraktor-kontraktor ini tidak mahu datang memperbaiki.

Kalau perkara begini, adakah kementerian cadang walaupun dia ini *main contractor*, ini *subcontractor* buat, memang kontrak sekarang ada sub demi sub, bolehkah kementerian buat satu tindakan yang serius ataupun tindakan yang khas? Kontraktor itu kalau tidak boleh menjalankan ataupun implementasi projek itu, *in the proper manner* dengan izin, kita mestilah mahu senarai hitamkan dia. Janganlah kali-kali kita buat masalah di kawasan masing-masing. Sekian, terima kasih.

■1820

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Terima kasih Yang Berhormat Bintulu. Sebegitulah hasrat kita sebab kita pun tidak ingin melihat projek-projek ini bermasalah. Akan tetapi seperti mana yang telah disebut oleh Yang Berhormat Bintulu tadi, dengan secara sepatutnya (*in the right manner*), jadi sebab itulah saya tidak dapat menjawab dengan terperinci mana-mana projek. Akan tetapi secara *general*, keseluruhannya memang kita akan bertindak keras kepada mana-mana pihak lebih-lebih lagi kontraktor yang tidak menjalankan *obligation* mereka ataupun menjalankan tugas mereka sepatutnya. Jadi sebab itulah kita akan mengadakan perbincangan dan juga pemantauan. Terima kasih Yang Berhormat Bintulu.

Yang Berhormat Limbang, Yang Berhormat Sri Aman, Yang Berhormat Sandakan membangkitkan isu keperluan bekalan air di kawasan Parlimen masing-masing. Ini masalah lebih kurang sama di kawasan-kawasan lain juga. Oleh sebab itu saya menyebut nama beberapa orang sahaja. Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan projek bekalan air luar bandar adalah berdasarkan kepada senarai keutamaan kerajaan negeri. Kementerian bersama-sama dengan agensi di peringkat negeri sentiasa mengadakan perbincangan bagi memastikan pelaksanaan projek yang bakal dibina akan memberi manfaat kepada penduduk dari aspek sosioekonomi.

Yang Berhormat Tanjong Manis turut bertanya berkenaan masalah bekalan air di Pulau Bruit. Untuk makluman Yang Berhormat, projek sedang giat disiapkan dan telah mencapai status fizikal sebanyak 91.15%. Jadi, projek ini melibatkan kerja-kerja pemasangan paip serta pembinaan tangki air di Kampung Penipah. Kerja-kerja pemasangan paip telah selesai sepenuhnya, manakala kerja pembinaan tangki masih berbaki 50%. Penduduk dijangka akan menerima bekalan air bersih pada bulan Mac tahun hadapan, tahun 2015 Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Kota Samarahan turut membangkitkan isu bekalan air terawat di Kota Samarahan. Pada masa ini, pihak perunding yang telah dilantik adalah dalam proses menyediakan reka bentuk bagi membekalkan air di sepanjang Jalan Samarahan termasuk

kawasan perindustrian Samarahan dan kawasan Asia Jaya. Pelaksanaan projek ini dijangka dapat dimulakan pada bulan Jun tahun 2015.

Tuan Yang di-Pertua, ini berkenaan dengan elektrik luar bandar. Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu termasuk Yang Berhormat Bintulu, juga ada membangkitkan isu berkenaan elektrik luar bandar. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan liputan bekalan elektrik di seluruh kawasan pedalaman terutamanya di negeri Sabah dan Sarawak. Seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, penyambungan bekalan elektrik di kawasan pedalaman dibuat secara berperingkat-peringkat mengikut keupayaan talian milik Sarawak Energy Berhad (SEB) dan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB).

Sekiranya talian elektrik sedia ada terlalu panjang, maka pelaksanaan projek BLB tidak dapat diteruskan kerana akan berlaku masalah susutan bekalan dan pelbagai lagi masalah atau kekangan. Khusus bagi kawasan Parlimen Kota Samarahan, kementerian telah menyiapkan 10 buah projek pada tahun 2014 bernilai RM17.85 juta dan memberi manfaat kepada 705 buah rumah.

Mengenai isu gangguan bekalan elektrik di Kota Samarahan pula, kementerian telah memaklumkan perkara berkenaan kepada SEB (Sarawak Energy Berhad) untuk tindakan pihak mereka. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, semua projek BELB di negeri Sarawak apabila siap akan diserahkan kepada SEB untuk operasi dan selenggara dan menjadi aset SEB. Sehubungan dengan itu, semua kerja pembaikan talian akan dibuat oleh SEB.

Yang Berhormat Sri Aman telah membangkitkan isu pelaksanaan projek BELB iaitu Bekalan Elektrik Luar Bandar ke tiga buah rumah panjang di Kampung Kubau. Sukacita dimaklumkan bahawa projek ini pernah diluluskan pada tahun 2011 untuk pelaksanaan. Walau bagaimanapun, oleh kerana masalah izin lalu daripada pemilik tanah yang tidak membenarkan kerja-kerja pemasangan elektrik, projek ini ditangguhkan sementara isu ini dapat diselesaikan. Jadi, kita mohon kementerian mohon kerjasama daripada Yang Berhormat Sri Aman membantu KKLW untuk berbincang dengan penduduk-penduduk setempat yang mengakibatkan projek ini lewat jadual ataupun terganggu.

**Tuan Masir Kujat [Sri Aman]:** Minta laluan sedikit. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya masalah izin lalu telah selesai. Sekarang hanya menunggu peruntukan semula untuk diberikan kepada kampung yang berkenaan. Terima kasih.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Terima kasih dan tahniah kerana baru menyelesaikan masalah itu. Jadi kita boleh melihat semula bagaimana hendak membahagikan peruntukan untuk kita meneruskan projek kali ini.

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Hulu Rajang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, saya ingin bertanya bekalan elektrik luar bandar ini. Setiap kali saya mengutarakan perkara elektrik dari Menjawah ke Pekan Belaga supaya mereka ini dapat diberi bekalan elektrik luar bandar.

Kedua saya hendak tanya, apakah perkembangan dua lagi? Saya rasa Pengerusi Tan Sri sudah pergi ke Lusong Laku. Jadi, kita ada dua bekalan elektrik di Long Kajang dan Lusong Laku, itu masih sampai sekarang pun belum dapat disiapkan. Jadi saya minta supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri mengarahkan pegawai-pegawai dari KKLW untuk mengatasi masalah di kawasan suku kaum Penan di Long Urun iaitu di kawasan Linau iaitu kawasan rumah panjang Long Kajang dan Lusong Laku, sampai sekarang empat lima tahun yang lalu. Jadi saya memohon kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya mengarahkan dan menyiapkan. Kalau tidak, kerajaan tidak akan mendapat nama baik untuk memberi bekalan elektrik luar bandar kepada rakyat ataupun penduduk tempatan atau pedalaman. Sekian, terima kasih.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Rajang kerana memaklumkan kepada kementerian akan masalah-masalah di tempat-tempat seperti mana yang telah disebut tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Hulu Rajang adalah memang begitu peka dengan kawasan beliau dan sering kali memberitahu kepada saya juga. Saya ingin memberitahu kepada Yang Berhormat Hulu Rajang, perkara ini telah juga saya kemukakan untuk perbincangan di kementerian. Pegawai-pegawai akan juga melihat kepada projek-projek yang lewat ataupun terbengkalai ataupun yang belum memuaskan kepada yang sepatutnya menerima manfaat daripada projek ini. Jadi, kami ambil maklum Yang Berhormat Hulu Rajang.

Memandangkan isu izin lalu, ini Yang Berhormat Sri Aman tadi saya menyambung. Memandangkan isu izin lalu yang berbangkit telah dapat diselesaikan Yang Berhormat, kementerian akan mencadangkan kepada Kementerian Kemudahan Awam (KKA) Sarawak supaya penyambungan bekalan elektrik ketiga buah rumah panjang di Kampung Kubau dapat dilaksanakan pada tahun 2015.

Isu lampu jalan kampung. Selain itu, kementerian juga mengambil maklum saranan Yang Berhormat Tanah Merah, Yang Berhormat Parit dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain mengenai keperluan pemasangan lampu jalan di kampung-kampung. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian akan meneruskan pemasangan kira-kira 53,000 unit lampu jalan kampung (LJK) pada tahun 2015 ini yang melibatkan 40,000 unit lampu di Semenanjung dan 6,700 unit lampu di Sabah dan 6,300 unit lampu di Sarawak.

■1830

Mengenai isu kualiti lampu jalan yang dipasang oleh kerajaan, Yang Berhormat Parit yang membangkitkan perkara ini, sukacita dimaklumkan bahawa bermula dari tahun 2003, kerja-kerja pemasangan lampu jalan kampung di seluruh negara dilaksanakan oleh Tenaga Nasional Berhad di Semenanjung Malaysia, Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) di Sabah dan Sarawak Energy Berhad (SEB) di Sarawak.

Spesifikasi LJK yang dipasang oleh para pembekal yang membekalkan LJK kepada syarikat utiliti ini dipilih daripada senarai pembekal yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan dan memenuhi kriteria yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, kementerian tidak menafikan bahawa mungkin terdapat juga lampu jalan yang dipasang mengalami kerosakan.

Sehubungan itu, kementerian memohon supaya setiap kerosakan lampu jalan dilaporkan melalui talian 15454 di Semenanjung dan di Sarawak di talian 08-2337737, manakala negeri Sabah sama dengan Semenanjung, supaya tindakan pembaikan dapat dibuat dalam masa tiga hari bekerja. Ini saya boleh kongsi dengan semualah.

Seterusnya, persoalan Yang Berhormat Parit, Yang Berhormat Kanowit, Yang Berhormat Sepanggar dan Ahli-ahli Yang Berhormat lain berkenaan cadangan pembaikan rumah dan membina rumah baru dan mencadangkan supaya dapat ditambah lagi peruntukan ini supaya rakyat dapat peluang ataupun dapat nikmat daripada usaha kerajaan bagi meningkatkan lagi kehidupan mereka. Pihak kerajaan amat mengalu-alukan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung peruntukan PBR ditambah bagi menampung keperluan bagi meningkatkan kesejahteraan hidup keluarga miskin dan miskin tegar di luar bandar.

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh, kerajaan telah menyediakan peruntukan berjumlah RM1.17 bilion bagi membiayai pelaksanaan sejumlah 65,101 unit di bawah Program Bantuan Rumah. Dengan peruntukan tersebut, kerajaan percaya dapat membantu mengurangkan masalah perumahan di kalangan keluarga miskin dan miskin tegar di luar bandar.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** *[Bangun]*

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan PBR diagihkan mengikut insiden kemiskinan negeri. Kementerian dengan kerjasama agensi pusat seperti Kementerian Kewangan, Unit Perancang Ekonomi dan Unit Pelarasan Pelaksanaan (ICU) akan sentiasa mengkaji keperluan peruntukan bagi memastikan bantuan PBR dapat disalurkan kepada golongan sasaran yang memerlukan.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat, boleh saya mencelah?

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Ya, okey.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat, mengenai rumah PPR ini, ramai juga di kalangan keluarga miskin oleh sebab mereka tidak mempunyai tanah, maka mereka tidak layak menerima rumah PPR ini. Jadi bagaimana pihak kementerian boleh membantu mereka ini, kerana mereka memang tidak mampu membeli rumah kos rendah dan mereka juga tidak layak kerana tidak ada tanah untuk didirikan rumah PPR itu. Terima kasih.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Ya, Yang Berhormat, terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat. Saya pun untuk kawasan saya memikirkan begitu juga, masalah yang sama. Akan tetapi kita tidak dapat membina rumah tanpa tapaklah, tanpa tanah. Jadi...

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** *[Bangun]*

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Ada sambung?

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Cadangan saya, ingin memberi cadangan. Saya kira perlu ada usaha bersungguh daripada pihak Persekutuan dan negeri kerana tanah adalah di bawah kuasa negeri. Saya, walaupun di Selangor, pun begitu juga. Akan tetapi oleh sebab tidak ada cadangan daripada mana-mana pihak, maka tiada siapa yang memikirkan



perkara ini. Sedangkan, kerajaan negeri boleh memperuntukkan tanah kepada mereka ini untuk satu lot yang kira memadai untuk mendirikan rumah dengan sedikit kawasan lapangan itu. Jadi ini cadangan saya. Bukan sahaja untuk negeri Selangor, saya kira Sabah, Sarawak dan lain-lain negeri juga mampu melakukan ini.

Terima kasih.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Itu cadangan yang baik Yang Berhormat. Kita harus bekerjasama demi masyarakat ataupun golongan miskin. Jadi buatlah permulaan bagaimana kedua-dua pihak, kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah serta agensi-agensi yang lain yang ada kaitan dengan program ini, bantuan rumah, bagaimana kita boleh kerjasama menjayakan pembasmian kemiskinan di kalangan golongan miskin dengan membantu mereka dengan rumah-rumah ini. Jadi jawapannya, kita harus bermula duduk bersama dan cadangan Yang Berhormat ialah cadangan yang baik.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pelaksanaan Projek Bantuan Rumah di Sarawak adalah termasuk membina baru rumah panjang Dayak, Iban, Bidayuh dan sebagainya dan tidak terhad kepada rumah sesebuah. Pembinaan rumah panjang ini adalah mengikut reka bentuk pelan standard yang disesuaikan mengikut kebudayaan masyarakat di Sarawak dan diluluskan oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Walau bagaimanapun, reka bentuk tersebut masih fleksibel untuk diubahsuai mengikut keperluan penduduk setempat. Antara contoh rumah panjang yang telah dibina di Daerah Kanowit adalah seperti Rumah Awin di Sungai Mapai dan Rumah Usop di Sungai Koi.

Kementerian mengalu-alukan saranan daripada Yang Berhormat Sepanggar untuk meningkatkan kadar bina baru daripada RM50,000 kepada RM80,000 bagi pelaksanaan PBR di negeri Sarawak. Kita ambil kira kos adalah tinggi di negeri Sarawak, kos pembinaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kajian mengenai kadar bantuan PBR mengikut wilayah Semenanjung, Sabah dan Sarawak adalah diberikan penekanan oleh kementerian dan dilaksanakan secara berjadual. Oleh yang demikian, bagi kadar bantuan RM50,000 bagi PBR di Sabah, ia dilihat masih mampu untuk menampung kos-kos penyambungan utiliti seperti bekalan air dan elektrik bagi pelaksanaan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya yang dibangkitkan adalah isu masyarakat Orang Asli. Kementerian ini menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) mengambil perhatian terhadap permohonan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Parit, Yang Berhormat Jelebu, Yang Berhormat Jerantut, Yang Berhormat Jerlun dan beberapa orang lagi Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan status program pembangunan ekonomi, kemudahan, infrastruktur dan penambahbaikan taraf hidup masyarakat Orang Asli iaitu kemudahan infrastruktur rumah penduduk-penduduk di kampung-kampung telah pun uzur, tidak selamat dan dikatakan sudah tidak sesuai untuk diduduki.

Permohonan telah pun dikemukakan melalui Mesyuarat Tindakan Daerah melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) tetapi pelaksanaannya cukup lambat dan permohonannya jarang dipertimbangkan. Ini daripada Yang Berhormat Jerantut. Untuk

makluman Yang Berhormat Jerantut, pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) tidak pernah meminggirkan masyarakat Orang Asli khususnya dalam penyediaan kemudahan rumah yang selesa.

Kementerian ini telah menyediakan peruntukan sebanyak RM23.6 juta dalam tahun 2013 untuk membina dan membaik pulih sebanyak 1,046 unit rumah PBR kepada masyarakat Orang Asli. Pada tahun 2014 pula, peruntukan sebanyak RM31.3 juta telah disediakan untuk membina dan membaik pulih 1,149 unit rumah.

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Parit, pihak kementerian menerusi JAKOA pada tahun 2013 telah melaksanakan projek PBR sebanyak satu unit di Kampung Tumbuh Hangat dengan kos sebanyak RM40,000 dan baik pulih rumah di kampung sama sebanyak dua unit dengan kos RM20,000 iaitu RM10,000 satu unit.

#### ■1840

Jadi projek PBR Bina Baru juga turut dilaksanakan di kampung Sungai Perak, Perah sebanyak dua unit dengan kos bernilai RM80,000 pada tahun yang sama. Projek baik pulih rumah juga turut dilaksanakan di Kampung Sungai Perah sebanyak empat unit dengan kos RM39,990, manakala di Kampung Gedong Batu juga sebanyak empat unit dengan kos berjumlah RM39,997, RM7 berbezanya. JAKOA telah menyediakan peruntukan sebanyak RM728,946 merangkumi projek baik pulih rumah di Kampung Gedong Batu dengan kos sebanyak RM23,170 melibatkan tiga unit. Jadi Kampung Sungai Perah dengan kos sebanyak RM59,266 melibatkan enam unit dan Kampung Suap Padi dengan kos sebanyak RM26,820 melibatkan tiga unit.

Projek PPR Bina Baru juga turut dijalankan di Kampung Tumbuh Hangat dengan kos sebanyak RM159,970 yang melibatkan empat unit dan Kampung Sungai Perah dengan kos RM63,920 melibatkan dua unit dan di Kampung Suap Padi dengan kos sebanyak RM80,000 melibatkan dua unit seperti mana telah disebut pada awal tadi. Jadi banyak rumah telah kita bina dan banyak juga isi rumah telah kita bantu dalam program ini.

Isu pembangunan wilayah. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya dibangkitkan isu pembangunan wilayah di kawasan luar bandar. Soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sabak Bernam mengenai langkah kerajaan untuk membangunkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Untuk makluman Yang Berhormat Sabak Bernam, kementerian sentiasa komited dalam pembangunan keusahawanan masyarakat luar bandar termasuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Di peringkat nasional pembangunan PKS diterajui oleh SME Corp. dengan penglibatan pelbagai agensi kerajaan dan swasta yang melaksanakan program pembangunan PKS. Di KKW, antara program yang dilaksanakan dalam pembangunan PKS adalah seperti program *Rural Business Challenge (RBC)* atau Program Desa Lestari dan Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED).

Program RBC berkonsepkan pertandingan rancangan perniagaan dan terbuka kepada belia-belia seluruh Malaysia dari usia 18 tahun hingga 40 tahun usia mereka khususnya dari luar bandar. Program RBC dilaksanakan bertujuan untuk mengembangkan perniagaan usahawan-usahawan belia terpilih melalui pemberian geran perniagaan bagi melaksanakan projek ekonomi

di luar bandar. Manakala Program Desa Lestari bertujuan untuk memaju dan menaik taraf ekonomi penduduk kampung terpilih melalui pelaksanaan projek-projek ekonomi yang dapat meningkatkan pendapatan dan membuka peluang-peluang pekerjaan baru kepada masyarakat luar bandar.

Kaedah pelaksanaan projek adalah melalui koperasi dan sejumlah peruntukan akan disalurkan kepada kampung yang terpilih bagi tujuan melaksanakan projek-projek ekonomi tersebut. Di antara projek-projek yang dikenal pasti adalah seperti pelancongan desa,...

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Pertandingan penternakan, perikanan, perkhidmatan dan sebagainya.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Hendak tanya tentang RBC.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Okey, saya habiskan ini dulu ya. Selain itu bagi menggalakkan perkembangan PKS di luar bandar, Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) telah disediakan untuk membantu usahawan bumiputera luar bandar mendapatkan kemudahan pembiayaan. Skop pembiayaan seperti pembelian mesin, peralatan yang akan membantu meningkatkan perniagaan atau pun perusahaan yang diceburi. Modal kerja untuk tujuan perolehan bahan mentah dan ubah suai atau menaik taraf premis perniagaan atau perusahaan.

Skim ini adalah pembiayaan tanpa cagaran dengan kadar bayaran balik yang rendah dan dilaksanakan melalui bank kerjasama rakyat ataupun Bank Rakyat, SME Bank. Jadi Yang Berhormat Sekijang.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkenaan dengan RBC ini, kita hendak ucap tahniah jugalah kepada pihak kementerian kerana telah menganjurkan pertandingan *rural business challenge* ini, kalau ikut tahun lepas saya dimaklumkan ada seorang usahawan belia yang telah mendapat RM2 juta untuk menjalankan perniagaan di kawasan luar bandar dan telah pun melatih ramai lagi usahawan-usahawan yang dapat bersama dengan beliau. Cuma untuk tahun ini saya hendak tahu bagaimana sambutan RBC ini, berapa ramai golongan belia atau usahawan belia yang telah terlibat dalam RBC dan bagaimanakah kementerian dapat memastikan agar program RBC ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang untuk kita libatkan lebih ramai lagi golongan belia di kawasan luar bandar.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Sambutan sekarang amat menggalakkan, amat memuaskan kerana sejak kita memulakan program ini sejak tiga tahun lalu, sampai sekarang ia telah tahun demi tahun meningkat peserta-peserta yang mendaftar diri untuk mengambil bahagian dalam program ini. Sekarang untuk tahun ini kita ada lebih 700 peserta mengambil bahagian. Untuk kita menambahkan lagi usaha ataupun memperhebatkan lagi usaha kita menarik minat daripada golongan sasaran tadi iaitu belia di luar bandar, tahun ini kita ada kaedah baru iaitu ada *reality show* yang kita buat menerusi TV3 dan setiap petang jam 6.00 petang setiap hari Khamis ada realiti *show* RBC ini di mana peserta-peserta yang sampai ke peringkat akhir akan dibawa ke siaran televisyen di mana penilaian, ada panel yang menilai program-program ataupun projek-projek mereka ini.

Minggu depan ialah minggu terakhir di mana keputusan akan dibuat dan siapa yang akan menang untuk tahun ini. Jadi kita berharap dengan media baru ini, cara baru ini kita dapat lebih daripada tahun sudah menghebahkan program-program ini ke seluruh negara sebab dulu kita hanya menggunakan media cetak atau media-media yang lain. Akan tetapi sekarang kita sudah mulai menggunakan elektronik dan televisyen untuk kita menarik minat mereka yang duduk jauh di pedalaman yang kita galakkan juga mengambil bahagian dalam program RBC ini.

Jadi oleh kerana kita telah melihat ada kejayaan yang kita capai yang menggalakkan dan kita berharap pada tahun-tahun depan kita akan menambah lagi bagaimana kita memperhebatkan lagi program ini. Bagi tahun ini juga kita ada satu program RBC ini yang kita tidak ada dahulu ia adalah untuk kategori hanya *on feasibility study* sahaja ataupun perancangan niaga saja dipertandingkan. Siapa yang menang akan mendapat RM10,000 sebagai dana permulaan. Jadi dulu kita tidak ada kategori ini. Saya teruskan ya.

Untuk makluman juga salah satu agensi di bawah naungan kementerian iaitu Majlis Amanah Rakyat (MARA) telah melaksanakan program untuk membangunkan perusahaan kecil dan sederhana. Jadi program pembangunan usahawan meliputi program latihan keusahawanan melalui program nilai tambah iaitu program peningkatan dan pengukuhan keusahawanan.

#### ■1850

Ini program daripada MARA. Ada juga Program Pembangunan Standard Perniagaan untuk memberi bimbingan dan khidmat nasihat dalam membangunkan perniagaan dan memenuhi keperluan piawaian standard. Ada juga Program Pembangunan Pemasaran untuk para usahawan mempromosikan dan meluaskan akses pasaran produk dan perkhidmatan sehingga ke peringkat global. Ada juga Program Pembangunan Infrastruktur Perniagaan dengan menyediakan premis perniagaan dan prop usahawan di kawasan terpilih untuk disewakan kepada usahawan mengikut kadar sewa yang bersesuaian. Ada juga Program Pembiayaan Perniagaan kepada usahawan bumiputera bagi memperkukuhkan prestasi perniagaan, dan juga Program Pembangunan Aktiviti Rekabentuk produk usahawan supaya mempunyai nilai komersial di pasaran tempatan dan antarabangsa.

Seterusnya Yang Berhormat Kuala Langat. Yang Berhormat Kuala Langat menyentuh berkaitan seorang wanita bernama Nik Azizah binti Nik Mat membuat tuntutan tunggakan dividen kepada pejabat FELCRA pada 12 Ogos 2012. Jadi untuk makluman Yang Berhormat Kuala Langat, pengadu Nik Azizah binti Nik Mat adalah merupakan salah seorang peserta FELCRA Berhad Paloh 1 Tanah Merah Kelantan yang dimiliki oleh 10 orang peserta berkeluasan 6.957 hektar. Puan Nik Azizah binti Nik Mat salah seorang daripada 10 orang peserta. Di atas nombor lot 812.

Jadi kawasan yang dimajukan untuk tanaman kelapa sawit hanyalah seluas 4.861 hektar sahaja. Ini kerana kawasan seluas 2.096 hektar merupakan kawasan berpaya dan tapak perumahan, tidak dapat ditanam. Jadi pengurusan FELCRA Berhad telah berusaha untuk menebus guna kawasan paya tersebut seluas satu hektar untuk tanaman kelapa sawit pada tahun 1994. Jadi kejayaan FELCRA mengusahakan keluasan satu hektar ini telah mengeluarkan

hasil pertama pada tahun 1997, tiga tahun kemudian. Inilah permohonan oleh pengadu untuk mendapatkan dividen tersebut. Jadi pengurusan FELCRA Berhad akan mengambil tindakan penyelesaian serta-merta. Tidak ada isu terlalu besar sangat.

Merujuk kepada permohonan Yang Berhormat Sekijang mengenai keperluan agar kementerian mempertimbangkan untuk membina sebuah *Rural Transformation Centre (RTC)* di daerah Sekijang, ya. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini kementerian masih belum mempunyai perancangan untuk membina RTC di Daerah Sekijang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tanjong Karang telah membangkitkan isu pembangunan setempat secara bersepadu meliputi *National Blue Ocean Strategy* antara KKLW dan KPKT berkaitan masalah rumah terbakar ini mesti diperluaskan. Di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (*National Blue Ocean Strategy*) ini yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, pelbagai kementerian, jabatan agensi mahupun kerajaan negeri telah digembleng untuk membangunkan ekonomi luar bandar secara bersepadu bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan program dan projek serta mengoptimumkan peruntukan yang telah diperuntukkan.

Melalui strategi ini, semua jabatan yang terlibat dalam satu-satu program yang diusahakan oleh pihak kementerian akan bekerjasama menggembleng kepakaran untuk membangunkan kawasan yang berpotensi bagi menyediakan peluang-peluang pekerjaan baru dan juga meningkatkan pendapatan penduduk di luar bandar.

Di samping itu, perbincangan antara pihak kementerian dengan pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) juga melibatkan bagi memastikan perancangan program-program yang hendak diketengahkan dapat disesuaikan dengan bentuk program pembangunan serta peruntukan yang diselesaikan. Kementerian ini mengucapkan banyak terima kasih di atas cadangan yang diberi oleh Yang Berhormat Tanjong Karang untuk menambah peruntukan bagi pelaksanaan NBOS ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, skop Program Bantuan Rumah sememangnya memberi fokus kepada golongan miskin tegar dan miskin. Ia merupakan mangsa bencana alam dan kebakaran. Sehingga kini sejumlah 47 unit telah dilaksanakan seluruh negara. Melalui kerjasama kementerian ini dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia iaitu agensi di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Selain melalui NBOS, kementerian juga membantu membina rumah mangsa yang terlibat dengan bencana alam dan kebakaran. Sebagai contoh di Rumah Panjang Jali di Sarawak dan Kampung Air Semporna di Sabah. Walau bagaimanapun bagi kes bencana atau kebakaran berskala besar yang melibatkan banyak rumah dan kawasan yang luas, ia adalah terletak di bawah bidang kuasa Majlis Keselamatan Negara (MKN). Perkara ini adalah selari dengan keputusan mesyuarat *Delivery Task Force National Key Results Area Rural Basic Infrastructure*. Jadi di mana Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memutuskan bahawa sebarang bantuan kepada mangsa kebakaran dan bencana adalah di bawah tanggungjawab MKN.

Isu berkaitan Majlis Amanah Rakyat lagi. Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya adalah berkaitan salah satu agensi di bawah naungan kementerian seperti mana diketahui umum ya, MARA. Yang Berhormat Tanah Merah telah memohon supaya kementerian membina lebih banyak institut-institut kemahiran di Parlimen Tanah Merah. Untuk makluman Yang Berhormat, pada ketika ini terdapat 231 buah Pusat GIATMARA di seluruh negara di setiap kawasan Parlimen. Setakat bulan Oktober 2014, MARA telah menubuhkan sebanyak 231 pusat latihan GIATMARA berasaskan konsep 1Parlimen 1GIATMARA. Sebanyak 13 Institut Kemahiran Mara (IKM) dan Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKTM).

Bagi menyokong usaha kerajaan dalam mengarusperdanakan pendidikan teknikal dan vokasional, pembukaan institusi kemahiran baru adalah tertakluk kepada kelulusan projek di bawah bajet pembangunan berdasarkan satu keperluan sebenar dengan mengambil kira kapasiti institusi sedia ada telah mencapai tahap optimum. Kedua, bidang kemahiran kursus khusus yang memerlukan pusat khas yang tidak dapat menampung keperluan logistik, tenaga pengajar dan kursus oleh institusi sedia ada.

Untuk makluman Yang Berhormat Lawas pula, pertanyaan berkaitan status pembinaan MRSM RGC di dua kawasan iaitu Sundar dan Ba'kelalan Long Semaruk di kawasan Sarawak Utara. Dicadangkan kepada kerajaan pusat sebagai projek pembangunan Rancangan Malaysia Kesebelas.

Isu berkaitan RISDA, Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Yang Berhormat Menteri, pasal MARA.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** MARA?

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Sekijang, Sekijang.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Okey.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hendak bertanya dengan Yang Berhormat Menteri, hari ini pun kalau kita lihat di beberapa daerah terutamanya di kawasan saya sendiri pun ada bangunan arked MARA yang kita lihat antara bangunan yang lama dan ada sedikit keperluan untuk di naik taraf dan sebagainya. Adakah pihak kementerian ada memikirkan perbelanjaan untuk menaikkan taraf mana-mana arked-arked MARA yang ada di daerah-daerah ini dan antara salah satu sebab saya mencadangkan untuk mewujudkan RTC dalam Daerah Segamat bukan Daerah Sekijang. Daerah Segamat ialah kerana kita hendak pastikan arked MARA itu dapat dinaik taraf dan dapat digunakan oleh lebih ramai usahawan-usahawan muda terutamanya belia di dalam sekitar daerah tersebut. Terima kasih.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Ya sesungguhnya Yang Berhormat Sekijang, kementerian ataupun MARA sendiri memang melihat kepada keperluan untuk mana-mana premis MARA termasuk arked dan sebagainya yang perlu dinaik taraf akan dinaik taraf. Ini kerana keperluan dinaik taraf ini adalah tujuannya untuk kita menambah baik lagi bagaimana kita boleh memberi kemudahan yang selesa kepada masyarakat lebih-lebih lagi pelanggan dan juga usahawan-usahawan bumiputera kita.

## ■1900

Jadi tidak ada masalah di mana arked-arked ini kalau perlunya dinaiktarafkan, tidak ada masalah. Memang ada tetapi mengikut keperluan.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Menteri, terima kasih. Saya ingin bertanya tentang mewujudkan MRSM di sesuatu daerah. Saya ingin bertanya tentang apakah kriteria untuk KKLW mewujudkan atau mengadakan MRSM di sesuatu tempat. Contohnya saya hendak beritahu ialah tentang di Parlimen Bagan Serai ataupun di Daerah Kerian, kita tidak ada MRSM sedangkan MRSM wujud di setiap daerah di negeri Perak. Jadi ini saya minta penjelasan. Terima kasih.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Sepatutnya adalah keperluan yang berdasarkan kepada- memang ada kalau MRSM itu dibina, MRSM itu akan mendapat penuntut-penuntut yang ramai dapat mengisikan MRSM itu. Jadi dari segi permintaannya dan keperluan supaya sesebuah tempat itu ataupun sesebuah daerah itu mendapat MRSM, kalau MRSM-MRSM yang sedia ada adalah terlalu jauh dari kawasan itu dan tidak dapat menampung keperluan sesebuah daerah itu. Jadi untuk Yang Berhormat Bagan Serai, buat masa ini saya tidak tahulah ada atau tidak permohonan dari Yang Berhormat Bagan Serai ataupun Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain ataupun dari peringkat kawasan Bagan Serai.

Jadi tidak ada masalah kalau ada keperluan, dikemukakan permohonan ataupun cadangan supaya boleh dipertimbangkan. Jadi, saya teruskan. Isu berkaitan RISDA. Tuan Yang di-Pertua, isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gerik mengenai kejatuhan harga komoditi getah telah menjejaskan pendapatan pekebun kecil. Kementerian ini peka terhadap isu yang dibangkitkan. Dalam hal ini, kementerian melalui RISDA telah melaksanakan langkah jangka pendek dan sementara iaitu pemberian bantuan khas akibat kejatuhan harga getah yang dipanggil BKKH secara *one-off* kepada pekebun kecil dan penoreh getah supaya dapat meringankan beban sara hidup mereka.

Untuk makluman Yang Berhormat Gerik, berhubung dengan harga komoditi getah yang rendah pada masa ini, KKLW prihatin dan sedang bekerjasama dengan Kementerian Perusahaan, Perladangan, dan Komoditi melalui Mesyuarat Jawatankuasa NKEA Komoditi Getah. Seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat Gerik, penggunaan bahan getah dalam pembinaan jalan raya masih dalam kajian oleh pihak Lembaga Getah Malaysia (LGM) dan berhubung dengan saranan Yang Berhormat Gerik juga berkenaan kempen kesedaran kepada pekebun kecil supaya mengeluarkan getah susu ataupun lateks dan tidak semata-mata mengeluarkan getah sekerap sahaja.

Pihak RISDA sedang membuat kajian perbandingan pengeluaran hasil di antara lateks dengan getah sekerap. Faktor yang diambil kira antaranya ialah kemudahan infrastruktur, perbandingan masa, tenaga kerja, kos operasi dan harga. Berhubung dengan penglibatan Koperasi Pekebun Kecil dalam pembelian getah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gerik juga, ianya merupakan salah satu daripada pembeli getah di samping pelesen yang sedia ada. Ini akan mewujudkan persaingan sihat dalam meningkatkan harga getah.

Yang Berhormat Lubok Antu memaklumkan berkaitan pemberian *one off* iaitu RM500 kepada pekebun getah hanya di Betong sahaja. Itu tidak betul, ya. Untuk makluman Yang Berhormat Lubok Antu, pihak RISDA telah melaksanakan pemberian bantuan khas ini ataupun Bantuan Khas akibat Kejatuhan Harga getah (BKKH) ini ke seluruh negeri Sarawak berjumlah RM3,970,000 melibatkan seramai 7,940 orang.

Agihan pemberian bantuan mengikut pusat tanggungjawab RISDA adalah seperti berikut iaitu:

- (i) kawasan Betong seramai 1,646 orang pekebun kecil akan menerima berjumlah RM823,000;
- (ii) kawasan Sibul termasuk Kapit, ya seramai 1,964 orang pekebun kecil berjumlah RM982,000;
- (iii) kawasan Kota Samarahan seramai 3,366 orang pekebun kecil berjumlah RM1.683 juta; dan
- (iv) kawasan Miri seramai 1,352 orang pekebun kecil berjumlah RM676.

Jadi, saya ingin jelaskan di sini, kalau dikatakan Kota Samarahan, ia termasuk Sri Aman juga. Kita tidak mengikut imitatif bahagian Sarawak, ya. Jadi jangan terkeliru. Seperti Kapit, Kapit bukan bahagian Kapit tetapi ia termasuk dalam Sibul sebab RISDA berpangkalan di Sibul sebab Yang Berhormat-Yang Berhormat mungkin keliru nanti dan mungkin menyebabkan mengapa Yang Berhormat Lubok Antu semasa perbahasan mendakwa seolah-olah tiada pekebun kecil di Lubok Antu mendapat bantuan itu. Jadi...

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Menteri, sedikit, boleh?

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Saya sudah dekat sampai rumusan.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya sedikit sahaja penjelasan tentang pemberian *one-off* ini. Kita tahu yang menoreh getah ini ada dua kategori. Satunya yang menoreh sendiri dan satu lagi yang upah. Bila upah ini dia bahagi dua hasilnya. Jadi kalau dia bagi *one-off* itu kepada mereka yang betul-betul menoreh dan dibahagi dua, bagaimana perincian itu dibuat? Ini kerana pada saya, kalau diberi kepada tuan punya ladang ataupun kawasan getah ini dan mereka yang menoreh itu yang hanya dapat separuh tidak diberikan peruntukan *one-off*, jadi saya fikir itu pasti membebankan mereka ini. Terima kasih.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Sebenarnya tiada yang menerima separuh ya, Yang Berhormat sebab pada mulanya memang RISDA akan membantu pekebun tuan punya kebun yang berkeluasan 2.5 hektar ke bawah. Akan tetapi kerana kerajaan prihatin, mengapa tidak membantu penoreh sebab penoreh yang mengeluarkan hasil. Jadi penoreh juga dimasukkan dalam program bantuan ini dan mereka juga mendapat RM500 seorang, tidak ada masalah dan tidak ada isu menerima separuh. Kalau tuan punya itu minta, kita tidak tahulah bagaimana di belakang mereka berunding ini tetapi kita bantu. Kita bantu mereka yang berdaftar dengan



RISDA. Mungkin ada, lebih-lebih lagi dari Sarawak bertanya, mengapa ramai tidak mendapat? Kita membantu yang berdaftar dengan RISDA, itu sahaja.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Minta maaf Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya, bagi penoreh getah yang menoreh pokok orang lain, baru-baru ini RISDA, kementerian memberi bantuan *one-off* RM500 tetapi ada yang tidak dapat dan juga ada yang tidak sempat meminta. Pemberian ini diberi pada kalau tidak silap saya lebih kurang bulan enam atau bulan tujuh. Soalan saya ialah adakah kementerian masih menerima lagi ataupun membuka lagi permintaan untuk permohonan *one-off* ini dari penoreh-penoreh getah ini sehingga sekarang?

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Ya, sebenarnya tarikh tutup pendaftaran ialah 30 Ogos. Jadi pembayaran kita tergesa-gesa kerana kita hendak sempat untuk perayaan Aidilfitri dahulu. Jadi sudah banyak kita beri pembayaran.

■1910

Untuk menjawab soalan adakah ini dibuat lagi ataupun adakah kita masih membuka pendaftaran. Buat masa ini sebab kita dah tutup pendaftaran pada 30 Ogos, kita belum buka lagi tetapi ia terpulang kepada, mana tahulah kalau ada keperluan, mungkin memang ada keperluan ataupun ada difikirkan kita perlu buka, kita buka lagi bantuan ini. Jadi oleh kerana saya ingat saya ada masa sedikit lagi, saya ingin hendak menyentuh satu lagi ...

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Sekijang. Sedikit sahaja hendak tanya fasal getah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan BKKF ini, kita amat setujulah dengan tindakan kerajaan untuk memberikan *one-off* RM500 ini kepada pekebun kecil dan juga kepada penoreh getah. Adakah kementerian pernah terfikir untuk melaksanakan pemberian insentif seperti nelayan RM150 hingga RM200 sebulan kepada pekebun-pekebun kecil ini? Jika kaedah itu mungkin digunakan kepada penoreh-penoreh getah ini, saya kira mereka pun akan dapat manfaat yang sama seperti yang nelayan terima.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Cadangan itu boleh dipertimbangkan. Jadi yang pentingnya, sekarang saya ada berpandangan bahawa sebab dalam program ini ia bukan 100% saya boleh kata terbaik. Mengapa? Sebab ada juga yang mempunyai kebun sebab tanaman semula, belum lagi dapat ditoreh, mendapat juga. Jadi mengapa tidak kita bantu kebun-kebun yang ada keluaran getah. Ini kerana itu yang penting, keluaran getah yang penting. Jadi kita sentiasa membuat penambahbaikan.

Jadi kalau ada cadangan seperti yang telah disebut oleh Yang Berhormat Sekijang, kalau itulah ada sebabnya, ada penambahbaikan bagaimana kita membantu, mungkin kita boleh fikirkan. Akan tetapi yang penting, kita harus juga memikirkan bagaimana kita menggunakan kewangan yang ada pada kita dengan sebaiknya. Ada kita berpandangan, kita bantu kebun-kebun yang mengeluarkan getah, sebab ada juga kebun-kebun yang belum mengeluarkan getah sebab tanaman semula menerima bantuan. Jadi semua ini kita harus semak kembali dan kita tengok kalau ada lagi program ini, kita harapkan yang ada penambahbaikan untuk ekonomi kita dan untuk golongan sasaran kita yang perlu kita bantu. Jadi, tidak ada masalah Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin saya ingin menyentuh satu lagi perkara bagi Yang Berhormat Julau sebab Yang Berhormat Julau semasa perbincangan mengutarakan ada sedikit berlainan daripada yang lain. Yang Berhormat Julau, bagi maklumat Yang Berhormat Julau, projek retikulasi bekalan air Pekan Pakan. Pakan itu nama pekan di kawasan Yang Berhormatlah, fasa kedua yang bernilai RM53 juta akan mula pelaksanaan pada tahun ini. Mohon Yang Berhormat sedia maklumlah sepatutnya.

Untuk maklumat Yang Berhormat juga, kementerian pada tahun 2010 telah menjalankan kajian kesesuaian pembangunan sistem mikro hidro untuk tujuan pembekalan elektrik di seluruh negara di kawasan luar bandar. Hasil daripada kajian yang dijalankan, sejumlah 277 buah sungai, masing-masing 215 di Sarawak, 50 di Sabah dan 12 di Semenanjung sesuai untuk dibangunkan dengan sistem mikro hidro secara *runoff river* tanpa melibatkan pembinaan empangan.

Daripada senarai berkenaan, kementerian pada tahun 2011 telah memulakan pelaksanaan projek mikro hidro di Semulung Ulu Pakan di Julau, Nanga Sengaih Sri Aman dan Long Banga, Baram. Projek mikro hidro di Semulung Ulu dan Nanga Sengaih dilaksanakan dengan kerjasama UNIMAS dan projek ini telah siap sepenuhnya. Projek di Long Banga pula kini di peringkat akhir pengujian dan dijangka akan mula tugas pada 15 Disember, tetapi tidak tahulah di mana Long Banga ini. Jadi, ini adalah sedikit sebanyak Tuan Yang di-Pertua.

Jadi untuk rumusan Tuan Yang di-Pertua, semua Ahli Dewan Rakyat sekalian, pihak kementerian akan meneruskan pelaksanaan projek-projek yang telah dibentangkan dalam bajet tempoh hari. Kita juga sedia maklum bahawa masih banyak projek pembangunan dan kemajuan di kawasan luar bandar yang perlu kita laksanakan dan selesaikan, belum lagi selesai Yang Berhormat sebab kawasan luar bandar kita memang kawasan yang begitu luas dan rakyat duduk di sana pun ramai sangat. Kerajaan akan sentiasa komited dan akan menunaikan apa yang telah kita janjikan kepada rakyat selaras dengan pendekatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu rakyat didahulukan.

Akhir sekali, pihak kementerian sentiasa mengalu-alukan input dan maklum balas daripada semua Ahli Yang Berhormat dan kita akan cuba untuk selesaikan sebarang isu dan masalah dengan sedaya upaya kita. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan pelbagai isu yang tidak sempat saya jawab dalam ucapan penggulungan ini, saya mohon izin untuk menjawab secara bertulis.

Sesungguhnya segala isu dan saranan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, pastinya kementerian akan mengambil perhatian dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Kalau hendak menjawab setiap isu yang dibangkitkan Tuan Yang di-Pertua, mungkin ia mengambil masa lebih lama lagi. Dengan ini, saya mengucapkan ribuan terima kasih dan salam hormat kepada semua. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Kementerian Luar Negeri.

**7.17 mlm.**

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Hamzah bin Zainudin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan isu-isu Kementerian Luar Negeri dalam bajet kita pada tahun ini, terutamanya Yang Berhormat Tenom, Yang Berhormat Bukit Katil, Yang Berhormat Batu Kawan, Yang Berhormat Tumpat, Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Gelang Patah, Yang Berhormat Parit Buntar dan Yang Berhormat Wangsa Maju.

Pertamanya Yang Berhormat Parit Buntar ada membangkitkan isu kebangkitan ISIS yang boleh memberi kesan kepada Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Parit Buntar dan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam ucapannya di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di ibu pejabat PBB pada 27 September 2014, telah menegaskan bahawa Malaysia sama sekali tidak menyokong malah secara jelas menolak dan mengutuk sekeras-kerasnya sebarang tindakan keganasan selama ini oleh mana-mana pihak termasuklah dengan izin, *Islamic state* ataupun IS yang memaksa dan menyerang pihak-pihak yang lain untuk membentuk wilayah mereka.

Tindakan IS ini tidak sesekali mencerminkan ajaran Islam, malah Malaysia sama sekali tidak menyokong mahupun mengiktiraf pembentukan IS. Secara umumnya, kegiatan kumpulan militan IS ini tidak mempunyai kesan secara langsung kepada Malaysia kerana perjuangan mereka pada masa ini lebih tertumpu kepada aktiviti-aktiviti perluasan wilayah yang ditakluk oleh mereka di Iraq dan Syria. Walau bagaimanapun, kegiatan kumpulan militan IS memberi kesan secara tidak langsung kepada negara di mana terdapat segelintir kecil rakyat Malaysia yang terpengaruh dengan perjuangan mereka dan bertindak menyertai kumpulan ini di luar negara di atas kepercayaan mereka berjihad untuk menegakkan negara Islam.

Di dalam hal ini, Malaysia akan terus berusaha untuk mencegah perkembangan fahaman ekstremisme serta radikalisme melalui beberapa pendekatan di peringkat luar dan dalam negara. Malaysia selaku negara anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, menyokong penuh Resolusi 2170 yang menentang sebarang bentuk sokongan dan bantuan ke atas kumpulan militan. Ini diperkukuhkan lagi dengan Resolusi 2178 yang menekankan usaha untuk mengukuhkan dan menggembelng tindakan antarabangsa untuk memerangi keganasan secara amnya dan khususnya memerangi para penganas antarabangsa dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *foreign terrorist fighters*.

**■1920**

Manakala di peringkat domestik pula, pihak berkuasa keselamatan Malaysia akan terus memantau kemungkinan munculnya individu-individu atau kumpulan tertentu yang cenderung untuk menyertai kempen agresif kumpulan militan AS ini. Kerajaan Malaysia akan sentiasa memastikan individu atau kumpulan yang disyaki ini ditahan oleh pihak berkuasa serta-merta bagi mengekang sebarang kemungkinan tindakan keganasan oleh mereka yang boleh

menggugat kesejahteraan hidup rakyat Malaysia. Kerajaan Malaysia juga akan sentiasa menjaga kepentingan rakyatnya yang cintakan keamanan dan akan menangani semua bentuk ancaman keganasan bagi memastikan kehidupan harmoni rakyat negara Malaysia ini tidak terancam.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *[Bangun]*

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Puchong berdiri.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau boleh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berkenaan dengan isu IS ini, saya mendengar apa yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa memang kerajaan akan mengambil tindakan. Soalan saya adalah ini, setakat sekarang, apakah tindakan ataupun langkah-langkah yang telah pun diambil oleh kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memantau aktiviti-aktiviti kumpulan ini dan juga khususnya dari segi kemasukan mereka ke negara kita dalam masa yang terdekat. Ada apa-apa tindakan diambil Yang Berhormat Timbalan Menteri? Terima kasih.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Yang Berhormat Puchong. Tentang tindakan yang diambil dalam negeri adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri. Jadi, boleh kita soalkan Kementerian Dalam Negeri.

Isu yang kedua, Yang Berhormat Ipoh Barat dan juga Yang Berhormat Ipoh Timur ada membangkitkan tentang isu Arms Trade Treaty. Untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat tersebut, Triti Perdagangan Senjata atau *Arms Trade Treaty* (ATT) telah pun diluluskan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada 2 April 2013. Walaupun agenda ini telah diketengahkan pada tahun 2006 melalui resolusi bertajuk dengan izin, "*Towards an Arms Trade Treaty establishing common international standards for the import, export and transfer of conventional arms.*" Triti ini akan mula berkuat kuasa pada 24 Disember tahun ini selepas setahun ia diluluskan oleh PBB.

Seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur, setakat ini hanya 122 buah negara telah menandatangani triti ini dan 54 negara yang baru sahaja meratifikasikan triti tersebut. Di rantau Asia Tenggara selain Malaysia, hanya Filipina dan Cambodia telah pun menandatangani triti ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Malaysia menandatangani triti ini oleh sebab ATT merupakan satu usaha yang baik untuk menghalang pemindahan senjata konvensional secara haram ke tangan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Di samping itu, ATT juga akan memperkukuhkan lagi dasar-dasar negara sedia ada berhubung senjata konvensional. Triti ini juga menghormati hak mutlak sesebuah negara untuk memiliki senjata konvensional bagi tujuan keselamatan dan pertahanan negara. Dengan adanya triti ini, pemindahan senjata secara haram kepada penjenayah dan pengganas di peringkat antarabangsa dapat dibendung.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Luar Negeri merupakan agensi yang menerajui perbincangan antara agensi bagi mengkoordinasi proses ratifikasi triti ini

sehingga satu agensi bertanggungjawab di atas pelaksanaan triti ini diputuskan kemudian nanti. Selari dengan keputusan Jemaah Menteri, beberapa siri mesyuarat antara agensi yang dipengerusikan oleh Kementerian Luar Negeri telah pun diadakan. Siri mesyuarat tersebut bertujuan untuk mengkaji triti ini dan memperhalus undang-undang yang sedia ada dalam negara kita. Langkah ini diambil bagi memastikan supaya Kerajaan Malaysia mempunyai undang-undang yang mencukupi untuk melaksanakan obligasi dan peruntukan di bawah triti ini. Proses kajian semula ini sedang dijalankan oleh Kementerian Luar Negeri dengan kerjasama kementerian dan agensi-agensi yang berkaitan.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *[Bangun]*

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Secara umumnya sebelum Malaysia mengambil keputusan untuk meratifikasikan ATT ini, terdapat beberapa isu yang perlu dilihat dan diteliti bagi memastikan negara memenuhi kesemua peruntukan yang ditetapkan di bawah triti ini. Soalan Yang Berhormat itu biar saya jawab dahulu kerana kita hendak memastikan memenuhi kesemua peruntukan yang ditetapkan di bawah triti terutama iaitu:

- (i) isu genosid, jenayah terhadap manusia dan jenayah perang perlu diserapkan di dalam undang-undang tempatan sedia ada;
- (ii) pemakaian definisi eksport, import, transit dan pembrokeran ataupun *brokering* dalam undang-undang tempatan sedia ada perlu disemak semula agar ia memenuhi peruntukan yang ditetapkan di bawah artikel triti ini; dan
- (iii) mesyuarat antara agensi perlu mengenal pasti agensi yang dianggap kompeten untuk menjadi agensi peneraju pelaksana triti ini di peringkat kebangsaan dan satu garis panduan berhubung pelaksanaan triti ini juga perlu disediakan mengikut ketetapan ATT Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya sebenarnya terima baik pandangan yang sangat *detail* yang telah diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Nampaknya ada keseriusan oleh kementerian, keseriusan oleh kerajaan supaya kita juga dihormati di seluruh dunia dan sebagainya.

Akan tetapi, yang saya rasa kecil hati dan sedikit *not comfortable* ialah kita punya sistem yang sedia ada. Bila Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jawapan nampaknya walaupun Tuan Yang di-Pertua, kita telah menandatangani triti tahun lalu dan *permanent representative* di United Nations telah membuat *statement* di antaranya, '*On the issue and scope* dengan izin, *Malaysia suppose to so called seven plus one arrangement namely the seven categories of major weapons along with small arms and light arms, light weapon.*

Kita tahu *in detail* mekanisme apakah kita akan *benefit* dalam ATT. *No question about it.* Yang Berhormat Timbalan Menteri *can bear rest assured* pembangkang sebenarnya sokong pada ATT. *No question about it.* Sokong dasar dan apa yang dibuat oleh kerajaan kita *support,*

tetapi yang saya khawatir Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua sendiri pada 2011 kita ada satu *conference* di sini *Asia Pacific Conference on International Criminal Court* keadaan yang sama Yang Berhormat. Semasa itu Yang Berhormat di kementerian yang lain di mana semua komitmen telah dibuat *and* Kabinet telah meluluskan katakan *ratify* tetapi lima tahun, enam tahun. Negara-negara yang datang untuk *conference* telah meratifikasikannya seperti Philippines dan lain-lain negara. Menunjukkan ada sesuatu yang tidak kena.

*I want to be straight forward.* Kita perlu bukan sahaja hasrat. *We want to show that our country, that our commitment but also there must be initiative, there must be time limit.* Saya tahu mungkin Yang Berhormat ada banyak triti dan sebagainya, *there are certain limitation and all that.* Akan tetapi ini adalah satu di antara kita perlu bangga kerana *we are one of the first few in this region and lets be a champion accelerate* untuk menunjuk kepada negara-negara lain bahawa Malaysia pun betul-betul 'Malaysia Boleh' dan kita boleh. Saya punya soalan *simple* sahaja, berapa lama lagi kerana saya khawatir kita perlu lagi 60 bulankah. Terima kasih.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Dengan izin Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak tambah sedikit di sini. Memang kami menerima baik apa jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri terutama mengatakan kerajaan menyokong ATT ini demi untuk mencegah pemindahan senjata konvensional secara haram kepada tangan dengan izin, *non-stick haters* termasuk kumpulan penganas dan sebagainya.

#### ■1930

Akan tetapi apa yang membimbangkan saya adalah, apabila jawapan yang seterusnya di mana Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa kita perlu mengkaji isu genosid, jenayah terhadap manusia, jenayah perang, *war*, saya rasa kita ada terlalu *out of focus* di sini. Oleh sebab itu *under ICC* saya setuju tetapi di bawah ATT, kami hanya mempertimbangkan tentang penjualan perdagangan senjata konvensional, bukan isu *war crime*. Itu *under ICJ*. Jadi kenapa sekarang ini dibawa masuk ke ATT?

Saya difahamkan semasa ATT didraf, Kerajaan Malaysia – kita telah pun dipelawa untuk mengambil bahagian dalam pendrafan ataupun *the draft of the treaty* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya tidak faham kenapa sekarang isu mengenai definisi eksport, import ini, ini semua memang telah ada dalam *treaty* tersebut. Jadi amat kami khawatir kalau ini caranya, mungkin seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat, ia akan mengambil masa yang berapa lama lagi untuk meratifikasikan ATT ini. Kita telah terlepas satu peluang sepertimana yang kita tahu dalam ICC itu kita telah terlepas peluang itu. Jangan kita sekarang pula terlepas peluang yang mana ATT ini, sama ada ratifikasi Malaysia dibuat atau tidak, akan bermula kuat kuasa pada 25 Disember tahun ini sebab lebih daripada 50 telah pun membuat ratifikasi.

Jadi kami harap kerajaan ambillah langkah yang serius untuk menyelesaikan dan mengambil langkah serius untuk meratifikasikan dengan secepat mungkin. Terima kasih.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih kepada kedua-dua Yang Berhormat.

Pertamanya Yang Berhormat Ipoh Barat. Kalau sudah setuju, sudah sokong, sabar sahajalah. Kan saya sudah jawab tadi, saya beritahu, kes ini atau isu ini dibawa dalam PBB pada tahun 2006 dan diluluskan pada tahun 2013, tujuh tahun. Kemudian untuk *enforce*kan, diwartakan tahun ini selepas setahun diluluskan PBB. Oleh sebab itu bila keluar semua artikel-artikel yang ada, kita mengkaji termasuklah genosid dalam ATT itu, ada. Oleh sebab itu, *war crime* semua, tidak betul Yang Berhormat Ipoh Barat kata apa pasal hendak kaji ini, tidak. Ini kerana dia ada, peruntukan itu ada dalam ATT tersebut. Maka sebab itu kita hendak cari supaya perlu diserapkan undang-undang tempatan yang sedia ada. Undang-undang kita ini, kita hendak mengkaji supaya dia selaras nanti. Kita tidak hendak tanda tangan dan akhirnya benda itu tidak sama dengan undang-undang.

Oleh sebab itu Yang Berhormat Ipoh Barat kata tadi itu betul, cuma dia tanya berapa lama hendak mengkaji. Betul, saya pun bersetuju berapa lama. Sama ada esok, lusa? Akan tetapi yang pentingnya telah pun saya jelaskan bahawa kita melalui Kementerian Luar, kita panggil agensi-agensi, dan telah pun saya terangkan tadi. Saya tahu sangat Yang Berhormat Ipoh Barat hendak tanya benda yang sama, sebab itu saya jawab dahulu. Saya bagi tahu bahawa tindakan kita adalah seperti yang saya sudah sebutkan tadi, hendak mengkaji isu genosid, isu *war crimes*, isu pemakaian eksport, definisi eksport. Semua itu akan kita kaji sebab banyak kementerian yang ada, cuma kita sekarang ini sudah mengkaji dan kita mencari pula satu kementerian yang *competent* untuk mengambil alih supaya mereka ini akan melaksanakan selepas kita buat ratifikasi nanti.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *[Bangun]*

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Cukuplah tentang isu ini...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Sedikit, sedikit sahaja.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Cuma berapa lama itu, oleh sebab saya kata kalau di PBB mengambil tujuh tahun, kalau kita ambil tujuh tahun pun mungkin tahun 2020 nanti.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat Menteri, *two wrong don't make a right. Just because they are delayed, doesn't mean we must necessarily delay.* Apa yang mustahak di pembangkang, *we just had* Tuan Yang di-Pertua, satu *round table conference of ATT* lebih kurang tiga bulan dahulu di Parlimen di mana kita diberitahu banyak manfaat-manfaat – *the transparency and all that can be engaged* Yang Berhormat Menteri, supaya *there must be more proactive like the second chamber, so that we don't have to waste time here debating.* Di mana memanggil pihak-pihak yang *interested* dalam hal ini untuk berbincang mungkin dalam masa yang terdekat ini, *so that there should be uniformity.* Yang Berhormat Timbalan Menteri *common goal and our interest is also common goal, let's we be very clear.* Akan tetapi *how to achieve it fast, rational, good and the best for the public.*

**Dato' Hamzah bin Zainudin [Larut]:** Saya bersetuju sangat. Contoh saya hendak beritahu, isu ini sebenarnya dibawa oleh USA, Amerika Syarikat pada asalnya dan mereka tanda tangan. Sehingga sekarang, mereka belum lagi buat *ratification*. Jadi sebab itu, *to ratify* itu memerlukan banyak lagi sebab undang-undang dalam negara. Oleh sebab itu, sabar, *insya-*

*Allah*, kita akan buat ratifikasi ini setelah semuanya dikaji dengan elok. Jadi saya ucap terima kasihlah. Jangan kecil hati, *insya-Allah*, kita akan buat.

ICC, *it is got nothing to do with me*. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. ICC itu...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, *a lot to do with the ministry because* sebelum ini, saya *personally* Tuan Yang di-Pertua, *10 years was engaged with the ministry*, bukan satu tahun, *over the years*. *So many international conferences, so many meeting* sampai *one after another*, *A to Z* saya masuk *and actually ATT*, dengan izin, *is actually overlaps of whatever it is*. *That is why* dalam perbahasan saya kata, MH17 bila *it was shut down*, *this are some other things that we could have avoided if we are become the member of the ICC or Rome Statute, ATT and all that because this is direct benefit*. *Why such a tragedy, we cannot benefit out of it? It is because of the slowness of the department*. *Can be just, actually don't look at the past, just look positive, move forward*.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** *All right*, Yang Berhormat Ipoh Barat. Saya ucapkan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak jelaskan, sebab itu saya kata bila Yang Berhormat Ipoh Barat membangkitkan isu ICC ini, saya kata telah pun dijawab oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Jadi saya tidak mahu menjawabnya sekali lagi. Kalau dia sudah mengatakan *it is status quo*, itulah jawapan yang saya berikan bersama. Jadi saya tidak mahu kita berbahas tentang isu ICC yang sepatutnya ataupun yang telah dijawab semalam oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Jadi saya hendak masuk ke isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tumpat iaitu isu hukuman mati ke atas pemimpin Gerakan Islam Jamaat-e-Islami di Bangladesh. Saya ingin merujuk sebagaimana yang sudah dimaklumkan sebelum ini. Tribunal Jenayah Antarabangsa oleh Kerajaan Bangladesh yang telah ditubuhkan pada 25 Mac 2010 adalah merupakan usaha Kerajaan Bangladesh dalam mengadakan siasatan untuk membawa ke muka pengadilan warga tempatan yang telah dikenal pasti bekerjasama dengan pihak musuh semasa perang pembebasan Bangladesh yang tercetus pada tahun 1971. Perbicaraan yang dilakukan dan hukuman yang dijatuhkan oleh tribunal tersebut adalah mengikut lunas undang-undang tempatan yang berlandaskan piawai antarabangsa. Penubuhan tribunal tersebut dan pelaksanaan perbicaraan mahkamah bagi mereka yang telah disyaki terlibat bekerjasama dengan pihak musuh juga mendapat sokongan daripada majoriti rakyat Bangladesh.

Melihat dari sudut ini, Bangladesh telah mengambil langkah bersesuaian dengan konsep demokrasi yang diamalkan oleh negara berkenaan dalam menegakkan keadilan bagi mereka yang telah terbunuh semasa perang pembebasan Bangladesh 1971. Mengambil kira fakta ini juga, Malaysia masih mengambil pendirian untuk tidak mencampuri urusan dalaman dalam perundangan Bangladesh yang jelas mengambil tindakan yang dirasakan perlu dalam menyelesaikan masalah dalaman negara tersebut sebagai sebuah negara yang berdaulat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Batu Kawan ada membangkitkan tentang isu status Malaysia dalam menandatangani Konvensyen Pelarian 1951. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. Sepertimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, isu berkenaan



status Malaysia dalam menandatangani Konvensyen Pelarian 1951 ini juga pernah dibangkitkan dan telah pun dijawab. Malaysia masih belum menandatangani dan bukan merupakan negara pihak dengan izin, *state party* kepada Konvensyen berkaitan Status Orang-orang Pelarian 1951 dan Protokolnya 1967, dengan izin, *Convention relating to the Status of the Refugees 1951 and it's Protocol 1967*.

#### ■1940

Sebelum Malaysia menyertai mana-mana instrumen antarabangsa yang merangkumi perjanjian 3T atau konvensyen, perkara yang sama, persidangan menyeluruh perlu dilaksanakan seperti jawapan yang saya berikan tentang ATT tadi terutama dalam memastikan semua peruntukan yang terkandung di dalam instrumen antarabangsa berkenaan adalah sejajar dengan dasar negara dan boleh diterima pakai melalui rangka perundangan negara.

Undang-undang sedia ada perlu disemak bagi memastikan ia tidak bercanggah dengan peruntukan instrumen antarabangsa yang disertai. Dalam hal ini beberapa faktor perlu diambil perhatian dan disemak dengan teliti oleh kerajaan sebelum sebarang keputusan dibuat mengenai penyertaan Malaysia ke Konvensyen Berkaitan Status Pelarian 1951 dan protokolnya 1967. Ini termasuk biar saya jawab apa Yang Berhormat hendak bangkitkan sebab apa Yang Berhormat sudah bangkitkan banyak kali...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Dan saya tahu saya kata sediakan jawapannya dahulu sebab Yang Berhormat Ipoh Barat akan bangkit sebelum saya habis. Sebab itu saya hendak jawab, Yang Berhormat dengar. Kalau tidak cukup, Yang Berhormat boleh tanya sekali lagi.

Dalam hal ini beberapa faktor perlu diambil perhatian dan disemak dengan teliti oleh kerajaan sebelum sebarang keputusan dibuat mengenai penyertaan Malaysia ke konvensyen berkenaan. Ini termasuk kesan penyertaan dari segi ancaman keselamatan, peningkatan gejala sosial berikutan kehadiran warga pelarian serta dari aspek beban kewangan yang perlu ditanggung oleh pihak kerajaan. Ini kerana negara-negara pihak kepada konvensyen ini mempunyai tanggungjawab. Tanggungjawab dia besar yang perlu dipatuhi seperti penyediaan kemudahan kesihatan secara percuma, akses kepada kemudahan pelajaran dan peluang pekerjaan serta urusan penyediaan penempatan di samping menerima mereka sebagai ahli komuniti.

Sebab itu memandangkan Malaysia belum menjadi negara pihak bagi Konvensyen Berkaitan Status Pelarian 1951 ini, kerajaan tidak terikat untuk memberi perlindungan dan menjaga urusan kebajikan kepada mana-mana individu yang telah ditakrifkan sebagai pelarian oleh UNHCR atau Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi orang pelarian. Ingin saya tekankan bahawa berdasarkan perundangan negara di bawah Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002), mana-mana individu yang memasuki negara tanpa dokumen perjalanan yang sah dianggap sebagai pendatang asing tanpa izin.

Ada pula Yang Berhormat pembangkang kata biar jadi tamu. Hendak tamu apa? Ini menyusahkan kita. Sebab itu saya ingin maklumkan bahawa aspek penjagaan individu yang

mendapat taraf pelarian ini adalah dikendalikan oleh pihak UNHCR yang berpejabat di Kuala Lumpur. Namun begitu, atas dasar keprihatinan dan kemanusiaan kerajaan memberi bantuan dan kerjasama kepada pihak UNHCR dalam memastikan kebajikan orang-orang pelarian di Malaysia terpelihara. Menurut rekod sehingga sekarang UNHCR sehingga 30 September 2014 terdapat seramai hampir 150,000 orang pelarian dari lebih 13 buah negara yang berada di Malaysia.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Satu jawapan yang menyeluruh mengenai konvensi tersebut. Saya hanya hendak tanya dua perkara, iaitu *net effect of refugee* di negara ini. *Number 1*, saya sendiri baru-baru ini kokus Sri Lanka Parlimen telah berjumpa dengan beberapa pelarian-pelarian di negara ini dan mereka kata mereka telah berada di sini lebih kurang 16 tahun ke 18 tahun. Mereka juga ada anak di sini dan mereka tidak dapat kerja atau apabila dapat kerja tidak ada dokumentasi selalu di *harass* oleh polis dan imigrasi dan sebagainya.

Apakah pandangan kerajaan, pandangan kementerian untuk menolong mereka *because they are in real situation. They are not economic refugee* Tuan Yang di-Pertua, *they are political refugee* di negara mereka, diseksa, maka mereka datang di sini. *Before we send them to the third country* saya nampak orang-orang macam ini *there is no hope for going, at least their children to be given in normal school at all*. Itu nombor satu.

Nombor dua bila UNHCR memberi kad tersebut, apakah makna kad tersebut dan *effectnya* oleh kementerian? Apakah pandangan kerajaan mengenai perkara tersebut? Terima kasih.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Sebab itu dalam isu untuk menandatangani konvensyen ini dia memerlukan kajian yang menyeluruh. Pertama seperti Yang Berhormat bangkitkan seperti Yang Berhormat telah pun berjumpa dengan pelarian Sri Lanka ini 16 hingga 18 tahun. *Identification* untuk menentukan bahawa mereka ini benar-benar *refugee* adalah sesuatu perkara yang agak paling rumit. Kita tidak mahu semua, nanti ada pendatang tanpa izin pun dianggap sebagai *refugee* kerana kita hendak melihat apakah mereka datang sini kerana peluang ekonomi atau pun benar-benar mereka adalah merupakan *refugee* yang menjadi pelarian dalam negara kita.

Maka sebab itu bila ada kad, kita hendak menentukan *proper identification* supaya pendatang tanpa izin satu kumpulan, mereka yang menjadi *refugee* di bawah UNHCR ini benar-benar dapat kita berikan bantuan melalui UNHCR ini supaya jumlah bantuan yang kita berikan itu memadai mengikut kemampuan kita. Sebab itulah, yakinlah sebenarnya dari segi masalah kemanusiaan yang dibawa oleh Yang Berhormat Ipoh Barat itu kerajaan pun bersimpati. Akan tetapi oleh kerana terlampau ramai 150,000 bukan hanya daripada Sri Lanka tetapi daripada banyak negara-negara. Sebab itulah kita berhati-hati untuk mengumumkan apa-apa bantuan dan tindakan yang kita mahu.

Kita tidak mahu nanti kita umumkan bantuan yang begitu hebat, jumlah 150,000 dengan sekelip mata ia akan mungkin menjadi 300,000 atau 500,000. Banyak lagi agenda kerajaan untuk membantu rakyat Malaysia...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Dengan izin.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Yang mahu kita buat. Sebab itulah kita kena berhati-hati dan bersama dengan kerajaan supaya jangan hanya hendak melihat daripada satu golongan tetapi kita harus melihat daripada keseluruhannya sama ada ianya pelarian atau pun pendatang tanpa izin atau pun rakyat Malaysia yang paling memerlukan bantuan daripada kita kerajaan sendiri. Terima kasih.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan izin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Ipoh Barat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Masalah kita, kita telah tahu itu adalah masalah rumit mereka. *There are spectacular special position.* Masalah mereka kita sudah ketahui. Macam mana kita mengiktiraf pekerja asing yang datang tanpa izin *than we give them* permit dan sebagainya. *Why don't we look at the win-win situation, both government and both the people* supaya mereka dapat sekurang-kurangnya ramai di antara mereka. *I can say maybe* pelarian lebih kurang 95% *not very well educated. They can do the normal work. At least gain fully employed.* Itu yang menjadi masalah.

Masalah kita *your ministry must look into it.* Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa jika kita memberi satu dasar atau membuka polisi yang baru, ramai, *others were simply come in, I agree. But that is the risk you will take. Risk, both taking at least* kepada yang sedia ada untuk menolong mereka *because they tell me continuous harassment of police, continuous harassment imigresen. I don't want to say those words they told me. Not only Sri Lanka refugees, so many refugees,* Tuan Yang di-Pertua.

I setuju Yang Berhormat Menteri *on other matters. I'm just from what happened to them should not happen to others for also in a similar boat.*

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Yang Berhormat.

#### ■1950

Saya faham bahawa kita ini hendak membantu. Jadi kalau kita hendak membantu biarlah memadai dengan apa yang kita sanggup, jangan berlebihan. Jadi dengan sebab itu saya sudah jawab tadi saya kata kita bukan tidak langsung membantu mereka, kita membantu tetapi bagaimana caranya seperti yang saya sudah awal-awal tadi menyatakan kalau mereka melihat ini ada *economic benefits* kepada *refugees* yang datang nanti saya risau ini akan mengakibatkan lebih ramai yang datang ke sini. Oleh sebab itu kita membantu setakat yang memadai supaya mereka rasa *this is not the right place for us to stay and they will* minta maaf, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, mereka akan lari mungkin ke tempat lain. Jadi percayalah yang kita buat setakat sekadar kemampuan kita.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin teruskan lagi tentang isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Wangsa Maju yang ingin mendapatkan penjelasan bagaimana Blok 'L' dan 'M' boleh diberi secara percuma kepada Brunei. Saya hendak jelaskan Tuan Yang di-Pertua bahawa kenyataan Yang Berhormat Wangsa Maju ini adalah sesuatu yang tidak benar sama sekali. Blok 'L' dan 'M' tidak langsung diberi percuma kepada Brunei.

**Seorang Ahli:** [*Menyampuk*] [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Itu mungkin. Saya juga ingin maklumkan bahawa blok ini terletak di kawasan maritim dan bukannya di kawasan darat seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Wangsa Maju. Penjelasan berhubung dengan perkara ini telah pun diberikan oleh Yang Berhormat Menteri saya sendiri pada tahun 2010, 7 Jun 2010 sewaktu menjawab pertanyaan jawab lisan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh.

Saya tidaklah bercadang hendak membangkitkan atau menjawab tentang benda yang sama tetapi saya hendak sedikitnya untuk menjelaskan bahawa penyelesaian dicapai dengan Brunei Darussalam melalui pertukaran surat atau *exchange of letters* di antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ketika itu Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah Ahmad Badawi dengan Sultan Brunei Darussalam pada 16 Mac 2009 merupakan satu penyelesaian yang saksama dan bersifat menang-menang atau *win-win solution* kepada Malaysia dan Brunei Darussalam. Seperti yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Luar *action of letters* ini merangkumi persempadanan maritim, aturan komersial, persempadanan darat dan akses maritim atau dengan izin, *maritime access*.

Tuan Yang di-Pertua, penyelesaian saksama dan menang-menang yang dimeterai di bawah EOL pada tahun 2009 merupakan hasil daripada perundingan yang dilaksanakan oleh kedua-dua negara sejak tahun 2003. Rundingan yang mengambil kira pelbagai faktor termasuklah perundangan antarabangsa, *United Nations Convention on the Law of the Sea 1992 (UNCLOS)* geografi dan teknikal merupakan satu perundingan yang intensif. Selain daripada itu, hubungan baik, akrab dan istimewa di antara pemimpin Malaysia dan Brunei Darussalam turut merupakan faktor utama di dalam memastikan penyelesaian ini dapat dimuktamadkan.

Susulan pemeteraian EOL ini hubungan dua hala Malaysia dan Brunei Darussalam telah memasuki fasa baru yang lebih akrab dan memberikan kebaikan kepada kedua-dua negara. EOL telah membuka lembaran baru di dalam perhubungan kedua-dua negara bukan sahaja dalam aspek hubungan politik dan diplomasi tetapi juga di dalam bidang ekonomi dan pelaburan. Brunei Darussalam telah menyatakan hasrat untuk melaksanakan pelaburan di Sabah dan Sarawak di dalam bidang tenaga dan pertanian. Petronas dan petroleum Brunei sedang bekerjasama bukan sahaja di Brunei Darussalam dan di Malaysia malahan di negara ketiga seperti Kanada dan juga Myanmar.

Sukacita saya ingin maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa semalam pada 3 November 2014, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Sultan Brunei Darussalam telah mengadakan konsultasi tahunan yang ke-18. Pertemuan kedua-dua pemimpin ini merupakan suatu simbol kepada keakraban hubungan istimewa kedua-dua buah negara. Kedua-dua

pemimpin berpuas hati dengan hubungan dua hala yang semakin akrab dan telah memberikan komitmen untuk mengukuhkan lagi kerjasama di antara kedua-dua negara di dalam pelbagai bidang demi kebaikan bersama.

Yang Berhormat Tuan Shamsul Iskandar atau Yang Berhormat Bukit Katil ada membangkitkan tentang ASEAN Community. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Katil di atas perkara yang telah pun dibangkitkan. Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Katil tentang usaha-usaha ASEAN dalam mewujudkan sesebuah rantau yang aman dan bebas daripada konflik dari segi dasarnya sudah pun termaktub dalam pelbagai instrumen ASEAN seperti *treaty* persahabatan dan kerjasama di Asia Tenggara, *Treaty of Amity and Cooperation*, Zon Keamanan Kebebasan dan Berkecuali, *Zone of Peace, Freedom and Neutrality* dan Piagam ASEAN, ASEAN Charter.

Kementerian Luar Negeri percaya bahawa semua negeri anggota ASEAN ialah komited terhadap prinsip-prinsip yang terkandung di dalam kesemua *equipment* tersebut untuk memastikan kesejahteraan, keselamatan dan keamanan masyarakat di rantau ini. Tambahan pula penubuhan Komuniti ASEAN pada tahun 2015 menunjukkan aspirasi dan komitmen yang lebih tinggi daripada semua negara anggota ASEAN untuk membentuk sebuah komuniti yang bukan sahaja bebas daripada konflik malahan sebuah komuniti yang memberi yang memberi penekanan terhadap kesejahteraan dan kemakmuran kehidupan rakyat. Manakala Yang Berhormat...

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bukit Katil bangun.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Boleh sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin secara khusus Yang Berhormat Menteri untuk membangkitkan tentang Komuniti ASEAN ini adalah kerana temanya adalah dengan izin, *People-Centered ASEAN* dan tentulah kita tidak bercadang untuk sekadar retorik semata-mata mestilah ada contoh yang baik yang ditunjukkan oleh negara kerana kita akan diberikan jawatan sebagai Pengerusi ASEAN 2015.

Saya cadangkan secara khusus apakah ada kesediaan di pihak kementerian untuk berbincang dengan agensi-agensi atau kementerian-kementerian yang lain agar undang-undang yang merotan pekerja asing seperti yang saya sebut tadi dalam perbahasan saya tidak suka guna pekerja asing, pekerja tamu. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut fasal *refugee* mungkin tersalah faham. Maksud saya ialah janganlah digunakan pekerja asing, pekerja tamu kerana kan kita hendak memimpin ASEAN. Kalau kita tidak lakukan itu seolah-olah kita retorik semata-mata. Jadi kita mesti tunjukkan disiplin dan kepimpinan kita.

Keduanya, kita juga saya juga cadangkan apakah kerajaan di bawah Kementerian Luar bersetuju untuk membawa idea *ASEAN Free Genocide Zone* Kerana itu adalah yang sedang berlaku sekarang dalam rantau ASEAN. Ini sudah tentunya mendatangkan masalah kepada kita sebab saya yakin Malaysia – baru-baru ini *alhamdulillah* menang sebagai kerusi *Non-Permanent*

*Members of Security Council*, dengan izin. Tentulah cara kita menjawab, cara kita *response* kepada isu-isu antarabangsa. Misal saya dengar tadi penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang Bangladesh sama sahaja dengan sebelum ini kerana kita tahu bahawa Bangladesh itu berhadapan dengan masalah yang cukup besar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Katil.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Ya, dan *root of evidence* dalam perbicaraan itu sekadar mengambil bukti *hearsay* dan *newspaper evidence* pun sudah cukup untuk *convict*, untuk jatuhkan pesalah. Pada saya Kerajaan Malaysia haruslah ada pendirian terhadap isu-isu ini bagi menunjukkan kepimpinan kita dalam memastikan keselamatan apatah lagi politik di rantau ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri panjang lagi?

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey, terima kasih.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Katil. Saya faham sebab itu saya sebenarnya tidak mahu menceritakan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tentang hendak melihat supaya undang-undang merotan dan sebagainya. Saya sudah kata tadi kadang-kadang undang-undang itu adalah untuk menjaga keselamatan negara kita supaya tidak timbul ramai sangat pendatang dekat sini. Bukankah kita hendak mencapai sebuah negara yang maju pada tahun 2020. Jadi undang-undang yang kita buat ini adalah untuk melihat supaya sesiapa sahaja yang hendak masuk ke negara kita tahu akan undang-undang kita dan mengikuti undang-undang kita supaya ia dapat kita buat secara yang lebih baik untuk masa depan bukan hanya negara kita, tetapi mengikut negara-negara jiran yang ada.

#### ■2000

Oleh sebab itu, saya rasa undang-undang itu perlu. Cuma, tentang idea untuk menubuhkan *free genocide zone* ini, saya hendak beritahu Yang Berhormat Bukit Katil, bukannya *free genocide* itu untuk seluruh dunia? Bukan hanya satu zon semata-mata. Maka sebab itu kita merasakan bahawa *free genocide* ini adalah untuk seluruh dunia. Itu yang kita perjuangkan. Mungkin Yang Berhormat hanya sedikit hendak ada satu zon. Jadi maknanya tempat lain boleh. Saya hendak bagi tahu, *free genocide* untuk seluruh dunia hari ini, itulah yang diperjuangkan oleh kita.

Walau bagaimanapun, atas pandangan Yang Berhormat itu, kita yakin ia bukannya datang, seperti Yang Berhormat kata, retorik semata-mata. Jadi Yang Berhormat pun sebut bukan retorik semata-mata. Maka yakinlah bahawa perjuangan kita adalah untuk menentukan supaya apa yang kita buat hari ini bagi kepentingan masa depan rakyat kita yang lebih baik, Yang Berhormat.

Isu yang akhir yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gelang Patah, Yang Berhormat Tenom dan Yang Berhormat Tumpat adalah mengenai kejayaan Malaysia di UNSC baru-baru ini.

Terlebih dahulu saya ingin menyampaikan sekalung penghargaan kepada Yang Berhormat Gelang Patah, Yang Berhormat Tenom, Yang Berhormat Tumpat atas ucapan tahniah atas kejayaan Malaysia dalam memenangi kerusi ahli tidak tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi penggal 2015/2016 semasa proses pemilihan yang diadakan di Ibu Pejabat PBB New York pada 16 Oktober 2014 yang lalu.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk juga mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas sokongan yang telah pun dibawa oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Parlimen yang berada dalam Dewan ini. Saya ucapkan terima kasih banyak atas sokongan yang telah diberikan sehingga kita mencapai satu angka yang besar, memperoleh 187 undi, jauh melebihi majoriti dua per tiga yang diperlukan.

Jumlah undian tinggi yang diterima ini jelas memperlihatkan pengiktirafan dan kepercayaan negara anggota PBB termasuklah negara-negara kecil dan sedang membangun terhadap kewibawaan serta keupayaan Malaysia dalam memainkan peranan aktif dalam usaha mengekalkan keamanan dan keselamatan antarabangsa.

Sebagai rakyat Malaysia, kita seharusnya berbangga dan meletakkan kepercayaan yang tinggi bahawa Malaysia akan mampu melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan dan sekali gus meningkatkan imej dan profil negara di persada dunia.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Majlis Keselamatan PBB merupakan badan antarabangsa utama yang dipertanggungjawabkan untuk memelihara keamanan dan keselamatan sejagat. Sebagai ahli Majlis Keselamatan PBB, Malaysia mempunyai hak mengundi yang mana akan membolehkan Malaysia memainkan peranan secara langsung dalam usaha memelihara keamanan dan keselamatan sejagat. Ini adalah peluang baik bagi Malaysia untuk terus mengetengahkan dasar negara dalam menggalakkan keamanan dan keselamatan sejagat melalui pendekatan kesederhanaan dan pengantaraan bagi penyelesaian pertikaian.

Penglibatan Malaysia dalam Majlis Keselamatan PBB ini juga akan memberi peluang kepada Malaysia bekerjasama erat dengan semua negara anggota PBB dalam memperjuangkan isu-isu yang memberi kesan secara langsung dan tidak langsung terhadap keamanan dan keselamatan semua negara anggota PBB. Malaysia berharap dapat memainkan peranan yang lebih berkesan dalam isu-isu berkepentingan terutamanya kepada negara-negara kecil dan sedang membangun.

Walaupun isu yang sering dikemukakan oleh negara-negara berkenaan seperti isu perubahan iklim, alam sekitar, pembasmian kemiskinan, pembangunan mampan, kesejahteraan belia, wanita dan kanak-kanak tidaklah berhubung kait secara langsung dengan fungsi dan mandat Majlis Keselamatan PBB, isu-isu tersebut berpotensi untuk menjejaskan keamanan sekiranya dalam tempoh jangka panjang tidak diberikan perhatian sewajarnya.

Dalam hal ini, Malaysia akan terus bekerjasama dengan semua negara anggota PBB termasuklah negara-negara kecil dan membangun dalam menyumbang kepada kemakmuran dan kesejahteraan sejagat.

Malaysia telah menyenaraikan lima keutamaan yang diketengahkan sebagai ahli tidak tetap Majlis Keselamatan PBB bagi penggal 2015/2016. Keutamaan-keutamaan tersebut adalah usaha penyelesaian pertikaian secara damai melalui pendekatan kesederhanaan atau *moderation*; pengantaraan atau *mediation* sebagai pendekatan ke arah kedamaian; pengukuhan operasi dan pelaksanaan misi pengaman PBB; pembinaan keamanan atau *peace building* bagi negara-negara pasca konflik; serta pembaharuan Majlis Keselamatan PBB yang lebih komprehensif.

Oleh sebab itu, kadang-kadang bila ada isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gelang Patah seolah-olah kemenangan kita ini adalah merupakan satu *pretentious*, saya hendak memberitahu kepada Yang Berhormat Gelang Patah, hendak jelaskan di sini, isu perkauman atau ekstremisme yang Yang Berhormat Gelang Patah bangkitkan tempoh hari itu merupakan isu yang menyebabkan peningkatan isu perkauman dalam negara. Dia yang sebenarnya lebih *pretentious* daripada kerajaan yang sentiasa ikhlas dan jujur untuk menentukan segala perjuangan kita ini demi masa depan negara.... [Tepuk]

Itulah yang saya ingin jawab kepada semua persoalan yang telah pun dikemukakan. Terima kasih banyak, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya jemput Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Sila Yang Berhormat Menteri.

#### **8.06 mlm.**

**Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2015 yang telah menyentuh mengenai tiga sektor utama di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air.

Untuk tujuan penggulungan ini, saya akan bahagikan jawapan mengikut sektor-sektor iaitu sektor tenaga, sektor teknologi hijau dan sektor air.

Sepanjang perbahasan Bajet 2015 yang bermula pada 13 Oktober 2014 sehingga 30 Oktober 2014, seramai enam orang Ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai sektor tenaga iaitu Yang Berhormat Johor Bahru, Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Selayang, Yang Berhormat Silam, Yang Berhormat Kota Raja dan Yang Berhormat Tanjong. Manakala sektor teknologi hijau, Yang Berhormat Hulu Langat telah menyentuh mengenai sektor tersebut dan seramai tiga Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Serdang dan Yang Berhormat Klang telah membahaskan Bajet 2015 mengenai sektor air.



Ahli Yang Berhormat Putatan telah membahaskan pada 16 Oktober 2014 yang menyentuh mengenai gangguan bekalan elektrik dan kadar SAIDI di Sabah.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan sememangnya sedar akan masalah gangguan bekalan elektrik yang masih berlaku di negeri Sabah walaupun usaha-usaha telah pun diperkukuhkan untuk mengatasi perkara ini. Bagi membantu usaha kerajaan untuk menangani masalah ini, faktor-faktor penyebab kepada gangguan bekalan elektrik telah dikenal pasti.

Antara lainnya ialah *reserve margin*, dengan izin, yang tipis bagi memenuhi permintaan puncak di Sabah dan jaringan penghantaran dan pengagihan elektrik yang masih belum kukuh sehingga menyebabkan lucutan beban atau, dengan izin, *emergency load shedding* kadangkala terpaksa dilakukan. Justeru itu, pelbagai usaha jangka pendek dan jangka sederhana telah dijalankan bagi menambah baik komponen penjanaan, penghantaran dan pengagihan dan pengurusan sistem gred di samping mengatasi kelemahan-kelemahan sedia ada.

Langkah-langkah yang telah diambil terbukti membuahkan hasil kerana kadar indeks gangguan bekalan elektrik atau SAIDI bagi tempoh lima tahun kebelakangan ini telah berkurangan. Secara statistik, catatan SAIDI pada tahun 2009 adalah pada tahap 2,867 minit pelanggan bagi satu tahun. Melalui usaha-usaha yang gigih yang telah diambil oleh Sabah Electricity Board Sdn. Bhd. (SESB) dengan peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan, pencapaian SAIDI telah dikurangkan kepada 687.38 minit pelanggan setahun pada tahun 2010 dan seterusnya kepada 498.64 minit pelanggan setahun pada tahun 2011, 557 minit pelanggan setahun pada tahun 2012 dan pada tahun lalu 423.99 minit pelanggan setahun. Ini satu pencapaian yang keseluruhannya boleh dibanggakan walaupun jumlah ini sememangnya pihak Kerajaan Pusat, negeri dan kita semua belum lagi berpuas hati.

#### ■2010

Pencapaian indeks ID ini menunjukkan bahawa prestasi pembekalan drastik dari aspek daya harap telah pun meningkat. Untuk mengurangkan SAIDI Kerajaan Pusat telah menyalurkan peruntukan yang sejumlahnya keseluruhan semenjak tahun 2009 sampai pada tahun yang lalu sejumlah RM804 juta iaitu pada peruntukan sebanyak iaitu RM186.9 juta pada tahun 2009, RM133 juta pada tahun 2010, RM156 juta pada tahun 2011, RM97.6 juta pada tahun 2012 dan pada tahun 2013 sebanyak RM61.6 juta dan sebanyak RM169 juta pada tahun 2014. Ini *despite* dengan izin. SSB ialah anak syarikat TNB tapi demi kesejahteraan rakyat di Sabah khususnya bekalan elektrik yang lebih mantap, efisien dan *sustainable*, Kerajaan Pusat telah memberi dana-dana geran yang saya katakan tadi RM804.1 juta setakat ini.

Selain itu sistem pengantaraan dan pengagihan yang terdedah dengan gangguan cuaca telah diperkukuhkan melalui tambahan sistem perlindungan kira dan penggantian komponen-komponen sistem penghantaran seperti alat tuba, pengasing *capit voltage transformer* dengan izin yang telah berusia serta penggantian talian salut *bay line* kepada pengalir bertebat ataupun *Aerial Bundled Cables* iaitu kalau di Sabah saat ini masih 70% kabel-kabel untuk pengagihan itu masih dalam *bay wire* dan kita sedang menukar semua ini kepada *Aerial Bundled Cables*. Kesungguhan Kerajaan Pusat khususnya menyaksikan bekalan elektrik yang berdaya harap di

Sabah diperkotakan lagi pada baru-baru ini yang mana pada 10 Oktober 2014 yang lalu Jemaah Menteri telah meluluskan peruntukan dalam bentuk geran sebanyak RM2.29 bilion bagi tahun 2015 sampai kepada tahun 2010 bagi melaksanakan 81 projek pembekalan elektrik di Sabah dan di Wilayah Persekutuan Labuan.

Di samping itu kementerian juga akan menubuhkan satu pasukan projek khas bekalan elektrik Sabah yang akan melaksanakan dan mengawal selia projek-projek tersebut bagi memastikan kelancaran dan juga pengurusan projek yang berkesan. Stesen Jana kuasa Kimanis dan SPR yang mana bersama-sama bagi Jana Kimanis Power 285 megawatt dan SPR *Energy* 100 megawatt telah memulakan tugas secara sepenuhnya mulia bulan November 2014 ini. Penambahan kapasiti ini bukan saja dapat mengurangkan gangguan bekalan elektrik yang disebabkan oleh kekurangan kapasiti tetapi juga mengurangkan gangguan yang disebabkan oleh tugas tidak berjadual oleh stesen-stesen jana kuasa kerana margin operasi, *operation margin* dengan izin yang tidak mencukupi.

Pihak kerajaan juga bercadang untuk membangunkan stesen jana kuasa setempat di kawasan Sandakan iaitu 90 megawatt, di Lahat Datu 30 megawatt dan Tawau 85 megawatt pada tahun 2016 sehingga tahun 2018 bagi memastikan aspirasi strategi *South Zone of Efficiency* dapat ditunaikan. Yang Berhormat Silam telah membahar, telah menyentuh isu bekalan elektrik sekitar negeri Sabah yang semakin katakan tadi kritikal dan khususnya perkara ini iaitu pelaksanaan 300 megawatt *energy plan* di Lahad Datu. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pembinaan projek loji jana kuasa berkapasiti 300 megawatt yang pernah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak dibatalkan tetapi masih di dalam perancangan dan sedang disemak semula dari segi lokasi dan bahan api yang akan digunakan. Rancangan asal adalah untuk membina terminal *Regasification Terminal (RGT)*, Regasifikasi Bahan Api Cecair dan stesen jana kuasa 300 megawatt berasaskan gas di POIC Lahad Datu, Sabah. Bagaimanapun lokasi stesen jana kuasa sedang dikaji semula agar kos projek ini lebih efektif dan berkesan.

Pihak kerajaan dengan kerjasama Suruhanjaya Tenaga juga sedang mengenal pasti kontribusi dan kaedah pelaksanaan terbaik untuk membangunkan sebuah loji jana kuasa besar di Sandakan bagi memperkukuhkan sistem penjanaan bekalan elektrik di sekitar kawasan Pantai Timur Sabah. Mengenai bahan api pula adalah didapati harga bahan api LNG pada harga pasaran yang tinggi akan memberi implikasi kos penjanaan dan kadar tarif elektrik yang sangat tinggi. Ini sekali gus akan menyebabkan kerajaan terpaksa menanggung kos subsidi operasi pengurusan yang berterusan yang tidak memastikan tarif elektrik di Sabah adalah pada yang berpatutan.

Oleh yang demikian pihak kerajaan telah memutuskan agar pemilihan bahan api menggunakan gas asli melalui pembinaan saluran paip gas dari Pantai Barat ke Pantai Timur dikaji dengan lebih terperinci. Di samping itu opsyen yang dipilih ini mampu merangsang pertumbuhan ekonomi setempat, ekonomi *spin off* sepanjang laluan paip gas berkenaan. Melalui pembangunan loji jana kuasa menggunakan arang batu bagi sumber bahan api sememangnya

Kerajaan Persekutuan pernah membuat keputusan pada tahun 2005 untuk membina sebuah loji jana kuasa berasaskan arang batu di Pantai Timur Sabah untuk mula beroperasi secara komersial pada tahun 2010.

Keputusan tersebut merupakan opsiyen yang terbaik memandangkan ketiadaan sumber bahan api di sebelah Pantai Timur. Walau bagaimanapun akibat bantahan-bantahan yang diterima daripada pihak-pihak tertentu, projek tersebut telah dibatalkan dan terpaksa diganti dengan opsiyen sumber bahan api yang lain. Ini sebenarnya antara masalah dihadapi di mana dia harusnya *come and stream* dengan izin pada 2010 tetapi dengan bantahan yang dilakukan maka terbantutlah program untuk memastikan bekalan tenaga dengan margin yang mencukupi tidak dapat tercapai.

Untuk Ahli Yang Berhormat, kementerian ingin menegaskan di sini bahawa, oh Yang Berhormat Selayang tapi dia tiada di sini tapi perkara ini penting saya sentuhlah. Yang Berhormat Selayang telah menyentuh isu mengenai pemilikan kontrak Penjanaan Kuasa Bebas (IPP) khususnya mengenai *revenue forgone by Petronas* dan *subsidy gas*. Kementerian menegaskan di sini bahawa pada realitinya tiada subsidi harga gas diberi kepada mana-mana IPP mahupun kepada TNB. Apa yang dilaksanakan oleh kerajaan adalah dengan menetapkan harga gas kepada sektor elektrik pada harga sekarang iaitu RM15.2/MMBtu yang merupakan diskaun daripada harga pasaran. Langkah ini diambil bagi memastikan rakyat dapat menikmati kadar tarif yang munasabah pada tahap yang sekarang iaitu RM0.38.53 sen *per kilo hour* berbanding dengan 50 sen kilowatt jam sekiranya harga gas ditetapkan pada harga pasaran.

Harga gas pasaran pada masa kini adalah dalam lingkungan RM48 setiap MMBtu. Diskaun ini yang sentiasa dirujuk sebagai pendapatan yang dilepaskan oleh *revenue for gone* ataupun sebagai *revenue forgone* oleh Petronas adalah sebagai subsidi yang diberi oleh kerajaan untuk dinikmati oleh semua rakyat jelata dan bukannya oleh IPP. Kementerian juga ingin menegaskan tentang kenyataan yang mengatakan Petronas dikehendaki membayar pampasan kepada sektor elektrik sebanyak RM538.5 juta suku akhir tahun 2012. Bagi tempoh September hingga Disember 2012, mekanisme *Alternative Fuel Cost Differential* (AFCD) telah dilaksanakan bagi menampung pertambahan kos bahan api kerana TNB terpaksa menggunakan bahan api alternatif untuk menjana elektrik iaitu *distillate* dan *Medium Fuel Oil* (MFO) disebabkan kekangan bekalan gas.

#### ■2020

AFCD ini berjumlah RM803.957 juta ditampung bersama oleh TNB Petronas dan kerajaan memandangkan Petronas juga menampung bahagian kerajaan, maka ia telah menampung kos sebanyak RM535.9 juta.

Ahli Yang Berhormat Johor Baru telah menyentuh mengenai kuota *feed-in tariff* dengan peluang pihak awam mengambil bahagian. Saya ingin menjelaskan di sini bahawa mekanisme *feed-in tariff* ataupun FiT yang diwujudkan oleh kerajaan adalah untuk memacu perkembangan industri Tenaga Boleh Baharu, kementerian atau pengagihan FiT ini tidak diberi kepada syarikat-syarikat sahaja khususnya tuduhan kepada syarikat-syarikat besar. Ini adalah tidak betul. Tetapi

diberi juga kepada individu atau komuniti yang memohon dan memenuhi kriteria-kriteria yang telah pun ditetapkan.

Dalam hal ini kerajaan mengalu-alukan permohonan daripada koperasi-koperasi luar bandar untuk memohon FIT ini supaya dapat membantu menambahkan pendapatan ahli-ahli koperasi. Dalam hal ini pada tahun 2014, kerajaan telah melancarkan kategori baru kuota komuniti bagi solar PV untuk sekolah, tempat-tempat ibadah, pusat-pusat bantuan, *care centres* tetapi hadkan kepada 24 kilowatt pada sesuatu permohonan. Ahli-ahli Yang Berhormat, jika ingin membantu tempat-tempat yang saya sentuhkan tadi bolehlah berhubung dengan pihak SEDA kerana masih ada kuota bagi tahun ini. Memang bit kecil 24 kilowatt, tetapi 24 kilowatt pun kosnya RM400,000 tetapi kita boleh tambah *success* fasa pertama khususnya yang *first* 24 kilowatt yang pertama.

Ahli Yang Berhormat Tanjong telah menyentuh mengenai *petition* bagi mendapatkan kadar tarif elektrik yang baru dengan kadar yang rata yang lebih rendah dari kadar semasa kemudahan awam serta rumah pangsa dan geran insentif kewangan diberi bagi projek-projek komersial yang berkos rendah seperti lampu diganti dengan lampu LED. Kerajaan mengambil maklum dengan perkara yang dibangkitkan supaya kadar tarif yang lebih rendah diberi kepada harta tanah untuk kemudahan awam serta rumah pangsa.

Namun demikian, *petition* tuntutan yang dipohon merupakan perkara yang perlu dikaji dan diteliti secara mendalam oleh kerajaan. Sekiranya tarif komersial yang lebih rendah diberi kepada pihak pengurusan tanah semasa kemudahan awam serta rumah pangsa, maka dia juga akan melibatkan subsidi yang lebih ketara akan ditanggung oleh pengguna takrif yang lain namun kita bersedia untuk meneliti perkara ini.

Yang Berhormat Hulu Langat dia ada di sini Dr. Profesor dalam perbahasan telah membangkitkan sejauh mana program untuk mempromosikan tenaga teknologi hijau contohnya IGM 2014 yang dianjurkan oleh *KeTTHA*. Untuk itu saya ingin menjelaskan di sini bahawa IGM merupakan satu-satunya *plague ship* tahunan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Penganjuran IGM adalah satu pendekatan serampang dua mata bagi meningkatkan pembangunan dan potensi perniagaan dalam industri berasaskan teknologi hijau serta memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya aplikasi teknologi hijau. Selain itu, IGM 2014 turut mengadakan tiga sesi perdagangan perniagaan *business matching* iaitu *MATRADE International Business Matching Session*, *MAIDA Business Consultation and One to One Business Match Program*. Jumlah keseluruhan transaksi dan kewujudan peluang perniagaan yang dilaporkan oleh kesemua sesi perdagangan perniagaan *business matching* adalah mencapai RM1.9 bilion.

Tujuh perjanjian persefahaman MoU dan juga pelbagai teknologi hijau telah berjaya dimuktamadkan oleh syarikat tempatan, institusi penyelidikan serta syarikat kerajaan GLC sepanjang IGM 2014 tersebut. Dari segi kehadiran, IGM yang kelima itu telah dikunjungi sejumlah 49,812 orang dan daripada jumlah tersebut 36,363 orang terdiri daripada pengunjung perniagaan *trade visitor* dengan izin dan baki 13,449 adalah pihak awam. IGM juga menerima

kunjungan seramai 2,423 pelajar sekolah menengah, politeknik, serta institusi pengajian tinggi dan swasta dari seluruh negara.

Pada keseluruhannya kita berpuas hati dari segi laporan yang diberi oleh pihak pengunjung dan juga *scholars* yang ada bahawa kualitinya lebih bertambah dari segi *exhibition* dan juga *business meetings* dan juga seminar-seminar yang diadakan telah pun memenuhi KPI yang telah pun ditetapkan dan kita berharap pada tahun hadapan beberapa penambahan lagi bolehlah kita masukkan.

Selain daripada itu adalah Program My Hijau Youth Camp telah pun diadakan dan termasuk juga program yang disebut Program Outreach Teknologi Hijau yang menggunakan kaedah belajar sambil bermain bagi pelajar-pelajar peringkat sekolah dan IPTS dan juga beberapa jemputan yang telah kita lakukan bagi beberapa negara ASEAN.

Sektor terakhir Ahli Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Serdang dan Yang Berhormat Klang dalam perbahasan Bajet 2015 telah membangkitkan beberapa perkara yang berkaitan dengan bekalan air negeri Selangor. Oleh itu, ingin saya tekankan di sini pertamanya Ahli Yang Berhormat Serdang telah bertanya mengenai sama ada hutang SYABAS akan dibayar dengan mengenakan harga air yang lebih tinggi ke atas penduduk Selangor akibat daripada projek LRL ataupun Langat projek kedua dan kesediaan Kerajaan Persekutuan untuk mendedahkan MoU yang mana Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor yang telah ditandatangani oleh bekas Menteri Selangor. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor masih dalam proses kerjasama dalam menyelesaikan isu-isu berkaitan bekalan air di negeri Selangor serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Kerjasama ini telah diterjemahkan melalui pemeteraian memorandum persefahaman atau MoU seterusnya itu *head of agreement* dan akhirnya perjanjian utama oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor. Perjanjian-perjanjian tersebut menggariskan persetujuan-persetujuan yang telah dicapai bagi menyelesaikan isu air Selangor secara keseluruhannya. Oleh itu, pihak kita berharap perkara-perkara yang telah dipersetujui dapat dilaksanakan dengan segera terutama pemeteraian perjanjian jual beli antara pengurusan air Selangor iaitu SPB milik Kerajaan Negeri Selangor dengan syarikat-syarikat konsesi air Selangor.

Saya sedia maklum perjanjian jual beli saham tersebut masih belum ditandatangani setakat ini memandangkan penguatkuasaan perjanjian utama adalah tertakluk kepada pematuhan beberapa syarat tertentu ataupun *condition precedent* termasuk pemeteraian perjanjian jual beli saham tersebut. Perjanjian utama yang telah ditandatangani pada 12 September 2014 masih belum berkuat kuasa dan sehingga kini dan masih tinggal tiga minggu sebelum tarikh luput perjanjian tersebut. Dengan itu adalah...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat...

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Adalah *premature* untuk dengan izin mendedahkan kandungan perjanjian tersebut kepada orang awam pada masa ini kerana ia boleh menjejaskan rundingan yang sedang berjalan di antara Air Selangor Sdn. Bhd. dan syarikat-syarikat konsesi berkenaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Klang.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, saya telah terima jawapan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai *declassified document*. Jawapan tadi pun sama dengan jawapan yang telah diberikan kepada saya secara bertulis. Apabila saya baca pandangan kementerian dalam isu mengapa hendak merahsiakan perjanjian konsesi ini, saya *not sure what to make of it*. Sebab ini jelas bahawa *market* atau pasaran Malaysia sekarang *has only effected* saham termasuk isu jual beli di pasaran. *So, all been effected*. Kos-kos ini telah dikeluarkan dan dikemukakan semasa perjanjian itu ditandatangani oleh Kerajaan Persekutuan dan juga oleh Kerajaan Negeri Selangor pada masa itu. *So*, semua orang tahu apa kos akan dibeli dan syarat-syarat dan sebagainya. *So*, logik untuk merahsiakan perjanjian saya minta maaf, tidak masuk akal sebenarnya.

■2030

*What is the real reason?* Mengapakah kerajaan masih hendak merahsiakan satu projek yang dikatakan memberikan kepentingan kepada rakyat tetapi kandungan itu dirahsiakan? Ini yang saya tidak faham.

Saya juga telah mengemukakan empat soalan lain iaitu adakah *oversight body* untuk oversee pelaksanaan implementasi *of the* perjanjian ini? Sebab, *this is about RM9 billion project* dan *it involves oversight* kerana takut ada banyak ketirisan dan juga rasuah.

Isu yang ketiga saya bangkitkan ialah apakah tanggungjawab Kerajaan Negeri Selangor khususnya, dalam perjanjian ini? Ini kerana saya baca dalam surat khabar, jelas bahawa Kerajaan Negeri Selangor ada dua tanggungjawab yang besar iaitu memberi tanah dan juga memberi *development order*. Itu sahaja. Akan tetapi mengenai kos, teknologi yang digunakan, kontraktor, *tender process*, langsung tidak ada apa-apa tanggungjawab.

*So*, saya minta kerajaan dan Yang Berhormat Menteri untuk menjelaskan apakah sebenarnya, dan yang penting, mengapa merahsiakan satu projek yang dikatakan adalah kepentingan rakyat tetapi dirahsiakan kandungan itu? Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih Yang Berhormat Klang. Sememangnya saya telah memberi jawapan bertulis kepada beliau tetapi belum lagi puas hati. Ada tiga perkara.

Nombor satu, perjanjian itu adalah perjanjian di antara dua buah kerajaan iaitu kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat. Empat pasukan menandatangani iaitu Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, KSU kementerian KeTTHA dan PAAB sebagai *the loan beholder* dan akhirnya, KDB. Dalam mana-mana perihal untuk *mendeclassify* sesuatu dokumen yang *didefine* sebagai sulit, ia memerlukan persetujuan semua pihak.

Seperti Yang Berhormat telah katakan tadi, *there is nothing secret actually, strictly. But the principle are important*, sangat penting. Kandungan itu adalah daripada MoU dan daripada *heads of agreement*. Akan tetapi yang kritikal di situ adalah perbincangan mengenai pembelian saham di antara *concessionaire* SYABAS dan Puncak Niaga dengan negeri Selangor sendiri dan

dengan *concessionaire* yang lain iaitu ABBAS yang hampir semua milik Kerajaan Negeri Selangor dan ketiga ialah SPLASH iaitu tiga pemilik di situ termasuk 30% adalah negeri Selangor dan 30% Sweet Water dan satu lagi 40% adalah GAMUDA. *These companies* adalah *listed in* Bursa Saham Kuala Lumpur.

Daripada isi kandungan, *not* terlalu banyak yang terlalu sulit kerana Yang Berhormat mengatakan juga semua pun tahu. Akan tetapi daripada segi prinsipal itu sangat penting untuk dipatuhi. Jadi pada saat ini, pandangan daripada AG adalah kerana masih lagi dalam perbincangan, meneliti – GAMUDA masih lagi berbincang dengan negeri Selangor dan nampaknya Puncak Niaga pada setakat ini masih ada lagi yang perlu dikemas kini dengan KDB. So, adalah penting kita hormati. Saya katakan di sini perjanjian tersebut dan kita akan *review* kedudukan apabila sudah selesai semua terma, khususnya *condition precedent* yang termasuk dalam perjanjian tersebut.

*But, to be really fair, many of this are listed company. They have to put it up over it to the board* dan begitu semua. *But* Yang Berhormat, kamu memerintah di Selangor, *you know you can go* – MB baru sudah baca *and all the discussion, all the negotiation* telah dilakukan secara profesional, secara terbuka dan tidak harus ada keraguan mana-mana.

Kedua, *joint oversight*. Untuk makluman, dalam perkara ini, daripada segi pelaksanaan khususnya Langkat 2, kita ada *joint committee* dengan dipengerusikan oleh saya dengan MB sendiri yang boleh bermesyuarat dari semasa ke semasa dan boleh meminta tahu semuanya *technical spec* yang telah pun dipersetujui dan dilaksanakan melalui *open tender* yang berada dalam proses ini. Jadi tidak ada sebenarnya yang perlu disembunyikan. Bahkan kedua-dua, mantan MB dan saya, kerana kami katakan bahawa *this agreement will stand any scrutiny of anybody because* semuanya telah dilaksanakan secara profesional. KDB, kumpulan dari Selangor, *you* punya SUK pada waktu itu pun telah secara terbuka – *the terms are all minuted and so forth*. Jadi saya hanya mengatakan supaya *the principle* itu dihormati.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Ketiga itu, daripada segi tanggungjawab, adalah tidak betul bahawa tiada peranan negeri Selangor. Negeri Selangor sudah tujuh tahun minta supaya air itu di bawah kawalan negeri seperti amalan di bawah Akta 655 bagi negeri-negeri lain. Setakat ini, di bawah akta ini, enam negeri sudah *migrated* kepada akta ini dan antara yang belum ialah Selangor. Pada waktu itu, kerana hubungan Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Pusat sama-sama pun ada kepentingan secara strategik, maka pada waktu itu kedua-dua pihak tidak dapat sampai ke tahap yang mana keyakinan permintaan Selangor itu dapat dimuktamadkan.

Akan tetapi, bila dalam satu tahun setengah ini, kita meneliti keadaan dan kita kata *the situation is serious at one stage*, 700 projek telah ditunda *and this is Kuala Lumpur, capital, this is Putrajaya, this is Selangor* antara *the biggest state* dan kita katakan margin 1% sahaja, tidak boleh. So, dibuka semua *facts* ini di depan sama-sama dan mantan MB kami katakan, *it's time to set aside differences, put up the people first principle and lets go for it*.

Dengan itu, kita katakan boleh, bisa. Selangor, *you want the water, you have been asking for* tujuh tahun. *Federal Cabinet, Federal* kata *can*. *But you're willing buyer willing seller, you discuss* dengan *concessionaire*. *And to buy the concessionaire, I will give you the fund, RM3 juta we raised to enable* Selangor untuk membeli ekuiti di dalam syarikat-syarikat ini. *Price, you talk to them*. Saya *middleman* sahaja. *And I think the price, the Selangor is able to clinch actually prices* yang pihak industri kata adalah munasabah.

Jadi, *don't tell me* selepas tujuh tahun Selangor hendak air, selepas kita masuk dalam ruang perjanjian muktamad masa *agreement, are you going to say, Selangor, "No. I do not want to take water"*. *That will be a terrible backtracking. Don't worry about issues* daripada segi *pricing* kerana ini telah dibincangkan bersama dan kita dalam *joint committee* dengan MB itu, dia masih lagi belum – selepas sibuk dengan kerja baru barangkali, belum ada masa untuk meneliti bersama kerajaan tetapi sesiapa yang menerajui kerajaan negeri, *Exco got the copy of the agreement. Some of you may have seen it, you know, because all those are with the MB*. Bila-bila perlu, untuk tiga tahun ini, kita akan berbincang apa-apa masalah yang dihadapi.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Pejabat kami di Putrajaya terbuka sentiasa untuk memastikan apa yang dimeterai itu dapat ditunaikan demi rakyat di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat, saya fikir kita ada percanggahan dalam isu prinsip. Saya ingat isu prinsip yang dikatakan oleh Yang Berhormat Gombak ataupun Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor ialah Selangor mendukung prinsip transparensi dalam semua perjanjian yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor. Oleh kerana itu, kita hendak kemukakan isu transparensi. *Transparency is never gone wrong. Because there is no transparency*, kita ada masalah dalam kerajaan dan kita juga ada banyak ketirisan dan juga banyak rasuah.

Juga, isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa isu jual dan beli saham masih dilaksanakan, belum dimuktamadkan, ini menjadi masalah dan oleh kerana itu tidak boleh memberikan atau *declassify*kan, diklasifikasikan *concession agreement* tetapi seperti yang saya katakan Yang Berhormat Menteri, bahawa isu ini telah *diaffected, as always been affected by the market already*. Semua orang tahu, pemegang-pemegang saham pun tahu apa isu, berapa nilai harga saham dan sebagainya.

■2040

*So the basis for the principal of not declassifying really does not make sense. So, why don't you say it's now declassified. Solve the problem. Because that is the only way to go.* Dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun mengatakan bahawa *transparency is here to go*.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Okeylah.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri.



**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Kita bolehlah mengatakan...

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kita kena faham, jawapan Yang Berhormat Menteri tidak boleh memuaskan hati semua Ahli-ahli.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Ya lah, ya. Ya.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, saya terima itu namun saya katakan amalan dari segi perundangan adalah perlu dihormati dan jika semua *condition, precedent* itu dah selesai nanti, nanti kedua-dua pihak boleh *review* balik. Akan tetapi, perjanjian di antara kerajaan negeri dengan Kerajaan Persekutuan dalam mana-mana perjanjian adalah dalam golongan yang harus untuk pihak-pihak yang telah menandatangani. Saya yakin ini tidak akan mengubah ataupun memberi implikasi yang tidak baik kepada pihak awam.

Seterusnya saya ingin mengatakan di sini, sentuh apa yang telah dikatakan yang terakhir ini oleh pihak Yang Berhormat Gombak juga dalam ucapan beliau yang telah menyentuh bahawa adalah penting *value for money* untuk semua projek-projek yang dijalankan. Seperti projek setakat ini daripada *Water Section Dam* di Keliau kepada Sungai Semantan, tembus kepada kita punya *canal* itu.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** [*Bangun*]

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Saya katakan di sini bahawa semua itu dengan tender terbuka semuanya. Memang pada masa kita katakan Selangor *you can have water*, dengan izin...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** ...*But number one Langat must proceed because we just don't have enough water*, tak mencukupi air bekalan di dalam Selangor sendiri. Semua ini telah berjalan dan memang Selangor perlu membekalkan tanah untuk tersebut. Itulah walaupun kita sudah berada ke tahap ini dan projek Langat yang penapisan air itu mulai berjalan tetapi mahu tiga tahun sebelum air yang sudah siap itu dan sedia untuk ditembuskan itu akan dapat mengalirkan air bersih untuk dimakan dan diminum oleh rakyat Selangor.

Okey saya kasi satu sekejap. Jadi *the last issue* ya.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Yang Berhormat Menteri dari Bakri.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, saya belum jemput lagi. Yang Berhormat Ampang. Lepas Yang Berhormat Ampang, Yang Berhormat Menteri gulung ya.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya cuma nak sebut tentang apa yang Yang Berhormat Menteri sebut tentang hendak sesuatu yang *value for money*. So, diterangkan apa yang telah disebutkan Yang Berhormat Gombak pada hari itu ialah air yang mungkin disalurkan ke Selangor adalah air yang tahap empat *contamination levelnya*. Jadi kalau itulah tahap empat yang hendak dibersihkan dan dirawat, ia akan memerlukan sedangkan teknologi yang diambil pakai adalah teknologi yang

digunakan untuk air *contamination* yang tahap empat. Jadi, adakah itu situasi sebenarnya ataupun bukan tahap empat? Jadi mungkin ada pembaziran wang di situ, mungkin ada satu elemen *corruption* ataupun rasuah di situ.

Sekiranya perkara projek ini akan dilaksanakan dan ia akan membebankan rakyat Selangor terutamanya kerana harga perbelanjaan itu akan diturunkan kepada pengguna dan pengguna harus membayar lebih banyak tinggi tarif air di Selangor ini. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Okey, sekali dengan kesimpulan saya ingin menuju dan gulung dengan itu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gombak yang mengatakan kenapa kita menggunakan *granular activated carbon* (GAC) untuk peringkat penapisan. Dia katakan biasanya itu digunakan untuk air yang berkelas empat. Saya ingin maklumkan di sini bahawa air yang disalurkan daripada Sungai Semantan itu adalah dalam kelas dua, okey. Namun telah pun dikenal pasti bahawa ia mengandungi *chemical oxygen demand* (COD) yang tinggi. Pihak konsultan dengan itu telah membuat penilaian dan mengatakan bahawa adalah terbaik kerana ini untuk *Capital* Kuala Lumpur, Putrajaya dan juga Selangor bahawa kita harus menggunakan teknologi *granular activated carbon* (GAC).

Kos keseluruhan tambahan 1 sen untuk satu cubic meter okey. Tidak mahal sebenarnya dengan menggunakan itu. Dengan kapasiti 1,130 juta liter di situ, fasa 1 dan fasa ke-2 dijangka dengan *volume* yang sama, *it would be one of the cheapest water in the country once they did the finalize. The cost per other moment about cubic meter treatment* di seluruh negara kita - *outraging it's about 24 to 26 sen*. Dengan ini, walaupun dengan penggunaan GAC dengan 1 sen per satu *cubic* meter, kita yakin apabila siap semua, harganya adalah mesti *competitive* dan harus lebih rendah daripada majoriti kos penapisan air di negeri-negeri yang lain. Itu yang terakhir.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Yang Berhormat Menteri...

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Saya mahu gulung.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri apakah perbezaan perbelanjaan di antara tahap empat dan tahap dua itu? Saya rasa perbezaan perbelanjaan itu bezanya sangat besar dan harus dikaji semula, disemak semula perbelanjaan itu kerana ia akan seperti saya sebut akan bebaskan rakyat sekiranya perbelanjaan itu tidak disemak dan dipantau dengan betul. Kenapa itu? Siapa itu bersuara?

Kenapa Yang Berhormat Pendang? Air dekat Pendang tahap enam, kah tahap 10? [Disampuk] Eh, tahap – tak apa. *It's okay. I don't want to talk to you. Okay, alright. So*, jadi Yang Berhormat Menteri tolong berikan saya jawapan itu. Saya rasa perbelanjaan itu tidak sewajarnya.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** *Okay, thank you.* Saya nak gulung di sini. Okey, terima kasih atas sentuhan itu. Sememangnya pihak saintis semuanya kita terus meneliti perkara ini. Akan tetapi, pada keseluruhan ini telah *been infected into the whole project*. Boleh saya katakan kosnya dengan membawa kualiti itu yang memenuhi piawaian antarabangsa dan piawaian yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan. Sumbangan kepada kos sekadar as /

*said earlier* 1 sen kepada setiap *cubic meter*. Namun jika ada perkembangan dalam teknologi penapisan air di peringkat global, para saintis dan konsultan dan kita akan menelitinya.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini mengatakan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sumbangan dan dengan input serta teguran dan apa-apa yang kita tak sempat untuk membuat rujukan dan penjelasan, pihak kita sentiasa sedia untuk berdiskusi dan berbincang. Dengan itu sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya jemput Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi. Yang Berhormat Menteri berapa lama agaknya ambil masa?

**8.47 mlm.**

**Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Dato' Seri Douglas Uggah Embas]:** Kalau tidak ada soalan, saya fikir mungkin 15 minit.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** 15 minit? Ya sila.

**Dato' Seri Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin ucap terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu berkaitan dengan kementerian saya semasa perbincangan perbahasan Belanjawan 2015 di Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu-isu berkaitan dengan kejatuhan harga getah telah dapat perhatian 16 orang Ahli Yang Berhormat antaranya ialah Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Sik, Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Raub, Yang Berhormat Jerantut, Yang Berhormat Sekijang, Yang Berhormat Kanowit, Yang Berhormat Sri Aman, Yang Berhormat Sibuti, Yang Berhormat Sarikei, Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Pokok Sena dan Yang Berhormat Rasah.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, harga komoditi seperti sawit, getah, koko dan sebagainya bergantung kepada pelbagai faktor. Faktor utama ialah permintaan dan penawaran di persada dunia dan keadaan ekonomi dunia terutama di negara-negara pengguna. Harga komoditi juga dipengaruhi oleh faktor-faktor lain seperti tahap kedudukan stok semasa, pertukaran wang asing dan kegiatan-kegiatan spekulasi.

Dalam kes komoditi getah, pertubuhan ekonomi di negara-negara pengimport utama seperti Kesatuan Eropah, Amerika Syarikat, China dan Jepun memberi kesan secara langsung mempengaruhi pasaran getah antarabangsa. Sejak suku tahun 2013, pertumbuhan ekonomi dunia yang perlahan telah menyebabkan penurunan dalam permintaan. Pada masa yang sama stok simpanan oleh negara-negara pengeluar juga adalah masih tinggi. Pada tahun 2012, lebihan penawaran getah dunia ialah 687,000 tan dan stok lebihan telah pun menurun kepada 400,000 tan pada tahun 2014.

**■2050**

Faktor-faktor ini sememangnya telah memberikan impak kepada harga getah. Harga getah SMR 20 mencatatkan harga terendah pada tahun ini iaitu sebanyak RM4.45 sen sekilo pada 3 Oktober 2014 berbanding dengan paras tertinggi RM17 sekilo pada 18 Februari 2011 dalam tempoh lima tahun.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional cukup prihatin terhadap kesan penurunan harga getah terutamanya kepada pendapatan para pengusaha tanaman getah di mana hampir 95% daripadanya ialah golongan pekebun kecil. Sehubungan dengan itu, kerajaan sentiasa mengambil langkah yang sewajarnya untuk menangani isu ini terutamanya untuk membantu pekebun kecil menghadapi kesan penurunan harga getah. Di antaranya adalah pada tahun bantuan khas telah pun diberikan sebanyak RM500 secara *one-off* kepada pekebun kecil.

Kedua, menyediakan inisiatif tanaman semula terutamanya kepada pekebun kecil bertujuan untuk mengurangkan bekalan dan peningkatan produktiviti dalam jangka masa panjang. Melaksanakan mekanisme penetapan harga di ladang mulai bulan November 2014. Keempat, melaksanakan inisiatif pengeluaran getah IPG mulai tahun 2015 dengan peruntukan yang telah diumumkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu RM100 juta.

Selain daripada itu di peringkat antarabangsa, Malaysia telah mencadangkan mesyuarat peringkat Menteri di kalangan negara-negara *Association of Natural Rubber Producing Countries*, dengan izin pada suku tahun pertama 2015. Ini bertujuan untuk membincangkan perkara-perkara dasar yang harus diamalkan oleh negara-negara ini kerana bagi negara ini mereka ialah pengeluar 93% pengeluaran harga getah. Di samping itu, kita juga telah memutuskan bahawa pada 22 November ini, *International Tripartite Rubber Council* akan bermesyuarat. Ahli-ahli ITRC adalah terdiri dari Malaysia, Indonesia dan Thailand. Ketiga-tiga buah negara ini menghasilkan hampir 64% pengeluaran getah dunia. Matlamat mesyuarat ini adalah untuk menentukan langkah yang harus diambil oleh ketiga-tiga buah negara untuk membendung penurunan harga getah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sekijang dan Yang Berhormat Gerik telah membangkitkan isu pelaksanaan mekanisme kawal selia getah di peringkat ladang yang melibatkan dana pusingan sejumlah RM6.4 juta kepada koperasi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan akan melaksanakan mekanisme penetapan harga di ladang melalui penetapan diskaun antara harga FOB dan harga diterima oleh pekebun kecil. Mekanisme ini akan dilaksanakan pada akhir bulan ini, di mana koperasi pekebun kecil akan membeli getah daripada pekebun kecil dengan harga yang ditetapkan dan menjualnya terus kepada kilang.

Dengan berbuat demikian, rantaian pemasaran antara pekebun kecil dan pengilang akan dipendekkan. Ini diharapkan adalah untuk mengelakkan daripada cengkaman orang tengah, dengan itu harga di ladang yang diterima oleh pekebun kecil diharap akan dapat ditingkatkan. Bagi tujuan ini Lembaga Getah Malaysia telah diperuntukkan sejumlah RM6.4 juta untuk diagihkan kepada koperasi sebagai modal pusingan untuk tujuan aktiviti ini. Kerajaan sedang menghalusi mekanisme untuk menentukan matlamat program ini akan tercapai.

Yang Berhormat Sik, Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Lenggong dan Yang Berhormat Sekijang bertanyakan mengenai pelaksanaan program kawal selia getah melibatkan peruntukan sebanyak RM100 juta di seluruh negara. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan semasa pembentangan Bajet 2015 pada 10 Oktober telah mengumumkan peruntukan awal dana RM100 juta untuk Inisiatif Pengeluaran Getah (IPG) akan mula dilaksanakan pada bulan Januari 2015. IPG akan diaktifkan apabila paras purata harga bulanan SMR 20 FOB berada pada RM4.60 sekilogram dan harga *cup lump* di peringkat ladang adalah RM1.70 sekilogram ke bawah. Pelaksanaan ini melibatkan pemberian inisiatif seperti pertama, 30 sen bagi setiap kilogram *cup lump*. Maksimum 90 sen bagi setiap kilogram *latex*, maksimum 60 sen bagi setiap kilogram getah *unsmoked sheet*.

Peruntukan RM100 juta adalah sebagai dana permulaan. Kementerian telah pun menganggarkan bahawa jumlah dana yang diperlukan ialah RM490 juta sekiranya harga getah turun di bawah paras RM1.75 sekilogram dalam tempoh 12 bulan. Mekanisme inisiatif IPG adalah seperti berikut. Pemberian IPG...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Menteri di Jabatan Perdana Menteri]:** *[Bangun]*

**Dato Sri Douglas Uggah Embas:** ...Pada bulan semasa adalah berdasarkan purata harga...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Menteri di Jabatan Perdana Menteri]:** Yang Berhormat...

**Dato Sri Douglas Uggah Embas:** ...SMR25...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Menteri di Jabatan Perdana Menteri]:** *Point of order...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada peraturan mesyuarat daripada Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Menteri di Jabatan Perdana Menteri]:** Saya mohon pertimbangan Tuan Yang di-Pertua. Apakah boleh mana-mana anggota memakai lambang parti di dalam Dewan ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat tujukan kepada Ahli Yang Berhormat yang mana?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Menteri di Jabatan Perdana Menteri]:** Ahli Yang Berhormat Ampang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Yang Berhormat, saya tidak perasan. Tolong bangun Yang Berhormat. Kita boleh tengok – Yang Berhormat sekalian, kita boleh tengok Peraturan Mesyuarat 41(f). Eloklah Yang Berhormat dengan budi bicara saya tolong tanggalkan lambang parti itu.

**Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Jadi bagaimana Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya sudah sebut...

**Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]:** Tidak dengar tadi, *sorry*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** 41(f).

**Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]:** Nanti saya baca dahulu ya, boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak perlu, saya sudah bagi...

**Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]:** Okey, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Minta kerjasamalah.

**Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]:** Okey, *alright*. Terima kasih. *No problem*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih, terima kasih.

**Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Kena tunggu sahaja itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih. Sila Yang Berhormat Menteri.

**Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Itu pun hendak *jealous* Yang Berhormat Arau.

**Dato Sri Douglas Uggah Embas:** Kedua, bagi Semenanjung, IPG akan diuruskan oleh Lembaga Getah Malaysia manakala di Sabah oleh Industri Getah Sabah dan di Sarawak pula oleh Jabatan Pertanian Sarawak dan Lembaga Getah Malaysia. Pekebun kecil boleh membuat tuntutan di mana-mana pejabat ataupun wilayah LGM...

**Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Baling bangun Yang Berhormat Menteri.

**Dato Sri Douglas Uggah Embas:** ...Dan GPS, boleh saya selesaikan?

**Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tentang getah Yang Berhormat Menteri.

**Dato Sri Douglas Uggah Embas:** Saya selesaikan ini dahulu.

**Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Okey.

**Dato Sri Douglas Uggah Embas:** LGM akan menjalankan— di Sarawak mengemukakan resit jualan dan permit autoriti transisi pekebun kecil getah PAT-G. LGM akan menjalankan gerakan dengan mendaftarkan pekebun kecil dan mengeluarkan PAT-G kepada pekebun kecil. Ini untuk menentukan bahawa hanya pekebun kecil yang betul sahaja yang diberikan bantuan. Sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Baling.

**Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mengikuti segala hujah Yang Berhormat Menteri dan saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada kementerian kerana begitu prihatin dalam

bajet baru-baru ini di mana Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah menyatakan berkaitan dengan RM100 juta. Saya daripada Baling Yang Berhormat Menteri di mana Baling di antara pekebun kecil yang terbesar berkaitan dengan getah. Jadi setiap minggu saya balik, saya akan ditanyakan dari kedai kopi sehinggalah ke seluruh Parlimen Baling yang bertanyakan bagaimana kaedah RM100 juta dapat memberikan manfaat kepada penoreh dan pekebun kecil. Saya tengok rata-rata rakan-rakan saya, Yang Berhormat Sik, Yang Berhormat Lenggong semua bertanyakan soalan yang sama dengan Yang Berhormat Menteri KKLW tadi.

Akan tetapi berkaitan dengan soalan saya sekarang ini. Memang benar saya mengucapkan syabas dan tahniah juga kepada Lembaga Getah Malaysia. LGM sudah turun ke Baling dan telah berbincang. Kita telah mewujudkan PERGETAH iaitu sebuah jawatankuasa kecil PERGETAH untuk membantu semua penoreh dan pekebun kecil. Cuma saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, bagaimana kaedah apa yang diguna pakai untuk pengagihan tersebut dan satu lagi bolehkah memberikan kebenaran kepada seluruh Ahli Parlimen tanpa mengira daripada kerajaan mahupun daripada pembangkang untuk bersama-sama dalam pengagihan di kawasan masing-masing khususnya yang ada getah.

Jadi ini saya percaya dapat membantu dan bukan setakat kita bersama-sama dengan LGM, kita boleh melihat – macam saya, saya tahu siapa pekebun, kepunyaan kebun siapa penoreh. Kita juga ada penoreh dari luar negara iaitu penoreh-penoreh yang datangnya daripada pekerja asing. Jadi kita hendak memastikan rakyat Baling khususnya bagi saya, saya hendak penoreh dan pekebun mendapat bantuan RM100 juta yang mana akan diagihkan dalam masa 12 bulan melalui LGM khususnya di Baling dapat dilaksanakan bersama-sama dengan Ahli Parlimen.

#### ■2100

Jadi saya hendak turut sama-sama untuk membangun dan membantu mereka, bukan setakat hari ini, sampai harga getah dapat diselesaikan dengan baik dan rakyat sudah tidak bising lagi di bawah. Itulah tentang soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Menteri.

**Dato Sri Douglas Uggah Embas:** Terima kasih Yang Berhormat dari Baling. Saya cukup memahami keadaan Yang Berhormat kerana di kawasan saya juga ramai pekebun kecil getah yang mengalami keadaan yang sama.

Pertama, peruntukan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri RM100 juta sebagai tabung permulaan ialah satu bukti nyata bahawa Kerajaan Barisan Nasional memang cukup prihatin dan terus membela nasib pekebun kecil di negara ini.

Kedua, bagaimana kaedahnya. Tadi saya sudah jelaskan, sebenarnya skim ini telah pun dilaksanakan pada tahun 2001, apabila harga getah turun begitu rendah pada waktu itu. Jadi apabila kita melihat ataupun mengkaji, meneliti kaedah yang diguna pakai dan dibandingkan dengan cara kita yang memberi RM500 pada tahun ini kepada semua, kita nampak skim ini lebih kemas, lebih *target* spesifik, dan akan membantu kita, yang pertama untuk meningkatkan

pendapatan petani. Kedua, menentukan yang kita bayar ini ialah getah yang dikeluarkan dari kebun. Ini yang penting.

Jadi, tadi saya sudah gariskan apa-apa syaratnya dan saya harap dari semasa ke semasa kita akan memberi penjelasan yang lebih jelas.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Penglibatan Ahli Parlimen masing-masing.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** [Bangun]

**Dato Sri Douglas Uggah Embas:** Belum-belum. Dalam apa-apa program yang kita jalankan, matlamat kita adalah untuk menentukan *target group* mendapat bantuan ini. Kadang-kadang pegawai seperti pegawai LGM mungkin tidak cukup lengkap mengetahui keadaan. Di sini kita perlukan bantuan pemimpin-pemimpin di akar umbi untuk sama-sama membantu menentukan bahawa program ini *inclusive* dan siapa yang patut dibantu mesti dibantu. Okey.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Gerik.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Hendak tanya penyelarasan di antara Lembaga Getah Malaysia dan juga RISDA. Jangan cuma semata-mata Lembaga Getah Malaysia sahaja menyelesaikan masalah sebab majoriti yang jaga di kampung ialah RISDA. Saya percaya data yang telah disediakan oleh RISDA boleh diselaraskan dengan Lembaga Getah Malaysia. Minta komen Yang Berhormat Menteri.

**Dato Sri Douglas Uggah Embas:** Itulah jawapan saya yang seterusnya. Memang kita tahu kalau tidak ada penyelarasan di antara agensi-agensi dan kementerian-kementerian banyak boleh berlaku dekat bawah. Oleh yang demikian, satu Jawatankuasa pemantauan di tubuh. Jawatankuasa ini akan dipengerusikan oleh kementerian. Ahli-ahlinya adalah termasuk wakil Kementerian Kewangan, RISDA, FELCRA, FELDA, Lembaga Industri Getah Sabah dan Jabatan Pertanian Sarawak.

Selain itu kerajaan bersetuju supaya LGM juga menguruskan dana IPG dengan peruntukan awal RM100 juta ini. Bagi membolehkan kemapanan IPG jika masa panjang, kutipan tabung dana ini akan dilaksanakan apabila harga getah SR20 (FOB) melebihi RM8.25. Pada paras ini harga kepala di peringkat ladang ialah RM3.52. Ini lebih menjauhi kos pengeluaran.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pokok Sena menyarankan supaya kerajaan merombak semula struktur penetapan harga getah. Untuk makluman Yang Berhormat, harga getah Malaysia adalah ditentukan oleh panel penasihat harga. Harga ini akan merupakan harga rasmi LGM yang diterbitkan dua kali sehari. Harga ini menjadi rujukan terutama bagi menentukan harga belian dan jualan getah di negara ini. Di samping itu, turut menjadi rujukan kepada negara-negara lain.

LGM sentiasa memantau dan membuat analisa ke atas harga-harga yang diberikan oleh panel ini. Selain itu, LGM juga mempamerkan harga tawaran mereka di laman webnya untuk memberi ketelusan kepada proses penetapan harga. Pameran harga getah di TV1, TV2, NTV7



dan TV9 telah pun disiarkan mulai 31 Oktober 2014. Walau bagaimanapun, kita telah meneliti bahawa - mungkin ada kelemahan-kelemahan dalam sistem yang sedia ada. Maka sehubungan dengan ini, LGM sedang mengkaji beberapa pendekatan seperti diamalkan di negara-negara seperti Thailand dan India. Sebagai contoh, di India harga getah ditentukan oleh *Rubber Board* India berdasarkan kepada maklum balas daripada pihak peniaga, pasaran utama, dan industri tayar di sekitar negeri Karaba.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat juga mencadangkan pelaksanaan harga lantai bagi menangani isu kemerosotan harga, di antaranya Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Jelebu, Yang Berhormat Pokok Sena dan Yang Berhormat Kuala Krai. Ini kita sudah jawab beberapa kali bahawa pendekatan ini tidak boleh - kerajaan telah pun melihat dengan sejarah. Kita melihat pada tahun 1973 dan 1974, Kerajaan Malaysia menjalankan *CREST program*. Dari pengalaman itu kita melihat cara pendekatan itu tidak dapat *disustain*, maka oleh itu, kita menggunakan pendekatan IPG tadi.

Yang Berhormat Sekijang dan Yang Berhormat Gerik mencadangkan supaya kerajaan mempertimbangkan penggunaan getah dalam pembinaan jalan raya. Untuk makluman Yang Berhormat, Lembaga Getah Malaysia sedang giat menjalankan penyelidikan untuk mempelbagaikan penggunaan getah dalam menghasilkan produk-produk baru. Ini termasuk penggunaan getah sebagai sebahagian bahan pembinaan jalan dan matlamat ini juga telah pun dipersetujui oleh negara-negara pengeluar getah dalam mesyuarat bulan lepas, bahawa kita sama-sama mencari jalan apakah produk-produk baru yang boleh digunakan dari getah.

Pengguna getah sebagai bahan untuk membina jalan telah digunakan dengan jayanya di Thailand. Saya telah melawat dan melihat bagaimana ia dapat diguna pakai. LGM sedang berbincang dengan R&D di Jabatan Pertanian Thailand sebagai perancangan untuk menggunakan getah sebagai bahan binaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kuala Kangsar, Yang Berhormat Batu Pahat, Yang Berhormat Kanowit, Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Rasah dan Yang Berhormat Sarikei telah pun membangkitkan penurunan harga sawit dan kesan kepada pekebun kecil. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, harga sawit dipengaruhi oleh beberapa faktor tadi seperti yang saya sebut tadi. Dalam tempoh Januari hingga September 2014, purata harga minyak sawit ialah RM2,400 setan dan harga tertinggi dicatat pada bulan Mac sebanyak RM2,855 se tan. Manakala harga terendah yang dicatatkan pada tahun ini adalah pada 2 September sebanyak RM1,938 se tan.

Perubahan pada harga sawit ini turut memberi kesan kepada pekebun-pekebun kecil. Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri cukup prihatin dan mengambil beberapa langkah untuk mencari cara bagaimana hendak menyekat penurunan harga ini.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato Sri Douglas Uggah Embas:** Oleh sebab itu beberapa langkah telah pun diambil oleh kerajaan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Lenggong bangun. Sila.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya amat tertarik dengan apa yang disebut tadi berkaitan dengan komoditi. Hari ini memang kita beri kepada nelayan dapat RM200, banyak lagi yang lain pun dapat. Sebab itu pekebun kecil ini juga oleh kerana ini kelompok kumpulan yang paling ramai dan perlu dibantu, juga bertanya kenapa kita tidak beri yang sama sebagaimana kita boleh beri kepada nelayan dan sebagainya? Itu satu.

Keduanya, saya bimbang juga kalau kita tidak juga membantu kepada penoreh ini. Saya tidak jelas tadi, apakah penoreh ini juga dapat berbanding pekebun kecil? Penoreh yang ramai ini. Jadi yang gembira sekarang ini ialah penoreh. Dia rasa seronok bila kawal selia ini. Jadi ini saya fikir akan menjadi permintaan rakyat kalau kumpulan ini tidak kita bantu sebab kadangkang tuan tanah orang lain, yang menoreh getah ini. Mereka juga tidak dapat macam nelayan dan sebagainya. Adakah kementerian ada mekanisme hendak beri lebih kurang sama? Kaedah yang sama atau bantuan yang sama macam kita beri kepada nelayan sebanyak RM200 sebulan dan sebagainya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Menteri.

#### ■2110

**Dato Sri Douglas Uggah Embas:** Terima kasih Yang Berhormat kita telah berbincang dengan mendalam mengenai beberapa isu ini tetapi setakat ini, inilah yang dapat kita laksanakan. Bagaimanapun melalui RISDA, FELDA dan FELCRA, mereka memang mengadakan bantuan-bantuan kepada pekebun-pekebun kecil. Jadi kita akan kaji dari semasa ke semasa apa yang perlu dibantu kepada pekebun kecil kita kerana mereka ini kita perlu harus tentukan bahawa pendapatan mereka dapat dikekalkan dengan cukup tinggi supaya mereka akan keluar daripada garis kemiskinan. Kes kedua...

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Pasir Puteh bangun.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Yang Berhormat Pasir Puteh.

**Dato Sri Douglas Uggah Embas:** Tunggu, tunggu / selesaikan dulu jawapan. Kedua mengenai isu penoreh dan pengguna getah. Isu ini tidak timbul lagi kerana cara kita membayar adalah getah yang dijual dan *any arrangement* di antara penoreh dengan tuan tanah dan pekebun kecil. Itulah sebab kita menggunakan sistem ini supaya ia tidak bercelaru seperti apabila kita memberi RM500 tempoh hari. Esok kita boleh bincang dengan lebih teliti.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Yang Berhormat Menteri, terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apabila kita ingin membeli daripada penoreh, kita meletakkan hargakan? Saya tidak jelas tentang harga yang kita letak itu. Berapa harga yang hendak kita tentukan, harga yang kita hendak beli daripada penoreh tadi. Kemudian adakah

wang yang kita ada RM100 juta pendahuluan itu kita berikan kepada siapa? Kepada Lembaga Getah atau kepada pertubuhan-pertubuhan atau koperasi-koperasi yang akan membeli atau adakah di sana itu akan diberi juga kepada orang tengah yang diiktiraf oleh pihak RISDA, itu soalan yang kedua.

Jadi pihak yang mana? Kemudian peranan yang dimainkan oleh sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Kulim tadi iaitu peranan yang dimainkan oleh wakil-wakil rakyat. bagi saya, saya rasa wakil rakyat ini mungkin seorang tidak cukup. Lebih baik pegawai-pegawai semua yang *handle* semua. Akan tetapi mesti mempunyai *trans system* yang telus, yang tidak memilih buluh. Selalu masalah kita ini bila beri kepada orang politik, takut-takut dia pilih bulu, dia tidak bagi kepada yang bulu satu lagi. Jadi lebih baik kita bagi kepada pegawai. Pegawai yang urus tetapi dengan telus. Bagaimana? Penjelasan sedikit, saya tidak berapa jelas bagaimana untuk pelaksanaan tadi, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato Sri Douglas Uggah Embas:** Okey, apabila kita melaksanakan program, kita tidak boleh memilih bulu tetapi kita minta yang diberi pertolongan itu bersyukur jugalah. Tidak pilih bulu. Okey, soalan yang...

**Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri, penjelasan sikit.

**Dato Sri Douglas Uggah Embas:** Ya, ya / punya belum selesai. Ada beberapa soalan, yang pertama – memang Yang Berhormat tidak faham langsung apa yang telah saya jelaskan tadi. Program ini bukan program kerajaan beli getah. Program ini adalah untuk membantu apabila harga getah turun dari RM1.75 dan kerajaan memberi *on top of that, per kilo* sebanyak 30 sen. Okey, jadi kita tidak membeli getah. Siapa yang menguruskan wang ini ialah Lembaga Getah Malaysia dan tuntutan apa yang diperlukan tadi ialah satu invois, dua kad untuk menentukan dia, kasihan dia sebagai penoreh getah. Untuk menentukan sama ada ini eksklusif atau tidak, saya sudah pun jelaskan tadi. Kita tentukan bahawa semua pekebun kecil yang patut ditolong, kita tolong. Okey.

Berbalik kepada kelapa sawit tadi. Beberapa langkah telah pun diambil oleh kerajaan. Pertama kerajaan mulai 4 September 2014 telah pun memberikan pengecualian duti eksport ke atas minyak sawit mentah bagi tempoh September hingga Disember 2014.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Sekijang.

**Dato Sri Douglas Uggah Embas:** Tujuannya adalah untuk membantu meningkatkan eksport dan seterusnya mengurangkan stok dalam negara.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Yang Berhormat Sekijang, Yang Berhormat Sekijang, belakang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Bagi Yang Berhormat Menteri habiskan dulu.

**Dato Sri Douglas Uggah Embas:** Ini kita sudah pergi ke sawit sekarang.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Saya hendak tanya fasal getah juga. Yang Berhormat Menteri tadi

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Dia *dok* ulang-ulang, bila hendak habis ini?

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Penting ini. Saya berminat sebenarnya bila Yang Berhormat Menteri pergi ke Thailand dan berbincang tentang teknologi yang berkaitan dengan getah ini terutama dalam proses pembuatan jalan ini. Saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Menteri, adakah pihak kementerian mungkin dapat wujudkan satu makmal perbincangan mungkin dengan Kementerian Kerja Raya dan juga mana-mana kementerian lain. Bagaimana agaknya dapat kita sediakan mungkin dana kepada syarikat-syarikat yang berminat untuk menghasilkan apa juga teknologi yang berkaitan dengan getah dan mungkin dengan ini secara tidak langsung apabila ada peningkatan berkaitan dengan penggunaan teknologi getah ini nanti ia akan dapat memberikan kenaikan harga kepada getah tersebut. Terima kasih.

**Dato Sri Douglas Uggah Embas:** Terima kasih Yang Berhormat. Inilah pendekatan yang kita kena ambil dan mesyuarat di antara pengeluar-pengeluar yang ada di Kuala Lumpur baru-baru ini bersetuju, itulah pakatan harus diambil dan mencari jalan bagaimana getah boleh dipelbagaikan kegunaannya. Oleh itu saya telah melawat ke Thailand dan saya melihat bagaimana jalan raya yang mereka menggunakan sebahagian dari getah. Jadi maknanya teknologi sudah ada, jadi kita telah berbincang, akan berbincang dengan JKR dan semua agensi yang berkenaan dan kita mengharapkan ini lah satu kegunaan yang kita boleh guna untuk getah supaya banyak lagi kegunaan yang akan membantu harganya lebih meningkat.

Balik kepada sawit. Program kedua meningkatkan kadar aduan di bawah program bayang-bayang api dari B5 ke B7 mulai November 2014. Langkah ini akan membolehkan peningkatan penggunaan minyak sawit mentah dalam negara sehingga 575 tan setahun. Ketiga menyediakan insentif tanaman semula kepada pekebun kecil yang tidak produktif mengurangkan penawaran minyak sawit negara. Keempat meningkatkan unsur-unsur promosi sawit ke pasaran global dan memperkukuhkan aktiviti penyelidikan dan permohonan R&D bagi mempelbagaikan produk-produk baru berasaskan sawit.

Selepas beberapa langkah yang telah diambil oleh kerajaan baru-baru ini ia nampak memberi hasil yang cukup positif apabila harga sawit meningkat dan mencapai paras RM2,304 setan pada 3 November 2014 berbanding dengan RM1,938 setan pada 2 September 2014. Berhubung pertanyaan dari Yang Berhormat Kanowit sama ada kerajaan memberi bantuan melindungi pekebun kecil sawit yang mengalami kerugian begitu juga perkara yang sama ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kuala Kangsar sama ada satu *safety net* yang disediakan kepada pekebun-pekebun sawit. Kementerian mengalu-alukan cadangan ini dan kita telah pun mengadakan bengkel-bengkel untuk mencari apakah sosial *safety net* yang akan kita adakan kepada komoditi-komoditi termasuk sawit.

Dalam masa yang sama kerajaan juga telah memutuskan bahawa kita akan melaksanakan satu lagi subsidi baru kepada pekebun sawit iaitu bagi mereka yang tidak

menyertai Skim Insentif Tanaman Terbaru dan tanaman semula sawit. Mereka ini yang mempunyai ladang sawit yang berusia di bawah tiga tahun, mereka akan dibantu RM3,000 sehektar untuk membeli baja dan racun yang diperlukan. Berhubung pertanyaan dengan Yang Berhormat Kanowit sama ada pekebun kecil sawit di Sarawak seperti pekebun kecil dan rumah panjang kawal selia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua pekebun kecil sawit perlu mendaftar dan mendapat lesen untuk menanam dan menjual sawit dari Lembaga Minyak Sawit Malaysia.

Melalui pendaftaran tersebut maklumat latar belakang pekebun kecil dapat dikenal pasti termasuklah pekebun-pekebun kecil di rumah panjang. Kerajaan juga sedar masih ramai pekebun kecil di Sarawak yang belum berdaftar dan belum dapat lesen MPOB kerana jarak pejabat MPOB yang jauh. Bagi membantu golongan pekebun ini MPOB akan menjalankan gerakan pendaftaran lesen pekebun kecil *outreach* program di Sarawak mengenai bantuan yang diberi dalam bentuk kewangan. Kerajaan meletakkan penyaluran kewangan terus kepada akaun bank pekebun kecil. Yang Berhormat Hulu Rejang mencadangkan supaya MPOB menambah lebih pegawai MPOB di Daerah Belaga, Boleh dan Kapit.

#### ■2120

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Oktober 2014 jumlah pegawai MPOB di Sarawak ialah 40 orang termasuk 3 di Belaga, untuk menyelia kawasan Belaga, Sungai Asap. Saya faham kawasan itu cukup luas. Jadi oleh itu kementerian telah menggunakan kaedah *National Blue Ocean Strategy* dengan Jabatan Pertanian Sarawak yang bersetuju untuk bekerjasama melaksanakan peranan dan tugas MPOB bagi memastikan kumpulan sasar mendapat manfaat. Kementerian juga melaksanakan pengauditan dari semasa ke semasa untuk memastikan program yang dilaksanakan secara mampan.

Yang Berhormat Sri Aman menyarankan supaya MPC mengkaji cadangan membina kilang proses sawit di sekitar Sri Aman. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat sehingga Jun 2014, kawasan tanaman sawit di tanah Sri Aman seluas 52,000 hektar. Daripada itu 5,740 hektar ialah milik pekebun kecil. Dengan keluasan ini, anggaran pengeluaran buah tanam segar adalah sebanyak 800,000 tan. Pada masa ini BTS dikeluarkan dijual ke Lubok Antu dan di Saratok.

MPOB sedar peningkatan pengeluaran BTS ini dan mungkin memerlukan penambahan kilang sawit. Oleh demikian MPOB sedia menimbang untuk siapa yang berhasrat untuk membina kilang – tetapi dia perlu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Yang Berhormat Kuala Kangsar mencadangkan supaya kerjasama diadakan di antara pihak polis, pihak penguat kuasa dan badan perundangan untuk mengambil tindakan terhadap pihak-pihak termasuk NGO yang terang-terang menyerang dan menentang sawit. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana ini ialah satu cadangan yang baik. Ini kerana bagi kita apa-apa usaha oleh pihak yang tidak bertanggungjawab untuk mengancam dan menentang produk yang begitu penting kepada kita adalah satu *economic sabotage*. Maka itu kementerian akan sentiasa berbincang bagaimana kita hendak mencari jalan untuk mengatasi masalah ini. Dengan itu juga kita akan meneruskan misi...

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Hulu Rajang Yang Berhormat Menteri.

**Dato Sri Douglas Uggah Embas:** Ya.

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri tadi. Saya tahu di kawasan Belaga dan Asap, pegawai tidak mencukupi seperti mana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri borang MPOB ini setiap kali saya pergi kawasan, saya terpaksa bawa cap Yang Berhormat Menteri dan sampai sekarang orang bertanya kepada saya. Proses untuk meluluskan borang MPOB ini untuk mendapat subsidi dari MPOB lambat sangat.

Jadi saya mohon kepada Yang Berhormat Menteri mengarahkan pegawai supaya pegawai-pegawai dari Miri ke Bintulu sekiranya Yang Berhormat ataupun Ahli Parlimen kawasan itu telah meluluskan atau cop borang itu maka mohon dipercepatkan permohonan itu. Ini kerana rakyat di pedalaman hendak mendapatkan subsidi untuk memberi pendapatan yang lumayan pada masa akan datang.

**Dato Sri Douglas Uggah Embas:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita sedar masalah itu. Oleh itu pelbagai pendekatan kita telah ambil dan yang terakhir ialah untuk bekerjasama dengan Jabatan Pertanian Sarawak. Kita akan terus menambah baik segala pendekatan itu supaya kita dapat memberi bantuan kepada semua yang memerlukan.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian akan terus memantau perkembangan sedemikian di pasaran-pasaran lain. Kementerian melalui Minyak Sawit Malaysia akan mempergiatkan lagi usaha-usaha untuk menangkis tohmahan yang tidak benar mengenai sawit melalui seminar-seminar, kursus pada tahun ini. Sebanyak empat *Palm Oil Trade Fair and Seminar* telah diadakan iaitu di Karachi, Tehran, Mumbai dan Shanghai. Pada tahun akan datang empat lagi POTS akan dirancangan.

Yang Berhormat Sekijang menyarankan R&D, begitu juga Yang Berhormat dari Kuala Kangsar turut menyarankan kerajaan memberi sokongan penuh kepada kementerian dan MPOB untuk memperluaskan penggunaan biodiesel. Untuk makluman Yang Berhormat pelaksanaan B5 bagi sektor subsidi telah dimulakan pada Jun 2011 dan di Semenanjung mulai Mac 2014. Diesel yang dijual semenjak pelaksanaan B5, diesel dijual sebanyak 2,832 stesen minyak di Semenanjung adalah B5. Penggunaan sebanyak 650,000 tan minyak sawit untuk Program B5 tempoh Jun 2011/2014. Pada 24 Oktober seperti saya sebut tadi, kerajaan telah menaikkan kadarnya kepada B7. Kualiti biodiesel yang dieksport keluar negara mematuhi piawaian antarabangsa seperti Standard EN 14214 untuk kesatuan Eropah dan ASTM D6751 untuk pasaran Amerika Syarikat. Jumlah sebenarnya...

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Yang Berhormat Menteri boleh mencelah. Hendak dapat pandangan Yang Berhormat Menteri diesel yang menggunakan kelapa sawit ini boleh digunakan 100% kepada kenderaan kita yang biasa ini. Kita hendak minta pandangan Yang Berhormat Menteri.

**Dato Sri Douglas Uggah Embas:** MPOB sudah mencuba, boleh digunakan 100% tetapi kita belum dapat menggunakan sebegitu tinggi kerana pelbagai isu. Itu sebab sebenarnya kita matlamat untuk menaikkan kadar kepada 10%. Akan tetapi ada beberapa isu teknikal yang perlu kita bincang, perlu kita halusi dengan tuan punya penjual kereta dan juga kita mengharapkan diesel kita pun akan dinaik taraf kepada lebih tinggi daripada sekarang. Jadi saya fikir belum ada masa kita menggunakan 100%.

Kerajaan sememangnya menjalankan penyelidikan atau menghasilkan biobahan api generasi kedua itu. Biobahan api jenis hidrokarbon untuk digunakan sebagai *biopan* diesel dan bahan api penerbangan yang memenuhi standard piawai antarabangsa. Penyelidikan tersebut telah mencapai hasil yang memuaskan di tahap skala loji rintis. Kajian tersebut dapat bahan berasas sawit sesuai digunakan untuk menghasilkan biobahan api jenis hidrokarbon. Kerajaan akan terus memberi sokongan dan bantuan kepada MPOB untuk menjalankan usaha-usaha ini, kerana inilah yang ambil penting sekali untuk kita mempelbagaikan penggunaan sawit supaya kita dapat membantu harganya.

Yang Berhormat Gombak membuat kenyataan bahawa dalam pesanan 9 projek EPP Getah dan Sawit oleh kerajaan tidak ada satu pun yang berstatus operasi. Saya fikir Yang Berhormat masih sibuk dengan mengurus kerajaan negeri Selangor yang baru. Oleh itu beliau tidak memahami berapa projek ini telah pun kita laksanakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada hakikatnya kesemua projek permulaan EPP Sawit dan Getah telah mula dilaksanakan iaitu EPP Sawit semenjak 2011, EPP Getah semenjak 2012. Bagi sektor sawit terdapat 7 projek EPP Hulu, Hiliran yang melibatkan 12 aktiviti di pelbagai peringkat pelaksanaan. Manakala sektor getah 3 projek EPP Hulu, Hiliran melibatkan 4 aktiviti pelbagai peringkat di peringkat pelaksanaan.

Yang Berhormat Putatan telah membangkitkan isu penyelarasan pembinaan jalan. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian telah diperuntukkan RM40 juta pada tahun 2014, RM20 juta untuk tahun akan datang bagi pembinaan jalan ladang untuk pekebun kecil di seluruh negara dan kementerian telah memutuskan bahawa projek ini akan dilaksanakan melalui Jabatan Pengaliran dan Saliran di seluruh negara. Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah beberapa perkara yang telah ditimbulkan semasa perbincangan baru-baru ini. Apa-apa perkara yang saya tidak sempat jawab di sini kita akan memberi jawapan bertulis. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya jemput Kementerian Dalam Negeri. Sila Yang Berhormat.

### **9.29 mlm.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian. Selamat *Lemai* kata orang Iban, selamat petang dan *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. [Disampuk]

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada seramai 27 orang Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2015 di Dewan yang mulia ini pada 13 Oktober hingga 30 Oktober yang lalu telah menyentuh berkenaan Kementerian Dalam Negeri.

■2130

Sebelum saya menjawab pertanyaan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, izinkan saya terlebih dahulu memanjatkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas keprihatinan beliau melalui peruntukan sejumlah RM13,393,653,700 bagi peruntukan mengurus dan belanja pembangunan sepanjang tahun 2015. Peruntukan ini adalah lebih tinggi berbanding dengan peruntukan berjumlah RM12,418,891,000 yang diperoleh pada tahun 2014, peningkatan 7.84%. *Insyallah*, Kementerian Dalam Negeri akan memanfaatkan sepenuhnya peruntukan yang disalurkan bagi memberi impak maksimum kepada usaha memelihara keamanan, keselamatan, kesejahteraan rakyat serta negara yang menjadi teras utama kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sandakan dan Yang Berhormat Pangkalan Chepa menyentuh mengenai banjir warganegara asing di negara ini seolah-olah tidak terkawal dan memberi kesan ke atas statistik kadar jenayah yang tinggi di negara ini serta menimbulkan masalah sosial kepada masyarakat setempat dan bertanya inisiatif kerajaan bagi membendung gejala ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak polis sentiasa memberi perhatian yang serius dalam membendung kegiatan jenayah yang melibatkan warganegara asing sama ada yang datang untuk melancong, belajar atau yang bekerja di negara ini yang boleh mendatangkan kemudaratan kepada kesejahteraan dan keharmonian rakyat tempatan. Statistik pada tahun 2013, seramai 17,096 orang warganegara asing telah ditangkap bersamaan 11% daripada keseluruhan 147,062 kes jenayah indeks yang dilaporkan di seluruh negara. Pada tahun 2014 iaitu Januari hingga bulan September, seramai 14,143 orang warganegara asing telah ditangkap bersamaan 14% daripada 97,393 kes jenayah indeks yang dilaporkan di seluruh negara.

Bagi mengekang gejala ini daripada terus meningkat, pihak Polis Diraja Malaysia telah mengambil beberapa langkah jangka pendek dan juga jangka panjang.

Pertama, tindakan fizikal dengan mengadakan rondaan jalan kaki dan bermotosikal di kawasan-kawasan tumpuan orang ramai. Kehadiran anggota berpakaian seragam di kawasan yang strategik bersesuaian dengan konsep *police omnipresent* akan menjadi penghalang kepada penjenayah untuk melakukan jenayah termasuk yang dilakukan oleh warga asing.

Kedua, rondaan kereta peronda MPV juga telah dipertingkatkan dan diadakan sepanjang masa di kawasan yang kerap terdedah kepada berlakunya jenayah. Sebarang laporan akan disalurkan terus kepada anggota MPV yang bertugas 24 jam sehari dan tindakan yang cepat boleh diambil di bawah *initiative response time* yang mana anggota MPV akan sampai ke tempat kejadian dalam tempoh lapan hingga 15 minit mengikut kawasan-kawasan yang tertentu.



Ketiga, pemasangan CCTV dan pencahayaan di tempat-tempat strategik merupakan salah satu langkah pencegahan jenayah ke arah wujud bandar selamat.

Keempat, dalam usaha memerangi jenayah dengan menggunakan konsep *intelligence-led policing*, Polis Diraja Malaysia telah mewujudkan Unit Perisikan Bersepadu, *central intelligence unit* (CIU) sebagai pusat pengumpulan maklumat dan risikan jenayah. Risikan dan analisis jenayah yang dijalankan akan diguna untuk mengesan dan menangkap penjenayah atau merancang tindakan pencegahan jenayah yang lebih efektif.

Kelima, kerajaan telah menubuhkan Unit Rondaan Bermotosikal (URB) yang akan membuat rondaan di tempat yang dikenal pasti sebagai *prone area* jenayah kerap berlaku dan juga membuat rondaan di kawasan perumahan. Jumlah keseluruhan motosikal berjumlah 5,000 buah akan dibekalkan secara berperingkat-peringkat dari tahun 2014.

Keenam, pihak polis telah melancarkan Ops Cantas Khas yang bermula pada 17 Ogos 2013 yang mana telah menunjukkan keberkesannya untuk mengurangkan kadar jenayah. Operasi ini akan diteruskan sehingga *fear crime* di kalangan masyarakat dapat dikurangkan.

Ketujuh, bagi langkah kawalan termasuk warganegara asing ke negara ini, pihak Imigresen telah mengambil langkah seperti berikut:

- (i) Mewujudkan makmal pemeriksaan dokumen perjalanan di pintu-pintu masuk utama supaya rujukan segera boleh dibuat bagi mengesahkan sesuatu dokumen perjalanan yang dicurigai adalah tulen;
- (ii) mewujudkan rangkaian pakar rujuk atau *subject matter expert* yang boleh dihubungi sama ada dalam negara, bagi rujukan passport Malaysia, dan luar negara, bagi rujukan passport asing;
- (iii) mengadakan kerjasama latihan dalam atau luar negara dengan pihak dengan izin, *non-governmental organization* ataupun NGO sebagai *International Organization of Migrant (IOM)* dan pihak imigresen luar negara bagi memahirkan pegawai imigresen dalam mengenal pasti dokumen perjalanan dan penjenayah yang cuba memasuki negara ini;
- (iv) mewujudkan *Malaysian Immigration Analysis Centre (MIAC)* bagi pengumpulan dan penganalisan data serta penyebaran maklumat mengenai pergerakan warga asing dan kawasan-kawasan serta aktiviti-aktiviti yang menyalahgunakan kemudahan imigresen;
- (v) mengadakan perkongsian seperti maklumat terperinci kes-kes kehilangan dokumen perjalanan dan modus operandi sesuatu sindiket yang telah dikenal pasti;
- (vi) mengambil cap jari ataupun biometrik semua pekerja asing untuk rekod melalui program 6P supaya kemasukan kali kedua dapat dikesan dan juga untuk pendaftaran dalam rekod jenayah; dan
- (vii) membuat tapisan awal seperti mengetatkan pengeluaran visa di luar negara.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Machang bangun.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Ya, sila Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Menteri ada menyebut tadi sehingga September tahun ini, 14,000 pendatang asing tanpa izin telah ditangkap. Saya nak tanya, daripada 14,000 itu, ada atau tidak dan kemudian kalau ada, berapa ramai daripada 14,000 tersebut yang merupakan tangkapan berulang? Maksudnya contoh dari Thailand dia masuk ke Kelantan kena tangkap, balik datang lagi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Baik, Yang Berhormat. Sebenarnya semua penangkapan yang telah berlaku bukanlah jenis kesalahan-kesalahan yang pernah berulang kali dilakukan oleh pihak-pihak penjenayah ini. Biasanya apabila tiap-tiap penjenayah khususnya mereka dari luar negara melakukan kesalahan demikian di Malaysia, kita hantar terus mereka balik selepas mereka *dichargekan* di Malaysia. Kalau mereka didapati salah, mereka akan disimpan dalam penjara kita di Malaysia. Itulah kenapa penghuni di penjara kita mempunyai sekurang-kurangnya 20% terdiri daripada masyarakat dari luar negara.

■2140

Jadi Yang Berhormat, secara khususnya dari Thailand saya tidak mempunyai jumlah yang terperinci. Terima kasih.

- (viii) memastikan warganegara asing yang memasuki negara ini adalah tulen dan berkemampuan untuk menyara hidup semasa berada di Malaysia; dan
- (ix) menyemak senarai hitam berdasarkan nama pemegang pasport dan jika mereka pernah melakukan kesalahan di Malaysia, mereka akan dihantar pulang ke negara asal.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tanah Merah memohon penjelasan mengenai apakah langkah yang telah diambil oleh kementerian bagi menangani kes-kes kecurian dan rompakan yang sering berlaku di kawasan pedalaman. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kerajaan dan kementerian sentiasa memberi tumpuan untuk menangani kes jenayah yang berlaku di kawasan pedalaman dan tidak hanya memberi tumpuan di kawasan *hotspot* di dalam bandar sahaja. Antara langkah yang diambil oleh pihak polis adalah seperti berikut:

- (i) lawatan anggota polis sektor sebanyak dua kali seminggu di kawasan pentadbiran masing-masing; dan
- (ii) rondaan juga dilaksanakan di kawasan pedalaman menggunakan kereta bagi kawasan yang jauh di pedalaman, kereta pacuan empat roda akan diguna pakai.

Itulah kenapanya Yang Berhormat kita membeli seratus buah kereta jenis pacuan empat roda untuk diagih-agihkan ke Sabah dan Sarawak kerana banyak kawasan di Sabah dan Sarawak yang mempunyai kawasan pedalaman yang mungkin tidak boleh dilalui oleh kereta salun biasa.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sila Yang Berhormat Machang, ini soalan Yang Berhormat Tanah Merah. Sila.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri. Sebenarnya jenayah di luar bandar ini semakin meningkat kerana terutama masalah gejala dadah, kecurian motosikal, pagar pun kena curi kerana besi itu ada harga, pecah rumah dan sebagainya. Akan tetapi yang saya hendak tanya, pondok-pondok polis yang berada di kawasan pedalaman ini sebenarnya pada pemerhatian kita tidak cukup anggota sebenarnya.

Kadang-kadang ada satu pondok polis yang menjaga kawasan beribu-ribu penduduk tetapi anggota polisnya ada tiga orang. Usahkan hendak meronda malam-malam, nak kena jaga balai polis, kalau meronda semua keluar, balai polis tidak ada orang jaga. Jadi apakah tindakan serta langkah yang akan diambil oleh pihak kementerian untuk menambah bilangan anggota ini.

Pada pandangan saya tidak cukup dengan kenderaan-kenderaan yang ada. Motosikal-motosikal mestilah motosikal yang berkuasa agak tinggi. Jangan bagi Honda Cup, Suzuki Cup, motor Comel, mana boleh kejar mereka. Apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tanah Merah?

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Biar saya jawab yang ini dulu Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat, sebenarnya soalan ini amat membantu kami sebab kita pun juga melihat daripada dua sudut Yang Berhormat sebut tadi. Satu, sudut anggota polis itu sendiri. Yang kedua, membina pondok-pondok polis di tempat-tempat yang terpencil di luar bandar. Jadi yang ketiga Yang Berhormat sebut kereta-kereta ronda, jangan beli yang kecil-kecil, beli yang besar-besar, yang handal-handal nampaknya.

Jadi Yang Berhormat, kita sebenarnya melihat perkara ini. Pertamanya soalan anggota polis. Sebenarnya pelantikan ataupun *recruitment* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dalam pelaksanaan sekarang bahkan pihak Suruhanjaya Polis pergi daripada satu negeri ke satu negeri untuk membuat pelantikan anggota-anggota polis pangkat rendah dan juga berpangkat inspektor. Bahkan kita telah membuat satu pelantikan untuk kaum supaya mengadakan perimbangan di dalam pasukan polis iaitu untuk kaum Cina memasuki anggota polis pun telah kita laksanakan. Ini akan dilaksanakan berterusan untuk memperbanyakkan anggota-anggota polis yang ada pada kita sekarang ini. Walaupun saranan yang telah dibuat oleh Suruhanjaya Pembaikan Polis pada tahun 2004, 2005 mengatakan 5,000 untuk dilantik setiap tahun tetapi sebenarnya pada kita ini belum lagi mencukupi, Tuan Yang di-Pertua.

Kita berhasrat untuk melantik lebih daripada 6,000 setiap tahun sebabnya ialah setiap tahun kita mempunyai *turnover* ataupun kekurangan, hilang 1,500 anggaran kurang lebih iaitu kerana bersara, meletak jawatan ataupun kena pecat daripada jawatan oleh kerana beberapa sebab. Jadi oleh kerana kekurangan ini, kalau kita lantik hanya 5,000 ia tidak akan cukup untuk *offset* jumlah itu tadi. Jadi dengan itu kita melantik lebih daripada 5,000, lebih daripada apa yang disarankan oleh suruhanjaya itu dahulu.

Ada tiga soalan Yang Berhormat, saya akan jawab tiga-tiga dulu. Jadi itu soalan pelantikan. Gerakan untuk melantik ini berterusan, masih berjalan sekarang bahkan baru pun Suruhanjaya Polis bermesyuarat minggu lepas melaporkan apakah tindakan-tindakan yang telah dibuat di seluruh negara untuk melantik anggota-anggota polis ini.

Yang kedua, fasal pondok polis. Tadi sebenarnya saya terlibat dengan satu mesyuarat masalah sosial dan telah dibangkitkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet tadi yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, telah disarankan beberapa pihak supaya mengenal pasti tempat-tempat di luar bandar dan siapa yang ada mempunyai pandangan bahawa di tempat-tempat tersebut perlu diadakan *police station*, tolong tulis surat kepada IGP.

Surat itu akan dikaji selidik oleh pihak IGP dan selepas itu Ketua Polis Negara supaya melihat kesesuaian untuk membina *police station* khususnya di tempat-tempat, kampung-kampung yang belum lagi mempunyai *police station* supaya kita boleh merancang pembangunannya pada masa akan datang. Sila, Yang Berhormat.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** [Bangun]

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang mana satu? Yang Berhormat Tanah Merah atau Yang Berhormat Sungai Petani?

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Minta maaf Yang Berhormat, Yang Berhormat Tanah Merah dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Terima kasih. Semasa dalam perbahasan saya ada sentuh, saya puji memang kita tahu kerajaan bersungguh untuk tingkatkan tahap keselamatan dan ketenteraman awam serta pertahanan negara. Akan tetapi dalam masa yang sama, semasa perbahasan saya mohon supaya tahap keselamatan di kawasan luar bandar perlu dipertingkatkan khususnya di kawasan Parlimen yang mempunyai institusi pengajian tinggi seperti UiTM.

Ini kerana kalau kawasan luar bandar itu ada UiTM ataupun IPTA sudah tentu ramai pelajar, bila ramai pelajar, mereka duduk sewa jadi kita banyak dengar kes, kes-kes pecah rumah, pencabulan. Jadi yang itu yang saya sentuh, saya mohon kawasan-kawasan ini dapat kita tingkatkan dari segi pencegahan. Kita tidak mahu apabila dah berlaku baru kita, kita selalunya kadang-kadang bila benda itu, keburukan berlaku, musibah berlaku barulah kita mengambil langkah. Jadi kalau kita boleh cegah lebih awal, lagi bagus.

Yang kedua Yang Berhormat, saya melihat satu yang saya rasa perlu kita tekankan ialah selain daripada yang disebut oleh Yang Berhormat Machang ialah kelengkapan. Kadang-kadang kelengkapan anggota polis di kawasan luar bandar khususnya kurang. Kadang-kadang saya tengok tempat tinggal, macam di kawasan saya Tanah Merah, bila saya melihat kawasan tempat tinggal mereka itu kurang memuaskan, tidak selesah. Saya pernah pergi, kalau di kawasan bandar, Jalan Tun Razak, di situ ada *flat* polis pun tidak selesa, banyak bocor.

Jadi kalau anggota polis ini duduk dalam keadaan selesa dan kita mengharapkan kita hendak dia bekerja dengan maksimum 100% *performance*, prestasi pun sudah tentulah. Jadi dari sudut itu saya rasa, saya mohonlah supaya kementerian dari segi kita hendak mencegah jenayah, kita juga harus menjaga kebajikan khususnya bagi mereka keselesaan barulah mereka boleh bekerja dengan baik dan dedikasi. Terima kasih.

■2150

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sungai Petani.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menyebut tentang kekurangan anggota. Saya masih ingat lagi dalam tahun 80-an dan 90-an banyak PVR *reserve police* ataupun polis PVR ini yang terdiri daripada guru-guru ataupun anggota-anggota kerajaan selepas *office hours*. Saya kira masalah keanggotaan ini mungkin dapat diselesaikan kalau kita pertingkatkan penyertaan PVR ini di samping kita ada RELA tapi kita banyakkkan PVR ini dan saya lihat amat efektif di kawasan-kawasan luar bandar kerana yang pertama sekali *stature* orang yang jadi PVR ini ialah mereka pegawai kerajaan. Kedua, mereka kenal masyarakat di situ. Ini mungkin dapat mengurangkan jenayah di kawasan setempat.

Soal yang keduanya ialah tentang *citizen arrest*. Saya rasa polis patut mengadakan program-program di mana kawasan-kawasan yang terdapat masyarakat yang agak terpelajar harus memberikan penerangan bahawa rakyat juga boleh melakukan tindakan-tindakan dengan mengambil tindakan *citizen arrest* seperti yang termaktub dalam undang-undang kita. Jadi saya rasa tidaklah kita meletakkan tanggungjawab untuk mengawal kecelaruan dalam masyarakat ini kepada polis sahaja tetapi *citizen* juga, rakyat juga harus memainkan peranan bagi mengawal keadaan. Apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang itu? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Ada empat soalan tambahan. Yang pertama soalan pencegahan sepatutnya dibuat berlakunya jenayah. Soalan Yang Berhormat memang kita melihat soalan pencegahan ini adalah *core business* yang terbesar bagi pihak polis. Itulah kenapa kita melaksanakan beberapa undang-undang yang mempunyai ciri-ciri untuk pencegahan kerana pihak polis bahkan pihak kementerian berpendirian adalah lebih baik mencegah berlakunya jenayah daripada mengambil tindakan kepada pihak penjenayah apabila telah berlakunya kesalahan dan sebagainya.

Jadi ini memang kita ambil dari semasa ke semasa Yang Berhormat tapi *constraint* kita memang ada juga. Sudut *constraint* keanggotaan, mobiliti dan pelbagai lagi. Jadi dalam keadaan sedemikian kita mengambil langkah dengan memperbanyakkan anggota dan juga kita membelikan motosikal yang saya sebutkan tadi. Sekarang kita baru dapat 1,000 dan tahun ini kita beli 1,000 lagi. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Menteri Kewangan telah mengumumkan untuk membeli 1,000 lagi motor. Jadi ini kita akan laksanakan. Maknanya 2,000 kita ada motor. Dalam berperingkat-peringkat kita akan pertingkatkan hingga 5,000. Begitu juga kereta-kereta peronda juga kita akan perbanyakkan seperti kita boleh menggerakkan anggota-anggota PDRM di seluruh kawasan walaupun di pedalaman. Itu yang pertama.

Keduanya ialah IGP sendiri telah memberi maklumat kepada kementerian bahawa beliau telah memberi arahan kepada semua OCPD dan OCS mesti melawat dalam kawasan mereka di pedalaman tidak kurang dua kali seminggu. Kalau dia boleh lebih, lebih elok lagi. Bahkan KPI polis itu akan ditentukan mengikut garis panduan ataupun peraturan SOP yang diletakkan oleh Ketua Polis Negara ini kepada semua pegawai dia. Kita akan melaksanakan ini berperingkat-peringkat mengikut kawasan yang berkemampuan berlandaskan mobiliti kita sendiri.

Untuk soalan kelengkapan, soalan rumah dan sebagainya, Yang Berhormat, saya berterima kasih banyak-banyak Yang Berhormat. Tugas saya yang pertama apabila saya memasuki kementerian ini ialah untuk melihat dan saya melawat dari Perlis sampai ke Sabah untuk melihat kemudahan-kemudahan yang disediakan kepada pihak polis. Ada kadangkalanya bangunan-bangunan yang dibina pada tahun 50-an atau 60-an yang masih diguna pakai hingga sekarang ini. Ada tempat yang tidak mencukupi lagi. Saya pergi ke Alor Setar melihat ibu pejabat IPK di Perlis pun macam itu juga.

Jadi kita melaksanakan pembangunan ini secara berperingkat-peringkat berlandaskan apa peruntukan yang diluluskan oleh pihak Parlimen. Jadi lain kali dalam *committee* boleh Yang Berhormat minta lagi tolong polis, minta banyak lagi sumber kewangan. Kalau tidak tahun ini tahun hadapan supaya banyak bangunan untuk kelengkapan pihak polis ini diperbanyakkan bukan sahaja di dalam bandar tetapi di luar bandar dan di kampung-kampung yang di pedalaman.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** [Bangun]

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Jadi Yang Berhormat – belum habis jawapan saya ini.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Sedikit sahaja. Bangunan, bangunan. Tuan Yang di-Pertua, IPD Sabak Bernam itu belakang IPD itu ada satu bangunan kuarters yang tidak dipakai. Sudah lusuh sudah. Bila hendak runtuhkan? Itu sahaja. Terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Pegawai dekat belakang sana amat spesifik ini, saya tidak bolehlah. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Kalau pegawai tahu yang di Sabak Bernam itu yang hendak runtuh, mintalah bagi input kepada saya sama ada kita hendak runtuh ataupun tidak.

Soalan PVR yang dibangkit oleh Yang Berhormat daripada Sungai Petani. Ya Yang Berhormat, sebenarnya kita membuat kajian sama ada polis tambahan itu boleh diperbanyakkan daripada satu tempat ke satu tempat untuk membantu polis *regular* ini menjalankan tugas. Ini masih dalam kajian. IGP telah mendapat arahan daripada Yang Berhormat Menteri untuk membuat kajian di tempat-tempat yang tertentu yang mana kita tidak mampu mengisi dengan seberapa cepat yang boleh. Sebabnya ialah Yang Berhormat kalau kita lihat kadang-kadang orang di luar sana tidak memahami.

Kalau satu *police station* mempunyai 10 orang anggota, maknanya tiap-tiap *shift* atau giliran lapan jam sekali maknanya tiga orang sahaja sebenarnya. Jadi ini pun tidak termasuk yang ada sakit dan sebagainya. Maknanya tidak adalah orang untuk meronda dan keluar. Jadi kita tengah membuat kajian melihat macam mana kita boleh menyesuaikan pihak polis tambahan ini dengan syarat diluluskan oleh pihak kerajaan. Jadi Yang Berhormat bolehlah sokong kita untuk mendapat kelulusan daripada pihak kerajaan sumbangan kepada pihak polis PVR ini.

Satu lagi *citizen arrest* Yang Berhormat. Ini sedikit kontroversi Yang Berhormat kalau kita hendak benarkan banyak sangat orang buat *citizen arrest*. Memang boleh dalam undang-undang kita Yang Berhormat tahu jugalah. Undang-undang kita boleh apabila seseorang itu melakukan kesalahan yang boleh ditangkap atau lazim ditangkap, boleh ditangkap oleh mana-mana pihak sahaja dan selepas sahaja ditangkap itu dengan seberapa segera undang-undang mengatakan diserahkan kepada pihak polis supaya di *rearrest* oleh pihak polis selepas itu. Selepas itu penyelidikan akan dibuat.

Ini memang ada dalam perundangan bukan dari sudut polis buat penerangan dan sebagainya kepada pihak-pihak masyarakat di luar sana tapi kalau Yang Berhormat boleh beri maklumat kepada orang-orang kawasan kita boleh bagi tapi jangan belasah orang Yang Berhormat. Kadang-kadang ada berlaku sekali dua kita lihat kalau peragut itu ditangkap, sebelum diserahkan kepada polis kawan itu sudah boleh masuk hospital, bukan masuk dalam sel. Jadi ini kita tidak galakkan. Kita tidak hendak orang *take the law into their hands*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Jadi kalau kita buat *citizen arrest* itu bolehlah ditangkap mengikut garis panduan undang-undang dan seberapa segera diserahkan kepada polis dan jangan diapa-apakan. Ini memang ada dalam undang-undang kita. setakat ini Yang Berhormat saya telah dimaklumkan ada 13,884 orang PVR telah dilantik. Maknanya telah dilaksanakan Yang Berhormat. Terima kasih membangkitkan perkara ini tadi.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Kapar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri saya *just* hendak tanya tentang kekurangan anggota tadi. Yang Berhormat Timbalan Menteri kenal pasti berapa jumlah kekurangan yang sedang dihadapi oleh jabatan kita. Terima kasih. Jumlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh habis dalam masa 15 minit?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Bertulis, bertulis. Bertulislah.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, saya cukup yakin Tuan Yang di-Pertua bertanya ini sengaja bertanya. Saya mempunyai 40 muka Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak boleh habis ya?

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Memang tidak boleh.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya cadang bertulis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Hendak sambung besok?

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Kena sambung besok.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Bertulis, bertulis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Yang Berhormat. Duduklah dahulu.

**Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Sepang baru sampai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kapar. Yang Berhormat boleh habiskah sambung besok?

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Sambung besok Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sambung besok.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Wah, hebat, hebat. Yang Berhormat Timbalan Menteri, itu caranya. Bagus.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 5 November 2014.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 10.01 malam]***